



LAPORAN **2013**  
KETUA AUDIT NEGARA

**SIRI 2**



**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**



# LAPORAN 2013 KETUA AUDIT NEGARA

**SIRI 2**

## **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

*Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan, Laporan Ini Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2*

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**



# KANDUNGAN

# KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>PENGENALAN</b>	xi
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xv
<hr/>	
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	
1. PENDAHULUAN	3
<hr/>	
<b>LEMBAGA KOKO MALAYSIA</b>	3
2. Pengurusan Pembinaan Pusat Inovasi dan Teknologi Koko	
<hr/>	
<b>SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT</b>	26
3. Pengurusan Penguatkuasaan	
<hr/>	
<b>PERBADANAN ASET KERETAPI</b>	53
4. Pengurusan Aset	
<hr/>	
<b>LEMBAGA GETAH MALAYSIA</b>	89
5. Pengurusan Peralatan Penyelidikan Dan Komersial	
<hr/>	
<b>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN</b>	121
6. Pengurusan Perolehan	
<hr/>	
<b>LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU</b>	134
7. Pengurusan Tanaman Padi	
<hr/>	
<b>LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI</b>	160
8. Pengurusan Perolehan	
<hr/>	
<b>PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA</b>	172
9. Pengurusan Projek Pengubahsuaian Bangunan	
<hr/>	
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN</b>	
10. PENDAHULUAN	193
<hr/>	
<b>LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN</b>	194
11. Pengurusan FAMA Corporation Sdn. Berhad	
<hr/>	
<b>MAJLIS AMANAH RAKYAT</b>	217
12. Pengurusan Kolej Poly-Tech Mara Sdn. Berhad	
<hr/>	
<b>UNIVERSITI UTARA MALAYSIA</b>	231
13. Pengurusan Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad	
<hr/>	
<b>PENUTUP</b>	249



# KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

- 1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;
- 1.2. Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;
- 1.3. Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan
- 1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2013 Siri 2 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

**Bahagian I : Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan**

**Bahagian II : Pengurusan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan**

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pembinaan, infrastruktur,

penyenggaraan, pendidikan, pengurusan hasil dan keselamatan. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 8 program/aktiviti/projek dan pengurusan 3 syarikat subsidiari. Pada umumnya, adalah didapati Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan aktiviti/projek yang dijalankan. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat sebanyak 91.1% adalah berkaitan dengan isu-isu ketidakcekapan dan tidak mengikut peraturan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; kelemahan pengurusan perolehan/kontrak serta penyenggaraan aset Kerajaan. Namun begitu, **isu pembaziran berkurangan sebanyak 75% berbanding Laporan Tahun 2013 Siri 1.**

4. Seperti mana tahun yang lalu, beberapa siri *engagement* dan *exit conference* dengan pihak yang terlibat dalam pengauditan pengurusan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat subsidiari telah diadakan untuk membincang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini bagi tujuan pengesahan. Dalam Laporan ini, sebanyak 31 syor telah dikemukakan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang.

5. Mulai tahun 2013, *Auditor General's Dashboard* telah dipaparkan di Laman Portal Jabatan Audit Negara yang menunjukkan status tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Ia berperanan untuk memantau tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, ia juga bagi menunjukkan komitmen serius Kerajaan terhadap isu-isu ketirisan pengurusan kewangan Kerajaan dan merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang telah diambil.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiarinya yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
8 Mei 2014



# PENGENALAN

## PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyedia penyata kewangan berdasarkan asas akruan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan

adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Setakat 30 April 2014, sebanyak 127 Badan Berkanun Persekutuan dan satu institusi kewangan didaftarkan di bawah Akta Koperasi telah ditubuh untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan.



# INTISARI LAPORAN

## INTISARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I**

### **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **PENDAHULUAN**

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Pada tahun 2013, sebanyak 8 aktiviti telah dipilih untuk dibentangkan dalam sesi kedua persidangan Parlimen tahun 2014.

#### **2. LEMBAGA KOKO MALAYSIA**

##### **- Pengurusan Pembinaan Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko**

- a. Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah ditubuhkan pada tahun 1988 di bawah Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan, Akta 343) dan dikawal selia oleh Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi Malaysia. Objektif utama penubuhannya adalah untuk membangunkan industri koko Malaysia yang bersepadu dan kompetitif di pasaran global. LKM telah merancang untuk membina sebuah pusat penyelidikan bagi mengatasi masalah kepadatan aktiviti di Pusat Penyelidikan Hiliran Koko, Bangi. Ia berperanan sebagai tempat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan koko secara berpusat serta mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2007, LKM telah mula membangunkan Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko (PITK) dengan peruntukan sejumlah RM37 juta.
- b. LKM telah melantik kontraktor SSB Realty Sdn. Berhad secara tender terbuka pada 9 November 2007 dengan kos RM23.99 juta untuk pembinaan projek Fasa 1. Skop kerja pembinaan meliputi Bangunan Pentadbiran (Blok B), Makmal Kosmetik dan Penjagaan Diri (Blok C), Makmal Produk Makanan (Blok D), Kilang Rintis Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri (Blok G), Pusat Pengeluaran Koko Bistro (Blok K) dan kemudahan sokongan. Projek pembinaan Fasa 2 adalah kesinambungan daripada projek Fasa 1. Projek Fasa 2 meliputi Pavilion Koko (Blok A), Loji Rintis Pemprosesan Koko Coklat dan Produk Sampingan Koko (Blok H), Bangunan Kemudahan Kakitangan (Blok J) dan beberapa bangunan sampingan. Pada 26 Ogos 2010, LKM telah

menandatangani satu kontrak bernilai RM24.34 juta dengan Daya Puri Resources Sdn. Berhad untuk melaksanakan projek Fasa 2.

- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2013 mendapati prestasi pengurusan pembinaan PITK yang terdiri daripada Fasa 1 dan 2 adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Kos projek pembinaan Fasa 1 selepas 14 Pelarasan Harga Kontrak dan 10 Arahan Perubahan Kerja adalah berjumlah RM33.72 juta iaitu peningkatan sejumlah RM9.73 juta atau sebanyak 40.56% berbanding kos asal berjumlah RM23.99 juta;
  - ii. Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya;
  - iii. Bangunan Fasa 1 telah diduduki secara berperingkat mulai 1 Oktober 2010 hingga 15 Mac 2011 iaitu sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) diterima pada 17 Disember 2013;
  - iv. Peruntukan berjumlah RM37 juta bagi projek pembinaan PITK hanya berbaki RM3.28 juta setelah mengambil kira kos projek Fasa 1 sejumlah RM33.72 juta. Baki ini tidak mencukupi untuk pembinaan projek Fasa 2 yang memerlukan kos sejumlah RM24.34 juta. Ini menyebabkan projek Fasa 2 terbengkalai hampir 2 tahun;
  - v. Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan dan spesifikasi binaan kurang sesuai dengan keperluan LKM mengakibatkan LKM menanggung kos pembaikan tambahan berjumlah RM60,325;
  - vi. Pelantikan perunding bagi projek pembinaan Fasa 2 tidak mengikut prosedur dan tanpa kelulusan Lembaga Perolehan A; dan
  - vii. Tempoh lanjutan bagi projek pembinaan Fasa 2 hanya diluluskan oleh mantan Ketua Pengarah LKM tanpa kelulusan Lembaga Perolehan A.
- d. Pihak Audit mengesyorkan KPPK dan LKM menyediakan pelan pembangunan dengan teliti serta mengambil kira skop kerja dan had peruntukan. Ini adalah untuk memastikan projek pembangunan dapat disiapkan mengikut tempoh, skop kerja dan tiada peningkatan kos. Selain itu, LKM hendaklah mengambil tindakan penambahaikan seperti berikut:
  - i. LKM hendaklah memantau kerja-kerja pembinaan yang masih belum siap supaya selaras dengan spesifikasi, mengikut tempoh dan segala kecacatan serta kerosakan perlu dibaiki dengan segera oleh kontraktor.
  - ii. LKM hendaklah memastikan peralatan yang dipindahkan dari PPHK, Bangi disimpan dengan teratur dan selamat sementara menunggu bangunan siap dibina serta digunakan untuk pengeluaran produk berdasarkan koko.

### **3. SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

#### **- Pengurusan Penguatkuasaan**

- a. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan pada 3 Jun 2010 di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Fungsi utama SPAD adalah untuk merancang dan membuat polisi serta mengawal selia pengangkutan awam darat seperti kereta api, bas dan teksi serta pengangkutan barang yang menggunakan jalan raya atau rel kereta api. SPAD juga menjalankan tugas penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang meliputi pengauditan, siasatan, pembatalan dan penggantungan lesen, sitaan kenderaan dan penalti kepada pengendali.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan penguatkuasaan SPAD adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Bilangan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 2013 adalah baik. Bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak menyeluruh di mana pengauditan pematuhan keselamatan tidak dibuat terhadap semua jenis pengangkutan awam darat dan kenderaan perdagangan tetapi hanya dijalankan terhadap syarikat bas ekspres.
  - ii. Secara keseluruhannya, sebanyak 103 kes atau 57.5% daripada 179 sampel kes lewat diselesaikan melebihi 61 hari. Selain itu, sebanyak 8,201 atau 45.8% daripada 17,920 kes aduan lewat diselesaikan melebihi 31 hari.
  - iii. Tiada tempat khas bagi penyimpanan kenderaan yang telah disita.
  - iv. Bayaran kompaun sejumlah RM868,798 belum dijelaskan oleh pengendali sehingga 31 Oktober 2013. Terdapat juga bayaran lewat dijelaskan sehingga melebihi 12 bulan.
  - v. Tempat penyimpanan bahan *exhibit* dan peralatan penguatkuasaan yang tidak mencukupi serta ruang bilik temu siasat yang tidak kondusif menyebabkan aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan cekap.
- c. Pihak Audit mengesyorkan SPAD mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
  - i. SPAD hendaklah mendapatkan kerjasama selaras dengan Strategi Lautan Biru daripada JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan secara

- menyeluruh. Selain itu, dengan kerjasama tersebut masalah tempat penyimpanan kenderaan sita boleh diatasi.
- ii. SPAD hendaklah menetapkan tempoh penyelesaian kes di peringkat Bahagian Penguatkuasaan dalam Manual Prosedur Kerja. Di samping itu, mekanisme pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan termasuk perbincangan mengenai status tempoh penyelesaian kes dalam Mesyuarat Pengurusan bagi memastikan kes diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. SPAD juga hendaklah sentiasa mengemas kini maklumat kertas siasatan dalam Sistem Gmail dengan lengkap dan tepat.
  - iii. SPAD hendaklah mewujudkan mekanisme kutipan kompaun yang berkesan termasuk mengeluarkan surat peringatan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengendali/pemandu yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh yang ditetapkan.
  - iv. SPAD hendaklah memastikan kemudahan dan peralatan yang lengkap disediakan supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ruang penyimpanan bagi peralatan, dokumen dan bahan bukti hendaklah disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Kawalan akses hendaklah ditetapkan bagi mengelakkan kehilangan, kerosakan dan penyelewengan. Selain itu, Polisi Pelupusan Barang Rampasan/Lucut Hak perlu dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya untuk kelulusan dengan segera supaya pelupusan dapat dilaksanakan.

#### **4. PERBADANAN ASET KERETAPI**

- **Pengurusan Aset**

- a. Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah ditubuhkan untuk mengurus, mentadbir dan menyenggara semua harta Keretapi Tanah Melayu selaras dengan seksyen 92 Akta Keretapi 1991 manakala seluruh operasi kereta api di bawah tanggungjawab Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). PAK juga bertanggungjawab terhadap semua harta yang terletak hak pada, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948. Sehingga bulan Disember 2013, PAK mempunyai 1,430 lot tanah dengan keluasan 31,432.87 ekar bernilai RM8.38 bilion dan 3,498 unit kuarters. Di samping itu, PAK mempunyai aset kereta api berjumlah RM2.21 bilion yang terdiri daripada koc kereta api, *electric train set* dan *electric multiple units* (EMU). Selain itu, perolehan alat ganti bernilai RM40.20 juta dan penyenggaraan untuk 38 set EMU bagi jenis 6 koc bernilai RM133.25 juta telah dibuat dengan syarikat daripada China iaitu CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co. Limited (CSR ZELC). PAK juga telah melantik Hidmalayan (M) Sdn. Berhad dan Safe Recycle (M) Sdn. Berhad untuk melaksanakan pelupusan bahan lusuh kereta api dari Ipoh hingga Padang Besar, Seremban hingga Gemas serta Gemas hingga Johor Bahru.

- b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan November 2013 sehingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan aset kereta api kurang memuaskan. Perolehan alat ganti, penyenggaraan EMU, pelupusan bahan lusuh, pengurusan kuarters dan pengawalan tanah tidak diurus dengan teratur. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
- i. Semua alat ganti EMU telah lewat diterima antara 15 hingga 214 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Mengikut perkiraan Audit, denda yang boleh dikenakan kepada CSR ZELC adalah berjumlah RM1.88 juta dan bukan RM435,500 iaitu perbezaan sejumlah RM1.45 juta. Setakat bulan Januari 2014, sejumlah RM30.15 juta telah dibayar kepada syarikat pembekal.
  - ii. Bayaran sejumlah RM99.94 juta telah dibuat terhadap penyenggaraan jenis *servicing* (harian), *maintenance level 1* (mingguan) dan *maintenance level 2* (bulanan) bagi 38 set EMU bagi jenis 6 koc. Bagaimanapun, tiada potongan bayaran dibuat terhadap *servicing* (harian) yang tidak dilaksanakan sebanyak 24.9% hingga 50.4% pada bulan Ogos dan Disember 2012 dan pada bulan Februari, Mei dan Julai 2013. Pemotongan bayaran tidak boleh dibuat kerana kelemahan dalam pengurusan kontrak di mana bayaran terhadap ketiga-tiga jenis penyenggaraan dinyatakan dalam *lump sum* dan tiada klausa ditetapkan dalam perjanjian.
  - iii. Kontraktor lewat membayar hasil pelupusan kepada PAK melebihi tempoh 14 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Tiada denda dikenakan bagi kelewatan bayaran tersebut di mana denda sejumlah RM112,437 sepatutnya dikenakan. Kontrak pelupusan dilanjutkan selama 3 tahun lagi walaupun kontraktor masih mempunyai tunggakan bayaran kepada PAK sejumlah RM530,461. Selain itu, tindakan pelupusan bahan lusuh belum dilaksanakan di Pinang Tunggal, Wakaf Bharu, Tumpat, Manek Urai, Kempas Baru, Segamat dan Salak Selatan. Bahan lusuh sejumlah RM113,425 tidak dapat dikesan lokasinya disebabkan rekod tidak disimpan dengan sempurna.
  - iv. Penjagaan kuarters yang kurang memuaskan menyebabkan kuarters mengalami kerosakan dan tidak dibaiki, usang serta tidak digunakan.
  - v. Pengawalan tanah adalah kurang memuaskan menyebabkan berlakunya pencerobohan untuk tujuan penempatan setinggan, pertanian dan komersial.
  - vi. Sebanyak 91 daripada 329 atau 27.7% lot tanah berhak milik belum ditukar milik kepada PAK. Selain itu, sebanyak 856 daripada 1,101 lot tanah rizab kereta api belum diukur dan diwartakan dan 84 lot tanah tidak mempunyai salinan warta.
  - vii. Rekod bagi aset yang roboh, rosak dan usang masih menunjukkan nilai buku bersih dan tidak dikemas kini dalam Sistem Kewangan PAK.

Perkara ini juga merupakan asas pendapat Juruaudit terhadap Sijil Penafian yang telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan PAK tahun 2012.

- c. Pihak Audit mengesyorkan PAK mengambil tindakan seperti berikut bagi memperbaiki kelemahan dalam pengurusan aset:
- i. PAK hendaklah memastikan kontraktor menjalankan penyenggaraan kereta api mengikut rancangan penyenggaraan yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan kereta api dan orang awam. Selain itu, perjanjian tambahan wajar dibuat bagi memperincikan bayaran penyenggaraan berdasarkan Rancangan Penyenggaraan yang dipersetujui meliputi penyenggaraan secara harian, mingguan dan bulanan.
  - ii. PAK hendaklah mengenakan denda kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad kerana lewat membuat bayaran kepada PAK seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Selain itu, PAK juga perlu mengambil tindakan segera untuk melupuskan bahan lusuh yang terbiar supaya ia tidak bertambah rosak dan mengalami kemerosotan nilai.
  - iii. PAK hendaklah menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kuarters milik PAK supaya kemudahan perumahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta mengurangkan peratusan kuarters yang tidak didiami. Sehubungan ini, peruntukan penyenggaraan yang mencukupi hendaklah dipohon daripada Kementerian.
  - iv. Selaras dengan Akta Keretapi 1991, PAK hendaklah mengambil tindakan segera untuk urusan peletak hak tanah kepadanya supaya tidak berlaku pencerobohan tanah dan kehilangan hasil. Unit Penguatkuasaan yang ditubuhkan pada tahun 2013 perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan berkesan untuk menangani masalah pencerobohan.

## 5. LEMBAGA GETAH MALAYSIA

### - Pengurusan Peralatan Penyelidikan Dan Komersial

- a. Lembaga Getah Malaysia (LGM) ditubuhkan pada 1 Januari 1998 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (Akta 551) untuk memaju dan membangunkan industri getah Malaysia. Selaras dengan objektif dan fungsinya, LGM telah melaksanakan aktiviti penyelidikan yang melibatkan 3 sektor utama iaitu sektor hulu (*upstream*), pemprosesan (*midstream*) dan hiliran (*downstream*). Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 78 projek penyelidikan sedang dilaksanakan oleh LGM. Jumlah keseluruhan aset LGM sehingga 31 Disember 2013 adalah RM500.76 juta. Daripada jumlah tersebut, RM108.06 juta merupakan peralatan penyelidikan dan komersial

yang terdiri daripada kelengkapan makmal serta loji dan jentera. Seksyen Perkhidmatan dan Perolehan serta Seksyen Pengurusan Aset Alih dan Keselamatan di bawah Unit Pentadbiran LGM bertanggungjawab terhadap pengurusan aset LGM.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial LGM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. Tiada penyelarasan antara perolehan peralatan dan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat yang akan menempatkan peralatan. Projek pembinaan hanya bermula pada bulan Mei 2013 dan dijangka siap pada bulan November 2014 sedangkan perolehan peralatan telah dibuat pada tahun 2009.
  - ii. 15 komponen peralatan yang dibeli antara tahun 1990 sehingga 2010 bernilai RM9.94 juta tidak digunakan antara 1 sehingga 15 tahun setakat tarikh pengauditan.
  - iii. Dua peralatan bagi ujian tayar berjumlah RM4.70 juta yang dibeli pada tahun 2011 dan 2010 tidak berfungsi kerana mengalami masalah perisian sejak bulan Februari dan April 2013. Pembaikan masih belum dijalankan dan peralatan tersebut tidak dapat digunakan. Selain itu, sebanyak 237 daripada 400 unit peralatan *Automatic Rubber Tapping Systems* (ARTS) di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tiada hasil torehan.
  - iv. Peralatan tidak disenggara mengikut jadual menyebabkan peralatan sentiasa rosak dan tidak dapat digunakan.
  - v. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih LGM tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan LGM merancang perolehan peralatan dengan teliti dan memastikan perolehan mengikut keperluan supaya peralatan dapat digunakan secara optimum bagi mengelak pembaziran. LGM hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
  - i. LGM perlu memantau status peralatan di bawah kawalannya terutamanya aset-aset yang masih belum digunakan dan disimpan di premis pembekal. Tindakan pembaikan yang segera perlu diambil terhadap peralatan yang rosak/tidak berfungsi.
  - ii. LGM hendaklah menjalankan penyenggaraan secara *corrective* dan *preventive* terhadap peralatan bagi memastikan peralatan sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik bagi mengelak LGM menanggung kos yang lebih tinggi jika berlaku kerosakan.

## **6. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN**

### **- Pengurusan Perolehan**

- a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956. Fungsi FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta Kemajuan Tanah (Pindaan 1991) adalah antaranya menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah, memaju, memudah dan melaksanakan pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial serta aktiviti sampingan yang lain di kawasan di mana FELDA diberi kuasa melaksanakan projek pembangunan tanah atau kawasan yang dimiliki oleh FELDA dan syarikatnya, melaksanakan kegiatan yang dapat membantu memodenkan sektor pertanian di kawasan di mana FELDA diberi kuasa mentadbirnya terutama dalam kegiatan yang berkaitan dengan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil keluaran pertanian dan ternakan dan juga membantu, membimbing, menasihati, mengurus dan menyelaras kegiatan sosial penempatan, pertanian, industri dan komersial dalam kawasan FELDA.
- b. Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, Bahagian Perolehan dan Pentadbiran di bawah Jabatan Pentadbiran bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan di FELDA. Bahagian ini berperanan melaksanakan pengurusan kontrak yang berkualiti dan cekap serta memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. FELDA telah membelanjakan sejumlah RM974.49 juta atau 80.8% berbanding peruntukan perolehan sejumlah RM1.21 bilion bagi tahun 2010 sehingga 2012.
- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 sehingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan FELDA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan FELDA adalah seperti berikut:
  - i. Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.
  - ii. Perolehan berjumlah RM1.85 juta bagi Sambutan Hari Peneroka dan RM3.65 juta bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.
  - iii. Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta, 2 kontrak bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani.
  - iv. Tiada pemantauan dan penyeliaan terhadap Program Bancian Warga Peneroka menyebabkan FELDA terpaksa menjalankan bancian semula pada tahun 2012 melibatkan kos sejumlah RM1.02 juta. Bayaran

sejumlah RM0.74 juta bagi bancian pertama yang dijalankan pada Julai 2011 telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bancian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

- d. Pihak Audit mengesyorkan FELDA hendaklah memastikan prosedur perolehan yang ditetapkan olehnya serta peraturan kewangan yang sewajarnya dipatuhi dengan sempurna dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:
- i. FELDA hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur untuk mengelakkan pembaziran.
  - ii. FELDA hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur, segala dokumen kontrak perlu disediakan dan ditandatangani.
  - iii. FELDA hendaklah memastikan pengurusan perolehan dibuat setelah kelulusan Jawatankuasa Tender yang sewajarnya diperoleh. Di samping itu, pemantauan yang rapi dan berkesan terhadapnya hendaklah dijalankan bagi memastikan tidak wujud sebarang penyelewengan.

## **7. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**

### **- Pengurusan Tanaman Padi**

- a. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69). Antara objektif utama KADA adalah untuk menjadi agensi yang unggul dalam peningkatan taraf sosio ekonomi pesawah dan mengeluarkan padi serta beras bagi menampung keperluan beras negara. Selaras dengan objektif KADA, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM59.40 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi meningkatkan hasil padi. KADA juga menerima sejumlah RM57.30 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan program pembangunan pertanian iaitu pembinaan empangan dan menaik taraf infrastruktur pengairan serta saliran. Selain itu, KADA telah menerima peruntukan sejumlah RM119.25 juta di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN) daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MoA) bagi tempoh 2008 sehingga 2010. Sehingga akhir tahun 2013, keluasan pertanian KADA adalah 82,900 hektar di mana 29,450 hektar atau 35.5% merupakan keluasan kawasan-padi yang menjadi komoditi utama KADA.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, Pengurusan Tanaman Padi di KADA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
- i. Prestasi pengeluaran padi bagi 2 musim tidak mencapai sasaran seperti berikut:
    - KADA tidak mencapai sasaran intensiti tanaman padi pada tahun 2009 iaitu sebanyak 177% berbanding sasaran 189%, tahun 2010 sebanyak 161% berbanding 191%, tahun 2012 sebanyak 155% berbanding sasaran 180% dan tahun 2013 sebanyak 131% berbanding sasaran 180%. Perkara ini disebabkan keluasan bertanam bagi 2 musim tidak mencapai sasaran bagi tempoh tersebut.
    - Pengeluaran padi pada tahun 2013 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 159,763 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran iaitu 251,750 tan metrik. Pengeluaran beras pada tahun 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 103,846 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran sebanyak 163,638 tan metrik.
  - ii. Peningkatan kos bagi projek pembinaan empangan rendah di Kemubu sejumlah RM3.31 juta atau 229.9% daripada RM1.44 juta kepada RM4.75 juta disebabkan Arahan Perubahan Kerja untuk kerja pengukuhan tebing Sungai Kelantan.
  - iii. Pembinaan empangan rendah oleh kontraktor asal gagal disiapkan dengan tempoh kelewatan sebanyak 432 hari dari tarikh tamat lanjutan masa kedua. Kelewatan projek ini menyebabkan air Sungai Kelantan tidak dapat dikekalkan pada paras kritikal iaitu 4.9 meter bagi membekalkan air kepada pesawah dalam kawasan pengairan Kemubu.
  - iv. Kelemahan lain adalah seperti berikut:
    - Sebanyak 6 Pusat Semaian Benih tidak beroperasi antara 2 hingga 3 musim kerana kurang permintaan anak benih padi oleh pesawah.
    - Penyenggaraan tapak semaian benih, peralatan dan jentera pertanian di Pusat Semaian Benih kurang memuaskan kerana dipenuhi semak samun dan pagar yang telah roboh. Selain itu, terdapat jentera dan peralatan yang rosak serta hilang.
    - PPK Sungai Ketereh dan PPK Nilam Puri telah membuat perjanjian sewaan jentanan dengan pihak ketiga iaitu Syarikat Berkat Padi Enterprise tanpa kelulusan daripada KADA.
    - Stor yang menempatkan peralatan dan alat ganti tidak tersusun, tidak disenggara dengan baik dan tiada rekod disediakan bagi memantau baki peralatan dan alat ganti yang disimpan.

- c. Pihak Audit mengesyorkan KADA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. KADA hendaklah memantau kerja kontraktor bagi memastikan projek pembinaan empangan rendah di Kemubu dapat disiapkan dengan segera supaya masalah pengairan di kawasan Kemubu dapat diatasi. KADA perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan tanaman padi bagi memastikan kelemahan pelaksanaan projek dapat dikenal pasti di peringkat awal dan tindakan penyelesaian dapat diambil.
  - ii. KADA hendaklah memastikan semua Pertubuhan Peladang Kawasan menyenggara peralatan dan jentera bagi setiap Pusat Semaian Benih yang dikendalikan bagi memastikan aset dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan.

## 8. LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

### - Pengurusan Perolehan

- a. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) dan dikawal selia oleh Kementerian Kewangan. Objektif penubuhan LADA adalah untuk menerajui pembangunan sosio ekonomi, infrastruktur dan pembangunan produk pelancongan; menyediakan peluang pelaburan untuk membangunkan sektor ekonomi dan pelancongan; menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kegiatan sosio ekonomi dan budaya serta mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.
- b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan September sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di LADA adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan tender dan sebut harga seperti berikut:
  - i. LADA telah menawarkan kontrak kepada 2 kontraktor pada 8 November 2012 sedangkan Kementerian Kewangan hanya meluluskan permohonan LADA pada 11 Januari 2013;
  - ii. Tidak ada pemantauan terhadap permohonan lanjutan masa (EOT). Kontraktor hanya memohon EOT selepas tarikh siap asal tamat menyebabkan kelewatan Jawatankuasa Sebut Harga meluluskan EOT selama 138 hari daripada tarikh siap asal;
  - iii. Dokumen tender disemak dan dianalisis oleh perunding bagi menilai kemampuan teknikal dan kewangan. Selain itu, laporan penilaian tender yang disediakan oleh perunding tidak ditandatangani oleh Panel Penilaian Tender LADA;

- iv. Kerosakan *water proofing* di bumbung Bangunan Anjung belum dibaiki sejak tahun 2011 menyebabkan lampu dan soket yang dipasang oleh kontraktor tidak dapat digunakan akibat terkena air hujan;
  - v. Peratusan bayaran interim dan kemajuan fizikal projek tidak selaras iaitu kemajuan fizikal projek telah mencapai sebanyak 97% pada bulan September 2013 manakala kemajuan bayaran interim hanya setakat 57%; dan
  - vi. Kelewatan menandatangani kontrak antara 49 hingga 89 hari.
- c. Pada keseluruhannya, pihak Audit mengesyorkan LADA merancang pengurusan perolehan bagi memastikan perolehan dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pemantauan terhadap kerja perlu dijalankan untuk memastikan kualiti kerja adalah baik dan semua permohonan lanjutan masa dikemukakan mengikut tempoh dan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, LADA hendaklah mengambil tindakan pembetulan seperti berikut:
- i. LADA hendaklah mengkaji semula proses penilaian tender dan memastikan Jawatankuasa Penilaian Tender menjalankan tanggungjawabnya. Sekiranya LADA tidak mempunyai kepakaran dalaman, kepakaran Jabatan Teknikal lain boleh dimohon. Selain itu, LADA perlu memastikan perjanjian disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan LADA dilindungi.
  - ii. LADA perlu mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan *water proofing* di bumbung Bangunan Anjung kerana ia menjelaskan imej Dataran Lang, Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan.
  - iii. LADA hendaklah mengkaji semula proses perakuan kerja bayaran interim supaya pengesahan pembayaran interim kepada kontraktor dan bayaran dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

## 9. PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

### - Pengurusan Projek Pengubahsuaian Bangunan

- a. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dahulunya dikenali sebagai Hospital Universiti ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 melalui kuasa yang diberikan oleh Seksyen 29 dan 30 Perlembagaan Universiti Malaya. PPUM merupakan sebuah pusat pendidikan yang melatih graduan perubatan ijazah lanjutan, program diploma dan ijazah sokongan perubatan yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. PPUM melaksanakan projek pengubahsuaian bagi meningkatkan kapasiti wad perubatan, mengoptimumkan penggunaan ruang sedia ada, memberi keselesaan kepada pengguna dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif. Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab terhadap kerja

pengubahsuaian bangunan di PPUM dan sebanyak 35 projek pengubahsuaian telah dilaksanakan dari tahun 2011 sehingga 2013 melibatkan kos sejumlah RM31.37 juta.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2013 sehingga Februari 2014 mendapati pengurusan projek pengubahsuaian bangunan PPUM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan projek pengubahsuaian bangunan seperti berikut:
  - i. Sejumlah RM318,463 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan tangga laluan kecemasan dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain bagi tujuan meluruskan sebahagian *ramp*. Bagaimanapun, pengubahsuaian *ramp* tersebut dihentikan disebabkan perancangan yang kurang teliti.
  - ii. Kelewatan menyiapkan projek pengubahsuaian bangunan antara sebulan hingga 8 bulan daripada tarikh dalam perjanjian. Permohonan dan kelulusan lanjutan masa tidak teratur kerana kontraktor mengemukakan permohonan selepas tarikh siap projek dan kelulusan hanya diberi selepas projek mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja.
  - iii. Kerja pengubahsuaian yang kurang teliti telah menyebabkan kecacatan pengubahsuaian dan kerja kemasan bangunan kurang memuaskan.
  - iv. Sehingga bulan Februari 2014, *As Built Drawing* bagi 4 projek pengubahsuaian bangunan tidak dikemukakan oleh kontraktor walaupun projek tersebut telah siap pada tahun 2012 dan 2013.
- c. Pihak Audit mengesyorkan PPUM hendaklah memastikan setiap projek pengubahsuaian bangunan dilaksanakan selaras dengan perancangan yang ditetapkan oleh PPUM. Pemantauan terhadap projek-projek tersebut perlu dibuat dengan teliti supaya kualiti kerja adalah mengikut spesifikasi dan kemudahan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

#### **PENDAHULUAN**

10. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 305 syarikat subsidiari Kerajaan. Sebanyak 3 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan kedua tahun 2014 di Parlimen.

## **11. PENGURUSAN FAMA CORPORATION SDN. BERHAD (Syarikat Subsidiari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)**

- a. FAMA Corporation Sdn. Berhad (FAMACorp) ditubuhkan dengan modal dibenarkan sejumlah RM50 juta dan modal berbayar sejumlah RM16.88 juta. FAMACorp ditubuhkan bertujuan memasarkan produk pertanian tempatan, membantu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meningkatkan pendapatan para usahawan dan petani serta membantu FAMA menstabilkan harga pasaran produk pertanian.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan FAMACorp adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan. FAMACorp turut mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM12.95 juta pada tahun 2013 iaitu 76.7% daripada modal berbayar syarikat. Pengurusan aktiviti FAMACorp juga kurang memuaskan dan terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian untuk tujuan penambahaikan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:
  - i. *Improper payment:*
    - Bayaran komisen berjumlah RM85,176 dibayar kepada agen pemasaran tanpa dokumen sokongan.
    - Tuntutan berjumlah RM56,202 dibayar tanpa dokumen sokongan lengkap dan kelulusan sewajarnya.
  - ii. Pemasaran produk yang diproses keluaran FAMA oleh FAMACorp mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.02 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan kos jualan yang tinggi.
  - iii. Kontrak pembekalan produk pertanian kepada syarikat KFC (Peninsular Malaysia) Sdn. Berhad mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM0.71 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan harga belian daripada pembekal berubah mengikut harga pasaran dan kadar pulangan jualan yang tinggi oleh syarikat tersebut.
  - iv. Gerai jualan di Kompleks Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) Kota Bharu mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM65,368 setakat bulan Disember 2013 disebabkan jualan secara borong yang kurang menggalakkan berbanding jualan secara runcit di gerai lain yang berhampiran.
  - v. Pusat Menggred dan Pengesahan Koko FAMA mengalami kerosakan dan tidak disenggara ketika diserahkan secara rasmi kepada FAMACorp pada bulan Julai 2011 menyebabkan kemudahan di kompleks tersebut

tidak dapat diguna secara optimum atau disewakan. Ini merupakan satu kehilangan hasil kepada FAMACorp.

vi. Tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan:

- Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali setahun bagi tahun 2011 sehingga 2013.
- Bajet tahunan bagi tahun 2011 sehingga 2013 tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan perbelanjaan bagi tahun tersebut masing-masing berjumlah RM8.99 juta, RM9.13 juta dan RM9.23 juta telah dilaksanakan.
- Skop pengauditan terhadap FAMACorp tidak dibuat secara menyeluruh oleh Bahagian Audit Dalam FAMA.
- Prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan tidak disediakan.

vii. Pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan:

- Pengurusan kutipan hutang adalah kurang memuaskan. Baki penghutang setakat bulan Oktober 2013 mengikut laporan pengumuran adalah berjumlah RM14.66 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM14.47 juta atau 98.7% merupakan hutang melebihi 60 hari yang belum dikutip.
- Perolehan kenderaan bernilai RM93,665 dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil untuk mengelakkan prosedur pembayaran mengikut had kuasa menandatangani cek.

c. Pihak Audit mengesyorkan FAMACorp dan FAMA memberi pertimbangan kepada perkara seperti berikut:

- i. FAMACorp hendaklah merangka strategi untuk meningkatkan pendapatan dan keuntungan bagi mengurangkan kerugian terkumpul syarikat. Pengurusan aktiviti perlu dikaji semula untuk menambahbaik aktivitinya atau menamatkan aktiviti yang tidak berdaya saing untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat.
- ii. FAMACorp hendaklah mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah dengan seberapa kerap yang boleh bagi memastikan operasi syarikat diurus dengan baik dan memastikan semua ahli Lembaga Pengarah memainkan peranan yang aktif dalam mesyuarat yang diadakan.
- iii. FAMA hendaklah memastikan pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam FAMA terhadap FAMACorp dijalankan secara menyeluruh bagi mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan dan prestasi aktiviti syarikat.

**12. PENGURUSAN KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BERHAD  
(Syarikat Subsidiari Majlis Amanah Rakyat)**

- a. Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad (KPTM) ditubuhkan pada 12 Mei 2003 di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Modal dibenarkan KPTM berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM32 juta. KPTM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Aktiviti utama syarikat adalah mengurus dan menjalankan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf. KPTM sebelum ini dikenali sebagai Kolej Yayasan Pelajaran MARA yang telah beroperasi di 9 kampus cawangan iaitu di Kuala Lumpur, Bangi, Kuantan, Batu Pahat, Kota Bharu, Ipoh, Alor Setar, Semporna dan KESEDAR Gua Musang.
- b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai sehingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. KPTM mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut bagi tahun 2008 sehingga 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada keuntungan syarikat adalah peningkatan pendapatan disebabkan oleh pertambahan bilangan pelajar dengan penubuhan 2 kampus baru serta pengenalan kursus ijazah. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul KPTM berjumlah RM19.67 juta. Pengurusan aktiviti adalah memuaskan iaitu dengan pencapaian pengambilan pelajar melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, antara perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan adalah seperti berikut:
  - i. Peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 33.4% hingga 42.2% walaupun pendaftaran pelajar melebihi sasaran. Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar yang baru mendaftar mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi yang lain, gagal dalam peperiksaan dan masalah peribadi.
  - ii. Penghutang tidak aktif KPTM setakat bulan Jun 2013 adalah berjumlah RM19.36 juta. Sejumlah RM18.35 juta atau 94.8% daripadanya merupakan pelajar yang membayai pengajian secara persendirian.
  - iii. Prestasi ejen kutipan adalah kurang memuaskan kerana bilangan hutang pelajar yang berjaya dikutip sepenuhnya berserta dengan jumlah kutipan adalah rendah iaitu kurang daripada 30%.

- c. Pihak Audit mengesyorkan KPTM memberi pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. KPTM hendaklah memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan KPTM untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berprestasi tinggi dan bersepadu dapat dicapai.
  - ii. KPTM hendaklah mengkaji semula prosedur kutipan hutang supaya tindakan mengutip hutang pelajar tidak aktif dapat dibuat dengan lebih berkesan serta meningkatkan pendapatan KPTM. Prestasi ejen kutipan hutang perlu dikaji semula dan jika perlu ditamatkan sekiranya kurang daripada 60%.
  - iii. KPTM hendaklah memastikan sistem perakaunan sedia ada dapat digunakan sepenuhnya supaya proses penyediaan pelaporan kewangan dapat dibuat dengan cekap dan teratur.
  - iv. KPTM perlu mengambil tindakan pelupusan aset dengan segera supaya dapat menjimatkan ruang penyimpanan aset.

### **13. PENGURUSAN UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN. BERHAD (Syarikat Subsidiari Universiti Utara Malaysia)**

- a. Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad (UTTSB) ditubuhkan pada 7 Ogos 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. UTTSB merupakan syarikat milik penuh Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad (UMHSB) iaitu syarikat subsidiari Universiti Utara Malaysia (UUM). Modal dibenarkan UTTSB berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM800,000. UTTSB ditubuhkan selaras dengan peningkatan keperluan dan permintaan untuk menguruskan perkhidmatan perjalanan, perhotelan dan penyediaan makanan di kalangan kakitangan dan pelajar UUM, sektor kerajaan, swasta dan komuniti tempatan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah penginapan hotel, tiket penerbangan, pakej pelancongan domestik dan antarabangsa, penyewaan bas persiaran, ejen penjualan tiket bas dan penyediaan makanan.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah kurang memuaskan. UTTSB mencatatkan penurunan keuntungan dari tahun 2008 sehingga 2011 iaitu daripada RM463,414 kepada RM84,331 dan seterusnya mengalami kerugian pada tahun 2012 sejumlah RM4,479. Ini telah menjelaskan jumlah keuntungan terkumpul dan nisbah kewangan syarikat. Tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan UTTSB adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti perniagaan pakej pelancongan, perkhidmatan bas persiaran dan penjualan tiket bas MARALiner mencatat kerugian operasi berterusan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 iaitu RM0.07 juta pada tahun 2011 dan 2012 serta RM0.06 juta sehingga bulan Oktober 2013.
  - ii. Perniagaan penyediaan makanan di The Mall Cafe yang mula beroperasi pada tahun 2010 mengalami kerugian operasi sejumlah RM0.23 juta pada tahun 2011, RM0.14 juta pada 2012 dan meningkat kepada RM0.15 juta sehingga bulan Oktober 2013.
  - iii. Jumlah penghutang UTTSB setakat bulan September 2013 adalah berjumlah RM1.71 juta dan sejumlah RM0.71 juta atau 41.5% daripadanya telah melebihi 3 bulan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. UTTSB hendaklah memastikan kajian kemungkinan dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti perniagaan dimulakan bagi memastikan setiap perniagaan yang diceburi berdaya maju dan mencapai sasaran yang ditetapkan serta selari dengan objektif penubuhan syarikat.
  - ii. UTTSB perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi bagi mengukuhkan kembali kedudukan kewangan syarikat dan berusaha mengurangkan kerugian operasi terutamanya di Unit Pelancongan dan Bahagian Food & Beverage. UTTSB hendaklah mengambil inisiatif dengan merangka strategi pemasaran yang berkesan bagi mewujudkan daya tarikan untuk menggalakkan lebih ramai pelanggan atau pengunjung ke The University Inn, The Mall Cafe dan The Garden Cafe serta tidak tertumpu kepada pasaran sedia ada sahaja.
  - iii. UTTSB perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan tummingsan hutang terus berkurangan dan mekanisme untuk mengutip hutang perlu dimantapkan bagi mempercepatkan kutipan bayaran yang tertunggak.



# BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

## **BAHAGIAN I** **PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

### **1. PENDAHULUAN**

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 8 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

### **LEMBAGA KOKO MALAYSIA**

### **2. PENGURUSAN PEMBINAAN PUSAT INOVASI DAN TEKNOLOGI KOKO**

#### **2.1 LATAR BELAKANG**

2.1.1 Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah ditubuhkan pada tahun 1988 di bawah Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan, Akta 343) dan dikawal selia oleh Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi (KPPK). Objektif utama penubuhannya adalah untuk membangunkan industri koko Malaysia yang bersepadu dan kompetitif di pasaran global. Penekanan diberikan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan dalam pengeluaran biji koko dan peningkatan aktiviti hiliran. Fungsi utama LKM adalah menjalankan dan menggalakkan penyelidikan serta pembangunan dalam pengeluaran, pemprosesan, penstoran dan penggunaan koko serta produk berasaskan koko. Selain itu, fungsi LKM juga adalah untuk mengawal, menyelaras aktiviti pemasaran dan penyelidikan serta mempertingkatkan kualiti dalam pengeluaran biji koko.

2.1.2 LKM telah merancang untuk membina sebuah pusat penyelidikan bagi mengatasi masalah kepadatan aktiviti di Pusat Penyelidikan Hiliran Koko, Bangi. Ia berperanan sebagai tempat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan koko secara berpusat serta mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, LKM telah membeli tanah

seluas 77,543.70 meter persegi di Nilai, Negeri Sembilan yang bernilai RM9.78 juta melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8).

2.1.3 Pada tahun 2007, LKM telah mula membangunkan Pusat Inovasi Dan Teknologi Koko (PITK) di atas tanah tersebut dengan peruntukan sejumlah RM37 juta. Peruntukan projek pembinaan PITK ini terdiri daripada 6 komponen projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Butiran peruntukan projek pembinaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.1  
PERUNTUKAN PROJEK PEMBINAAN PITK**

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Kosmetik, Farmaseutikal dan Toiletries	12
2.	Kompleks Teknologi Hiliran Koko	6
3.	Pembangunan Teknologi Bioteknologi Makanan Dan Bioteknologi Industri Koko	5
4.	Pembangunan Makmal Perintis Pengeluaran Produk Makanan Berasaskan Koko	10
5.	Program Usahawan Coklat Buatan Tangan, Konfeksionari & Kokies Berasaskan Coklat & Koko	2
6.	Program Celik Koko	2
<b>JUMLAH</b>		<b>37</b>

*Sumber : Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JPPP) LKM*

2.1.4 Projek pembinaan PITK dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu Fasa 1 dengan harga kontrak sejumlah RM23.99 juta dan Fasa 2 sejumlah RM24.34 juta. Skop kerja projek dan pelan pembangunan PITK adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.2  
SKOP KERJA DAN KOS PROJEK BAGI FASA 1 DAN FASA 2**

FASA 1		FASA 2	
Blok B	Bangunan Pentadbiran	Blok A	Pavilion Koko
Blok C	Makmal Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri	Blok H	Loji Rintis Pemprosesan Koko & Coklat dan Produk Sampingan Koko
Blok D	Makmal Produk Makanan	Blok J	Bangunan Kemudahan Kakitangan
Blok G	Kilang Rintis Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri	Blok M1	Pondok Pengawal 1
Blok K	Pusat Pengeluaran Koko Bistro	Blok N3	Pencawang TNB C
Blok M2	Pondok Pengawal 2	Blok P2	Kebuk Sampah 2
Blok N1	Pencawang TNB A		
Blok N2	Pencawang TNB B		
Blok P1	Kebuk Sampah 1		
Blok Q	Stor Bahan Buangan Kimia dan Toksik		
Menara Tangki Air dan Rumah Pam			
Loji Rawatan Kumbahan			
<b>Nilai Kontrak RM23.99 juta</b>		<b>Nilai Kontrak RM24.34 juta</b>	

*Sumber: Kertas Cadangan Pembinaan PITK*

**GAMBAR 2.1**  
**PELAN PEMBANGUNAN PITK**



*Sumber : Kertas Cadangan Pembangunan PITK Yang Disediakan Oleh Perunding*

## **2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan PITK telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

## **2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembinaan PITK bagi Fasa 1 dan Fasa 2. Semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen perjanjian, fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai dan perunding yang bertanggungjawab dengan pengurusan projek ini. Selain itu, lawatan fizikal juga telah dibuat ke PITK di Nilai, Negeri Sembilan.

## **2.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan November hingga Disember 2013 mendapat prestasi pengurusan pembinaan PITK yang terdiri daripada Fasa 1 dan 2 adalah kurang memuaskan. Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di peringkat antarabangsa dan tempat pengkomersialan koko secara berpusat juga masih belum tercapai. Antara kelemahan pengurusan pembinaan pusat tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kos projek pembinaan Fasa 1 selepas 14 Pelarasan Harga Kontrak dan 10 Arahan Perubahan Kerja adalah berjumlah RM33.72 juta iaitu peningkatan sejumlah RM9.73 juta atau sebanyak 40.6% berbanding kos asal berjumlah RM23.99 juta;
- ii. Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya;
- iii. Bangunan Fasa 1 telah diduduki secara berperingkat mulai pada 1 Oktober 2010 hingga 15 Mac 2011 iaitu sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan diterima pada 17 Disember 2013;
- iv. Peruntukan berjumlah RM37 juta bagi projek pembinaan PITK hanya berbaki RM3.28 juta setelah mengambil kira kos projek Fasa 1 sejumlah RM33.72 juta. Baki ini tidak mencukupi untuk pembinaan projek Fasa 2 yang memerlukan kos sejumlah RM24.34 juta. Ini menyebabkan projek Fasa 2 terbengkalai hampir 2 tahun;
- v. Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan dan spesifikasi binaan kurang sesuai dengan keperluan LKM mengakibatkan LKM menanggung kos pembaikan tambahan berjumlah RM60,325;
- vi. Pelantikan perunding bagi projek pembinaan Fasa 2 tidak mengikut prosedur dan tanpa kelulusan Lembaga Perolehan A; dan
- vii. Tempoh lanjutan bagi projek pembinaan Fasa 2 hanya diluluskan oleh mantan Ketua Pengarah LKM tanpa kelulusan Lembaga Perolehan A.

Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit adalah seperti berikut:

#### **2.4.1 Prestasi Projek Pembinaan Fasa 1**

2.4.1.1 Pada 5 September 2007, LKM telah memohon kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan pembinaan Fasa 1 dengan anggaran kos projek sejumlah RM29.98 juta. UPE telah meluluskan skop kerja pembinaan yang meliputi Bangunan Pentadbiran (Blok B), Makmal Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri (Blok C), Makmal Produk Makanan (Blok D), Kilang Rintis Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri (Blok G), Pusat Pengeluaran Koko Bistro (Blok K) dan kemudahan sokongan berkaitan dengan kos sejumlah RM28.50 juta pada 11 September 2007.

2.4.1.2 LKM telah melantik kontraktor SSB Realty Sdn. Berhad secara tender terbuka pada 9 November 2007 dengan kos RM23.99 juta. Projek Fasa 1 ini telah dimulakan pada 3 Disember 2007 dan dijangka siap pada 4 Jun 2009. Bagaimanapun, projek ini hanya siap sepenuhnya pada 31 Mei 2010 dengan 2 kelulusan lanjutan masa selama 361 hari. Kos projek selepas 14 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dan 10 Arahan Perubahan Kerja (APK) adalah berjumlah RM33.72 juta iaitu peningkatan sejumlah RM9.73 juta atau 40.6% berbanding dengan kos asal kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.3  
KOS PROJEK PEMBINAAN FASA 1**

BUTIRAN	TARIKH LULUS	JUMLAH (RM Juta)
Harga Kontrak	09.11.2007	23.99
10 Arahan Perubahan Kerja	25.02.2010	2.31
14 Pelarasan Harga Kontrak	Tiada Maklumat	7.42
Jumlah Kos Pembinaan		33.72
Jumlah Pertambahan Kos		$33.72 - 23.99 = 9.73$
Peratus Pertambahan Kos		$9.73/23.99 \times 100\% = 40.6\%$

*Sumber : Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan A, Surat UPE dan Kontrak*

2.4.1.3 Selain itu, Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 2 Jun 2010 manakala Sijil Perakuan Siap Kerja Kecacatan (CMGD) telah dikeluarkan oleh perunding pada 5 Ogos 2013. Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) hanya diterima pada 17 Disember 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.4  
TARIKH PENYIAPAN PROJEK FASA 1**

TARIKH	BUTIRAN
31.05.2010	Projek Siap Sepenuhnya
02.06.2010	Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan
01.10.2010 hingga 15.03.2011	Bangunan diduduki
31.05.2012	Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan
05.08.2013	Sijil Perakuan Siap Kerja Kecacatan (CMGD)
17.12.2013	Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)

*Sumber: Fail Projek PITK*

2.4.1.4 Antara bangunan Fasa 1 yang telah siap dan digunakan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.2**  
**Blok B - Bangunan Pentadbiran**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.3**  
**Blok C - Makmal Produk Kosmetik  
Dan Penjagaan Diri**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.4**  
**Blok D - Makmal Produk Makanan**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.5**  
**Blok G - Kilang Rintis Produk Kosmetik  
Dan Penjagaan Diri**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013



**GAMBAR 2.6**  
**Blok K- Pusat Pengeluaran Koko Bistro**

Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

#### **2.4.1.5 Bangunan Fasa 1 Diduduki Sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan Diterima**

- a. Merujuk kepada Seksyen 70(27)(f) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), mana-mana orang yang menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa suatu perakuan siap dan pematuhan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.
- b. Semakan Audit mendapati CPC telah dikeluarkan pada 2 Jun 2010 dan bangunan telah mula diduduki oleh pegawai penyelidik pada 1 Oktober 2010 serta diduduki sepenuhnya pada 15 Mac 2011. Bagaimanapun, CCC hanya diterima pada 17 Disember 2013 kerana kelewatan pemberian jalan utama ke PITK oleh kontraktor seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Nilai. Selain itu, LKM masih dalam proses untuk mendapatkan Sijil Halal JAKIM.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi projek pembinaan Fasa 1 adalah kurang memuaskan disebabkan peningkatan kos yang tinggi dan kecacatan yang masih berlaku selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. CCC hanya diterima pada 17 Disember 2013 tetapi bangunan telah mula diduduki pada 1 Oktober 2010 oleh pegawai penyelidik dan diduduki sepenuhnya pada 15 Mac 2011. Ini adalah bertentangan dengan Akta 133.**

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LKM Diterima Pada 16 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 8 Mei 2014.**

**KPPK dan LKM memaklumkan Projek ini telah dilaksanakan oleh LKM dengan menggunakan perkhidmatan perunding swasta. Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dan Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM9.73 juta adalah termasuk kerja-kerja tambahan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) yang diperlukan setelah kerja pembinaan bermula.**

**Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) lewat diterima berpunca dari kerosakan jalan utama yang perlu diperbaiki oleh kontraktor dan bukannya melibatkan sebarang kecacatan kepada struktur binaan bangunan Fasa 1.**

**Sijil Perakuan Siap Kerja telah diterima pada 2 Jun 2010. LKM telah mengambil keputusan untuk berpindah secara berperingkat dari PPHK, Bangi ke PITK, Nilai bagi membolehkan kerja-kerja penyelidikan dilaksanakan menggunakan kemudahan yang lebih baik. Ini adalah memandangkan kemudahan di PPHK, Bangi adalah terhad dan mempunyai ruang yang sempit serta sesak.**

**Permohonan Sijil Halal telah dihantar kepada Pejabat JAKIM Negeri Sembilan pada 22 Januari 2014. JAKIM memaklumkan Sijil Halal akan dikeluarkan dalam tempoh 2 bulan.**

#### **2.4.2 Prestasi Projek Pembinaan Fasa 2**

2.4.2.1 Projek pembinaan Fasa 2 adalah kesinambungan daripada projek Fasa 1. Projek pembinaan Fasa 2 terdiri daripada Fasa 2A dan 2B. Projek Fasa 2A meliputi Pavilion Koko (Blok A) dan beberapa bangunan sampingan manakala projek Fasa 2B meliputi Loji Rintis Pemprosesan Koko & Coklat dan Produk Sampingan Koko (Blok H), Bangunan Kemudahan Kakitangan (Blok J) dan tempat pembuangan sampah.

2.4.2.2 Pada 16 Disember 2009, LKM telah memohon kelulusan daripada UPE untuk projek pembinaan PITK Fasa 2A dengan kos sejumlah RM26.13 juta. Projek pembinaan PITK Fasa 2A telah diluluskan oleh UPE pada 4 Januari 2010 dengan kos sejumlah RM21.60 juta.

2.4.2.3 Pada 26 Ogos 2010, LKM telah menandatangani satu kontrak bernilai RM24.34 juta dengan Daya Puri Resources Sdn. Berhad untuk melaksanakan projek Fasa 2 yang merangkumi Blok A, Blok H, Blok J dan beberapa bangunan sampingan.

2.4.2.4 Pihak Audit mendapati tiada penyaluran peruntukan untuk projek Fasa 2A daripada Kementerian Kewangan dan tiada permohonan peruntukan dikemukakan kepada UPE untuk pembinaan projek Fasa 2B. Kronologi projek pembinaan Fasa 2 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.5  
KRONOLOGI PROJEK PEMBINAAN PITK FASA 2**

TARIKH	KRONOLOGI
16.12.2009	LKM memohon kelulusan projek pembinaan Fasa 2A daripada UPE dengan kos sejumlah RM26.13 juta.
04.01.2010	UPE meluluskan projek pembinaan Fasa 2A dengan kos sejumlah RM21.60 juta. Bagaimanapun, tiada kelulusan peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan untuk projek pembinaan ini.
22.03. 2010	Dokumen pra kelayakan tender diiklankan bagi projek Fasa 2A yang terdiri daripada 4 bangunan iaitu Pavilion Koko, pondok pengawal, pencawang elektrik dan rumah sampah.
29.03. 2010	Tender ditutup dan sebanyak 33 syarikat mengambil bahagian.
24.05. 2010	Sebanyak 10 syarikat sahaja yang dipelawa untuk menyertai tender selepas penilaian perunding.
10.08.2010	Jawatankuasa Penilaian Tender LKM bersidang untuk membentangkan projek pembinaan Fasa 2A yang melibatkan 4 bangunan tetapi skop kerja yang dibincangkan adalah bagi projek Fasa 2 yang melibatkan 6 bangunan iaitu termasuk Blok H dan J (Fasa 2B).
11.08.2010	Mesyuarat Lembaga Perolehan A bersetuju melantik Daya Puri Resources Sdn. Berhad sebagai kontraktor utama bagi projek Fasa 2.
12.08.2010	Surat tawaran dikeluarkan bagi projek Fasa 2 dan tempoh kontrak selama 78 minggu mulai

TARIKH	KRONOLOGI
	26 Ogos 2010 hingga 22 Februari 2012.
26.08.2010	LKM telah menandatangani kontrak bernilai RM24.34 juta dengan Daya Puri Resources Sdn. Berhad untuk melaksanakan projek Fasa 2 yang terdiri daripada 6 bangunan termasuk Fasa 2B.
03.01.2011	Tarikh mula kerja pembinaan.
16.12.2011	Daya Puri Resources Sdn. Berhad mengemukakan permohonan lanjutan tempoh kontrak.
21.12.2011	LKM meluluskan lanjutan masa sehingga 31 Disember 2013 tanpa kelulusan Lembaga Perolehan A.
15.03.2012	Kontrak ditamatkan kerana LKM mempunyai masalah kewangan dan projek terbengkalai.

*Sumber : Kertas Taklimat Projek, Minit Mesyuarat Lembaga Perolehan A dan Kontrak*

2.4.2.5 Semakan Audit mendapati peruntukan berjumlah RM37 juta bagi pembinaan PITK (Fasa 1 dan 2) hanya berbaki sejumlah RM3.28 juta setelah mengambil kira kos projek Fasa 1 sejumlah RM33.72 juta. LKM tidak membuat permohonan tambahan peruntukan secara khusus kepada Kementerian Kewangan untuk membiayai projek pembinaan Fasa 2 berjumlah RM24.34 juta tetapi ada memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi projek-projek pembangunan. Semakan terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengelola bagi tempoh 2009 hingga 2010 mendapati LKM juga tidak pernah memohon untuk menggunakan sumber dalaman bagi melaksanakan projek ini. Berdasarkan surat pelantikan perunding, Ketua Pengarah pada masa itu memaklumkan bahawa peruntukan sejumlah RM18 juta telah diluluskan oleh LKM untuk projek pembinaan Fasa 2. Pembinaan projek Fasa 2 diteruskan dengan melantik kontraktor Daya Puri Resources Sdn. Berhad bermula pada 26 Ogos 2010. Projek ini sepatutnya siap pada 22 Februari 2012 tetapi disebabkan pindaan tarikh mula kerja dari 26 Ogos 2010 ke 3 Januari 2011 dan isu-isu teknikal, kontraktor telah memohon lanjutan masa. Pada 21 Disember 2011, mantan Ketua Pengarah telah meluluskan lanjutan masa selama 679 hari daripada tarikh siap asal ke 31 Disember 2013.

2.4.2.6 Pada 15 Mac 2012, LKM telah menangguhkan pelaksanaan projek Fasa 2 kerana masalah kewangan. Penangguhan ini telah mengakibatkan bangunan berkenaan terbengkalai dan keadaan bangunan tersebut adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.7**  
**Pavilion Koko Yang Terbengkalai**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.8**  
**Bangunan Kemudahan Kakitangan Yang Terbengkalai**



Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 25 November 2013



**GAMBAR 2.9**  
**Loji Rintis Pemprosesan Koko & Coklat dan Produk Sampingan Koko Yang Terbengkalai**

Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 25 November 2013

#### **2.4.2.7 Penjualan Pusat Penyelidikan Hiliran Koko, Bangi Untuk Menampung Projek PITK**

- a. Pusat Penyelidikan Hiliran Koko (PPHK), Bangi menempatkan beberapa buah makmal yang lengkap untuk keperluan perkhidmatan analisis fizikal, kimia dan mikrobiologi terhadap biji koko dan produk koko serta digunakan untuk penyelidikan dalam pemprosesan dan pembangunan koko. PPHK, Bangi digunakan oleh penyelidik dan syarikat dari dalam dan luar negara. Pada 28 Disember 2012, LKM telah menjual PPHK, Bangi dengan nilai RM14 juta untuk mengatasi masalah kewangan terhadap pembinaan PITK. Semua peralatan dan mesin telah dipindahkan ke PITK, Nilai selepas penjualan PPHK, Bangi.
- b. Bangunan utama di dalam Fasa 2 adalah Loji Rintis Pemprosesan Koko & Coklat dan Produk Sampingan Koko (Blok H) yang berfungsi untuk tujuan uji kaji penghasilan produk koko dan coklat baru berskala rintis untuk penyelidik dalam dan luar LKM. Bangunan Blok H tersebut adalah bertujuan untuk

mengatasi masalah kepadatan aktiviti di PPHK, Bangi. Semasa lawatan Audit pada 25 November 2013, bangunan ini hanya 80% siap dibina dan digunakan untuk menyimpan peralatan dan mesin yang dipindahkan dari PPHK, Bangi. Keadaan peralatan dan mesin yang disimpan dalam Blok H adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.10**  
**Peralatan Dan Mesin Yang Disimpan  
(Pandangan Dari Dalam Bangunan)**



Lokasi: Blok H, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 25 November 2013

**GAMBAR 2.11**  
**Peralatan Dan Mesin Yang Disimpan  
(Pandangan Dari Luar Bangunan)**



Lokasi: Blok H, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 25 November 2013

c. Penangguhan pembinaan Blok H memberikan implikasi seperti berikut:

- i. Peralatan dan mesin yang telah dipindahkan dari PPHK, Bangi bernilai RM9.39 juta tidak dapat dipasang dan digunakan oleh LKM serta pihak industri.
- ii. Peralatan dan mesin yang disimpan dalam Blok H akan terdedah kepada risiko kerosakan kerana tidak digunakan dan tiada penyenggaraan berkala.
- iii. Penjualan PPHK, Bangi menyebabkan penghasilan blok coklat telah berkurangan dan tidak dapat memenuhi permintaan usahawan yang berdaftar dengan LKM. Penghasilan blok coklat hanya dikeluarkan di Pusat Pengeluaran Koko Bistro (Blok K) dalam skala yang kecil. Sehingga bulan Januari 2014, seramai 160 usahawan yang berdaftar dengan LKM.

d. Analisis Audit mendapati pengeluaran produk blok coklat yang dibekalkan kepada usahawan koko berdaftar pada tahun 2013 hanya berjumlah RM46,571 berbanding hasil pada tahun 2012 berjumlah RM118,052 iaitu penurunan sejumlah RM71,481 atau 60.6%. Butiran pengeluaran produk blok coklat yang dibekalkan kepada usahawan koko berdaftar bagi tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6**  
**PRODUK BLOK COKLAT YANG DIBEKALKAN KEPADA**  
**USAHAWAN KOKO BERDAFTAR BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

TAHUN	JUMLAH PENGETAHUAN PRODUK BLOK COKLAT				CATATAN	
	PPHK, BANGI		PITK,NILAI			
	KILOGRAM	RM	KILOGRAM	RM		
2011	4,326	63,457	-	-	Jumlah pengeluaran blok coklat adalah setakat bulan Mei 2011 sahaja. Tiada maklumat bagi bulan seterusnya.	
2012	8,620	118,052	-	-	-	
2013	1,560	19,548	1,718	27,023	Jumlah pengeluaran blok coklat PPHK, Bangi adalah setakat bulan Mac 2013.	
<b>JUMLAH</b>	<b>14,506</b>	<b>201,057</b>	<b>1,718</b>	<b>27,023</b>		

Sumber: Rekod Penjualan Blok Coklat LKM

- e. Semakan Audit terhadap rekod penggunaan peralatan dan mesin uji kaji kilang rintis koko semasa ia ditempatkan di PPHK, Bangi mendapat sebanyak 7 syarikat dan penyelidik LKM menggunakan kemudahan peralatan ini. Kekerapan syarikat yang menggunakan kemudahan ini adalah sehingga 38 kali setahun. Selain itu, kemudahan makmal rintis coklat digunakan oleh 14 syarikat dan penyelidik LKM. Penangguhan pembinaan Blok H dan peralatan dari PPHK, Bangi yang tidak dapat dipasang menyebabkan syarikat-syarikat ini tidak dapat menyewa bagi penggunaan peralatan tersebut. Secara tidak langsung, ini menjaskan pendapatan LKM.
- f. Merujuk kepada minit Mesyuarat Lembaga Pengelola bertarikh 11 Mac 2013, Lembaga Pengelola telah meluluskan penggunaan sumber dalaman untuk menyelesaikan tuntutan kontraktor sejumlah RM2.36 juta. Selain itu, minit Mesyuarat Lembaga Pengelola bertarikh 28 Januari 2014 telah meluluskan penggunaan sumber dalaman sejumlah RM7.90 juta untuk meneruskan pembinaan Blok J dan H.

**Pada pendapat Audit, matlamat LKM untuk membina PITK sebagai tempat pengkomersialan koko masih belum tercapai disebabkan projek yang terbengkalai kerana peruntukan tidak mencukupi.**

**Maklum Balas Daripada KPK Dan LKM Diterima Pada 16 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 8 Mei 2014.**

**KPK dan LKM memaklumkan projek Fasa 2 telah diteruskan dengan anggapan sejumlah RM18 juta akan diluluskan oleh UPE di bawah RMKe-9 pada tahun 2009 dan 2010. Namun begitu, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh UPE. LKM masih mahu menyiapkan Blok A, Blok H dan Blok J pada tahun 2012 dengan harapan akan mendapat kelulusan dan peruntukan**

*sejumlah RM18 juta dari UPE tetapi masih tidak diluluskan. Keadaan ini telah menyebabkan skop projek terpaksa diubah di mana pembinaan bangunan hanya difokuskan kepada keperluan kritikal LKM iaitu Blok H dan J manakala Blok A ditangguhkan tetapi tidak dipersetujui oleh kontraktor. Pihak kontraktor enggan mengubah skop projek pembinaan Blok H dan J tanpa Blok A berikutan pengurangan harga kontrak dari RM24 juta kepada RM7 juta.*

*LKM telah memohon pertambahan siling kepada UPE bagi melaksanakan projek PITK dan telah diluluskan sejumlah RM10 juta oleh UPE di bawah kajian separuh penggal RMKe-9. Bagaimanapun, peruntukan tersebut masih tidak mencukupi bagi membangunkan PITK Fasa 2. Di samping itu, LKM juga memohon peruntukan di bawah RMKe-10 tetapi tidak diluluskan.*

*Bangunan PPHK, Bangi dijual kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan harga RM14 juta iaitu berdasarkan harga pasaran semasa berpandukan penilaian yang dibuat oleh penilai swasta bertauliah yang dilantik oleh MPOB, yang mana adalah lebih tinggi berbanding dengan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Kelulusan permohonan untuk penjualan tersebut telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan juga telah dipersetujui oleh YB Menteri KPKK.*

*Sebelum penjualan PPHK, Bangi, semua blok coklat dihasilkan di PPHK, Bangi dan Blok D, PITK di mana aktiviti latihan, demonstrasi dan pembuatan coklat juga dilaksanakan.*

*Blok H merupakan bangunan bagi menggantikan penghasilan blok coklat di PPHK, Bangi. Oleh itu, LKM perlu memindahkan aktiviti pengeluaran blok coklat ini dari PPHK, Bangi ke PITK, Nilai bagi mewujudkan satu pusat pemprosesan blok coklat. Setelah PPHK, Bangi dijual kepada MPOB, semua peralatan di PPHK, Bangi perlu dipindahkan ke PITK, Nilai dan disimpan di Blok H iaitu tempat dimana peralatan tersebut akan dipasang kelak.*

*Peralatan dan mesin berkenaan akan dipasang seiring semasa pendawaian elektrikal dan mekanikal di bangunan tersebut dilaksanakan. Berhubung dengan pembinaan Blok H, pada masa ini pihak perunding sedang menyediakan dokumen tender dan perlantikan kontraktor dijangka pada bulan Julai 2014.*

*Hasil jualan blok coklat berkurangan disebabkan oleh perpindahan pusat pemprosesan blok coklat dari PPHK, Bangi ke PITK, Nilai. Perpindahan ini adalah perlu dilaksanakan bagi membolehkan perkhirman yang lebih baik diberikan kepada usahawan coklat di masa akan datang.*

*Keperluan bekalan blok coklat daripada pihak swasta adalah bersifat sementara waktu sehingga bangunan Blok H siap.*

#### **2.4.3 Pelantikan Perunding**

2.4.3.1 Mengikut Arahan Perbendaharaan 187 yang diterima pakai oleh LKM, Lembaga Perolehan A diberi kuasa untuk melantik perunding bagi projek yang tidak melebihi RM50 juta dan meluluskan kos perkhidmatan perunding yang tidak melebihi RM5 juta. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 188 menjelaskan satu perjanjian hendaklah ditandatangani antara Agensi dengan perunding yang dilantik. Perjanjian tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas berkenaan skop kerja, kos perkhidmatan dan syarat pembayaran.

2.4.3.2 Surat pelantikan bertarikh 23 Julai 2009 telah dikeluarkan kepada 4 perunding untuk projek pembinaan Fasa 2. Dua syarikat perunding merupakan perunding bagi pembinaan PITK Fasa 1 manakala 2 lagi adalah syarikat perunding yang baru. Berdasarkan daftar kontrak LKM, dokumen perjanjian antara LKM dan perunding ada disediakan. Bagaimanapun, dokumen ini tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan skop kerja, kos perkhidmatan dan syarat pembayaran perkhidmatan perunding. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

**JADUAL 2.7  
SENARAI PERUNDING BAGI PROJEK PEMBINAAN PITK FASA 2**

SYARIKAT PERUNDING	NO. PERJANJIAN	BIDANG	NILAI PERJANJIAN (RM)	CATATAN
Design P.A.C Sdn. Berhad	KON/LKM/P-03(2011)	Arkitek (Juru perunding Utama)	1,500,000	Arkitek Fasa 1
Pakatan Ukur Bahan Sdn. Berhad	KON/LKM/P-43(2010)	Ukur Bahan	406,953	Ukur Bahan Fasa 1
Perunding Teknologi Sdn. Berhad	KON/LKM/P-15(2011)	Kejuruteraan Awam Dan Struktur	700,000	Lantikan baru
Azansha Jurutera Perunding	KON/LKM/P-39(2010)	Mekanikal Dan Elektrikal	376,914	Lantikan baru

*Sumber: Surat Pelantikan Perunding Fasa 2 dan Daftar Kontrak*

2.4.3.3 LKM telah membuat sebahagian bayaran kepada 4 perunding tersebut sebelum projek ditangguhkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8**  
**BAYARAN KEPADA PERUNDING**

SYARIKAT PERUNDING	BILANGAN BAYARAN	BAYARAN PERUNDING		JUMLAH (RM)
		TARIKH	AMAUN (RM)	
Design P.A.C Sdn. Berhad	2	18.05.2011 22.08.2011	614,298 341,276	955,574
Pakatan Ukur Bahan Sdn. Berhad	1	20.08.2010	277,745	277,745
Perunding Teknologi Sdn. Berhad	2	10.03.2010 26.08.2010	416,398 138,799	555,197
Azansha Jurutera Perunding	1	06.07.2010	316,608	316,608
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>2,105,124</b>

Sumber: Baucar Bayaran dan Daftar Kontrak 2011

2.4.3.4 Semakan Audit mendapati pelantikan 4 perunding tersebut telah dibuat oleh mantan Ketua Pengarah LKM pada 23 Julai 2009 tanpa melalui Lembaga Perolehan A. Selain itu, surat pelantikan 4 perunding tersebut memaklumkan bahawa peruntukan yang diluluskan bagi projek pembinaan Fasa 2 adalah berjumlah RM18 juta tetapi tidak termasuk bayaran bagi fi perkhidmatan perunding.

**Pada pendapat Audit, pelantikan perunding adalah tidak teratur kerana tidak dibuat melalui Lembaga Perolehan A. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada perjanjian pelantikan perunding yang disediakan ada menjaga kepentingan LKM dan Kerajaan kerana perjanjian tersebut tidak dikemukakan untuk semakan.**

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LKM Diterima Pada 16 April 2014, 28 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 8 Mei 2014.**

**KPPK dan LKM memaklumkan pelantikan perunding (Arkitek dan QS) pada 23 Julai 2009 adalah sambungan daripada projek PITK Fasa 1 sejak tahun 2007 dan skop kerja mereka adalah jelas. Pelantikan perunding (M&E dan C&S) juga pada 23 Julai 2009 dengan skop kerja yang jelas mengikut pengkhususan kerja mereka. Bagaimanapun pada 31 Mac 2014, perunding awam dan struktur iaitu Perunding Teknologi Sdn. Berhad telah ditamatkan perkhidmatannya.**

**LKM telah mengambil tindakan penambahbaikan dalam proses pelantikan perunding dan penyediaan perjanjian bagi penyambungan pembinaan Blok H dan J.**

#### 2.4.4 Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak Bagi Fasa 1

2.4.4.1 Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan jika terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan reka bentuk, kualiti atau kuantiti

kerja. Merujuk dokumen kontrak, jumlah perubahan kerja yang dilakukan mesti mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa. Semua perubahan kerja yang melebihi RM50,000 bagi kontrak kerja serta di bawah nilai 20% daripada nilai kontrak asal dengan had maksima RM4 juta perlu diputuskan oleh Lembaga Perolehan LKM selaku pihak yang meluluskan tender. Pelarasan Harga Kontrak (PHK) pula dikeluarkan jika terdapat perubahan dari segi harga bahan pembinaan, pertambahan atau pengurangan kuantiti dan APK.

2.4.4.2 Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan A LKM diberi kuasa untuk meluluskan tender projek Fasa 1. Pada 25 Februari 2010, Lembaga Perolehan A LKM telah meluluskan sebanyak 10 APK berjumlah RM2.31 juta. Bagaimanapun, borang perubahan kerja yang dilampirkan tiada tandatangan pegawai penguasa dan ahli jawatankuasa yang meluluskan arahan tersebut.

2.4.4.3 Selain itu, sebanyak 14 PHK yang telah dilaksanakan untuk projek Fasa 1 berjumlah RM7.42 juta. Semakan lanjut mendapati pada 25 Februari 2010, Mesyuarat Lembaga Perolehan A LKM telah meluluskan PHK No.1 hingga 5. Bagaimanapun, borang PHK tersebut tidak ditandatangani oleh pegawai penguasa atau wakilnya manakala 9 Borang Pelarasan Harga tidak dapat dikesan untuk pengauditan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak adalah kurang memuaskan kerana borang arahan tersebut tidak mendapat kelulusan sewajarnya. Ini boleh menimbulkan pertikaian antara LKM dan kontraktor sekiranya sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku.**

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LKM Diterima Pada 16 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 8 Mei 2014.**

**KPPK dan LKM memaklumkan sepanjang tempoh projek PITK, Nilai Fasa 1 dan 2, sehingga 2011, semua kelulusan Lembaga Perolehan A adalah dianggap sebagai telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola kerana pengerusi dan sebahagian ahlinya terdiri dari orang yang sama.**

**Semua APK dan PHK telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan A, LKM walaupun APK dan PHK tersebut tidak ditandatangani.**

#### **2.4.5 Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan**

2.4.5.1 Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi spesifikasi kontrak dan kualiti yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan.

2.4.5.2 Lawatan Audit pada 27 November 2013 di bangunan Kilang Rintis Produk Kosmetik dan Penjagaan Diri (Blok G) mendapati berlaku keretakan di bumbung konkrit rata dan terdapat kesan resapan air pada siling di bawah bumbung konkrit rata tersebut. Selain itu, pihak Audit mendapati pemasangan tingkap yang tidak sempurna, lantai jubin pecah dan kesan resapan air di siling Bangunan Pentadbiran (Blok B). Keadaan kualiti kerja pembinaan di Blok G dan B adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.12**  
**Keretakan Di Bumbung Konkrit Rata**




Lokasi: Blok G, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.13**  
**Keretakan Di Bumbung Konkrit Rata Telah Dibaiki**




Lokasi: Blok G, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 2.14**  
**Kerosakan Siling Dan Lantai Akibat**  
**Resapan Air**



Lokasi: Blok G, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
 Tarikh: 27 November 2013

**GAMBAR 2.15**  
**Kerosakan Siling Dan Lantai Akibat**  
**Resapan Air Telah Dibaiki**



Lokasi: Blok G, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
 Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 2.16**  
**Kesan Resapan Air Di Siling**



Lokasi: Blok B, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
 Tarikh : 27 November 2013

**GAMBAR 2.17**  
**Kesan Resapan Air Masih Berlaku**  
**Walaupun Telah Dibaiki**




Lokasi: Blok B, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
 Tarikh : 28 April 2014

**GAMBAR 2.18**  
Pemasangan Tingkap Yang Tidak Kemas



Lokasi: Blok B, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh : 27 November 2013

**GAMBAR 2.19**  
Tingkap Yang Telah Dibaiki



Lokasi: Blok B, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh : 28 April 2014

**Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014 dan 2 Mei 2014.**

**LKM memaklumkan tindakan pemberian telah diambil pada bulan April 2014.**

2.4.5.3 Pihak Audit mendapati air yang bertakung di atas permukaan bumbung konkrit rata adalah disebabkan kawasan bumbung tersebut hanya mempunyai satu saluran paip air hujan untuk disalurkan terus ke longkang. Pengurus PITK memaklumkan kontraktor telah membuat kerja pemberian bagi masalah air yang bertakung tetapi masalah tersebut masih berlaku. Selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan, LKM telah memasang paip saluran air hujan tambahan yang mengalir terus ke longkang dan masalah air bertakung di permukaan bumbung konkrit rata tidak berlaku lagi. Kerja pemberian adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 2.20**  
Saluran Paip Air Hujan Terus Ke Gutter  
Selepas Pemberian



Lokasi: Blok B, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 25 November 2013

**GAMBAR 2.21**  
Saluran Paip Air Hujan Terus Ke Gutter  
Selepas Pemberian



Lokasi: Blok G, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

2.4.5.4 Selain itu, penggunaan saiz wayar pembumian yang terlalu kecil bagi pembumian utama pada papan suis adalah tidak sesuai. Pengalir perlindungan hendaklah mempunyai saiz keratan rentas yang mencukupi bagi memastikan sistem pembumian dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati spesifikasi penggunaan saiz wayar pembumian utama tidak dinyatakan. Bagaimanapun, di dalam lakaran *as built drawing* yang disediakan oleh perunding menyatakan saiz wayar pembumian adalah berdasarkan keperluan Tenaga Nasional Berhad (TNB).



**GAMBAR 2.22**  
**Perbezaan Saiz Wayar Pembumian**  
**Sebelum Dan Selepas Pembaikan**


Lokasi: PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 27 November 2013

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LKM Diterima Pada 16 April 2014, 2 Mei 2014 Dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LKM memaklumkan semakan BQ dalam lakaran As Built Drawing menunjukkan tiada spesifikasi saiz dalam keratan rentas wayar pembumian (Earthing Cable). Wayar pembumian telah diganti kepada saiz yang lebih sesuai.*

2.4.5.5 Pihak Audit juga mendapati *air terminal* bagi sistem penebat kilat yang dipasang adalah kurang sesuai kerana zon perlindungan kilat tidak mencukupi untuk melindungi bangunan tersebut daripada kilat. Ini telah mengakibatkan PITK sering mengalami masalah gangguan bekalan elektrik.

**GAMBAR 2.23**  
Penambahaikan Penebat Kilat



Lokasi: Blok D, PITK, Nilai, Negeri Sembilan  
Tarikh: 10 April 2014

2.4.5.6 LKM telah menanggung kos pembaikan tambahan berjumlah RM60,325 bagi memastikan keadaan bangunan di PITK berada dalam keadaan baik dan selamat untuk diduduki. Antara kos pembaikan yang ditanggung oleh LKM sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.9**  
**KOS PEMBAIKAN SELEPAS TEMPOH**  
**TANGGUNGAN KECACATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

TARIKH	PERIHAL BAYARAN	NO. BAUCAR	JUMLAH (RM)
07.06.2012	<i>Communicator damage due to lightning strike</i>	006158	12,254
18.12.2012	<i>Supply and install lighting arrestor C/W pole at blok B and D. radius 57 m</i>	006600	8,000
15.02.2013	Kerja pembaikan saluran singki makmal blok C dan D	006758	1,260
11.03.2013	Kerja <i>water proofing</i> dan baiki <i>gutter</i> bumbung blok B, D, dan G	006828	9,750
21.03.2013	Kerja mebaiki jubin rosak dan cat blok B	006841	2,300
01.07.2013	Kerja pembaikan saluran singki makmal blok D	007110	1,690
05.09.2013	Penambahbaikan sistem pembumian di blok B	007268	12,290
17.09.2013	Membersihkan pagar zink di kawasan pembinaan	007288	700
25.10.2013	<i>Repairing work cold water supply pipe crack leak and test pressure</i>	007411	2,810
	<i>Install limit switch and setting roller shutter</i>		
25.10.2013	Memecah dan memasang semula jubin	007412	4,500
	Bersih <i>gutter</i> , bekal dan pasang paip dan kerja <i>water proofing</i>		

TARIKH	PERIHAL BAYARAN	NO. BAUCAR	JUMLAH (RM)
21.11.2013	Kemas kini, tambah baik dan naik taraf sistem alat hawa dingin	007495	4,771
<b>JUMLAH</b>			<b>60,325</b>

Sumber: Baucar Bayaran LKM

**Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014.**

**LKM memaklumkan kerosakan berlaku selepas tamat tempoh kecacatan.**

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan adalah kurang memuaskan kerana kurang pemantauan oleh LKM terhadap kerja perunding semasa kerja pembinaan dijalankan.

#### 2.4.6 Pemantauan

2.4.6.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan segera untuk memperbaiki atau menyelesaiannya.

2.4.6.2 Jawatankuasa Perancang Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan (JPPP) LKM bertanggungjawab untuk memantau semua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh LKM. Selain itu, Laporan Kemajuan Projek juga akan dikemukakan kepada KPPK secara bulanan. Bagaimanapun, bagi tempoh 2007 hingga 2011 pengurusan LKM tidak memaklumkan mengenai perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan PITK ini kepada Lembaga Pengelola. Perkara ini hanya dibincangkan apabila timbulnya masalah tiada peruntukan pada tahun 2012. Selain itu, pihak Audit mendapati projek pembinaan Fasa 1 dan 2 telah dibincangkan dalam Mesyuarat JPPP LKM. Bagaimanapun, projek pembinaan Fasa 1 tidak diminitkan secara terperinci manakala perkara mengenai peruntukan dan kemajuan kerja bagi projek pembinaan Fasa 2 tidak diminitkan. Ini menyebabkan KPPK tidak dapat memantau projek pembinaan PITK dengan lebih berkesan.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek pembinaan PITK adalah kurang berkesan kerana prestasi dan masalah projek tidak dibentangkan kepada Lembaga Pengelola secara berkala bagi memastikan tindakan penyelesaian diambil dengan segera.

**Maklum Balas Daripada LKM Diterima Pada 16 April 2014.**

*LKM memaklumkan mulai tahun 2012, pemantauan secara berkala semua projek dilaksanakan secara teratur dengan kerjasama erat antara Kementerian dan Agensi dalam semua projek pembangunan. Pemantauan di peringkat LKM ialah melalui JPPP yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LKM pada setiap bulan sebelum pemantauan di peringkat Kementerian melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPPK.*

## **2.5 SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pihak Audit mengesyorkan KPPK dan LKM menyediakan pelan pembangunan dengan teliti serta mengambil kira skop kerja dan had peruntukan. Ini adalah untuk memastikan projek pembangunan dapat disiapkan mengikut tempoh, skop kerja dan tiada peningkatan kos. Selain itu, LKM hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1 LKM hendaklah memantau kerja-kerja pembinaan yang masih belum siap supaya selaras dengan spesifikasi, mengikut tempoh dan segala kecacatan serta kerosakan perlu dibaiki dengan segera oleh kontraktor.

2.5.2 LKM hendaklah memastikan peralatan yang dipindahkan dari PPHK, Bangi disimpan dengan teratur dan selamat sementara menunggu bangunan siap dibina serta digunakan untuk pengeluaran produk berasaskan koko.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## **SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

### **3. PENGURUSAN PENGUATKUASAAN**

#### **3.1 LATAR BELAKANG**

3.1.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan pada 3 Jun 2010 di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Fungsi utama SPAD adalah untuk merancang dan membuat polisi serta mengawal selia pengangkutan awam darat seperti kereta api, bas dan teksi serta pengangkutan barang yang menggunakan jalan raya atau rel kereta api. SPAD mempunyai peranan penting untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam darat di Malaysia selaras dengan agenda utama Bidang Keberhasilan Utama Negara seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Kerajaan.

3.1.2 SPAD mempunyai visi untuk menerajui transformasi pengangkutan awam darat untuk menjadi mod pilihan rakyat. Misi SPAD adalah memastikan sistem pengangkutan awam darat adalah selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan lestari bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup. SPAD juga menjalankan tugas penguatkuasaan yang meliputi pengauditan, siasatan, pembatalan dan penggantungan lesen, sitaan kenderaan dan penalti kepada pengendali. SPAD menjalankan kuasa di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Akta ini juga terpakai bagi pegawai polis dan pegawai pengangkutan jalan.

3.1.3 Bahagian Penguatkuasaan telah membelanjakan sejumlah RM11.42 juta pada tahun 2012 dan sejumlah RM16.28 juta sehingga 31 Oktober 2013. SPAD memperoleh pendapatan daripada aktiviti penguatkuasaan melalui bayaran kompaun atas kesalahan yang didakwa berjumlah RM448,855 pada tahun 2012 dan RM1.85 juta sehingga 31 Oktober 2013.

#### **3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penguatkuasaan SPAD dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan peraturan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

### **3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penguatkuasaan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013. Semakan dibuat terhadap fail, minit mesyuarat, rekod dan dokumen berkaitan, temubual dengan pegawai bertanggungjawab dan lawatan ke Zon Tengah, Selatan, Timur dan Utara. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 310 Pegawai Penguatkuasa bagi menilai tahap kepuasan pegawai terhadap kemudahan yang disediakan dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.

### **3.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan penguatkuasaan SPAD adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Bilangan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 2013 adalah baik. Bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak menyeluruh di mana pengauditan pematuhan keselamatan tidak dibuat terhadap semua jenis pengangkutan awam darat dan kenderaan perdagangan tetapi hanya dijalankan terhadap syarikat bas ekspres.
- ii. Secara keseluruhannya, sebanyak 103 kes atau 57.5% daripada 179 sampel kes lewat diselesaikan melebihi 61 hari. Selain itu, sebanyak 8,201 atau 45.8% daripada 17,920 kes aduan lewat diselesaikan melebihi 31 hari.
- iii. Tiada tempat khas bagi penyimpanan kenderaan yang telah disita.
- iv. Bayaran kompaun sejumlah RM868,798 belum dijelaskan oleh pengendali sehingga 31 Oktober 2013. Terdapat juga bayaran lewat dijelaskan sehingga melebihi 12 bulan.
- v. Tempat penyimpanan bahan *exhibit* dan peralatan penguatkuasaan yang tidak mencukupi serta ruang bilik temu siasat yang tidak kondusif menyebabkan aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan cekap.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **3.4.1 Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan**

##### **3.4.1.1 Aktiviti Penguatkuasaan**

- a. Aktiviti penguatkuasaan terhadap kenderaan perdagangan, perkhidmatan awam dan pelancongan hendaklah dirancang dan dilaksanakan bagi menjamin keselamatan serta keselesaan pengguna. SPAD menjalankan aktiviti penguatkuasaan antaranya rondaan berkenderaan, sekatan jalan

raya, operasi khas melibatkan teksi, lori, bas dan ‘ulat tiket’ serta operasi bersepada bersama agensi Kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

- b. Semakan Audit mendapati SPAD Zon Utara dan Timur tidak menetapkan perancangan aktiviti penguatkuasaan bagi tahun 2012. Pihak Audit juga mendapati SPAD Zon Selatan hanya melaksanakan 140 atau 31.8% daripada 440 aktiviti dirancang pada tahun 2012. Bagaimanapun, pencapaian bilangan aktiviti penguatkuasaan di semua zon pada tahun 2013 adalah baik iaitu melebihi 95%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1**  
**PRESTASI PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN**  
**MENGIKUT ZON BAGI TAHUN 2012 DAN 2013**

ZON	2012			2013		
	PERANCANGAN	PELAKSANAAN		PERANCANGAN	PELAKSANAAN	
		Bil.	Peratus (%)		Bil.	Peratus (%)
Tengah	3,989	3,990	>100	5,596	5,553	99.2
Utara	Tiada	442	Tidak dapat ditentukan	492	778	>100
Timur	Tiada	243	Tidak dapat ditentukan	105	219	>100
Selatan	440	140	31.8	436	426	97.7

*Sumber: Rancangan Dan Pelaksanaan Operasi Mengikut Zon*

*Nota: Tiada Maklumat Bagi Tahun 2011*

- c. Setiap zon bertanggungjawab terhadap semua aktiviti penguatkuasaan bagi 3 negeri dan bilangan kakitangan serta bilangan lesen pengendali yang dikeluarkan mengikut zon adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.2**  
**PERBANDINGAN BILANGAN PERJAWATAN DENGAN LESEN YANG**  
**DIKELUARKAN BAGI SETIAP ZON DARI TAHUN 2011**  
**SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	KAWASAN TANGGUNGJAWAB	BILANGAN PERJAWATAN (A)	BILANGAN LESEN (B)	PURATA BILANGAN LESEN BAGI SETIAP PEGAWAI (B/A)
Tengah	Kuala Lumpur, Perak dan Selangor	221	116,621	528
Utara	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	65	18,303	282
Timur	Kelantan, Terengganu dan Pahang	55	6,821	124
Selatan	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor	64	16,044	251
<b>JUMLAH</b>		<b>405</b>	<b>157,789</b>	

*Sumber: Ringkasan Perjawatan Anggota Penguatkuasa SPAD Dan Statistik Lesen Dikeluarkan Dari Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (SIKAP)*

- d. Pihak Audit mendapati aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh dan pegawai terpaksa mengutamakan kes aduan berbanding aktiviti penguatkuasaan lain di samping penyediaan kertas siasatan. Berdasarkan analisis Audit, secara purata seorang pegawai bertanggungjawab memantau antara 124 hingga 528 lesen yang dikeluarkan kepada pengendali. Sehubungan itu, SPAD menghadapi kekangan perjawatan berbanding bilangan lesen pengendali yang dikeluarkan kerana aktiviti penguatkuasaan perlu dilaksanakan terhadap semua pengendali bagi memastikan syarat lesen sentiasa dipatuhi.

#### **3.4.1.2 Pengauditan Pematuhan Keselamatan**

- a. Seksyen 112 (7) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memberi kuasa kepada SPAD untuk menjalankan pengauditan terhadap pengendali berlesen termasuk akses kepada premis dan dokumen. SPAD menjalankan pengauditan terhadap syarikat pengendali bagi menilai tahap pematuhan syarikat terhadap Tata Amalan Industri Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ICOP SHE). Tata Amalan ini adalah terpakai bagi kenderaan perdagangan, barang, perkhidmatan awam dan pelancongan. Pada tahun 2013, SPAD telah mengeluarkan Buku Panduan SPAD ICOP - Keselamatan Untuk Pengendali Bas Dan Kenderaan Perdagangan selaras dengan kehendak Tata Amalan tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 43 syarikat telah diaudit oleh SPAD berbanding sasaran sebanyak 44 syarikat pada tahun 2011. Pada tahun 2012, sebanyak 169 syarikat diaudit melebihi sasaran sebanyak 156 syarikat. Bagaimanapun sehingga bulan Oktober 2013, tiada pengauditan dijalankan oleh SPAD. Selain itu, pengauditan yang dijalankan pada tahun 2011 dan 2012 hanya melibatkan syarikat bas ekspres. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.3**  
**PRESTASI PENGAUDITAN OLEH SPAD TERHADAP BAS EKSPRES**  
**MENGIKUT ZON PADA TAHUN 2011 HINGGA 2012**

ZON	2011			2012		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	Peratus (%)		(Bil.)	Peratus (%)
Tengah	24	28	117	96	97	101
Utara	14	9	64.3	21	31	148
Timur	4	4	100	14	16	114
Selatan	2	2	100	25	25	100
<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>	<b>43</b>		<b>156</b>	<b>169</b>	

*Sumber: Statistik Pengauditan Pematuhan Mengikut Zon*

Pada pendapat Audit, bilangan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan pada tahun 2013 adalah baik. Bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak menyeluruh. Ini menyebabkan objektif SPAD untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam darat kurang berkesan.

**Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan perancangan operasi pada tahun 2012 telah dilaksanakan berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Mulai tahun 2013, perancangan operasi telah dilaksanakan dan didokumenkan berpandukan kepada pencapaian SKT 2012 sebagai penanda aras. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan secara selektif disebabkan kekangan anggota dan kenderaan. Anggota penguatkuasa telah ditempatkan di kawasan tumpuan seperti Pudu Sentral, Terminal Bersepadu Selatan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 2013. Rondaan berkenderaan juga dirancang dan dilaksanakan di tempat lain yang menjadi tumpuan secara berkala.*

*SPAD juga memaklumkan pengauditan berdasarkan SPAD ICOP SHE-Safety telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2011 dengan kekuatan anggota seramai 10 orang berbanding keseluruhan 171 orang penguatkuasa. Bagaimanapun, proses pengauditan telah ditangguhkan sehingga bulan Oktober 2013 untuk semakan semula ICOP SHE. Kini ianya telah mula dikuatkuasakan semula. Tumpuan pengauditan adalah terhadap bas ekspres memandangkan ia merupakan mod pengangkutan pilihan orang awam. Pengauditan terhadap kenderaan perkhidmatan awam yang lain akan dilaksanakan secara berperingkat. Pengauditan terhadap syarikat bas ekspres dijangka selesai pada bulan Disember 2014.*

Pada pendapat Audit, SPAD sepatutnya menyediakan pelan strategik berkaitan aktiviti penguatkuasaan bagi jangka panjang dan pendek serta bukan berdasarkan SKT individu.

### **3.4.2 Kelewatan Menyelesaikan Kes Penguatkuasaan**

3.4.2.1 Manual Prosedur Kerja SPAD telah menetapkan semasa operasi dijalankan, Notis 79 (Notis Penyitaan Dokumen) dan satu panggilan temu siasat akan dikeluarkan kepada pengendali/pemandu yang melakukan kesalahan. Fail kes akan dibuka dan Laporan Pemeriksaan Penguatkuasa, Notis 225 (Notis Temu Siasat) dan pernyataan bahan bukti akan difaillkan. Kertas siasatan yang lengkap akan diserahkan kepada Pegawai Undang-undang (PUU) SPAD dan seterusnya perlu mendapatkan keizinan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk penetapan sama ada kesalahan dikenakan kompaun atau dibawa ke mahkamah.

3.4.2.2 Semakan Audit mendapati antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengendali/pemandu adalah berhubung dengan permit/dokumen seperti kegagalan mengemukakan salinan lesen pengendali dan permit perkhidmatan semasa diperiksa dan membawa muatan melebihi had yang dibenarkan. Butiran kesalahan yang dilakukan oleh pengendali/pemandu adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.4**  
**STATISTIK KESALAHAN MENGIKUT ZON**  
**BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

JENIS	KESALAHAN	TENGAH	UTARA	TIMUR	SELATAN	JUMLAH
Teksi	Kad Pemandu	1,473	73	14	96	1,656
	Tidak Guna Meter	317	60	-	89	466
	Permit/Dokumen	503	45	16	40	604
	Parkir	598	10	10	12	630
	Mengambil/Menurunkan Penumpang	214	38	11	51	314
	Lain-lain kesalahan	470	27	30	171	698
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,575</b>	<b>253</b>	<b>81</b>	<b>459</b>	<b>4,368</b>
Bas	Mengambil/Menurunkan Penumpang	563	134	21	21	739
	Permit/Dokumen	464	216	259	249	1,188
	Operasi Luar Kawasan	246	203	63	76	588
	Parkir	174	12	3	3	192
	Kawalan Tiket/ Tambang Lebih	100	20	45	151	316
	Lain-lain kesalahan	496	173	100	262	1,031
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,043</b>	<b>758</b>	<b>491</b>	<b>762</b>	<b>4,054</b>
Lori	Lebih Muatan	753	63	194	471	1,481
	Membawa muatan secara berbahaya	113	56	41	126	336
	Membawa muatan melebihi paras panel sisi	-	327	60	-	387
	Permit/dokumen	156	63	116	125	460
	Membawa muatan tidak dibenarkan	22	29	168	14	233
	Ubahsuai kenderaan tanpa kebenaran	5	31	50	-	86
	Lain-lain kesalahan	222	43	71	42	378
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,271</b>	<b>612</b>	<b>700</b>	<b>778</b>	<b>3,361</b>
'Ulat Tiket'	Memujuk/Mendesak	39	5	1	10	55
Tiada Permit	Tiada Lesen Pengendali	40	17	15	29	101
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>6,968</b>	<b>1,645</b>	<b>1,239</b>	<b>2,038</b>	<b>11,939</b>

*Sumber: Statistik Kesalahan Mengikut Zon*

3.4.2.3 Semakan Audit terhadap 11,453 fail kes yang dibuka dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapat sebanyak 6,123 atau 53.5% kes telah selesai dan 5,330 atau 46.5% kes masih dalam proses semakan Pegawai Undang-Undang dan dalam proses pendakwaan. Butiran lanjut mengenai status penyelesaian kes dan status kertas siasatan secara terperinci adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.5  
STATUS PENYELESAIAN KES SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	KES SELESAI		KES DALAM PROSES		JUMLAH (Bil.)
	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	
Tengah	3,820	56.2	2,975	43.8	6,795
Utara	1,043	63.4	602	36.6	1,645
Timur	792	61.5	496	38.5	1,288
Selatan	468	27.1	1,257	72.9	1,725
<b>JUMLAH</b>	<b>6,123</b>	<b>53.5</b>	<b>5,330</b>	<b>46.5</b>	<b>11,453</b>

Sumber: Status Kes Kesalahan Mengikut Zon

**JADUAL 3.6  
STATUS KERTAS SIASATAN SECARA TERPERINCI  
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

STATUS KES	PERKARA	BILANGAN KES MENGIKUT ZON				
		TENGAH	UTARA	TIMUR	SELATAN	JUMLAH
Kes Selesai	<i>Discharge Not Amounting To Acquittal (DNAA)</i>	19	-	-	1	20
	<i>No Further Action (NFA)</i>	60	108	25	44	237
	Amaran	396	97	140	53	686
	Kompaun	2,569	585	334	123	3,611
	Mahkamah	343	126	289	180	938
	Menunggu Tarikh Sebutan Kes	15	-	-	67	82
	Tangguh Urusniaga	418	127	4	-	549
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,820</b>	<b>1,043</b>	<b>792</b>	<b>468</b>	<b>6,123</b>
Fail Kes Dalam Proses	Dalam Siasatan (Urus Setia)	343	18	82	756	1,199
	Dalam Siasatan – Semakan Akhir	2,171	129	182	233	2,715
	Proses Perundungan	Sel Kompaun – Tunggu Kelulusan PUU	395	184	52	152
		TPR	66	271	180	116
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,975</b>	<b>602</b>	<b>496</b>	<b>1,257</b>	<b>5,330</b>

Sumber: Status Kes Kesalahan Mengikut Zon

3.4.2.4 Seksyen 235(2) dan 241(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menetapkan semua kompaun dan denda kerana telah melakukan kesalahan yang ditetapkan memerlukan keizinan bertulis daripada Timbalan Pendakwa Raya. Pihak Audit mendapat Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan SPAD tidak menetapkan tempoh masa kes diselesaikan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan Bahagian Penguatkuasaan telah menetapkan tempoh penyelesaian kes 60 hari daripada tarikh pengendali/pemandu hadir temu siasat sehingga kertas siasatan dikemukakan kepada Pegawai Undang-undang SPAD untuk semakan sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Timbalan

Pendakwa Raya. Semakan Audit terhadap 179 kes tangkapan dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati sebanyak 103 atau 57.5% kes lewat diselesaikan melebihi 60 hari. Sebanyak 58 kes lewat antara 61 hingga 240 hari, 30 kes lewat antara 241 hingga 420 hari dan 15 kes lewat 421 hingga 600 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.7**  
**TEMPOH PENYELESAIAN KES BERDASARKAN SAMPEL**  
**DARI TAHUN 2011 SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	BILANGAN KES DISEMAK	TEMPOH PENYELESAIAN KES (Hari)		
		61 - 240	241 - 420	>420
Tengah	40	5	6	1
Utara	57	29	3	4
Timur	41	15	6	2
Selatan	41	9	15	8
<b>JUMLAH</b>	<b>179</b>	<b>58</b>	<b>30</b>	<b>15</b>

*Sumber: Kertas Siasatan*

3.4.2.5 Pihak Audit dimaklumkan penyelesaian kes yang lama disebabkan oleh kegagalan pengendali/pemandu hadir untuk temu siasat dalam tempoh yang ditetapkan, pengendali/pemandu tidak dapat dihubungi kerana pertukaran alamat dankekangan perjawatan SPAD. Selain itu, keperluan dan kehendak daripada Timbalan Pendakwa Raya setiap negeri adalah berbeza. SPAD juga lebih mengutamakan kes-kes aduan berbanding kes tangkapan bagi mengelakkan persepsi negatif orang awam terhadap SPAD.

3.4.2.6 Semakan lanjut mendapati SPAD telah menyelenggara maklumat kertas siasatan menggunakan aplikasi Google Mail (Gmail). Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak dikemas kini dengan lengkap seperti tarikh hadir temu siasat, tarikh penyerahan kertas siasatan kepada Pegawai Undang-undang dan Timbalan Pendakwa Raya serta tarikh penyelesaian kes. Selain itu, terdapat maklumat yang dikemas kini berbeza dengan kertas siasatan. Pihak Audit juga mendapati sebahagian minit yang disertakan dalam kertas siasatan tidak dicatatkan tarikh bagi memantau dan memastikan kes diselesaikan dengan segera.

**Pada pendapat Audit, pengurusan penyelesaian kes adalah tidak memuaskan kerana kaedah pemantauan tidak diwujudkan bagi memantau tempoh penyelesaian kes secara berkesan.**

**Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 14 April Dan 6 Mei 2014.**

**SPAD memaklumkan Bahagian Penguatkuasaan menghadapi kekangan dalam aspek keanggotaan, kemahiran dan sistem teknologi maklumat. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasaan berusaha untuk menyiapkan kes**

*siasatan dengan segera. Kelewatan yang disebabkan oleh pihak lain tidak sewajarnya dibebankan kepada Bahagian Penguatkuasaan. Selain itu, tindakan penambahbaikan akan/sedang diambil bagi membantu Bahagian Penguatkuasaan memantau status pergerakan IP secara keseluruhannya.*

*SPAD juga memaklumkan faktor utama kelewatan semakan oleh PUU adalah kerana kekangan perjawatan dan keanggotaan PUU dan ketetapan jumlah penghantaran kes fail oleh TPR. Task Force telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2012 dan berjaya menyelesaikan semua kes tertunggak bagi tahun 2011 dan 2012. Manual Prosedur Kerja telah dikaji semula untuk mempercepatkan proses penyediaan IP iaitu dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kehadiran pemandu/pengendali untuk ditemu siasat sehingga fail kes diserah kepada PUU SPAD. Selain itu, seramai 147 anggota penguatkuasa telah menghadiri kursus bagi meningkatkan kemahiran.*

*Sistem Gmail juga diwujudkan bagi memantau status pergerakan IP sementara menunggu pembangunan SPAD Operator Licensing System. Ketidakketepatan fakta dalam sistem Gmail berlaku kerana pemindahan butiran dibuat secara manual. Oleh itu, kewujudan unsur terlepas pandang adalah tidak dinafikan. Semakan semula Sistem Gmail telah/sedang dilaksanakan bagi menentukan ketepatan butiran berdasarkan kepada setiap kertas siasatan.*

### **3.4.3 Tiada Tempat Khas Bagi Penyimpanan Kenderaan Sita**

3.4.3.1 Seksyen 80 dan 81 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah memberi kuasa kepada pegawai polis berpangkat Inspektor dan ke atas, pegawai pengangkutan jalan serta pegawai penguatkuasa SPAD yang dilantik untuk menahan dan menyita kenderaan yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 28, 36, 46, 51 atau 63, subseksyen 22(3), 41(3) atau 57(3), atau perenggan 23(1)(b) atau 58(1)(b). Prosedur Penyitaan Kenderaan di bawah Seksyen 80 dan 81 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Bilangan 6.1 (6) menetapkan kenderaan yang disita hendaklah disimpan di tempat yang selamat seperti ditetapkan oleh Suruhanjaya. Sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 103 kenderaan telah disita di mana 21 kenderaan telah dilucut hak, 52 kenderaan diserah semula dan baki 30 kenderaan masih dalam proses pendakwaan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.8**  
**BILANGAN KENDERAAN SITA DARI TAHUN 2011**  
**SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	LUCUT HAK	SERAH SEMULA	PROSES PENDAKWAAN	JUMLAH
Tengah	16	25	12	53
Utara	-	7	6	13
Selatan	3	18	1	22
Timur	2	2	11	15
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>52</b>	<b>30</b>	<b>103</b>

*Sumber: Senarai Kenderaan Yang Disita Mengikut Zon*

3.4.3.2 Semakan Audit mendapati SPAD tidak mempunyai tempat khas untuk menyimpan kenderaan yang telah disita. Lawatan Audit pada bulan Oktober dan November 2013 mendapati kenderaan sita ditempatkan di ruang parkir dan kawasan sekitar pejabat serta kandang sita dan Stesen Penimbang JPJ untuk sementara waktu. Ini disebabkan SPAD menghadapi kekangan kewangan kerana kos untuk mendapatkan tanah komersial dan persendirian bagi menempatkan kenderaan sita adalah tinggi. SPAD telah mengambil inisiatif memohon kerjasama daripada agensi Kerajaan lain di bawah konsep Strategi Lautan Biru bagi menggunakan pakai kemudahan dan tempat penyimpanan kenderaan sita sedia ada. Manual Prosedur Kerja Penyelarasaran Penguatkuasaan Agensi-Agenzi Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Malaysia telah dimeterai pada 9 Oktober 2012 melibatkan kerjasama dalam operasi penguatkuasaan. Manual Prosedur Kerja ini telah dipersetujui antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan SPAD. Bagaimanapun, SPAD menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada agensi Kerajaan yang berkaitan. Keadaan tempat penyimpanan kenderaan sita adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.1**  
**Kenderaan Sita Ditempatkan Di Kawasan Parkir Pejabat**



Lokasi: Ruang Parkir Persada Plus, Subang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

**GAMBAR 3.2**  
**Kenderaan Sita Ditempatkan di Kawasan Parkir Milik JPJ**



Lokasi: JPJ Taman Daya, Johor Bahru  
Tarikh: 13 November 2013



**GAMBAR 3.3**  
**Kenderaan Sita Ditempatkan Di Kawasan Pejabat Yang Mudah Diakses Oleh Orang Awam**

Lokasi: Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Zon Timur, Terengganu  
Tarikh: 17 November 2013

**GAMBAR 3.4**  
**Kenderaan Sita Diletakkan Dalam Kawasan JPJ Kuantan Yang Boleh Diakses Oleh Orang Awam**



Lokasi: JPJ Kuantan  
Tarikh: 19 November 2013



**3.4.3.3** Pihak Audit dimaklumkan ketiadaan tempat penyimpanan kenderaan sita menyebabkan kenderaan berat seperti bas dan lori yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 80 dan 81 tidak dapat disita. SPAD juga menerima

aduan daripada JPJ kerana meletakkan kenderaan sita terlalu lama dan melebihi kuota yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam surat kebenaran meletakkan kenderaan sita yang dikeluarkan oleh JPJ. Selain itu, SPAD memaklumkan pihaknya menerima aduan daripada pemilik premis kerana meletakkan kenderaan sita di kawasan parkir pejabat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kenderaan sita adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan tempat khas bagi penyimpanan kenderaan sita, kawasan penyimpanan tidak berpagar dan boleh diakses oleh orang awam.**

#### **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

***SPAD memaklumkan pihaknya telah memperoleh tapak sita di Mukim Labu, Nilai yang dijangka beroperasi pada akhir tahun 2014. SPAD juga akan meneruskan usaha sama dengan agensi penguatkuasa lain bagi menggunakan pakai kemudahan dan tempat penyimpanan kenderaan sita sedia ada.***

#### **3.4.4 Kenderaan Sita Yang Telah Dilucut Hak Belum Dilupuskan**

3.4.4.1 Seksyen 227(7), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menyatakan kenderaan yang dilucut hak hendaklah diserahkan kepada SPAD dan dilupuskan mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh SPAD. SPAD mempunyai polisi pelupusan barang rampasan/lucut hak yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2013. Bagaimanapun, polisi tersebut masih belum diluluskan oleh Suruhanjaya.

3.4.4.2 Semakan Audit mendapati sebanyak 21 kenderaan telah dilucut hak oleh mahkamah terdiri daripada 6 kenderaan yang dilucut hak pada tahun 2012 dan 15 kenderaan sehingga bulan Oktober 2013. Kenderaan tersebut masih disimpan dan belum diambil tindakan pelupusan antara 1 hingga 16 bulan dari tarikh lucut hak. Prosedur pelupusan kenderaan pula masih di peringkat draf dan semakan bagi mendapatkan kelulusan Suruhanjaya. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.9  
KENDERAAN SITA YANG TELAH DILUCUT HAK BELUM DILUPUSKAN  
SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	TARIKH LUCUT HAK	NOMBOR PENDAFTARAN	TEMPAT SIMPANAN	TEMPOH (Bulan)
Tengah	18.06.2012	WTT 8481	Ruang Parkir Persada Plus, Subang	16
	18.06.2012	BFT 8613		16
	11.09.2012	WEF 9998		13
	11.09.2012	WJG 7443		13
	11.09.2012	JDN 1389		13

ZON	TARIKH LUCUT HAK	NOMBOR PENDAFTARAN	TEMPAT SIMPANAN	TEMPOH (Bulan)
	30.05.2013	BJN 3749		5
	30.05.2013	BDK 2204		5
	30.05.2013	BFS 9007		5
	15.07.2013	PBV 7443		3
	03.06.2013	BDC 6035		5
	30.09.2013	WJW 2202		1
	30.09.2013	WRN 3067		1
	30.09.2013	JGK 4204		1
	18.07.2013	WMP 8857		3
	18.07.2013	BDQ 7462		3
	18.07.2013	WKL 6146		3
Timur	09.07.2012	DS 393	JPJ Air Sejuk Setiu, Terengganu	16
	28.03.2013	WGJ 5377	Balai Polis Kuala Besut, Terengganu	7
Selatan	23.09.2013	JJY 9383	Kandang Sita C, JPJ Taman Daya, Johor	1
	23.09.2013	JJL 4818		1
	13.09.2013	PA 7951 P		1

Sumber: Senarai Kenderaan Lucut Hak Mengikut Zon

3.4.4.3 Lawatan Audit dari bulan Oktober sehingga Disember 2013 mendapati kenderaan sita yang telah dilucut hak masih belum diambil tindakan pelupusan dan disimpan di tempat yang tidak selamat. Keadaan ini menyebabkan nilai semasa kenderaan berkurangan kerana susut nilai serta kenderaan tersebut menjadi tidak ekonomik untuk dilupuskan secara jualan sekiranya ia disimpan terlalu lama. Antara kenderaan yang telah dilucutkan hak adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.5**  
Kenderaan Lucut Hak Yang Masih Belum Diambil Tindakan Pelupusan



Lokasi: Kandang C, JPJ Taman Daya, Johor  
Tarikh: 13 November 2013

**GAMBAR 3.6**  
Kenderaan Lucut Hak Yang Disimpan Di Kawasan Parkir Pejabat



Lokasi: Ruang Parkir Persada Plus, Subang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan kenderaan yang dilucut hak adalah kurang memuaskan kerana prosedur pelupusan masih belum dimuktamad dan diluluskan. Ini menyebabkan kenderaan yang dilucut hak masih belum diambil tindakan pelupusan.

#### **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan polisi pelupusan barang rampasan/lucut hak telah disediakan dan menunggu kelulusan pengurusan tertinggi SPAD. Polisi ini dijangka akan berkuat kuasa pada bulan September 2014.*

#### **3.4.5 Pengurusan Aduan Tidak Dipantau**

3.4.5.1 Aduan yang diterima melalui surat, emel, telefon, khidmat pesanan ringkas dan hadir sendiri ke pejabat SPAD akan direkodkan oleh Bahagian Pengurusan Aduan dan Pegawai Penguatkuasa akan menyiasat berkenaan aduan tersebut. Manual Prosedur Kerja Pengurusan Aduan menetapkan Bahagian Pengurusan Aduan hendaklah memaklumkan kepada pengadu mengenai notis tarikh temu siasat dalam tempoh 5 hari bekerja dan semua aduan yang diterima hendaklah diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja. Seterusnya maklum balas melalui surat kepada pengadu terhadap tindakan yang telah diambil akan dihantar dalam tempoh 3 hari bekerja setelah keputusan diterima daripada Bahagian Penguatkuasaan.

3.4.5.2 Semakan Audit terhadap maklumat aduan melalui Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam Bersepadu (iSPAAA) mendapati 3,835 kes aduan lewat diselesaikan antara 31 hingga 90 hari dan 4,366 aduan lewat diselesaikan melebihi 90 hari daripada 17,920 aduan yang dilaporkan sehingga 31 Oktober 2013. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan menyelesaikan kes-kes aduan ini adalah disebabkan pengendali/pemandu gagal hadir temu siasat dalam tempoh yang ditetapkan dan maklumat aduan yang diterima adalah terlalu umum. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.10  
KELEWATAN PENYELESAIAN KES ADUAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

TEMPOH MASA PENYELESAIAN KES ADUAN (Hari)			
1-30	31 – 90	Melebihi 90	JUMLAH
9,719	3,835	4,366	17,920

Sumber: iSPAAA

3.4.5.3 Semakan lanjut mendapati kedudukan kes kelewatan penyelesaian aduan boleh dipantau daripada Sistem iSPAAA. Bagaimanapun, data kes aduan yang diterima tidak dipantau dan dibincangkan dari semasa ke semasa.

Mesyuarat secara berkala di peringkat Bahagian Penguatkuasaan SPAD tidak diadakan bagi membincangkan kedudukan kes-kes aduan yang belum selesai dan tindakan lanjut yang perlu diambil. Ini boleh menyebabkan banyak kes aduan yang tidak diselesaikan dan menimbulkan persepsi negatif orang awam terhadap perkhidmatan SPAD.

**Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap kes aduan adalah kurang memuaskan kerana mekanisme pemantauan yang diwujudkan tidak dibuat secara berkala. Ini menyebabkan kes aduan tidak dapat diselesaikan mengikut prosedur yang ditetapkan.**

**Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan kekangan keanggotaan merupakan faktor utama yang menyumbang kelewatan pemprosesan aduan di samping faktor luar yang menjurus kepada pembuktian aduan seperti pengendali dan pemandu tidak hadir temu siasat, fakta aduan tidak mencukupi dan tidak ditapis atau tiada kawalan terhadap keperluan fakta kes menyebabkan banyak kes tertunggak. Bahagian Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:*

- *Aduan yang tidak mempunyai fakta pembuktian yang mencukupi untuk siasatan akan digugurkan.*
- *Surat Peringatan telah dikeluarkan sebagai langkah kawalan/pencegahan dan proses tersebut masih dijalankan.*
- *Pendekatan bagi mendapatkan keterangan daripada pengadu dilaksanakan sama ada secara memanggil pengadu hadir ke pejabat SPAD atau Pegawai SPAD diatur gerakkan ke lokasi pengadu atau mengambil keterangan melalui emel telah dilaksanakan.*
- *Tindakan penangguhan urus niaga melalui sistem SIKAP telah/akan dilaksanakan kepada pemandu/pengendali yang gagal hadir temu siasat.*

*SPAD memaklumkan Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan telah dilaksanakan sebanyak 9 kali dari tahun 2011 sehingga 2013 dan telah diminitkan. Maklumat prestasi aktiviti penguatkuasaan dan pencapaian dalam aspek penyelesaian kes telah dan dipantau setiap bulan kerana ia perlu dimaklumkan kepada ahli Suruhanjaya SPAD yang bermesyuarat pada setiap bulan.*

### 3.4.6 Kompaun

3.4.6.1 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah menetapkan seseorang pengendali berlesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan kepada lesen pengendali, apabila disabitkan, akan didenda tidak kurang daripada RM1,000 tetapi tidak lebih daripada RM10,000 hingga maksimum RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan hingga 2 tahun atau kedua-duanya mengikut kesalahan yang dilakukan. Peraturan-peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pengkompaunan Kesalahan) telah diwartakan pada bulan Ogos 2011 dan pindaan pada bulan Februari 2013. Manual Prosedur Kerja Penguatkuasaan menetapkan pemandu atau pengusaha kenderaan perdagangan dan perkhidmatan yang telah dibuktikan bersalah dan bersetuju dengan nilai kompaun yang dikenakan hendaklah menjelaskan bayaran kompaun dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh Notis Tawaran Kompaun dikeluarkan.

3.4.6.2 Semakan Audit mendapati sejumlah RM868,798 daripada RM2.72 juta atau 31.9% kompaun belum dijelaskan dari tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.11  
KOMPAUN BELUM DIJELASKAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

TAHUN	KOMPAUN DIKENAKAN (RM) A	KOMPAUN TELAH DIJELASKAN (RM) B	KOMPAUN BELUM DIJELASKAN A-B	
			(RM)	PERATUS (%)
2011	268,000	265,650	2,350	0.9
2012	559,050	501,900	57,150	10.2
2013	1,892,908	1,083,610	809,298	42.8
<b>JUMLAH</b>	<b>2,719,958</b>	<b>1,851,160</b>	<b>868,798</b>	<b>31.9</b>

Sumber: Sistem SIKAP

3.4.6.3 Semakan lanjut mendapati SPAD Zon Timur mencatatkan jumlah kompaun belum dijelaskan tertinggi iaitu sejumlah RM425,748 atau 49% diikuti oleh Zon Tengah sejumlah RM294,750 atau 33.9% seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.12  
KOMPAUN BELUM DIJELASKAN MENGIKUT ZON SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	TAHUN			JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)		
Timur	-	2,000	423,748	425,748	49.0
Tengah	1,450	29,600	263,700	294,750	33.9
Utara	600	23,600	62,000	86,200	9.9
Selatan	300	1,950	59,850	62,100	7.2
<b>JUMLAH</b>				<b>868,798</b>	

Sumber: Sistem SIKAP

3.4.6.4 Analisis Audit terhadap kompaun yang telah dijelaskan sehingga bulan Oktober 2013 mendapat sebanyak 115 kompaun lewat dijelaskan antara 7 hingga 9 bulan, 55 kompaun lewat antara 10 hingga 12 bulan dan 29 kompaun lewat melebihi 12 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.13  
KELEWATAN KOMPAUN DIJELASKAN  
MENGIKUT ZON SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)				
	1 - 3	4 - 6	7 - 9	10 - 12	>12
Tengah	702	166	72	34	16
Utara	264	54	29	16	9
Timur	72	1	1	-	-
Selatan	90	11	13	5	4
<b>JUMLAH</b>	<b>1,128</b>	<b>232</b>	<b>115</b>	<b>55</b>	<b>29</b>

*Sumber: Sistem SIKAP*

3.4.6.5 Semakan Audit mendapat sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 583 atau 78.9% daripada 739 kompaun yang belum dijelaskan telah melebihi 2 bulan. Analisis Audit mendapat sebanyak 114 kompaun lewat antara 7 hingga 9 bulan, 47 kompaun lewat antara 10 hingga 12 bulan dan 61 kompaun lewat melebihi 12 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.14  
KELEWATAN KOMPAUN YANG BELUM  
DIJELASKAN MENGIKUT ZON SEHINGGA 31 OKTOBER 2013**

ZON	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)					
	1 - 3	4 - 6	7 - 9	10 - 12	>12	JUMLAH
Tengah	125	154	98	29	26	432
Utara	19	12	10	16	24	81
Timur	17	2	1	-	5	25
Selatan	23	9	5	2	6	45
<b>JUMLAH</b>	<b>184</b>	<b>177</b>	<b>114</b>	<b>47</b>	<b>61</b>	<b>583</b>

*Sumber: Sistem SIKAP*

3.4.6.6 Pihak Audit dimaklumkan tiada tindakan khusus diambil terhadap pengendali yang gagal menjelaskan bayaran kompaun. Sistem SIKAP akan membekukan transaksi lesen pengendali seperti yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja Bahagian Penguatkuasaan sekiranya kompaun belum dijelaskan. Oleh itu, kompaun tersebut akan dapat dipungut walaupun melebihi tempoh yang ditetapkan kerana pengendali terpaksa menjelaskan bayaran kompaun sebelum lesen boleh diperbaharui. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap status pembekuan dalam Sistem SIKAP bagi kompaun yang belum

dijelaskan mendapati hanya sebanyak 75 kompaun berstatus beku manakala baki 490 kompaun berstatus aktif dan 18 kompaun berstatus batal.

Pada pendapat Audit, SPAD tidak memantau pembayaran kompaun dengan berkesan. Kawalan melalui pembekuan transaksi lesen pengendali dalam Sistem SIKAP adalah lemah kerana kompaun hanya dibayar apabila pengendali memperbaharui lesen.

#### **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan tempoh bagi penyelesaian kompaun yang dikeluarkan melalui Borang 1 adalah selama 60 hari dengan tawaran tambahan tempoh penyelesaian selama 30 hari lagi. Selepas tempoh tersebut, tindakan untuk mendapatkan keizinan pendakwaan akan dipohon. Bagaimanapun, tanpa mengambil kira tindakan untuk mendapatkan keizinan pendakwaan, kes yang direkodkan dalam Sistem SIKAP masih berstatus kompaun walaupun telah mendapat keizinan pendakwaan kerana sistem ini belum dinaiktaraf dan tidak mampu mendaftar butiran status kes secara nyata. Ini menyebabkan data bilangan hari untuk menjelaskan kompaun terus meningkat.*

*SPAD juga membuat penambahaikan dengan mengambil tindakan pendakwaan terhadap pengendali yang gagal menjelaskan kompaun selepas tempoh 90 hari. Tindakan susulan untuk memaklumkan kepada pengendali/pemandu untuk membayar kompaun juga telah diambil seperti mengeluarkan surat peringatan/Notis Pemberitahuan Pembayaran Kompaun dan menghubungi pengendali. Status kelewatan kompaun yang belum dijelaskan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:*

- *Zon Timur (25 Kes): 13 kes telah membuat pembayaran dan 12 kes dalam proses pendakwaan.*
- *Zon Tengah (432 Kes): 26 kes telah membuat pembayaran dan 406 kes dalam proses pendakwaan.*
- *Zon Selatan (45 Kes): 30 kes telah membuat pembayaran, 8 kes dalam proses pendakwaan dan 7 kes telah selesai pendakwaan.*
- *Zon Utara (81 Kes): 10 kes telah membuat pembayaran dan 71 kes dalam proses pendakwaan.*

#### **3.4.7 Kemudahan dan Keperluan Logistik**


##### **3.4.7.1 Stor Penyimpanan Bahan Bukti/Dokumen**

- a. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan aset Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan

pegawai yang bertanggungjawab. Arahan Keselamatan hendaklah dipatuhi bagi mengelak kerosakan dan kehilangan aset. Selain itu, bahan bukti kes perlu disimpan dengan selamat bagi tujuan kompaun dan pendakwaan.

- b. Semakan Audit terhadap penyimpanan semua bahan bukti seperti lesen, permit pengendali, kunci kereta sita dan sampel batuan di SPAD Zon Tengah, Selatan, Timur dan Utara mendapati secara keseluruhannya senarai bahan bukti telah disediakan, disimpan di tempat yang selamat dan diselia oleh pegawai yang dilantik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:
  - i. Lawatan Audit ke SPAD Zon Tengah mendapati bahan bukti seperti kunci kereta sita, *walkie-talkie* sita dan wang risikan disimpan dalam kabinet berkunci di bilik pegawai logistik. Bilik berkenaan hanya boleh diakses oleh pegawai dilantik dan daftar bahan bukti telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, bilik tersebut telah diubah suai dari bilik suis disebabkan kekurangan ruang pejabat di SPAD Zon Tengah. Ini boleh mengakibatkan kemusnahan bahan bukti kerana risiko kebakaran adalah tinggi. Keadaan tempat penyimpanan bahan bukti di bilik pegawai adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.7**  
**Antara Bahan Bukti Yang Disimpan  
Dalam Kabinet Berkunci Di Bilik  
Pegawai**



Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013

**GAMBAR 3.8**  
**Bilik Suis Yang Telah Diubahsuai Menjadi  
Bilik Pegawai Kerana Kekangan Ruang  
Pejabat**



Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013

- ii. Lawatan Audit ke SPAD Zon Tengah juga mendapati Borang Kompaun disimpan dalam stor senjata yang boleh diakses oleh semua pegawai. Selain itu, bekalan pejabat juga disimpan di laluan pintu kecemasan. Keadaan ini boleh menyebabkan kesukaran menyelamatkan diri ketika berlaku kecemasan atau kebakaran. Pihak Audit dimaklumkan ruang stor adalah terhad dan pegawai terpaksa menggunakan ruang yang ada bagi

menempatkan dokumen dan peralatan. Keadaan tempat penyimpanan adalah seperti gambar berikut:


**GAMBAR 3.9**  
**Borang Kompaun Disimpan Dalam Stor Senjata Yang Boleh Diakses Oleh Semua Pegawai**



Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013

Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013

**GAMBAR 3.10**  
**Bekalan Pejabat Disimpan Di Laluan Kecemasan**



Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013

Lokasi: Ibu Pejabat SPAD  
Tarikh: 10 Oktober 2013


- iii. Lawatan Audit ke SPAD Zon Timur mendapati peralatan penguatkuasaan seperti *baton light*, kon dan papan tanda bagi sekatan jalan raya telah disimpan dalam kereta kerana ruang stor yang terhad. Selain itu, *generator* dan kaki *portable weigher* untuk menimbang kenderaan berat telah disimpan di bawah tangga pejabat. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya kehilangan dan kerosakan aset tersebut. Keadaan tempat penyimpanan peralatan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 3.11**  
**Peralatan Penguatkuasaan Disimpan Dalam Kereta Kerana Ruang Stor Yang Terhad**



Lokasi: Pejabat SPAD Wilayah Timur  
Tarikh: 17 November 2013

**GAMBAR 3.12**  
**Peralatan Penguatkuasaan Disimpan Di Bahagian Bawah Tangga Pejabat**



Lokasi: Pejabat SPAD Wilayah Timur  
Tarikh: 17 November 2013

#### **3.4.7.2 Keperluan Peralatan**

- a. Kemudahan peralatan yang lengkap amat penting bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan cekap. Peralatan perhubungan seperti *walkie talkie* memudahkan pegawai penguatkuasa berhubung antara satu sama lain semasa bertugas. Selain itu, *mobile operation vehicle* perlu untuk membolehkan pegawai penguatkuasa membuat akses terus terhadap Sistem SIKAP bagi mendapatkan maklumat pengendali lesen semasa operasi dijalankan.
- b. Pihak Audit mendapati pegawai penguatkuasa tidak dibekalkan dengan alat perhubungan dan *mobile operation vehicle* bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaannya. Bahagian Penguatkuasaan telah membuat permohonan keperluan *mobile operation vehicle* kepada Ibu Pejabat SPAD pada 12 November 2012. Bagaimanapun, permohonan tersebut masih dalam proses pertimbangan pihak Ibu Pejabat berdasarkan peruntukan yang diperlukan kerana kos yang agak tinggi.

#### **3.4.7.3 Kemudahan Bilik Temu Siasat**

- a. Pengendali/pemandu yang melakukan kesalahan akan dipanggil untuk ditemu siasat di pejabat SPAD setiap zon. Bilik temu siasat perlu disediakan dengan kemudahan yang lengkap bagi keselesaan pengendali/pemandu dan melancarkan proses temu siasat. Lawatan Audit ke pejabat SPAD di setiap zon mendapati bilik temu siasat ada disediakan seperti gambar berikut:



**GAMBAR 3.13  
Bilik Temu Siasat**

Lokasi: Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Zon Timur,  
Terengganu  
Tarikh: 17 November 2013

- b. Lawatan Audit ke pejabat SPAD yang beroperasi di Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru mendapati tiada bilik khas bagi temu siasat disediakan. Sesi temu siasat hanya diadakan dalam ruang pejabat pegawai penguatkuasa yang sempit dengan keluasan 7.62 meter persegi yang menempatkan seramai 11 pegawai penguatkuasa. Ini menyebabkan pengendali/pemandu terpaksa menunggu lama kerana hanya seorang pengendali/pemandu boleh ditemu siasat dalam satu sesi. Selain itu, keadaan ini menyebabkan pengendali/pemandu kurang selesa dan mengganggu pegawai penguatkuasa untuk melaksanakan tugas.
- c. Pihak Audit dimaklumkan SPAD Zon Selatan menempatkan pegawai penguatkuasa di Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru untuk memudahkan pengendali/pemandu hadir temu siasat. Ini adalah kerana kebanyakan kes kesalahan adalah di kawasan Johor Bahru. Bagaimanapun, ruang pejabat adalah terhad kerana dikongsi bersama pegawai Bahagian Pelesenan. Keadaan ruang pejabat adalah seperti gambar berikut:



**GAMBAR 3.14  
Ruang Yang Sempit Digunakan Sebagai  
Pejabat Dan Bilik Temu Siasat**

Lokasi: Pejabat JPJ Taman Daya, Johor Bahru  
Tarikh: 13 November 2013

**Pada pendapat Audit, penyimpanan bahan bukti dan dokumen, keperluan peralatan penguatkuasaan dan ruang bilik temu siasat adalah kurang memuaskan kerana ia menjelaskan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan.**

## **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan peruntukan sejumlah RM500,000 bagi perolehan alat perhubungan dan RM200,000 bagi satu unit Mobile Operation Vehicle telah diperuntukkan pada akhir tahun 2013. Spesifikasi bekalan dan perkhidmatan sedang dijalankan dan dijangka perolehan dilaksanakan dalam pertengahan tahun 2014. Selain itu, perancangan tahun 2014 bagi Zon Selatan adalah melibatkan pembukaan pejabat baru SPAD di Menara Cyberport Johor Bahru. Pejabat SPAD di JPJ akan ditutup dan dipindahkan ke lokasi ini sebaik kerja pengubahsuaian disiapkan pada awal suku keempat 2014.*

*SPAD juga memaklumkan stor berasingan akan disediakan sekiranya peruntukan diberikan untuk penyewaan bangunan diluluskan. Bagaimanapun, buat masa ini, Bahagian Penguatkuasaan menggunakan ruang yang ada untuk menyimpan bahan bukti dan peralatan serta akan memastikan ia disimpan dengan selamat. Kawalan terhadap stor telah diwujudkan dengan menyediakan kunci dan hanya boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab sahaja.*

### **3.4.8 Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai / Anggota Penguatkuasa SPAD**

3.4.8.1 Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 310 pegawai di Bahagian Penguatkuasaan SPAD yang terdiri daripada 133 pegawai di Zon Tengah, 58 pegawai di Zon Selatan, 55 pegawai di Zon Timur dan 64 pegawai di Zon Utara bagi menilai tahap kepuasan pegawai terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- a. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pegawai/anggota penguatkuasa SPAD terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain adalah baik. Bagaimanapun, sebanyak 73.5% responden tidak berpuas hati terhadap kemudahan kenderaan jabatan yang disediakan untuk kegunaan operasi dan tugas luar pejabat. Sebanyak 51.6% responden pula tidak berpuas hati terhadap keadaan ruang pejabat serta jaminan keselamatan yang diterima oleh pegawai penguatkuasa ketika bertugas. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.15**  
**TAHAP KEPUASAN PEGAWAI TERHADAP AKTIVITI**  
**PENGURUSAN PENGUATKUASAAN**

PERIHAL		TAHAP KEPUASAN 310 RESPONDEN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN SPAD									
		ZON TENGAH 133 RESPONDEN		ZON SELATAN 58 RESPONDEN		ZON TIMUR 55 RESPONDEN		ZON UTARA 64 RESPONDEN		PERATUS (%) KESELURUHAN RESPONDEN	
		BAIK	TM	BAIK	TM	BAIK	TM	BAIK	TM	BAIK	TM
<b>Keperluan Asas</b>	Tempoh Masa Bekerja	123	10	57	1	54	1	58	6	94.2	5.8
	Latihan	107	26	54	4	43	12	53	11	82.9	17.1
	Tuntutan Perjalanan	114	19	53	5	36	19	52	12	82.3	17.7
	Kerja Lebih Masa	113	20	53	5	39	16	48	16	81.6	18.4
	Pakaian Seragam	79	54	43	15	35	20	37	27	62.6	37.4
	Ruang Pejabat	73	60	22	36	14	41	41	23	48.4	51.6
<b>Keperluan Menjalankan Tugas</b>	Arahan / S.O.P	102	31	56	2	52	3	56	8	85.8	14.2
	Bilangan Pegawai Berbanding Kawasan Wilayah	84	49	48	10	39	16	33	31	65.8	34.2
	Peralatan	87	46	41	17	38	17	31	33	63.5	36.5
	Jaminan Keselamatan	58	75	39	19	25	30	28	36	48.4	51.6
	Kenderaan Jabatan	56	77	16	42	4	51	6	58	26.5	73.5
<b>Hubungan / Kerjasama Agensi Penguatkuasa Lain</b>	Kerjasama Menjalankan Operasi	113	20	55	3	43	12	58	6	86.8	13.2
	Perkongsian Maklumat	102	31	51	7	42	13	50	14	79.0	21.0
	Perkongsian Kemudahan / Peralatan Logistik	104	29	49	9	33	22	55	9	77.7	22.3

*TM : Tidak Memuaskan*

*Sumber: Soal Selidik Oleh Jabatan Audit Negara*

b. Analisis lanjut terhadap komen dan cadangan bagi penambahbaikan aktiviti penguatkuasaan mendapati perkara berikut:

- Pemberian pakaian seragam yang lebih sesuai dan berkualiti perlu diberi setiap tahun;
- Membeli kenderaan yang bersesuaian bagi menampung pertambahan anggota supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan;
- Membekal peralatan bantuan operasi seperti alat perhubungan komunikasi, kamera, khemah, lampu dan sebagainya;

- Pertambahan anggota menyebabkan peralatan pejabat seperti meja, kerusi dan komputer tidak mencukupi di sesetengah zon;
- Ruang kerja yang tidak kondusif di sesetengah zon boleh mempengaruhi hasil dan kualiti kerja pegawai penguatkuasa;
- Mewujudkan cawangan SPAD di setiap negeri untuk kemudahan pengguna dan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan; dan
- Memberi latihan yang berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan seni mempertahankan diri.

Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pegawai/anggota penguatkuasa SPAD terhadap keperluan asas, keperluan menjalankan tugas serta hubungan/kerjasama agensi penguatkuasa yang lain adalah baik. Bagaimanapun, pegawai/anggota penguatkuasa tidak berpuas hati terhadap kemudahan kenderaan jabatan yang disediakan dan keadaan ruang pejabat serta jaminan keselamatan yang diterima oleh pegawai penguatkuasa ketika bertugas.

#### **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 14 April Dan 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan Bahagian Penguatkuasaan telah dan masih merancang pembelian kenderaan jabatan, peralatan operasi, keperluan pejabat dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan kewangan. Penempatan anggota di setiap negeri adalah bergantung kepada kekuatan anggota dan ruang pejabat. Perancangan bagi tahun 2014 untuk Zon Selatan adalah melibatkan pembukaan pejabat baru SPAD di Menara Cyberport, Johor Bahru susulan penutupan Pejabat SPAD di JPJ Taman Daya pada akhir tahun 2014.*

*SPAD juga memaklumkan modul latihan berkaitan bidang penguatkuasaan dan seni mempertahankan diri telah dilaksanakan khasnya ketika Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa dan Kursus Lanjutan Pegawai Penguatkuasa. Anggota penguatkuasa telah dibekalkan dengan peralatan untuk mempertahankan diri. Selain itu, SPAD dalam proses perolehan peralatan keselamatan lain.*

#### **3.4.9 Pemantauan**

3.4.9.1 Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan penguatkuasaan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mengenal pasti masalah di peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaiannya.

3.4.9.2 Semakan Audit mendapati aktiviti penguatkuasaan termasuk jenis penguatkuasaan bulanan dan statistik kesalahan mengikut mod pengangkutan awam telah dibincang dalam Mesyuarat Suruhanjaya setiap bulan.

Bagaimanapun, mesyuarat secara berkala di peringkat Bahagian Penguatkuasaan SPAD tidak diadakan manakala tiada mesyuarat dijalankan di peringkat Suruhanjaya bagi membincangkan kedudukan kes-kes aduan yang belum selesai dan tindakan lanjut yang perlu diambil. Ini boleh menyebabkan banyak kes aduan yang tidak diselesaikan. Status tempoh penyelesaian kes juga tidak dibincangkan bagi memastikan kes diselesaikan dengan segera.

Pada pendapat Audit, SPAD telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaannya melalui Mesyuarat Bahagian Penguatkuasaan dan Suruhanjaya. Bagaimanapun, pemantauan adalah tidak menyeluruh kerana kes aduan dan tangkapan tidak dibincangkan menyebabkan tempoh penyelesaian kes mengambil masa yang lama.

#### **Maklum Balas Daripada SPAD Diterima Pada 14 April Dan 6 Mei 2014.**

*SPAD memaklumkan Mesyuarat Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan telah dilaksanakan sebanyak 9 kali dari tahun 2011 sehingga 2013 dan telah diminitkan. Maklumat prestasi aktiviti penguatkuasaan dan pencapaian dalam aspek penyelesaian kes telah dan sentiasa dipantau setiap bulan kerana ia perlu dimaklumkan kepada ahli Suruhanjaya SPAD yang bermesyuarat pada setiap bulan. Kaedah pemantauan lain adalah seperti berikut:*

- i. *Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan adalah berdasarkan aduan yang diterima.*
- ii. *Menetapkan KPI terhadap semua Jabatan/Zon/Unit.*
- iii. *Pemantauan dilaksanakan melalui mesyuarat staf.*
- iv. *Laporan bulanan kepada Suruhanjaya.*
- v. *Pemantauan secara lisan.*

### **3.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan SPAD mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1 SPAD hendaklah mendapatkan kerjasama selaras dengan Strategi Lautan Biru daripada JPJ dan PDRM dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan secara menyeluruh. Selain itu, dengan kerjasama tersebut masalah tempat penyimpanan kenderaan sita boleh diatasi.

3.5.2 SPAD hendaklah menetapkan tempoh penyelesaian kes di peringkat Bahagian Penguatkuasaan dalam Manual Prosedur Kerja. Di samping itu, mekanisme pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan termasuk perbincangan mengenai status tempoh penyelesaian kes dalam Mesyuarat Pengurusan bagi memastikan kes diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. SPAD juga hendaklah

sentiasa mengemas kini maklumat kertas siasatan dalam Sistem Gmail dengan lengkap dan tepat.

3.5.3 SPAD hendaklah mewujudkan mekanisme kutipan kompaun yang berkesan termasuk mengeluarkan surat peringatan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengendali/pemandu yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh yang ditetapkan.

3.5.4 SPAD hendaklah memastikan kemudahan dan peralatan yang lengkap disediakan supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ruang penyimpanan bagi peralatan, dokumen dan bahan bukti hendaklah disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Kawalan akses hendaklah ditetapkan bagi mengelakkan kehilangan, kerosakan dan penyelewengan. Selain itu, Polisi Pelupusan Barang Rampasan/Lucut Hak perlu dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya untuk kelulusan dengan segera supaya pelupusan dapat dilaksanakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum  
Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit  
Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan  
Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## PERBADANAN ASET KERETAPI

### 4. PENGURUSAN ASET

#### 4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 1992. Akta ini merupakan undang-undang yang menggantikan Ordinan Keretapi 1948 dan dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan. Penubuhan PAK adalah bertujuan untuk menjayakan program penswastaan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

4.1.2 Selepas pentadbiran KTM dikorporatkan pada tahun 1992, pentadbirannya telah diletak hak kepada PAK. Selain itu, PAK bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan menyenggara semua harta KTM selaras dengan seksyen 92 Akta Keretapi 1991 manakala seluruh operasi kereta api di bawah tanggungjawab KTMB. Seksyen 93, Akta Keretapi 1991 pula menetapkan semua harta yang terletak hak pada, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948 adalah terletak hak kepada PAK.

4.1.3 Sehingga bulan Disember 2013, PAK mempunyai 1,430 lot tanah dengan keluasan 31,432.87 ekar bernilai RM8.38 bilion di seluruh Semenanjung Malaysia. PAK juga mempunyai 3,498 unit kuarters yang telah dibina di atas lot tanah tersebut yang diduduki oleh kakitangan KTMB. Aset kereta api berjumlah RM2.21 bilion yang terdiri daripada koc kereta api, *electric train set* dan *electric multiple units* (EMU).

4.1.4 Selain itu, perolehan alat ganti dan penyenggaraan untuk 38 set EMU bagi jenis 6 koc berjumlah RM40.20 juta serta RM133.25 juta telah dibuat dengan syarikat daripada China iaitu CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co. Limited (CSR ZELC). PAK juga telah melantik Hidmalayan (M) Sdn. Berhad dan Safe Recycle (M) Sdn. Berhad untuk melaksanakan pelupusan bahan lusuh kereta api dari Ipoh hingga Padang Besar, Seremban hingga Gemas serta Gemas hingga Johor Bahru.

#### 4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aset dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektifnya selaras dengan peranan yang tertakluk di bawah Akta Keretapi 1991.

#### **4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aset PAK bagi tahun 2011 sehingga 2013. Semakan dibuat terhadap dokumen berkaitan dan mengadakan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke 51 lokasi tanah, stesen kereta api dan kuarters milik PAK seperti di 9 negeri jadual berikut:

**JADUAL 4.1  
LOKASI TANAH, STESEN KERETA API DAN KUARTERS MILIK PAK**

NEGERI	LOKASI
Johor	Kempas, Tampoi, Plentong, Pasir Gudang, Kulai, Layang-Layang, Renggam, Kluang, Mengkibul, Bekok, Paloh, Genuang, Nyior, Chamek, Labis dan Segamat.
Negeri Sembilan	Batang Melaka, Gemas dan Bahau.
Selangor	Pelabuhan Klang.
Perak	Tapah, Kuala Kangsar dan Bagan Serai.
Pulau Pinang	Nibong Tebal, Bukit Mertajam, Bukit Tengah, Alma, Prai dan Pinang Tunggal.
Kedah	Sungai Petani, Alor Setar, Kodiang, Pendang, Anak Bukit dan Bukit Raja.
Perlis	Arau dan Bukit Keteri.
Kelantan	Tumpat, Wakaf Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah, Kuala Krai, Manek Urai, Gua Musang, Kemubu dan Dabong.
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Jalan Anseng, Jalan Sultan Salehuddin, Stesen Petaling, Stesen Mukim Batu dan Stesen Salak Selatan.

#### **4.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan November 2013 sehingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan aset kereta api adalah kurang memuaskan. Perolehan alat ganti, penyenggaraan EMU, pelupusan bahan lusuh, pengurusan kuarters dan pengawalan tanah tidak diurus dengan teratur. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Semua alat ganti EMU telah lewat diterima antara 15 hingga 214 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Mengikut perkiraan Audit, denda yang boleh dikenakan kepada CSR ZELC adalah berjumlah RM1.88 juta dan bukan RM435,500 iaitu perbezaan sejumlah RM1.45 juta. Setakat bulan Januari 2014, sejumlah RM30.15 juta telah dibayar kepada syarikat pembekal.
- ii. Bayaran sejumlah RM99.94 juta telah dibuat terhadap penyenggaraan jenis *servicing* (harian), *maintenance level 1* (mingguan) dan *maintenance level 2* (bulanan) bagi 38 set EMU bagi jenis 6 koc. Bagaimanapun, tiada potongan bayaran dibuat terhadap *servicing* (harian) yang tidak dilaksanakan sebanyak 24.9% hingga 50.4% pada bulan Ogos dan Disember 2012 dan pada bulan Februari, Mei dan Julai

2013. Pemotongan bayaran tidak boleh dibuat kerana kelemahan dalam pengurusan kontrak di mana bayaran terhadap ketiga-tiga jenis penyenggaraan dinyatakan dalam *lump sum* dan tiada klausu ditetapkan dalam perjanjian.

- iii. Kontraktor lewat membayar hasil pelupusan kepada PAK melebihi tempoh 14 hari daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Tiada denda dikenakan bagi kelewatan bayaran tersebut di mana denda sejumlah RM112,437 sepatutnya dikenakan. Kontrak pelupusan dilanjutkan selama 3 tahun lagi walaupun kontraktor masih mempunyai tunggakan bayaran kepada PAK sejumlah RM530,461. Selain itu, tindakan pelupusan bahan lusuh belum dilaksanakan di Pinang Tunggal, Wakaf Bharu, Tumpat, Manek Urai, Kempas Baru, Segamat dan Salak Selatan. Bahan lusuh sejumlah RM113,425 tidak dapat dikesan lokasinya disebabkan rekod tidak disimpan dengan sempurna.
- iv. Penjagaan kuarters yang kurang memuaskan menyebabkan kuarters mengalami kerosakan dan tidak dibaiki, usang serta tidak digunakan.
- v. Pengawalan tanah adalah kurang memuaskan menyebabkan berlakunya pencerobohan untuk tujuan penempatan setinggan, pertanian dan komersial.
- vi. Sebanyak 91 daripada 329 atau 27.7% lot tanah berhak milik belum ditukar milik kepada PAK. Selain itu, sebanyak 856 daripada 1,101 lot tanah rizab kereta api belum diukur dan diwartakan dan 84 lot tanah tidak mempunyai salinan warta.
- vii. Rekod bagi aset yang roboh, rosak dan usang masih menunjukkan nilai buku bersih dan tidak dikemas kini dalam Sistem Kewangan PAK. Perkara ini juga merupakan asas pendapat Juruaudit terhadap Sijil Penafian yang telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan PAK tahun 2012.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **4.4.1 Perolehan Alat Ganti EMU**

##### **4.4.1.1 Bekalan Alat Ganti EMU Lewat Diterima**

- a. Aset kereta api bernilai RM2.21 bilion terdiri daripada koc kereta api, *electric train set* dan *electric multiple units* (EMU). Pada tahun 2011, PAK telah membuat perolehan alat ganti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih 38 set EMU bagi jenis 6 koc bernilai RM40.20 juta secara rundingan terus dengan syarikat daripada negara China iaitu CSR Zhuzhou Electric Locomotive Co. LTD. Tempoh kontrak adalah selama 2 tahun bermula pada bulan Disember 2011 sehingga Disember 2013. Kementerian Kewangan telah meluluskan perolehan ini pada 30 November 2011 selepas

mempertimbangkan rayuan daripada pihak KTMB mengenai keperluan membeli alat ganti tersebut. Rayuan tersebut adalah bagi pembaikan atau kerosakan luar jangka yang tidak diliputi dalam waranti supaya perkhidmatan EMU tidak mengalami gangguan dan dapat berjalan dengan lancar. Proses perolehan alat ganti sehingga peringkat kelulusan telah diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan.

- b. Mengikut perjanjian antara PAK dengan CSR ZELC, sebanyak 301 jenis atau 8,371 alat ganti akan dibekalkan secara 4 peringkat mulai 30 September 2012 sehingga 30 Jun 2013. Selain itu, mengikut klausa 23.1, CSR ZELC akan dikenakan denda sebanyak 1/2% daripada jumlah kontrak bagi setiap bulan bekalan lewat dan tidak melebihi 5% daripada harga keseluruhan kontrak. Klausa 23.2 perjanjian antara PAK dengan CSR ZELC pula menyatakan PAK mempunyai hak untuk menamatkan kontrak sekiranya alat ganti lewat diterima melebihi 5 bulan daripada tarikh sepatutnya atau meneruskan kontrak tersebut dengan memastikan CSR ZELC mematuhi segala kehendak kontrak tanpa menjaskannya apa-apa hak PAK yang lain.
- c. Semakan Audit mendapati semua alat ganti telah dibekalkan secara berperingkat dan disimpan di gudang milik KTMB di Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur dan gudang milik pihak swasta yang disewa oleh CSR ZELC di Pelabuhan Klang, Selangor. Bagaimanapun, kesemua alat ganti berkenaan telah **lewat diterima antara 15 hingga 214 hari** daripada tarikh yang ditetapkan dalam perjanjian. Sehingga bulan Januari 2014, sejumlah RM30.15 juta telah dibayar kepada CSR ZELC dan baki berjumlah RM10.05 juta masih dalam proses penyediaan dokumen bayaran. Pihak KTMB memaklumkan denda sejumlah RM435,500 akan dikenakan kepada CSR ZELC dengan membuat penolakan terhadap baki bayaran akhir. Denda dikira berdasarkan tarikh akhir penerimaan keseluruhan alat ganti. **Mengikut perkiraan Audit, denda yang boleh dikenakan kepada CSR ZELC adalah berjumlah RM1.88 juta dengan perbezaan sejumlah RM1.45 juta.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2**  
**KELEWATAN BEKALAN ALAT GANTI DAN PERBEZAAN PENGIRAAN DENDA**

PERINGKAT	TARIKH BEKALAN ALAT GANTI MENGIKUT PERJANJIAN	* TARIKH SEBENAR ALAT GANTI DITERIMA	TEMPOH KELEWATAN	DENDA MENGIKUT PERKIRAAN AUDIT (RM)
Pertama	30.09.2012	07.11.2012	1 Bulan 7 Hari	247,900
Kedua	30.12.2012	09.01.2013	15 Hari (30.12.2012-14.01.2013)	100,500
		14.01.2013		
Ketiga	31.03.2013	08.04.2013	15 Hari (31.03.2013-15.04.2013)	100,500
		10.04.2013		
		11.04.2013		
		12.04.2013		
		15.04.2013		
Keempat	30.06.2013	**04.02.2014	7 Bulan 4 Hari	1,433,800
<b>JUMLAH</b>				<b>1,882,700</b>
<b>DENDA MENGIKUT PERKIRAAN KTMB</b>				<b>435,500</b>
<b>PERBEZAAN</b>				<b>1,447,200</b>

Sumber: No. Perjanjian:KP/KTM/13/2011 dan Unit Projek SCS dan dokumen daripada PAK

Nota : \* Tarikh penghantaran alat ganti ke Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur.

\*\* Tarikh penerimaan alat ganti diambil kira selepas pemeriksaan alat ganti dijalankan oleh PAK kerana alat ganti tersebut tidak menjalani pre-inspection di China.

- d. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, sebanyak 3 unit alat ganti telah digunakan iaitu 2 unit motor *bogie* dan satu unit *transformer*. Lawatan Audit pada bulan Januari 2014 ke gudang simpanan alat ganti di Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur dan di Pelabuhan Klang, Selangor mendapati alat ganti telah disimpan dengan baik dan selamat seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.1**  
**Gudang Simpanan Alat Ganti**



Lokasi: Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur  
 Tarikh: 16 Januari 2014

**GAMBAR 4.2**  
**Stok Alat Ganti**



Lokasi: Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur  
 Tarikh: 16 Januari 2014

**GAMBAR 4.3**  
Gudang Simpanan Alat Ganti



Lokasi: Pelabuhan Klang, Selangor  
Tarikh: 28 Januari 2014

**GAMBAR 4.4**  
Stok Alat Ganti



Lokasi: Pelabuhan Klang, Selangor  
Tarikh: 28 Januari 2014

Pada pendapat Audit, perkiraan denda oleh KTMB adalah tidak selaras dengan kehendak perjanjian yang dimeterai menyebabkan perbezaan denda sejumlah RM1.45 juta yang merupakan satu kehilangan hasil.

**Maklum balas Diterima daripada PAK Pada 30 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*PAK memaklumkan jumlah denda yang akan dikenakan kepada CSR ZELC adalah sejumlah RM1.56 juta. Pengiraan denda dibuat berdasarkan kepada tarikh alat ganti diterima pada setiap peringkat di Pelabuhan Klang. PAK telah mengeluarkan surat pada 25 April 2014 memohon KTMB mengemukakan perakuan bayaran akhir kepada PAK untuk semakan dan pembayaran.*

Pada pendapat Audit, pengiraan denda dibuat berdasarkan kepada tarikh penerimaan alat ganti pada setiap peringkat di Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur selaras dengan klaus 4.1 dan 6.7 perjanjian *Capital Spares For Maintenance, Repair And Overhaul Of Thirty Eight (38) Sets Of Six (6) Cars Electric Multiple Unit (EMU)*. Alat ganti hanya dianggap terima apabila ia diterima di Depoh Sentul, Kuala Lumpur dan bukan di Pelabuhan Klang.

#### 4.4.2 Penyenggaraan 38 Set EMU Bagi 6 Koc

4.4.2.1 Kementerian Pengangkutan telah menandatangani kontrak penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih 38 set EMU bagi jenis 6 koc dengan sebuah syarikat luar negara iaitu CSR ZELC bernilai RM133.25 juta pada 22 Disember 2011 iaitu syarikat yang sama membekalkan set EMU dan alat gantinya. Tempoh kontrak adalah selama 24 bulan bermula daripada tarikh perakuan pengambilan pertama EMU iaitu dari 15 Februari 2012 hingga 14 Februari 2014. Pihak syarikat juga telah menujuhkan CSR Kuala Lumpur

Maintenance Sdn. Berhad bagi melaksanakan kerja penyenggaraan EMU di Depoh EMU Sentul, Kuala Lumpur dan Tanjung Malim, Perak.

4.4.2.2 Mengikut perjanjian, kontraktor perlu menjalankan penyenggaraan jenis *servicing* (harian), *maintenance level 1* (mingguan) dan *maintenance level 2* (bulanan). Penyenggaraan yang dijalankan hendaklah meliputi pemeriksaan terhadap *bogie*, *fundamental braking unit*, *valve*, *air pipe*, *door system*, *electrical equipment*, *roof equipment*, *control circuit unit* dan lain-lain. Komponen penyenggaraan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.3  
KOMPONEN PENYENGGARAAN**

BIL.	MAINTENANCE LEVEL	MAINTENANCE INTERVAL (Hari)	BUTIRAN PENYENGGARAAN	MASA BEKERJA (Jam/Set)
1.	Servicing (harian)	1 atau 2	<i>Inspect the bogie (bogie-frame, wheel-set, gearbox, coupling, traction device, damper, suspension equipment ect), fundamental braking unit, valve, air pipe, under-frame suspension equipment.</i>	1.5
2.	Maintenance Level 1 (mingguan)	7	<i>Inspect the bogie (bogie-frame, wheel-set, gearbox, coupling, suspension device, traction device, damper, anti-roll bar ect), fundamental braking unit, valve, air pipe, under-frame suspension device, door system, electrical equipment and interior device, check roof equipment (pantograph, HV device).</i>	3.0
3.	Maintenance Level 2 (bulanan)	30	<i>Inspect status, function and performance of the pantographs of the high voltage circuit, auxiliary circuit unit, control circuit unit, braking unit, door unit, component of bogie, instruments, interior device and other auxiliary attachments and check the insulation performance of electrical equipment, acceleration.</i>	12.0

Sumber: No. Perjanjian KP/KTM12/2011

4.4.2.3 Kontraktor telah menyediakan jadual rancangan penyenggaraan setiap bulan meliputi pemeriksaan secara harian, mingguan dan bulanan. Rekod penyenggaraan telah disediakan setiap bulan dan dikemukakan kepada pegawai pengurusan projek Six Car Set (SCS), KTMB. Semakan Audit mendapati penyenggaraan jenis *maintenance level 1* (mingguan) dan *maintenance level 2* (bulanan) adalah mengikut jadual rancangan penyenggaraan. Bagaimanapun, **penyenggaraan jenis servicing (harian) pada tahun 2012 tidak dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Ogos dan Disember manakala bagi tahun 2013, penyenggaraan tidak dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Februari, Mei dan Julai.** Penyenggaraan jenis *servicing* (harian) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada bulan berkenaan kerana KTMB tidak dapat menghantar EMU ke depoh untuk penyenggaraan. PAK hanya mempunyai 2 depoh untuk penyenggaraan EMU iaitu di Sentul, Kuala Lumpur dan Tanjung Malim, Perak. Butiran lanjut mengenai perancangan dan pelaksanaan penyenggaraan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PENYENGGARAAN JENIS SERVICING**

BULAN	PENYENGGARAAN YANG DIRANCANG (Bilangan)	PENYENGGARAAN YANG SEBENAR (Bilangan)	PENYENGGARAAN TIDAK DILAKSANA	
			BILANGAN	PERATUS (%)
Ogos 2012	389	292	97	24.9
Disember 2012	435	216	219	50.3
Februari 2013	423	214	209	49.4
Mei 2013	458	227	231	50.4
Julai 2013	471	251	220	46.7

Sumber:Laporan Penyenggaraan Bulanan

4.4.2.4 Semakan lanjut mendapati sehingga bulan Disember 2013, sejumlah RM99.94 juta telah dibayar kepada kontraktor yang merangkumi wang pendahuluan dan bayaran kemajuan pertama hingga ke-6 bagi semua jenis penyenggaraan. Bayaran adalah berdasarkan *Standard Service Payments* (SSP) yang ditetapkan dalam perjanjian dan tuntutan yang telah disahkan serta diperakukan oleh KTMB. Adalah didapati *improper payment* berlaku kerana tiada potongan bayaran dibuat terhadap *servicing* (harian) yang tidak dilaksanakan sebanyak 24.9% hingga 50.4% bagi 5 bulan pada tahun 2012 dan 2013. Potongan bayaran tidak dibuat disebabkan tidak ada perincian bayaran mengikut kerja penyenggaraan dalam SSP dan kadar bayaran yang ditetapkan adalah secara purata mengikut suku pertama hingga bayaran akhir. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi terhadap penetapan kadar bayaran yang hanya dibuat secara purata. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5**  
**STANDARD SERVICE PAYMENTS DAN BAYARAN KEMAJUAN**

BIL.	STANDARD SERVICE PAYMENTS				BAYARAN KEMAJUAN	
	PERKARA	JUMLAH (RM)	POTONGAN PENDAHULUAN (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH	JUMLAH (RM)
1.	Advance Payment	19,987,500	-	19,987,500	Bayaran dibuat oleh Kementerian Pengangkutan	19,987,500
2.	First Quarter Payment subtracted recoupment of $\frac{1}{4}$ of Advance Payment	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375	12.10.2012	11,659,375
3.	Second Quarter Payment subtracted recoupment of $\frac{1}{4}$ of Advance Payment	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375	08.11.2012	11,659,375
4.	Third Quarter Payment subtracted recoupment of $\frac{1}{4}$ of Advance Payment	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375	13.03.2013	11,659,375
5.	Fourth Quarter Payment subtracted recoupment of $\frac{1}{4}$ of Advance Payment	16,656,250	(4,996,875)	11,659,375	17.04.2013	11,659,375
6.	Fifth Quarter Payment	16,656,250	-	16,656,250	23.07.2013	16,656,250
7.	Sixth Quarter Payment	16,656,250	-	16,656,250	02.12.2013	16,656,250
8.	Seventh Quarter Payment	16,656,250	-	16,656,250	-	-
9.	Final Payment	16,656,250	-	16,656,250	-	-
	JUMLAH			133,250,000	-	99,937,500

Sumber: No. Perjanjian KP/KTM12/2011 Dan Bahagian Kewangan, Perbadanan Aset Keretapi

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran penyenggaraan koc EMU adalah kurang memuaskan kerana bayaran dibuat terhadap kerja *servicing* (harian) yang tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor.

**Maklum balas Diterima daripada KTMB Pada 17 April 2014 dan PAK pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan penyenggaraan harian melibatkan penyemakan secara visual bagi mengesan kerosakan sebelum kereta api beroperasi. Pemandu kereta api juga telah dilatih untuk membuat pemeriksaan harian sebelum memulakan operasi kereta api sebagai tambahan kepada kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Improper payment tidak berlaku di pihak PAK kerana PAK merupakan Pejabat Pembayar sahaja yang membuat bayaran ke atas tuntutan yang telah disahkan dan diperakukan oleh KTMB selaku pihak yang melaksanakan pemantauan projek. PAK berpendapat isu yang dibangkitkan lebih cenderung kepada improper management kerana ketidakupayaan memenuhi keperluan teknikal bagi tujuan penyenggaraan. PAK membuat bayaran atas dasar suci hati memandangkan segala tuntutan telah terlebih dahulu disemak, disahkan dan diperakukan oleh KTMB selaras dengan Arahan Perbendaharaan 59. Pembayaran bagi projek ini dibuat secara lump sum kerana hasrat Kerajaan dalam kontrak ini adalah untuk memastikan penyenggaraan dibuat terhadap 38 set EMU manakala Skop Perjanjian ditentukan oleh pihak KTMB. Oleh itu, pembayaran dibuat berdasarkan kepada ketetapan yang dinyatakan dalam Part 1 Of Schedule 4. Adalah menjadi tanggungjawab KTMB untuk memastikan kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut keperluan kontrak. Penambahbaikan akan dibuat terhadap syarat kontrak pada masa hadapan dengan menetapkan kaedah pemotongan bayaran untuk penyenggaraan yang tidak dilaksanakan.*

#### **4.4.3 Pelupusan Bahan Lusuh**

4.4.3.1 PAK telah melantik Alam Asset Management Sdn. Berhad sebagai perunding untuk menilai dan mengenal pasti bahan lusuh milik PAK untuk tujuan pelupusan. Tempoh kontrak adalah selama 2 bulan berkuat kuasa mulai 27 Februari sehingga 26 April 2012 dan nilai kontrak berjumlah RM469,396. Berdasarkan laporan akhir yang disediakan oleh perunding pada 29 Jun 2012, PAK mempunyai bahan lusuh bernilai RM40.89 juta terdiri daripada kayu landasan, rel, *fitting*, bangunan dan sebagainya yang terletak di sepanjang jajaran landasan kereta api di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, bahan lusuh Gred C dan D yang bernilai RM18.50 juta perlu dilupuskan dan bahan lusuh Gred B bernilai RM22.39 juta akan digunakan semula.

4.4.3.2 Sehubungan itu, Kementerian Kewangan pada 24 September 2010 telah meluluskan kontrak pembelian barang lusuh di jajaran landasan kereta api yang terlibat dengan Projek Landasan Berkembar Utara Selatan kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad secara rundingan terus. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 3 Mac 2011 dan tempoh kontrak adalah selama 2 tahun mulai 28 Mac 2011 sehingga 27 Mac 2013. Kontrak tersebut telah disambung selama 3 tahun mulai 28 Mac 2013 sehingga 27 Mac 2016. Selain itu, PAK juga telah melantik Safe Recycle (M) Sdn. Berhad secara tender terbuka bagi melupuskan bahan lusuh yang terletak di jajaran landasan kereta api dari Gemas hingga Johor Bahru. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 27 Ogos 2013 dan tempoh perjanjian selama 12 bulan berkuat kuasa daripada tarikh surat kebenaran masuk tapak pada 2 Oktober 2013. Antara tanggungjawab kontraktor adalah melaksanakan kerja meroboh, merungkai, memunggah, membersih dan mengeluarkan bahan lusuh dari tapak pelupusan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.6  
KONTRAKTOR PELUPUSAN BAHAN LUSUH**

BIL.	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	LOKASI
1.	Hidmalayan (M) Sdn. Berhad	28.03.2011 sehingga 27.03.2013 (2 tahun)	Jadual Harga seperti yang ditetapkan dalam perjanjian	Projek Landasan Berkembar Utara Selatan: i. Ipoh hingga Padang Besar ii. Seremban hingga Gemas
		28.03.2013 sehingga 27.03. 2016 (3 tahun)		
2.	Safe Recycle (M) Sdn. Berhad	02.10.2013 sehingga 07.10.2014 (12 bulan)	3.34	Gemas hingga Johor Bahru

Sumber: Kontrak Pelupusan Barang Lusuh

Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**a. Bayaran Pelupusan Lewat Dijelaskan Kepada PAK**

- i. Mengikut prosedur PAK, sebelum tindakan pelupusan dibuat, KTMB akan membuat pengesahan terhadap bahan lusuh yang dikenal pasti sama ada ia perlu dilupuskan atau boleh digunakan semula. Kontraktor akan menimbang bahan lusuh yang perlu dilupuskan di pusat timbang yang ditetapkan dan disahkan oleh wakil PAK. Seterusnya invois dikeluarkan kepada kontraktor untuk bayaran kepada PAK berdasarkan jadual harga yang ditetapkan.
- ii. Klausula 6 perjanjian antara PAK dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad menetapkan kontraktor dikehendaki menjelaskan keseluruhan bayaran harga kontrak dalam **tempoh 14 hari daripada tarikh timbangan bahan pelupusan**. Selain itu, klausula 14 menetapkan sekiranya kontraktor gagal

menjelaskan bayaran kepada PAK, denda lewat sebanyak 8% setahun akan dikenakan kepada kontraktor. Harga bahan pelupusan yang perlu dibayar kepada PAK adalah seperti jadual berikut

**JADUAL 4.7  
HARGA BAHAN PELUPUSAN**

BIL.	PERKARA	UKURAN/JENIS	HARGA
1.	Landasan Kereta Api (Rel)	1 Tan Metrik	Harga pasaran semasa pada tarikh pengambilan barang lusuh dengan nisbah 75% penjualan kepada PAK dan 25% kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad.
2.	Rentang Jambatan Besi	1 Tan Metrik	Harga pasaran semasa pada tarikh pengambilan barang lusuh dengan nisbah 70% penjualan kepada PAK dan 30% kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad.
3.	Kayu Landasan	GredB/C (sebatang)	RM30
		Gred D (sebatang)	RM5.50
4.	Bangunan Lama	Jenis Besi (1 Tan Metrik)	RM600
		Jenis Kayu (1 Tan Metrik)	RM200
5.	Batu Balas	-	Harga rundingan antara Hidmalayan (M) Sdn. Berhad dengan PAK.

*Sumber: Kontrak Pelupusan Barang Lusuh*

- iii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011 sehingga 2013, Hidmalayan (M) Sdn. Berhad **lewat membuat bayaran** pelupusan kepada PAK antara **49 hingga 365 hari** berjumlah RM2.37 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.8  
BILANGAN HARI YANG LEWAT DAN  
DENDA YANG DIKENAKAN**

TAHUN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH LEWAT BAYAR (RM)	DENDA MENGIKUT PERKIRAAN AUDIT (RM)
2011	49-365	1,233,438	78,381
2012	52-342	754,849	24,234
2013	100-169	384,243	9,822
<b>JUMLAH</b>		<b>2,372,530</b>	<b>112,437</b>

*Sumber: Bahagian Kewangan PAK*

- iv. Semakan lanjut mendapati PAK **tidak mengenakan denda** walaupun kontraktor lewat membuat bayaran melebihi 14 hari daripada tarikh timbang. Mengikut perkiraan Audit, PAK boleh mengenakan **denda terhadap kontraktor** pada kadar 8% setahun berjumlah **RM112,437** bagi tahun 2011 sehingga 2013.

Pada pendapat Audit, kutipan bayaran pelupusan adalah kurang memuaskan kerana kelewatan kontraktor membuat bayaran. Selain itu, PAK juga tidak mengenakan denda bagi kelewatan bayaran tersebut.

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014 dan 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan tuntutan denda bayaran lewat sejumlah RM50,118 telah dikemukakan kepada pihak Hidmalayan (M) Sdn. Berhad pada 9 April 2014. Denda dikira pada kadar 8% setahun daripada jumlah harga barang yang dilupuskan. PAK telah membuat penambahbaikan terhadap perjanjian baru dengan menetapkan kontraktor membayar wang pendahuluan sejumlah RM500,000 sebelum membuat pelupusan bahan lusuh bagi mengelakkan tunggakan bayaran. Keputusan ini dibuat dalam mesyuarat Lembaga Perolehan B pada 7 Jun 2013. Bahan lusuh yang dikeluarkan dari tapak tidak boleh melebihi jumlah pendahuluan ini. Sekiranya bahan lusuh yang dilupuskan melebihi wang pendahuluan, kontraktor perlu menambah jumlah wang tersebut sebelum dibenarkan memasuki lokasi pelupusan yang seterusnya. PAK telah membuat tuntutan denda sekali lagi pada 29 April 2014.*

**b. Pelanjutan Kontrak Pelupusan Dibuat Walaupun Kontraktor Belum Menjelaskan Tunggakan**

- i. Mengikut klausula 4 perjanjian antara PAK dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad, kontrak boleh dilanjutkan kepada suatu tempoh yang dipersetujui oleh kedua belah pihak melalui permohonan bertulis. Selain itu, pelanjutan kontrak boleh dibuat dengan syarat bahawa Hidmalayan (M) Sdn. Berhad telah membayar semua jumlah harga kontrak, mematuhi dan melaksanakan kesemua obligasi waad serta syarat dalam perjanjian. Kelulusan untuk melanjutkan tempoh perjanjian adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan dan Lembaga Pengarah PAK.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK pada 15 Mac 2013 telah memutuskan supaya kontraktor pelupusan iaitu Hidmalayan (M) Sdn. Berhad menjelaskan semua tunggakannya sebelum membuat pelanjutan kontrak pelupusan.
- iii. Semakan Audit mendapati pada 12 April 2013, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelanjutan kontrak pelupusan antara PAK dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad walaupun **kontraktor** mempunyai **tunggakan sejumlah RM530,461** sehingga 15 Mac 2013. Kontrak dilanjutkan selama 3 tahun mulai 28 Mac 2013 sehingga 27 Mac 2016 kerana terdapat kerja pelupusan yang masih belum selesai.

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.**

*PAK memaklumkan pelanjutan kontrak pelupusan dengan Hidmalayan (M) Sdn. Berhad telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 12 April 2013. Bagaimanapun, Hidmalayan (M) Sdn. Berhad hanya dibenarkan melaksanakan kerja pelupusan mulai 16 Julai 2013 setelah melunaskan semua tunggakan bayaran pelupusan.*

**c. Bahan Lusuh Terbiar**

- i. Lawatan Audit ke depoh simpanan bahan lusuh di Pinang Tunggal, Kedah mendapati bahan lusuh seperti kayu landasan dan rel kereta api masih belum dikeluarkan dari tapak pelupusan oleh kontraktor yang dilantik iaitu Hidmalayan (M) Sdn. Berhad. Bahan lusuh yang dibiarkan terlalu lama di tempat terbuka menyebabkan kerosakan dan penyusutan nilai. Keadaan bahan lusuh adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.5  
Longgokan Rel Kereta Api**



Lokasi : Depoh Pinang Tunggal, Kedah  
Tarikh : 19 November 2013

**GAMBAR 4.6  
Longgokan Kayu Landasan**



Lokasi : Depoh Pinang Tunggal, Kedah  
Tarikh : 19 November 2013

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.**

*PAK memaklumkan pelaksanaan kontrak pelupusan bahan lusuh di Zon Utara yang terlibat dengan Projek Landasan Berkembar Ipoh - Padang Besar dan Seremban - Gemas telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2013 dan dibuat secara berperingkat. Pengeluaran arahan kebenaran kerja pelupusan kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad adalah tertakluk kepada penerimaan makluman daripada perunding bagi Projek Landasan Berkembar mengenai bahan lusuh yang sedia untuk dilupuskan. Sehingga 31 Mac 2014, pelupusan bahan lusuh telah dilaksanakan di Depoh Loko Perai, Bedong, Kedah, Yad Dato' Kumbar, Yad Pinang Tunggal, Yad Tanjung Rambutan, Yad Taiping, Yad Jarak dan*

**Gurun. Bahan lusuh yang dilupuskan terdiri daripada kayu, besi, rel landasan, peralatan semboyan dan peralatan telekomunikasi.**

- ii. Selain itu, lawatan Audit ke stesen kereta api di Tanah Merah, Wakaf Bharu, Tumpat, Manek Urai dan Kempas Baru mendapati bahan lusuh seperti kayu landasan, rel dan skru yang **tidak digunakan terbiar tanpa tindakan pelupusan**. Sebahagian landasan dan rel telah rosak dan reput seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.7**  
Rel Terbiar



Lokasi : Stesen Keretapi Tanah Merah, Kelantan  
Tarikh : 25 November 2013

**GAMBAR 4.8**  
Kayu Landasan Terbiar



Lokasi : Stesen Keretapi Tumpat, Kelantan  
Tarikh : 24 November 2013

**GAMBAR 4.9**  
Bahan Lusuh Terbiar Di Dalam Tong



Lokasi : Stesen Keretapi Tumpat, Kelantan  
Tarikh : 24 November 2013



**GAMBAR 4.10**  
**Kayu Landasan Terbiar**



Lokasi : Stesen Manek Urai, Kelantan  
Tarikh : 25 November 2013

**GAMBAR 4.11**  
**Vossloh Screws Terbiar**



Lokasi : Kompleks Kejuruteraan KTMB  
Kempas Baru, Johor  
Tarikh : 13 November 2013

**GAMBAR 4.12**  
**Besi Landasan Terbiar**



Lokasi : Stesen Keretapi Segamat, Johor  
Tarikh : 14 November 2013

**GAMBAR 4.13**  
**Kayu Landasan Terbiar**



Lokasi : Stesen Keretapi Salak Selatan, Kuala Lumpur  
Tarikh : 5 Disember 2013

**Pada pendapat Audit, tindakan pelupusan adalah kurang memuaskan kerana kelewatan melupuskan bahan lusuh yang terletak dari Gemas sehingga Tumpat di Zon Timur telah menyebabkan bahan lusuh rosak dan mengalami kemerosotan nilai.**

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014 dan 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan tender pelupusan pelbagai barang lusuh bagi Gemas - Tumpat di Zon Timur dan Ipoh – Seremban di Zon Tengah telah dibatalkan pada 1 November 2013 kerana terdapat penender yang tidak bersetuju pelanjutan tempoh sah laku tender. Lembaga Pengarah PAK telah bersetuju supaya pelupusan bagi kedua-dua zon tersebut dilaksanakan semula secara tender terbuka. PAK akan menawarkan semula tender pada bulan Jun 2014.*

*Selain itu, surat masuk tapak telah dikeluarkan kepada kontraktor Safe Recycle bertarikh 6 November 2013 untuk melaksanakan kerja pelupusan di Stesen Keretapi Segamat, Johor. Semasa lawatan Audit dilaksanakan pada 13 November 2013 di Stesen Keretapi Pasir Gudang, kontraktor Safe Recycle sedang melaksanakan pelupusan di Stesen Keretapi Batu Anam. Pelaksanaan pelupusan adalah bermula dari Gemas hingga Johor Baru mengikut jadual yang ditetapkan oleh PAK.*

**d. Lokasi Bahan Lusuh Tidak Dapat Dikenal Pasti**

Mengikut Laporan Kerja Ukur Mata Benda Terpakai yang disediakan oleh perunding pada 26 Jun 2012, terdapat sebanyak 3,731 bahan lusuh Gred C dan D bernilai RM113,425 yang terdiri daripada kayu landasan, rel dan lain-lain di simpan di Stesen Keretapi Pasir Gudang, Johor. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 13 November 2013 ke stesen tersebut mendapati tiada bahan lusuh yang disimpan di stesen tersebut. Pengurus Stesen Keretapi Pasir Gudang memaklumkan bahan lusuh tersebut telah dipindahkan ke Stesen Keretapi Plentong, Johor. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan lokasi sebenar bahan lusuh kerana tiada rekod diselenggara berkaitan pergerakan bahan lusuh tersebut dan tiada laporan pelupusan terhadap bahan lusuh tersebut. Lawatan Audit ke Stesen Plentong, Johor juga mendapati bahan lusuh berkenaan tidak disimpan di stesen tersebut.

**Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod pergerakan bahan lusuh adalah kurang memuaskan kerana rekod tidak dikemas kini menyebabkan lokasi bahan lusuh tidak dapat dikenal pasti.**

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan KTMB telah menggunakan pakai bahan lusuh tersebut bagi kerja pembaikan tebing landasan dan guard rail jambatan antara Kempas Baru - Plentong - Pasir Gudang dan penyimpanan di stor Pasir Gudang serta Kempas Baru. Bagaimanapun, kegunaan dan perpindahan bahan lusuh tersebut tidak dimaklumkan kepada PAK. Selain itu, PAK telah mengadakan lawatan tapak pada bulan April dan Mei 2013 di Zon Tengah, Zon Timur serta Zon Selatan. PAK akan membuat dasar pemantauan aset dan membuat perancangan audit di tapak pelupusan secara berkala sebanyak 3 kali setahun mulai tahun 2014. PAK juga akan menubuhkan pasukan pemantauan aset bagi memantau pergerakan aset di seluruh jajaran kereta api. Tugas pasukan pemantauan aset adalah menyediakan program pemeriksaan besi lusuh, mengadakan pemeriksaan berkala sebanyak 4 kali setahun dan membuat laporan pemeriksaan. Senarai pasukan pemantauan aset telah dibentangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 April 2014.*

#### **4.4.4 Pengurusan Kuarters**

##### **4.4.4.1 Keperluan Kewangan**

- a. Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 (Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan) dan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1985 menetapkan jabatan/agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang dan menyeluruh terhadap aset Kerajaan yang terbahagi kepada penyenggaraan pencegahan dan pembaikan. Penyenggaraan tersebut hendaklah memberikan perhatian kepada 4 aspek penting iaitu struktur, mekanikal, elektrik dan persekitaran supaya ia sentiasa dalam keadaan mudah digunakan, tahan lasak dan tidak mudah rosak. Selaras dengan Seksyen 92 Akta Keretapi 1991, PAK bertanggungjawab untuk mengurus, mentadbir dan menyenggara semua harta KTM termasuk kuarters yang diduduki oleh kakitangan KTMB.
- b. Semakan Audit mendapati penyediaan kuarters kepada kakitangan KTMB dan penyenggaraan kuarters diurus serta diselia oleh Unit Pengurusan Kemudahan, KTMB. Bagi tahun 2011 sehingga 2013, KTMB telah membelanjakan sejumlah RM3.45 juta iaitu melebihi sejumlah RM0.85 juta daripada peruntukan yang diluluskan oleh KTMB berjumlah RM2.60 juta untuk penyenggaraan dan pembaikan kecil kuarters. Keadaan ini berlaku kerana kos penyenggaraan yang tinggi berbanding peruntukan KTMB dan tiada bajet diperuntukkan untuk kerja pembaikan serta penyenggaraan kuarters dalam peruntukan mengurus PAK. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN  
PENYENGGARAAN KUARTERS BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

TAHUN	PERUNTUKAN PENYENGGARAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PENYENGGARAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
2011	0.48	0.42	0.06
2012	1.07	1.17	(0.10)
2013	1.05	1.86	(0.81)
<b>JUMLAH</b>	<b>2.60</b>	<b>3.45</b>	<b>(0.85)</b>

*Sumber: Unit Pengurusan Kemudahan, KTMB*

**Pada pendapat Audit, peruntukan penyenggaraan kuarters yang mencukupi amat penting bagi memastikan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan dapat dilaksanakan dengan baik.**

#### 4.4.4.2 Penjagaan Kuarters

- a. Sehingga bulan September 2013, PAK memiliki sebanyak 3,498 kuarters pelbagai kelas yang telah dibina dan diduduki oleh kakitangan KTMB di Semenanjung Malaysia seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.10**  
**KEDUDUKAN KUARTERS PAK MENGIKUT NEGERI DAN KELAS**  
**PADA BULAN SEPTEMBER 2013**

NEGERI	KELAS KUARTERS (Unit)										JUMLAH (Unit)
	3	4	5	6	7	*8	8	9	10	11	
Johor	-	-	-	4	46	-	110	51	31	263	505
Melaka	-	-	-	2	3	-	6	8	3	33	55
Negeri Sembilan	-	1	-	22	20	18	81	29	75	83	329
Selangor	-	-	-	1	47	-	86	81	6	48	269
Perak	-	-	-	64	1	-	248	1	-	10	324
Pulau Pinang	2	2	-	1	-	-	161	10	-	8	184
Kedah	-	-	2	2	-	-	40	-	-	3	47
Perlis	-	-	4	-	-	-	36	9	-	69	118
Kelantan	-	1	2	4	19	-	55	113	124	120	438
Pahang	-	-	-	2	6	2	20	54	109	117	310
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	-	23	5	48	-	48	682	113	-	919
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>31</b>	<b>107</b>	<b>190</b>	<b>20</b>	<b>891</b>	<b>1,038</b>	<b>461</b>	<b>754</b>	<b>3,498</b>

Sumber: Unit Pengurusan Kemudahan, KTMB

Nota: \* Kelas 8 Improve Type (Projek Landasan Gemas - Seremban)

- b. Sebanyak 547 atau 15.6% daripada 3,498 kuarters yang dibina tidak didiami kerana bangunan kuarters rosak dan terbiar serta usang. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2013 ke beberapa lokasi kuarters milik PAK mendapati perkara berikut:

##### i. Kuarters Rosak Dan Terbiar

Lawatan Audit mendapati kuarters milik PAK di Johor, Kelantan dan Perak telah rosak serta tidak diduduki. Selain itu, terdapat satu unit kuarters di Pelabuhan Klang dan satu unit di Tumpat, Kelantan telah ditinggalkan dalam keadaan terbiar. Ini berlaku kerana tiada pemantauan dan tindakan diambil oleh Unit Pengurusan Kemudahan KTMB bagi memastikan penyenggaraan kuarters berada pada tahap yang memuaskan. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, tiada tindakan diambil untuk membaiki kerosakan atau membuat pelupusan kuarters. Keadaan kuarters yang dilawati adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.14**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar



Lokasi: Tampoi, Johor  
Tarikh : 13 November 2013

**GAMBAR 4.15**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar




Lokasi: Labis, Johor  
Tarikh : 14 November 2013

**GAMBAR 4.16**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar



Lokasi: Dabong, Kelantan  
Tarikh: 26 November 2013

**GAMBAR 4.17**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar




Lokasi: Gua Musang, Kelantan  
Tarikh: 26 November 2013

**GAMBAR 4.18**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar



Lokasi: Tapah, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.19**  
Keadaan Kuarters Yang Tidak Didiami



Lokasi: Pelabuhan Kelang, Selangor  
Tarikh: 5 Disember 2013

**GAMBAR 4.20**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar



Lokasi: Tumpat, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

**GAMBAR 4.21**  
Kuarters Rosak Dan Terbiar




Lokasi: Kuala Krai, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

## ii. Kuarters Usang

Lawatan Audit mendapati kuarters milik PAK yang terletak berhampiran dengan Stesen Keretapi Paloh, Johor dan Stesen Keretapi Segamat, Johor masih diduduki oleh kakitangan KTMB walaupun kuarters dalam keadaan usang. Selain itu, kuarters di Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah juga dalam keadaan usang tetapi masih diduduki oleh kakitangan KTMB. PAK belum mempunyai perancangan untuk membaiki atau menaik taraf kuarters berkenaan supaya menjadi kawasan kediaman yang lebih kondusif. Keadaan kuarters yang usang adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.22**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Paloh, Johor  
Tarikh: 14 November 2013

**GAMBAR 4.23**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Segamat, Johor  
Tarikh: 14 November 2013

**GAMBAR 4.24**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Bangsar, Kuala Lumpur  
Tarikh: 4 Disember 2013

**GAMBAR 4.25**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Pelabuhan Kelang, Selangor  
Tarikh: 5 Disember 2013

**GAMBAR 4.26**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Labis, Johor  
Tarikh: 14 November 2013

**GAMBAR 4.27**  
Keadaan Kuarters Yang Usang



Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang  
Tarikh: 19 November 2013



**GAMBAR 4.28**  
Keadaan Kuarters Yang Usang

Lokasi: Sungai Petani, Kedah  
Tarikh: 19 November 2013

### iii. Kuarters Tidak Digunakan

Lawatan Audit mendapati sebuah kuarters milik PAK di Lorong Titiwangsa, Kuala Lumpur dan berhampiran Stesen Keretapi Tapah, Perak masih dalam keadaan baik tetapi tidak digunakan atau didiami seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.29**  
Kuarters Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Lorong Titiwangsa, Kuala Lumpur  
Tarikh: 4 Disember 2013

**GAMBAR 4.30**  
Kuarters Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Tapah, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**Pada pendapat Audit, penjagaan kuarters adalah kurang memuaskan kerana keadaan kuarters yang rosak, terbiar, usang dan tidak didiami menyebabkan kemudahan kuarters yang disediakan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.**

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.**

*PAK memaklumkan pihaknya dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan Tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bincian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.*

#### 4.4.5 Pengawalan Tanah Oleh PAK

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987, sekiranya projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan segera maka pemilik bertanggungjawab menjaga dan menguruskan tanah dengan baik bagi memastikan kebersihan tanah terpelihara dan mengelakkan daripada pencerobohan. Lawatan

Audit ke tanah milik PAK mendapati papan tanda hak milik tanah tidak dipamer dan tanah terbiar seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.11**  
**TANAH TERBIAR DAN PAPAN TANDA HAK MILIK**  
**TANAH TIDAK DIPAMER**

NEGERI	LOKASI	PERKARA
Johor	Kluang	Sebuah bengkel terbiar.
	Bekok	Sebanyak 2 lot terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
	Nyior	Sebanyak 1 lot tanah terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
	Chamek	Sebanyak 1 lot tanah terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
	Labis	Sebanyak 8 lot tanah terbiar serta 7 daripada tanah tersebut tidak dipamer papan tanda hak milik PAK.
Perak	Tapah	Sebanyak 1 lot tanah bekas tapak kquarters terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
	Bagan Serai	Tapak stesen lama terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
Kedah	Sungai Petani	Sebanyak 1 lot tanah bekas tapak kquarters tiada papan tanda hak milik tanah.
Kelantan	Kuala Krai	Sebanyak 1 lot tanah bekas tapak kquarters terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.
	Gua Musang	Sebanyak 1 lot tanah bekas tapak kquarters terbiar dan papan tanda hak milik tanah tidak dipamer.

*Sumber: Lawatan Jabatan Audit Negara*

Lawatan Audit ke tanah milik PAK menunjukkan kedudukan seperti berikut:

#### **4.4.5.1 Papan Tanda Hak Milik Tanah Tidak Dipamer**

Papan tanda tidak dipamer untuk memaklumkan kepada orang awam bahawa tanah tersebut dimiliki oleh PAK dan pencerobohan akan didakwa. Antara tanah yang tidak dipamer dengan papan tanda adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.31**  
**Papan Tanda Hak Milik**  
**Tanah Tidak Dipamer**



Lokasi: Bekok, Johor  
Tarikh: 14 November 2013

**GAMBAR 4.32**  
**Papan Tanda Hak Milik**  
**Tanah Tidak Dipamer**



Lokasi: Nyior, Johor  
Tarikh: 14 November 2013

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 17 April 2014.**

*PAK memaklumkan Lembaga Pengarah telah meluluskan peruntukan berjumlah RM258,750 untuk projek pemasangan papan tanda di seluruh negara.*

#### 4.4.5.2 Tanah Terbiar

- Lawatan Audit mendapati tanah milik PAK di Nyior, Johor dipenuhi semak samun. Selain itu, terdapat sebuah bengkel membaiki kereta api seluas 800 meter persegi yang tidak digunakan dan terbiar di Stesen Keretapi Kluang, Johor seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.33**  
**Tanah Milik PAK Terbiar**



Lokasi: Nyior, Johor  
Tarikh: 13 November 2013

**GAMBAR 4.34**  
**Bengkel Terbiar**



Lokasi: Kluang, Johor  
Tarikh: 13 November 2013

**Maklum balas daripada PAK diterima 30 April 2014.**

***PAK akan mengambil tindakan pemasangan papan tanda bagi tanah di Nyior, Johor. Bengkel lama yang terletak di Stesen Keretapi Kluang telah dilupuskan oleh kontraktor yang dilantik oleh PAK pada 14 Mac 2014.***

- b. Pihak Audit mendapati tapak kuarters di Tapah, Kuala Krai dan Gua Musang serta tapak stesen kereta api lama di Bagan Serai telah terbiar seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.35**  
Tapak Kuarters Terbiar



Lokasi: Tapah, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.36**  
Tapak Stesen Lama Yang Terbiar



Lokasi: Bagan Serai, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.37**  
Tapak Kuarters Terbiar



Lokasi: Kuala Krai, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

**GAMBAR 4.38**  
Tapak Kuarters Terbiar



Lokasi: Gua Musang, Kelantan  
Tarikh: 26 November 2013

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan pihaknya dalam proses mengemas kini maklumat berkaitan kuarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. PAK telah menyediakan pelan tindakan pengurusan kuarters yang bermula pada bulan April 2014. Pelan tindakan ini merangkumi penyediaan bajet, menubuhkan pasukan pelaksana pengurusan kuarters bagi mengemas kini maklumat kuarters, bincian dan penyediaan maklumat akhir. Kerja pengemaskinian dijangka selesai dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014. Bagi tapak stesen keretapi di Bagan Serai, PAK akan mengambil tindakan segera untuk menawarkan penyewaan atau tujuan lain yang bersesuaian dengan kedudukan tanah.*


#### **4.4.5.3 Tanah Yang Diceroboh**

Lawatan Audit di beberapa lokasi mendapati tanah PAK telah diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti berikut:

##### **a. Penempatan Setinggan**


Tanah milik PAK di Kelantan didapati telah diceroboh dan menjadi penempatan setinggan yang mendapat bekalan air dan tenaga elektrik seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.39  
Rumah Setinggan**



Lokasi: Gua Musang, Kelantan  
Tarikh: 26 November 2013

**GAMBAR 4.40  
Bekalan Tenaga Elektrik  
Ke Rumah Setinggan**



Lokasi: Gua Musang, Kelantan  
Tarikh: 26 November 2013

**GAMBAR 4.41**  
Rumah Setinggan



Lokasi: Kuala Krai, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

**GAMBAR 4.42**  
Bekalan Air Ke Penempatan Setinggan



Lokasi: Kuala Krai, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan pencerobohan telah berlaku sejak pentadbiran KTMB. PAK tidak pernah memberi kebenaran kepada syarikat pembekal untuk membekalkan air dan tenaga elektrik kepada penempatan setinggan berkenaan. Bancian telah dijalankan sepanjang jajaran Negeri Kelantan dari 3 Mac 2014 hingga 16 Mei 2014 bagi mendapatkan maklumat penduduk setinggan di tanah kereta api. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, PAK akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengambil tindakan penyelesaian berkaitan isu pencerobohan yang menjelaskan operasi perkeretapihan.*

**b. Kawasan Pertanian Dan Premis Komersial**

Lawatan Audit ke Tapah dan Bagan Serai, Perak mendapati tanah milik PAK telah diceroboh dan dijadikan kawasan pertanian bagi penanaman pokok limau kasturi dan kelapa sawit. Pihak Audit juga mendapati tanah milik PAK di Bagan Serai, Perak dan Prai, Pulau Pinang telah dijadikan premis komersial. Selain itu, tanah PAK di Pasir Mas, Kelantan telah didirikan terminal bas dan tanah di Prai, Pulau Pinang telah diceroboh untuk pembangunan tanpa kelulusan PAK seperti gambar berikut:

**GAMBAR 4.43**  
**Tanaman Pokok Limau Kasturi**



Lokasi: Tapah, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.44**  
**Tanaman Kelapa Sawit**



Lokasi: Tapah, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.45**  
**Tanaman Kelapa Sawit**



Lokasi: Bagan Serai, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.46**  
**Bengkel Membaiaki Kereta**



Lokasi: Bagan Serai, Perak  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.47**  
**Kawasan Tempat Letak Kontena**



Lokasi: Prai, Pulau Pinang  
Tarikh: 18 November 2013

**GAMBAR 4.48**  
**Terminal Bas Ekspres Didirikan Di Atas Tanah Milik PAK**



Lokasi: Pasir Mas, Kelantan  
Tarikh: 25 November 2013

Pada pendapat Audit, pengawalan tanah adalah kurang memuaskan kerana tanah telah dicerobohi untuk tujuan penempatan setinggan, pertanian dan komersial.

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014 dan 2 Mei 2014.**

*PAK memaklumkan perjumpaan dengan penduduk bagi pencerobohan tanah di jajaran Teluk Intan ke Tapah Road telah diadakan pada 5 April 2014 di Dewan Orang Ramai Degong, Langkap, Perak. Borang permohonan penyewaan telah diedarkan kepada pihak yang berkenaan dan borang akan dikembalikan kepada pemungut sewa yang dilantik oleh PAK. Selain itu, PAK telah mengaturkan perjumpaan bagi tanah di Bagan Serai pada 7 Mei 2014. PAK juga telah mengeluarkan notis pengosongan tapak pada 23 April 2014 kepada Malayan Sugar Manufacturing Co. Berhad bagi tanah di Prai, Pulau Pinang. Pihak Malayan Sugar Manufacturing Co. Berhad memaklumkan carian rasmi berkaitan lot tanah tersebut yang telah dibuat di Pejabat Tanah Negeri mendapati tanah tersebut adalah di bawah nama Kerajaan. Pihak Malayan Sugar Manufacturing Co. Berhad sedang mendapatkan surat pengesahan daripada Pejabat Tanah Daerah Bukit Mertajam dan surat tersebut akan dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu. Selain itu, syarikat bas berkenaan di Pasir Mas, Kelantan telah bersetuju untuk membuat penyewaan dengan PAK melalui suratnya bertarikh 15 April 2014 dan borang permohonan penyewaan telah diterima pada 23 April 2014.*

#### **4.4.6 Pengurusan Tanah**

##### **4.4.6.1 Peletak Hak Tanah Rizab Dan Tanah Berhak Milik**

- a. Mengikut Akta Keretapi 1991, peletak hak tanah keretapi menjadi milik PAK adalah di bawah seksyen berikut:
  - Seksyen 92(2) – Menetapkan semua harta, hak dan liabiliti pentadbiran Keretapi Tanah Melayu adalah terletak hak kepada PAK.
  - Seksyen 93 - Menetapkan semua harta yang terletak hak, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan Keretapi 1948 adalah dimansuhkan dan hendaklah diletak hak kepada PAK.
  - Seksyen 89(8) – Menetapkan fungsi utama PAK adalah untuk mengurus, mengawal selia dan menyenggara semua aset keretapi yang dahulunya di bawah pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

- b. Tanah PAK dikategorikan kepada 2 jenis iaitu tanah berhak milik dan tanah rizab. Dari segi kegunaan, tanah PAK dibahagikan kepada 3 kategori iaitu tanah poket, *surplus* dan operasi seperti berikut:

i. **Tanah Poket**

Tanah poket adalah tanah yang terpisah daripada operasi kereta api yang digunakan sebagai tapak kuarters atau sebagai kawasan kuari bagi kegunaan kereta api.

ii. **Tanah Surplus**

Tanah *surplus* merupakan kawasan tanah yang bercantum dengan kawasan tanah operasi kereta api. Pembangunan tanah yang dibenarkan di atas tanah *surplus* adalah pembangunan yang berkaitan dengan industri kereta api sahaja.

iii. **Tanah Operasi**

Tanah operasi adalah kawasan tanah yang terlibat sepenuhnya dengan operasi kereta api seperti laluan kereta api, stesen, yad dan depoh.

- c. Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) melalui surat bertarikh 10 Oktober 2003 telah memaklumkan kepada Pengurus Besar PAK mengenai keputusan mesyuarat yang telah diadakan antara Peguam Negara dengan KPTG pada 16 September 2003 iaitu semua tanah milik dan rizab kereta api di seluruh Semenanjung Malaysia adalah hak milik PAK. Oleh itu, PAK adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir semua tanah kereta api. Berikutan dengan keputusan tersebut, Jabatan KPTG tidak lagi bertanggungjawab terhadap pengawalan dan pengurusan tanah kereta api di Semenanjung Malaysia.
- d. Peguam Negara juga turut memberikan pandangan yang sama mengenai hak milik tanah kereta api ini melalui suratnya bertarikh 10 Disember 2003 iaitu semua tanah kereta api di Semenanjung Malaysia adalah secara automatik menjadi milik PAK dan tidak perlu dibuat peletak hak di bawah Kanun Tanah Negara. Ini adalah kerana mengikut Seksyen 93, Akta Keretapi 1991, rujukan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dalam sebarang surat cara, surat ikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah dimaksudkan sebagai Perbadanan Aset Keretapi.
- e. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2013, PAK mempunyai sebanyak 1,430 lot tanah seluas 31,432.87 ekar bernilai RM8.38 bilion yang terdiri daripada tanah hak milik dan rizab. Tanah hak milik terdiri daripada tanah pegangan bebas dan pajakan Kerajaan Negeri selama 99 atau 999 tahun. Tanah tersebut boleh digunakan untuk aktiviti berkaitan kereta api

atau pembangunan bercampur bergantung kepada syarat yang dinyatakan dalam geran tanah manakala tanah rizab hanya boleh dimajukan untuk tujuan aktiviti berkaitan kereta api sahaja.

- f. Semakan Audit mendapati mulai tahun 2004, PAK telah mula mengambil tindakan untuk membuat peletak hak 329 lot tanah hak milik bernilai RM1.01 bilion dan mewartakan 1,101 tanah rizab bernilai RM7.37 bilion. Sehubungan itu, PAK telah mengeluarkan surat kepada semua Pejabat Tanah dan Galian di Semenanjung Malaysia memaklumkan bahawa tanah tersebut adalah miliknya. Sehingga bulan September 2013, sebanyak 238 daripada 329 atau 72.3% lot tanah hak milik telah dapat ditukar milik daripada KTMB dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada PAK manakala baki sebanyak 91 lot atau 27.7% belum ditukar milik. Selain itu, sebanyak 161 daripada 1,101 atau 14.6% lot tanah rizab telah diukur dan diwartakan, 856 lot belum diukur dan diwartakan serta 84 lot tanah tidak mempunyai salinan warta. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.12  
PELETAK HAK DAN PEWARTAAN TANAH PERBADANAN ASET KERETAPI  
SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2013**

BIL.	NEGERI	TANAH HAK MILIK			TANAH RIZAB			
		ADA HAK MILIK	TIADA HAK MILIK	JUMLAH	DIUKUR DAN DIWARTAKAN	TIDAK DIUKUR DAN DIWARTAKAN	TIADA SALINAN WARTA	JUMLAH
1.	Perlis	5	-	5	-	1	-	1
2.	Kedah	36	-	36	-	1	-	1
3.	Pulau Pinang	42	79	121	-	-	-	-
4.	Perak	42	-	42	43	50	68	161
5.	Selangor	7	1	8	51	163	11	225
6.	Kuala Lumpur	19	2	21	27	43	-	70
7.	Negeri Sembilan	4	-	4	17	401	3	421
8.	Melaka	2	-	2	-	26	-	26
9.	Johor	7	1	8	3	120	-	123
10.	Pahang	2	-	2	20	51	2	73
11.	Kelantan	72	8	80	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>238</b>	<b>91</b>	<b>329</b>	<b>161</b>	<b>856</b>	<b>84</b>	<b>1,101</b>

*Sumber: Jabatan Pengurusan Hartanah*

- g. PAK memaklumkan proses pertukaran hak milik tanah dibuat secara berperingkat dan proses mencari dokumen berkaitan seperti geran tanah asal dan warta rizab daripada Pejabat Tanah dan Galian dijangka mengambil masa yang lama. Selain itu, PAK mengalami kekangan kewangan untuk

membayai kos pengukuran tanah dan kekurangan kakitangan bagi menguruskan proses pertukaran hak milik tanah.

**Pada pendapat Audit, pengurusan tanah rizab adalah kurang memuaskan kerana hanya 161 atau 14.6% daripada 1,101 lot tanah rizab telah diukur dan diwartakan.**

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan sejak tahun 2004 hingga bulan September 2013, PAK lebih fokus kepada kerja peletakan hak tanah hak milik iaitu sebanyak 238 lot daripada 329 lot telah diselesaikan berbanding pewartaan tanah rizab hanya 161 lot daripada 1,101 lot. Dalam tempoh bulan September 2013 sehingga 25 Mac 2014, sebanyak 3 lot tanah berhak milik yang telah diletak hak kepada PAK iaitu satu lot tanah di Mukim Kampung Laut, Jajahan Tumpat Kelantan dan 2 lot tanah di Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Baki sebanyak 88 lot tanah dalam proses peletakan hak milik. Prosedur peletakan hak mengambil masa yang lama kerana berurusan dengan Pejabat Tanah Dan Daerah, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, proses ini melibatkan kos yang tinggi untuk bayaran ukur dan premium tanah kepada Kerajaan Negeri. Antara tindakan yang telah diambil oleh PAK terhadap 84 lot tanah rizab yang tiada salinan warta dan 856 lot tanah rizab belum diukur serta belum diwarta adalah seperti berikut:*

- *Menjalankan siasatan mulai bulan April 2014 di Jabatan Arkib Negara bagi mendapatkan salinan warta dan kerja dijangka selesai pada bulan September 2014.*
- *Mengemukakan permohonan pewartaan kepada Pejabat Tanah Dan Daerah bagi 9 lot tanah di Daerah Petaling, Gombak, Hulu Selangor dan Klang serta 2 plot tanah di Daerah Petaling.*
- *Menyediakan kerja ukur tanah rizab bagi penyediaan hak milik. Kerja ukur bagi tanah di Perak untuk permohonan pemberimilikan kekal telah selesai pada 18 April 2014. Permohonan pemberimilikan akan dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian pada 10 Mei 2014.*
- *Mengemukakan permohonan pewartaan kepada Pejabat Tanah secara berperingkat mengikut negeri dan kerja dijangka selesai pada tahun 2017.*

#### **4.4.7 Penyelenggaraan Rekod Aset**

4.4.7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan sesuatu aset hendaklah didaftarkan bagi memudahkan urusan perekodan dan pengesanan. Pendaftaran aset hendaklah dilaksanakan oleh Pegawai Aset yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Daftar aset hendaklah dikemas kini jika berlaku sebarang penambahan/penggantian/menaik taraf dan pelupusan aset.

4.4.7.2 Semakan Audit mendapati PAK menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi menguruskan asetnya. Aset tak alih PAK direkodkan dalam *Aset and Information System* yang dibangunkan oleh konsultan pada tahun 2005. Bagaimanapun, data dalam sistem ini hanya boleh disemak dan dicetak tetapi tidak boleh dikemas kini.

4.4.7.3 PAK juga menggunakan sistem SAGA untuk merekodkan maklumat kewangan mengenai semua aset miliknya. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2013 mendapati 18 unit kuarters PAK di negeri Perak, Perlis serta Johor telah dilupuskan sebelum tahun 2012. Bagaimanapun, daftar kuarters dalam sistem SAGA tidak dikemas kini dan menunjukkan nilai buku bersih antara RM9,650 hingga RM48,249. Selain itu, sebanyak 31 unit kuarters yang usang dan rosak masih menunjukkan nilai buku bersih antara RM965 hingga RM38,600 yang sepatutnya bernilai RM1 seunit. Perkara ini juga merupakan asas pendapat Juruaudit terhadap Sijil Penafian yang telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan PAK tahun 2012.

**Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod aset adalah lemah kerana aset PAK tidak dikemas kini dan tidak dapat dikenal pasti.**

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan Sijil Penafian telah dikeluarkan bagi Penyata Kewangan PAK Tahun 2012 tidak melibatkan 18 dan 31 unit kuarters seperti yang dinyatakan. Kenyataan ini perlu dikeluarkan daripada Laporan Ketua Audit Negara. Semakan akan dibuat terhadap tarikh sebenar 18 unit kuarters yang telah dilupuskan sebelum dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan dan dikemas kini dalam Daftar Aset Tetap. PAK juga akan melaksanakan penyiasatan bagi 31 unit kuarters yang dinilai RM1 untuk mengesahkan keadaan fizikal aset, kebolehfungsian dan ekonomikal sebelum diperakukan kepada Jawatankuasa Pelupusan. Kerja dijangka selesai pada bulan Jun 2014.*

**Pada pendapat Audit, Sijil Penafian yang dikeluarkan ada kaitan dengan kelemahan penyenggaraan rekod aset termasuk daftar kuarters yang tidak dikemas kini.**

#### **4.4.8 Pemantauan**

4.4.8.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk membaiki atau menyelesaiannya. PAK telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pelupusan Aset dan penubuhan Unit Penguatkuasaan bagi memastikan pengurusan aset dilaksanakan dengan teratur.

4.4.8.2 Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah ada membincangkan isu dan masalah mengenai aset kereta api antaranya pembangunan tanah, pencerobohan tanah sebagai penempatan setinggan dan pelupusan bahan lusuh kereta api. Selain itu, Laporan Pelupusan Bahan Lusuh Kereta Api dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Aset yang bermesyuarat sebanyak 4 kali setahun. Bagaimanapun, PAK tidak menjalankan pemantauan terhadap pengurusan kquarters miliknya yang didiami oleh kakitangan KTMB.

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan semua kquarters telah diserahkan kepada KTMB untuk diuruskan termasuk pengurusan kemasukan/keluar penghuni kquarters, kutipan sewa dan penyenggaraan. Oleh itu, bagi menambah baik pengurusan kquarters, PAK dalam proses pengemaskinian maklumat berkaitan kquarters kerana maklumat sedia ada adalah bagi tahun 2005. Mulai bulan April 2014, PAK telah menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Kquarters yang merangkumi penyediaan bajet, penubuhan pasukan pelaksana pengurusan kquarters bagi mengemas kini maklumat kquarters, bancian dan penyediaan Laporan Akhir. Kerja dijangka selesai dan laporan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2014.*

4.4.8.3 Semakan lanjut mendapati PAK telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan secara pentadbiran pada tahun 2013 yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan terhadap tanah dan bangunan serta melaporkan kepada pihak pengurusan PAK sekiranya berlaku sebarang pencerobohan. Bagaimanapun, Unit ini hanya mempunyai seorang Pegawai Tabir Gred N41 yang menyebabkan aktiviti penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan menyeluruh dan berkesan.

**Maklum balas daripada PAK diterima pada 30 April 2014.**

*PAK memaklumkan PAK dibantu oleh agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Dan Daerah, Polis DiRaja Malaysia, RELA dan KTMB dalam melaksanakan penguatkuasaan. PAK akan menambah bilangan pegawai melalui pengambilan pegawai kontrak sebagai langkah jangka pendek bagi mengukuhkan fungsi pemantauan dan mengatasi masalah berkaitan.*

#### **4.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan PAK mengambil tindakan seperti berikut bagi memperbaiki kelemahan dalam pengurusan aset:

4.5.1 PAK hendaklah memastikan kontraktor menjalankan penyenggaraan kereta api mengikut rancangan penyenggaraan yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan kereta api dan orang awam. Selain itu, perjanjian tambahan wajar dibuat bagi memperincikan bayaran penyenggaraan berdasarkan Rancangan Penyenggaraan yang dipersetujui meliputi penyenggaraan secara harian, mingguan dan bulanan.

4.5.2 PAK hendaklah mengenakan denda kepada Hidmalayan (M) Sdn. Berhad kerana lewat membuat bayaran kepada PAK seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Selain itu, PAK juga perlu mengambil tindakan segera untuk melupuskan bahan lusuh yang terbiar supaya ia tidak bertambah rosak dan mengalami kemerosotan nilai.

4.5.3 PAK hendaklah menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua kuarters milik PAK supaya kemudahan perumahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta mengurangkan peratusan kuarters yang tidak didiami. Sehubungan ini, peruntukan penyenggaraan yang mencukupi hendaklah dipohon daripada Kementerian.

4.5.4 Selaras dengan Akta Keretapi 1991, PAK hendaklah mengambil tindakan segera untuk urusan peletak hak tanah kepadanya supaya tidak berlaku pencerobohan tanah dan kehilangan hasil. Unit Penguatkuasaan yang ditubuhkan pada tahun 2013 perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan berkesan untuk menangani masalah pencerobohan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## LEMBAGA GETAH MALAYSIA

### 5. PENGURUSAN PERALATAN PENYELIDIKAN DAN KOMERSIAL

#### 5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Lembaga Getah Malaysia (LGM) ditubuhkan pada 1 Januari 1998 di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (Akta 551) dan dikawal selia oleh Kementerian Perusahaan Perlادangan Dan Komoditi (KPPK). Objektif utama LGM adalah untuk memaju dan membangunkan industri getah Malaysia. Antara fungsi LGM adalah untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan industri getah Malaysia, memaju dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah, merancang dan menyelaras aktiviti penyelidikan serta kemajuan getah, membangun serta memajukan dapatan penyelidikan dan mengadakan perkhidmatan teknikal, penasihat serta perunding bagi industri getah.

5.1.2 Selaras dengan objektif dan fungsinya, LGM telah melaksanakan aktiviti penyelidikan yang melibatkan 3 sektor utama iaitu sektor huluan (*upstream*), pemprosesan (*midstream*) dan hiliran (*downstream*). Penyelidikan di sektor huluan melibatkan pengurusan tanaman, pemberian dan perlindungan tanaman serta bioteknologi. Sektor pemprosesan pula melibatkan penyelidikan pemprosesan dan pencemaran manakala penyelidikan di sektor hiliran melibatkan kejuruteraan rekabentuk produk, teknologi getah termaju, sains dan teknologi lateks serta kimia dan eksploratori bahan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 78 projek penyelidikan sedang dilaksanakan oleh LGM.

5.1.3 Jumlah keseluruhan aset LGM sehingga 31 Disember 2013 adalah RM500.76 juta. Daripada jumlah tersebut, RM108.06 juta merupakan peralatan penyelidikan dan komersial yang terdiri daripada kelengkapan makmal serta loji dan jentera. Seksyen Perkhidmatan dan Perolehan serta Seksyen Pengurusan Aset Alih dan Keselamatan di bawah Unit Pentadbiran LGM bertanggungjawab terhadap pengurusan aset LGM.

#### 5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial LGM telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

### **5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial LGM bagi tahun 2009 sehingga 2013. Semakan dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan peralatan. Selain itu, temu bual diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan terhadap sampel peralatan di Ibu Pejabat LGM, Stesen Penyelidikan Sungai Buloh, Stesen Penyelidikan Kota Tinggi dan Unit Pencirian Bahan di LGM Wilayah Utara, Sungai Petani.

### **5.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan September sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial LGM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- a. Tiada penyelarasan antara perolehan peralatan dan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat yang akan menempatkan peralatan. Projek pembinaan hanya bermula pada bulan Mei 2013 dan dijangka siap pada bulan November 2014 sedangkan perolehan peralatan telah dibuat pada tahun 2009.
- b. Sebanyak 15 komponen peralatan yang dibeli antara tahun 1990 sehingga 2010 bernilai RM9.94 juta tidak digunakan antara 1 sehingga 15 tahun setakat tarikh pengauditan. Antara peralatan dan sebab tidak digunakan adalah seperti berikut:
  - i. Perolehan *Internal Mixer Farrel F-50* dan peralatan sokongannya berjumlah RM6.30 juta tidak mengambil kira keperluan penggunaan dan persamaan fungsi peralatan yang sedia ada. Selain itu, spesifikasi *Batch of Machine* yang merupakan peralatan sokongan tidak sesuai kerana melebihi kapasiti *Internal Mixer Farrel F-50* dan disyorkan untuk pelupusan.
  - ii. Perolehan 80 unit *RRIM Rapid DRC* berjumlah RM0.80 juta tidak mengambil kira keperluan dan lokasi penempatan peralatan menyebabkan 12 unit tidak digunakan.
- c. Dua peralatan bagi ujian tayar berjumlah RM4.70 juta yang dibeli pada tahun 2011 dan 2010 tidak berfungsi kerana mengalami masalah perisian sejak bulan Februari dan April 2013. Pembaikan masih belum dijalankan dan peralatan tersebut tidak dapat digunakan. Selain itu, sebanyak 237 daripada 400 unit peralatan *Automatic Rubber Tapping Systems* (ARTS) di Stesen

Penyelidikan Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tiada hasil torehan.

- d. Peralatan tidak disenggara mengikut jadual menyebabkan peralatan sentiasa rosak dan tidak dapat digunakan.
- e. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih LGM tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **5.4.1 Tiada Penyelarasan Antara Perolehan Peralatan Dan Pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat**

5.4.1.1 Pada tahun 2009, LGM telah membuat perolehan secara tender terbuka berjumlah RM5.22 juta bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan peralatan serta perkhidmatan untuk kegunaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah (KIPG), Stesen Penyelidikan Kota Tinggi Johor. Peralatan, aksesori dan perkhidmatan yang perlu dibekalkan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1  
PERALATAN, AKSESORI DAN PERKHIDMATAN  
UNTUK PUSAT PEMPROSESAN LATEKS PEKAT**

JENIS	NAMA PERALATAN/PERKHIDMATAN	KOS (RM)	JUMLAH (RM)
Peralatan	<i>Equipment for Field Latex Reception</i>	203,406	4,516,658
	<i>Equipment for Skim Latex Operation</i>	203,406	
	<i>Equipment for Reception/Desludging</i>	182,544	
	<i>Separator</i>	2,425,226	
	<i>Equipment for Centrifugation Process</i>	417,243	
	<i>Equipment for Storage Operation</i>	1,084,833	
Aksesori Dan Perkhidmatan	<i>Electrical Works</i>	265,993	698,882
	<i>Skybridge Elevated Platform for Storage Tanks</i>	31,293	
	<i>Inter-Tanks Piping System</i>	146,035	
	<i>Open Chute for Concentrate Latex</i>	26,078	
	<i>Open Chute for Skim</i>	20,862	
	<i>Delivery and Installation</i>	156,466	
	<i>Testing and Commissioning</i>	52,155	
<b>JUMLAH</b>			<b>5,215,540</b>

*Sumber: Laporan Kemajuan Kerja*

5.4.1.2 Projek pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kompleks tersebut hanya **bermula pada bulan Mei 2013 dan dijangka siap pada bulan November 2014 sedangkan perolehan peralatan telah dibuat pada tahun 2009**. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Projek sehingga bulan November 2013 mendapat prestasi projek hanya mencapai 21%

berbanding 33% yang disasarkan kerana masalah hujan menyebabkan kelewatan pemasangan cerucuk bagi pembinaan *retaining wall*. Lawatan Audit pada 12 Disember 2013 mendapati pembinaan fizikal projek adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.1**  
**Pembinaan Fizikal Pusat Pemprosesan Lateks Pekat**



Lokasi: Stesen Penyelidikan Kota Tinggi  
Tarikh: 12 Disember 2013



Lokasi: Stesen Penyelidikan Kota Tinggi  
Tarikh: 12 Disember 2013

5.4.1.3 Komponen bagi peralatan telah diterima secara berperingkat mulai bulan Jun 2010 sehingga bulan Oktober 2010. LGM telah membuat bayaran sejumlah RM5.09 juta atau 97.5% dan wang tahanan sejumlah RM0.13 juta atau 2.5% masih belum dibayar. Bagaimanapun, peralatan tersebut masih tidak dapat digunakan kerana menunggu kerja-kerja pemasangan dan disimpan di Stesen Penyelidikan Sungai Buloh, premis pembekal dan pihak yang dilantik oleh pembekal. Perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 dan sehingga kini kedudukan peralatan tidak berubah. Peralatan yang belum digunakan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.2**  
**Peralatan Untuk Pusat Pemprosesan Lateks Pekat Ditempatkan  
Di Stesen Penyelidikan Sungai Buloh**



Lokasi: Stesen Penyelidikan Sungai Buloh  
Tarikh: 29 November 2013



Lokasi: Stesen Penyelidikan Sungai Buloh  
Tarikh: 21 November 2011  
Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

**GAMBAR 5.3**  
**Peralatan Untuk Pusat Pemprosesan Lateks Pekat Ditempatkan  
Di Premis Pembekal Semenjak Tahun 2010**



Lokasi: Taman Perindustrian Puchong, Seksyen 5  
Tarikh: 19 Disember 2011  
Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011



Lokasi: Taman Perindustrian Puchong, Seksyen 5  
Tarikh: 19 Disember 2011  
Sumber: Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011

5.4.1.4 Pihak Audit dimaklumkan bahawa pembekal peralatan ada mengemukakan cadangan sebut harga bagi kerja pembentahan/recondition peralatan memandangkan kerja pemasangan peralatan tertangguh melebihi 2 tahun akibat kelewatan pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat. Selain itu, LGM juga bercadang untuk melantik juruperunding mekanikal dan elektrikal bagi projek pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat untuk membuat penilaian teknikal terhadap jumlah sebenar yang patut dibayar kepada pembekal bagi pembentahan peralatan tersebut. Bagaimanapun, sebut harga daripada pembekal dan pelantikan perunding masih belum dimuktamadkan oleh LGM. Keadaan peralatan yang memerlukan pembentahan adalah seperti gambar berikut:



**GAMBAR 5.4**  
**Keadaan Peralatan Yang Berkarat**

Lokasi: Stesen Penyelidikan Sungai Buloh  
Tarikh: 29 November 2013

Pada pendapat Audit, perolehan peralatan untuk kegunaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat adalah kurang memuaskan kerana tiada penyelarasan dengan kemajuan pembinaan pusat tersebut. Ini menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan dan LGM berhadapan dengan risiko kerosakan dan pertambahan kos bagi pembentahan peralatan.

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan kelewatan di dalam Pembinaan Pusat Pemprosesan Lateks Pekat di Kompleks Integrasi Pemprosesan Getah (KIPG) adalah disebabkan oleh syarat tambahan yang dikenakan oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi iaitu penyediaan Master Plan dan Kerja-kerja Infrastruktur sebelum kelulusan pembinaan dapat diluluskan. Peralatan dibeli awal kerana menggunakan peruntukan RMKe-9 yang perlu dibelanjakan sebelum tahun 2010. Perancangan untuk pembinaan pusat pemprosesan lateks pekat di selaraskan oleh JKR daripada peringkat awal, termasuk perancangan perolehan peralatan. Sesetengah peralatan tersebut perlu dikoordinasi dan dipasang di dalam bangunan sebelum bumbung disiapkan.*

*Setakat 31 Mac 2014, kemajuan kerja di tapak bagi Pusat Pemprosesan Lateks Pekat adalah sebanyak 35% berbanding 46% yang dijadualkan iaitu lewat sebanyak 11% atau 51 hari. Kelewatan berlaku disebabkan masalah hujan bagi tempoh November sehingga Disember 2013 menyebabkan kelewatan pemasangan cerucuk bagi pembinaan retaining wall. Selain itu, kelewatan juga adalah melibatkan kerja-kerja pembinaan surau dan kantin serta bukan bangunan utama kilang. Dalam mesyuarat tapak pada 3 April 2014, pihak kontraktor telah memberi jaminan bahawa Pusat Pemprosesan Lateks Pekat akan dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada bulan November 2014. Koordinasi kerja bersama pembekal peralatan bagi kerja-kerja pemasangan peralatan kilang telah dimulakan melalui mesyuarat teknikal pada 19 Mac 2014 dan pemasangan peralatan akan bermula pada bulan Jun 2014.*

*Sebagaimana maklum balas LGM di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011, LGM memaklumkan bahawa semua peralatan yang disimpan oleh pihak yang dilantik oleh pembekal adalah di dalam premis yang berkunci. Sebagai langkah tambahan, peralatan yang disimpan di gudang pembekal telah diinsuranskan dan mempunyai khidmat kawalan keselamatan. Sebagai penambahbaikan, LGM telah memastikan peralatan dijaga dan disimpan di tempat selamat di beberapa lokasi di LGM dan juga stor pembekal sementara menunggu tarikh pemasangan peralatan.*

*Mesyuarat JTPA RMK10 juga bersetuju supaya dilantik juruperunding mekanikal dan elektrikal untuk menentukan jumlah sebenar yang patut dibayar kepada pembekal untuk kerja pembaikan/recondition sesetengah peralatan. Kos pembaikan yang dianggarkan oleh juruperunding adalah bagi pembaikan/recondition akibat penyimpanan dan tidak termasuk kos pengangkutan, pemasangan dan pengujian kerana ia telah dimasukkan di*

*dalam skop tender asal. Jawatankuasa Pelantikan Perunding LGM akan bermesyuarat pada 8 Mei 2014 untuk melantik juruperunding.*

#### 5.4.2 Peralatan Terbiar Dan Tidak Digunakan

5.4.2.1 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan semua aset kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat.

5.4.2.2 Semakan Audit mendapati 15 komponen peralatan yang dibeli antara tahun 1990 sehingga 2010 bernilai RM9.94 juta tidak digunakan antara 1 sehingga 15 tahun. Antara sebab peralatan tidak digunakan adalah peralatan telah rosak, kos operasi yang tinggi, bekalan bahan mentah tidak mencukupi, pegawai penyelidik yang bertanggungjawab terhadap peralatan telah bersara atau bertukar dan sistem pengolahan efluen kilang telah dilupuskan. Butiran peralatan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 5.2  
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN**

NAMA PERALATAN	TAHUN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Tahun)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
<i>Internal Mixer Farrel F-50</i> dan peralatan sokongan <i>Masterbatch Factory</i> (Gambar 5.5, 5.6 dan 5.7)	1998 sehingga 2003	6,296,130	10	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekalan bahan mentah LGM tidak mencukupi untuk menampung pengeluaran <i>masterbatch</i> kepada syarikat industri.</li> <li>Perolehan tidak mengambil kira keperluan dan persamaan fungsi peralatan sedia ada iaitu <i>Internal Mixer GK70</i>.</li> <li>Pegawai bertanggungjawab membuat perolehan telah bersara dan pegawai sedia ada tiada kepakaran untuk mengendalikan peralatan.</li> <li>Peralatan sedia ada iaitu <i>Internal Mixer GK70</i> sudah memadai untuk menampung permintaan dari industri luar atau untuk tujuan penyelidikan.</li> <li>Penggunaan <i>Internal Mixer GK70</i> lebih efisen dan efektif.</li> </ul>
<i>RRIM Rapid DRC</i> (12 unit @RM10,000 seunit) (Gambar 5.8)	2010	120,000	2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keperluan peralatan tidak ditetapkan dalam <i>Research Project Proposal</i>.</li> </ul>
Peralatan Kilang Sarung Tangan Getah (Gambar 5.9 dan 5.10)	2003	995,560	5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan bekalan elektrik dalam kilang.</li> <li>Sistem pemanas bagi kilang tidak berfungsi.</li> </ul>

NAMA PERALATAN	TAHUN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Tahun)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
<i>Latex Thread Pilot Plant</i> (Gambar 5.11)	1991	1,000,000	15	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memerlukan kuantiti lateks yang banyak sekiranya peralatan beroperasi sepenuhnya.</li> <li>Tiada permintaan daripada industri.</li> </ul>
<i>Mobile Rubberised Bitumin</i> (Gambar 5.12)	2003	985,200	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pegawai penyelidik yang bertanggungjawab terhadap peralatan telah berpindah selepas projek tamat pada tahun 2005.</li> </ul>
Peralatan Kilang SMR (Gambar 5.13)	TM		2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem pengolahan efluen bagi ketiga-tiga kilang telah dilupuskan pada tahun 2012 kerana lokasinya berada dalam kawasan tanah yang telah diambil alih oleh Syarikat Kwasa Land Sdn. Berhad.</li> </ul>
Peralatan Kilang ENR (Gambar 5.14)			1	
Peralatan Kilang DPNR (Gambar 5.15)			1	
<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75</i> (Gambar 5.16)	1990	158,235	15	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek asal telah siap.</li> <li>Komponen mesin telah dilupuskan.</li> <li>Tiada permintaan terhadap <i>rubber sealant</i>.</li> </ul>
<i>Electric Retread Tyre Autoclave</i> (Gambar 5.17)	1994	104,000	11	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peralatan rosak.</li> <li>Projek telah siap.</li> <li>Mesin tidak diperlukan kerana penyelidikan pembentukan tayar diganti dengan penghasilan penyediaan sebatian.</li> </ul>
<i>Kneader</i> (Gambar 5.18)	2000	126,880	6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peralatan rosak.</li> <li>Kos pembaikan adalah tinggi.</li> <li>Mesin pengadunan dalaman yang lain digunakan.</li> </ul>
<i>Two Rolls Mill K-560</i> (Gambar 5.19)	2000	141,500	4	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Bush</i> rosak dan tidak disenggara.</li> </ul>
<i>Automation System</i> (Gambar 5.20)	2009	18,140	4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek penyelidikan telah siap tetapi tiada kesinambungan penambahbaikan kepada proses kilang SMR.</li> </ul>
<i>Robotic System</i> (Gambar 5.21)	TM	TM	TM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gagal berfungsi untuk mengeluarkan <i>rubber biscuits</i> SMR dari tray pengering.</li> </ul>
<i>Creeper</i> (Gambar 5.22)	TM	TM	TM	TM

Sumber: Daftar Aset

Nota: TM - Tiada Maklumat

a. *Internal Mixer Farrel F-50* dan peralatan sokongan *Masterbatch Factory*

- i. Perolehan *Internal Mixer Farrel F-50* dan peralatan sokongan yang lain berjumlah RM6.30 juta dibuat pada tahun 1998 sehingga 2003 bagi membekalkan *masterbatch* secara komersial kepada syarikat pembuatan barang getah menggunakan getah mentah yang dikeluarkan oleh kilang SMR di LGM. Butiran peralatan adalah seperti Jadual berikut:

**JADUAL 5.3**  
**BUTIRAN PEROLEHAN INTERNAL MIXER FARREL F-50**  
**DAN PERALATAN SOKONGAN**

BIL.	NAMA PERALATAN	NOMBOR ASET	TAHUN PEROLEHAN	KOS (RM)	JUMLAH (RM)
1.	<i>Internal Mixer Farrel F-50</i>	LGM/UBGK/4/1998/0268	1998	2,509,660	3,786,470
2.	<i>Batch Of Machine</i>	LGM/UBGK/4/2000/0273	1998	454,570	
3.	<i>Mechanical &amp; Electrical F-50</i>	LGM/UBGK/4/1999/0271	1999	377,140	
4.	<i>Operation System Of F-50</i>	LGM/UBGK/4/1999/0270	2000	454,570	
5.	<i>Soft Starter Panel</i>	LGM/UBGK/4/2000/0272	2000	71,900	
6.	<i>ABB Frequency Converter Type ACS 600</i>	LGM/UBGK/4/2000/0274	2000	19,950	
7	<i>3 Unit 500 Gal. SS Cylinder With 3" Valve &amp; Lock</i>	LGM/UBGK/4/1999/025/6/7	1999	19,050	
8.	<i>Dump 60" Two Rolls Mill</i>	LGM/UBGK/4/2000/0278	2000	195,000	
9.	<i>Sheeting Out 60" Two Rolls Mill</i>	LGM/UBGK/4/2000/0279	2000	220,000	
10	<i>Raw Material Feeding System</i>	LGM/UBGK/4/2000/0269	2000	448,290	
11.	<i>Control Panel For Auto Feeding System F-50</i>	LGM/UBGK/4/2002/0315	2002	128,000	
12.	<i>Automatic Powder &amp; Process Oil Feeding System</i>	LGM/UBGK/4/2003/0319	2003	1,398,000	
<b>JUMLAH</b>					<b>6,296,130</b>

Sumber : Daftar Harta Modal

- ii. Semakan Audit terhadap daftar penggunaan mendapati keseluruhan peralatan tidak digunakan selama 10 tahun iaitu mulai bulan April 2003. Pihak Audit dimaklumkan bahawa peralatan telah mengalami kerosakan dan tindakan penyenggaraan belum diambil menyebabkan peralatan terbiar dan usang. Perolehan peralatan juga tidak mengambil kira keperluan penggunaan dan persamaan fungsi peralatan yang sedia ada iaitu *Internal Mixer GK70*. **Ini adalah satu pembaziran di mana *Internal Mixer Farrel F-50* tidak digunakan sejak bulan April 2003.** Antara sebab utama peralatan tidak digunakan adalah seperti berikut:

- Bekalan bahan mentah LGM tidak mencukupi untuk menampung pengeluaran *masterbatch* kepada syarikat industri getah;
  - Peralatan sedia ada iaitu *Internal Mixer GK70* lebih mudah digunakan jika terdapat permintaan memproses *masterbatch* daripada industri luar atau untuk tujuan penyelidikan;
  - Penggunaan *Internal Mixer GK70* lebih efisen dan efektif;
  - Peralatan sedia ada sudah memadai untuk menampung permintaan dari industri luar atau untuk tujuan penyelidikan;
  - Kos operasi yang tinggi; dan
  - Tiada kepakaran untuk mengendalikan peralatan kerana pegawai berkenaan telah bersara.
- iii. *Batch of Machine* yang dibeli pada tahun 1998 berjumlah RM0.45 juta merupakan peralatan sokongan bagi menjadikan *Internal Mixer Farrel F-50* bersifat *Auto Feeding System*. Peralatan *Internal Mixer Farrel F-50* mempunyai kapasiti untuk memproses sebanyak 47.4 liter bahan adunan bagi menghasilkan *masterbatch*. Pihak Audit dimaklumkan bahawa spesifikasi *Batch of Machine* tidak sesuai kerana melebihi kapasiti *Internal Mixer Farrel F-50* dan memerlukan 320 hingga 390 liter bahan adunan bagi membolehkan peralatan beroperasi sepenuhnya. Ini menyebabkan *Batch of Machine* tidak pernah digunakan sejak dibeli kerana tidak efektif dan memerlukan bahan adunan pada skala yang besar. Sehubungan itu, peralatan telah diluluskan untuk pelupusan pada bulan September 2013 kerana tidak boleh digunakan bersama *Internal Mixer Farrel F-50*. Peralatan *Internal Mixer Farrel F-50*, *Internal Mixer GK70* dan *Batch of Machine* adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.5**  
Komponen Peralatan *Internal Mixer Farrel F-50*



Lokasi: Kilang Masterbatch (UPPC)  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.6**  
Komponen Peralatan *Internal Mixer GK70*



Lokasi: Kilang UTGT  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.7**  
**Batch of Machine Yang Tidak Pernah Digunakan Dan Akan Dilupuskan**



Lokasi: Kilang Masterbatch (UPPC)  
Tarikh: 28 November 2013



Lokasi: Kilang Masterbatch (UPPC)  
Tarikh: 28 November 2013

Pada pendapat Audit, perancangan perolehan peralatan adalah kurang memuaskan dan tidak teratur menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan dan merupakan pembaziran wang awam.

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa alternatif untuk menyenggara peralatan Kilang Masterbatch telah dibuat tetapi proses pembaikan tertangguh disebabkan kos penyenggaraan yang tinggi. LGM telah menggunakan mesin tersebut untuk pelbagai kegunaan penyelidikan di samping aktiviti-aktiviti komersil. LGM akan menjalankan analisis biaya manfaat (cost benefit analysis) sebelum membuat keputusan melupuskan kesemua bahagian komponen sistem integrasi mesin pengadunan F-50. Sekiranya dilupuskan, mesin komponen utama F-50 akan dicadangkan untuk dilupuskan secara sumbangan kepada pihak industri kecil dan sederhana.*

*Batch of Machine telah dilupuskan pada 15 September 2013 dan telah dikeluarkan dari LGM pada 14 Februari 2014. LGM akan memastikan bahawa perolehan pada masa hadapan dirancang dengan baik supaya peralatan digunakan secara optimum. Ini dilaksanakan dengan prosedur perolehan dan penstruktur baru LGM dengan penubuhan Centers of Excellence (COE) pada 1 Januari 2014. COE bertanggungjawab ke atas semua peralatan penyelidikan bagi memastikan perancangan perolehan yang baik, penggunaan peralatan yang optimum dan penyenggaraan peralatan yang berkesan.*

**b. RRIM Rapid DRC**

- i. Pada tahun 2010, LGM telah membeli sebanyak 80 unit *RRIM Rapid DRC* berjumlah RM0.8 juta bagi tujuan penyelidikan untuk menilai kandungan getah kering (KGK) dalam getah mentah seperti *cuplump*, kepingan, polibeg dan getah krip. Kumpulan sasaran penyelidikan ini adalah agensi dan kumpulan perseorangan yang terlibat dalam rantaian jual beli getah mentah di peringkat pusat pengumpulan getah, pelesen getah mentah (pemborong) dan pengilang.
- ii. Semakan Audit mendapati kuantiti yang dibeli oleh LGM tidak mengambil kira keperluan dan lokasi penempatan peralatan semasa penyediaan *Research Project Proposal*. Ini menyebabkan hanya 64 unit peralatan digunakan untuk penyelidikan manakala 4 unit digunakan untuk pameran kepada orang awam dan 12 unit tidak digunakan. Lokasi penempatan peralatan bagi tujuan penyelidikan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.4  
LOKASI PENEMPATAN PERALATAN RRIM RAPID DRC**

BIL.	KUMPULAN/AGENSI	LOKASI	UNIT
1.	RISDA	Koperasi Dan Pusat Pengumpulan Getah	8
2.	Kilang Pemproses Getah Mentah	Pusat Penerimaan Dan Makmal Kilang Pemprosesan Getah Mentah	6
3.	Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)	Pusat Penerimaan Dan Makmal Kilang Pemprosesan Getah Mentah	2
4.	Skim Rancangan FELDA	Pusat Pengumpulan Getah	5
5.	FELCRA Berhad	Pusat Pengumpulan Getah Dan <i>Tooling Centre</i>	5
6.	KESEDAR	Pusat Pengumpulan Getah	2
7.	Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)	Pusat Pengumpulan Getah	2
8.	Pertubuhan Peladang Sarawak	Pusat Pengumpulan Getah	2
9.	Persatuan Pekebun Kecil	Pusat Pengumpulan Getah	2
10.	Pemborong Getah	Pusat Pengumpulan Getah	12
11.	Lembaga Getah Malaysia	Pejabat Wilayah, Pejabat Negeri, Stesen Penyelidikan dan Makmal	18
12.	Lembaga Getah Malaysia	Stesen Penyelidikan Sungai Buloh (Digunakan untuk pameran)	4
13.	Lembaga Getah Malaysia	Stesen Penyelidikan Sungai Buloh (Tidak Digunakan)	12
<b>JUMLAH</b>			<b>80</b>

*Sumber : Laporan Kajian Pelaksanaan RRIM Rapid DRC*

- iii. Sehingga tempoh pengauditan, 53 daripada 64 unit telah dikembalikan kepada LGM apabila projek penyelidikan telah tamat manakala 11 unit lagi masih berada di LGM Sarawak, Lembaga Industri Getah Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Persatuan Pekebun Kecil Sabah dan Sarawak. Peralatan yang tidak digunakan dan telah dikembalikan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.8**  
*RRIM Rapid DRC Yang Tidak Digunakan*



Lokasi: Stor UPPC Sungai Buloh  
Tarikh: 28 November 2013



Lokasi: Makmal Basah, LGM Jalan Ampang  
Tarikh: 28 November 2013

**Pada pendapat Audit, perancangan perolehan peralatan *RRIM Rapid DRC* adalah kurang memuaskan kerana lokasi penempatan tidak ditetapkan dalam *Research Project Proposal*.**

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan inovasi RRIM Rapid DRC adalah penting bagi menggantikan kaedah semasa penentuan KGK secara manual melalui pemerhatian yang menyebabkan harga getah boleh dimanipulasi semasa urusan jual beli getah. Sejumlah 80 unit RRIM Rapid DRC diperlukan bagi mengkaji perlaksanaan peringkat komersial merangkumi rangkaian bekalan dan jual beli getah, faktor kawasan dan kualiti bahan mentah yang dihasilkan. Lokasi penempatan tidak dinyatakan secara spesifik di dalam cadangan projek penyelidikan (*Research Project Proposal*) kerana kelulusan dan dokumen perjanjian kerjasama daripada pihak penerima masih belum diterima sepenuhnya pada masa berkenaan. Bagaimanapun, perancangan penempatan telah dibuat secara teliti melalui perbincangan dan mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak terlibat semasa peringkat cadangan projek penyelidikan.*

*Peralatan yang dikembalikan ditempatkan di dalam bilik stor khas berkunci. Terdapat dua unit RRIM Rapid DRC yang ditempatkan di makmal pemprosesan getah yang sering digunakan untuk tujuan penyelidikan dan penambahbaikan. Hasil maklum balas daripada laporan Kajian Perlaksanaan RRIM Rapid DRC, pihak LGM menjalankan usaha bagi menambah baik peralatan bagi memastikan ia memenuhi objektif pembangunannya. Kesemua peralatan RRIM Rapid DRC akan dibuat penambahbaikan berdasarkan reka bentuk terkini untuk diedarkan kepada pengguna sedia ada bagi operasi penentuan KGK bermula suku tahun ketiga 2014.*

### c. Peralatan Kilang Sarung Tangan Getah

- i. LGM telah membangunkan kilang sarung tangan getah berskala komersial pada tahun 1997 bernilai RM5.06 juta untuk tujuan penyelidikan terhadap masalah *latex protein allergy*. Kilang sarung tangan ini pernah disewakan kepada WDE Rubber (M) Sdn. Berhad antara tahun 2008 sehingga 2010 untuk pemprosesan sarung tangan berskala komersial. Pada tahun 2003, LGM juga telah membangunkan peralatan baru bernilai RM995,560 dalam kilang yang sama bagi tujuan penyelidikan terhadap pemprosesan sarung tangan getah industri bernilai tambah dan memantapkan R&D industri sarung tangan Malaysia. Pakej peralatan kilang sarung tangan getah industri bernilai tambah adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.5  
KOS KESELURUHAN PEMBANGUNAN KILANG SARUNG TANGAN  
UNTUK TUJUAN PENYELIDIKAN TERHADAP PEMPROSESAN SARUNG  
TANGAN GETAH BERNILAI TAMBAH**

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Mesin celupan R&D <i>continuous chain</i>	370,000
2.	Sistem pengambilan data	189,000
3.	Mengubahsuai bilik operasi	12,795
4.	Kerja membaiki lantai kilang	18,468
5.	Pendawaian	13,750
6.	Mesin celupan "batch"	83,000
7.	Tangki lateks ( <i>Jacketted</i> )	19,800
8.	<i>Examination glove former</i>	4,000
9.	Sistem pemanas	179,000
10.	<i>Stainless steel dipping tanks</i>	3,450
11.	<i>Auto stripping machine</i> untuk makmal	67,262
12.	<i>SAPI coil</i>	235
13.	<i>Far infrared ray laboratory dryer</i>	18,500
14.	Tangki lateks 2 lapis jenis <i>stainless steel</i>	16,300
<b>JUMLAH</b>		<b>995,560</b>

*Sumber : Laporan Projek Pembangunan Fizikal –Projek Kilang Sarung Tangan Getah RMKe-8 Sehingga 11 Oktober 2004*

- ii. Semakan Audit mendapati peralatan pemprosesan sarung tangan getah industri bernilai tambah tidak digunakan sejak tahun 2008. Semakan lanjut terhadap Buku Log Peralatan dari tahun 2008 sehingga 2013 mendapati LGM hanya melakukan *dry run* terhadap peralatan tersebut. Ini disebabkan LGM memberi keutamaan kepada WDE Rubber (M) Sdn. Berhad untuk pemprosesan sarung tangan berskala komersial memandangkan peralatan tidak dapat beroperasi serentak kerana kekurangan bekalan elektrik dalam kilang tersebut. Selain itu, kedua-dua peralatan menggunakan sistem pemanas yang sama. Pelupusan peralatan kilang untuk tujuan penyelidikan terhadap masalah *latex protein allergy* pada bulan Mei 2013 iaitu *Latex Dipping Machine* telah menyebabkan sistem pemanas bagi kilang tidak lagi berfungsi. Oleh itu, peralatan kilang sarung tangan getah industri bernilai tambah juga tidak boleh digunakan. Keadaan peralatan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.9**

Peralatan Kilang Sarung Tangan Getah Industri Bernilai Tambah Tidak Digunakan (Kos RM995,560)



Lokasi: Stesen Penyelidikan Getah Sungai Buloh  
Tarikh: 10 Disember 2013

**GAMBAR 5.10**

Penempatan Asal *Latex Dipping Machine* Yang Telah Dilupuskan



Lokasi: Stesen Penyelidikan Getah Sungai Buloh  
Tarikh: 10 Disember 2013

### Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.

*KPPK dan LGM memaklumkan antara teknologi yang dibangunkan adalah sarung tangan dari lateks berprotein rendah dan proxide cure system untuk pembuatan sarung tangan getah. Setelah projek disiapkan, peralatan tidak dilupuskan kerana potensi pemindahan teknologi kepada industri dan penyelidikan masa akan datang. Penggunaan peralatan adalah bergantung kepada permintaan untuk menyokong dan membantu industri untuk menyelesaikan masalah semasa yang sukar ditentukan penggunaannya. LGM menjalankan penyeliaan terhadap peralatan melalui ujian dry run bagi*

*memastikan peralatan boleh digunakan. Peralatan tidak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2013 setelah pelupusan peralatan latex dipping yang dibina pada tahun 1997 kerana kedua-dua peralatan berkongsi sistem pemanasan yang sama.*

*Bagi membolehkan peralatan digunakan untuk tujuan penyelidikan, projek baru berkaitan teknologi pembuatan lateks akan dicadangkan untuk kelulusan Panel Scientific and Economic Advisory Committee (SEAC) LGM pada bulan November 2014. Projek ini akan melibatkan aktiviti termasuk penggunaan peralatan untuk tujuan optimisasi dan simulasi proses.*

**d. Latex Thread Pilot Plant**

- i. Perolehan asal *Latex Thread Pilot Plant* berjumlah RM1 juta telah dibuat pada tahun 1991 bagi menghasilkan produk bebenang daripada lateks. Objektif perolehan adalah untuk menyokong industri getah berdasarkan produk yang dihasilkan daripada lateks. Peralatan ini mempunyai kapasiti memproses lateks berskala besar yang memerlukan sebanyak 500kg lateks dan asid asetik berkepekatan sebanyak 30%.
- ii. Semakan Audit mendapati Daftar Penggunaan peralatan tidak disediakan. Pihak Audit dimaklumkan **peralatan ini tidak pernah digunakan selama 15 tahun iaitu sejak tahun 1998 bagi keseluruhan proses menghasilkan produk bebenang.** LGM hanya menggunakan sebahagian peralatan ini untuk tujuan R&D kerana memerlukan kuantiti lateks yang banyak sekiranya peralatan beroperasi sepenuhnya. Sehubungan itu, permohonan untuk melupuskan peralatan telah dibuat pada 15 November 2013. Antara justifikasi permohonan pelupusan adalah peralatan memerlukan kuantiti bahan proses yang banyak dan tidak sesuai untuk tujuan penyelidikan, penggunaan asid asetik yang boleh memudaratkan kesihatan, keupayaan aset tidak optimum, perubahan teknologi dan pembekal tidak lagi memberi khidmat sokongan. *Latex Thread Pilot Plant* adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.11**  
**Bahagian Latex Thread Pilot Plant Yang Tidak Digunakan Selama 15 Tahun**



Lokasi: Bangunan USTL  
Tarikh: 28 November 2013



Lokasi: Bangunan USTL  
Tarikh: 28 November 2013

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa peralatan ini telah beberapa kali dicadang untuk dilupuskan kerana berteknologi lama dan tiada permintaan dari industri. Peralatan ini telah diluluskan untuk dilupuskan pada tahun 2002 tetapi proses pelupusan tertangguh kerana ada cadangan untuk menempatkan peralatan tersebut sebagai bahan pameran untuk projek Rubber Living Museum. Bagaimanapun, projek pembangunan Rubber Living Museum di bawah peruntukan RMKe-9 telah dibatalkan perlaksanaannya. Tindakan susulan bagi proses pelupusan telah dibuat pada 15 November 2013.*

**e. Mobile Rubberised Bitumin**

- i. Pada tahun 2003, LGM telah memperoleh 2 unit *Mobile Rubberised Bitumin* bernilai RM985,200 untuk tujuan penyelidikan dalam pembinaan jalan raya. Objektif penyelidikan adalah untuk memberi ketahanan kepada struktur jalan raya, mengurangkan kos pembinaan dan penyenggaraan jalan raya, meningkatkan daya tahan kegelinciran, penyerapan bunyi tayar dan mesra alam melalui kitar semula tayar yang telah digunakan. Peralatan ini berfungsi untuk memproses campuran getah dan bitumin yang dilengkapi dengan 4 tangki simpanan bagi menyimpan bahan campuran sebelum dibawa ke lokasi penyelidikan.
- ii. Semakan Audit mendapati peralatan ini terbiar dan terdedah kepada hujan dan panas, tidak disenggara dan tidak pernah digunakan selepas pegawai penyelidik yang bertanggungjawab terhadap peralatan telah berpindah setelah projek tamat pada tahun 2005.

Peralatan ini masih diperlukan oleh pegawai penyelidik lain untuk menambahbaik penyelidikan yang sama yang masih dalam peringkat perancangan. Bagaimanapun, permohonan untuk melupuskan peralatan telah dibuat pada tahun 2012 kerana aset telah rosak teruk, aset tidak ekonomi untuk dibaiki dan tiada pegawai yang tahu untuk mengendalikan peralatan ini. *Mobile Rubberised Bithumin* adalah seperti gambar berikut:



**GAMBAR 5.12**  
*Mobile Rubberised Bithumin Tidak  
Digunakan Selama 8 Tahun  
(Kos RM985,200)*

Lokasi: Kilang DPNR  
Tarikh: 28 November 2013

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa peralatan ini tidak digunakan kerana projek penyelidikan asal telah siap pada tahun 2003 dan digunakan beberapa kali pada tahun 2005. Tiada projek baru untuk meneruskan penggunaan peralatan menyebabkan penyelenggaraan berkala tidak dibuat selepas tahun 2007. Peralatan ini telah diluluskan untuk pelupusan pada 13 April 2012 dan kebenaran untuk membawa keluar peralatan untuk dilupuskan telah diluluskan pada 14 Februari 2014. LGM akan menambah baik prosedur pelupusan bagi memastikan proses pelupusan dijalankan di dalam tempoh yang ditetapkan selepas diluluskan.*

**f. Peralatan kilang SMR, Kilang ENR dan DPNR**

- i. LGM telah membina sebanyak 3 buah kilang di bawah Unit Pemprosesan Penyelidikan dan Pencemaran iaitu Kilang SMR (Standard Malaysian Rubber), Kilang DPNR (Getah Asli Nyahprotein) dan Kilang ENR (Getah Asli Terepoksida) sejajar dengan objektifnya untuk meningkatkan industri getah tempatan. Antara fungsi kilang tersebut adalah untuk menjalankan penyelidikan dan membangunkan getah baru seperti Getah Asli Terepoksida dan Getah Asli Nyahprotein.

- ii. Pihak Audit mendapati peralatan di Kilang SMR, DPNR dan ENR terbiar dan tidak digunakan semenjak sistem pengolahan efluen bagi ketiga-tiga kilang tersebut telah dilupuskan pada tahun 2012. Ini disebabkan lokasinya berada dalam kawasan tanah yang telah diambil alih oleh Syarikat Kwasa Land Sdn. Berhad. Keadaan kilang adalah seperti gambar berikut :

**GAMBAR 5.13**  
**Peralatan Kilang SMR**  
**Yang Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang SMR  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.14**  
**Peralatan Kilang ENR**  
**Yang Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang ENR  
Tarikh: 28 November 2013



**GAMBAR 5.15**  
**Keadaan Kilang DPNR Yang Tidak**  
**Digunakan**

Lokasi: Kilang DPNR  
Tarikh: 28 November 2013

### Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa selepas sistem pengolahan efluen bagi merawat efluen dari ketiga-tiga kilang dilupuskan, aktiviti pemprosesan bagi tujuan komersil tidak dibenarkan dan dihentikan sepenuhnya. Aktiviti pengeluaran getah komersil dibuat oleh Felda Rubber Industries Sdn. Bhd. melalui pemindahan teknologi di bawah program NKEA Rubber. Bagaimanapun, penyelidikan pemprosesan berkaitan terus dijalankan pada skala kecil yang tidak memerlukan sistem pengolahan efluen. Peralatan*

*pemprosesan masih diguna pakai bagi tujuan penyelidikan walaupun pengunaannya tidak secara menyeluruh. Antara peralatan yang sering digunakan untuk tujuan penyelidikan adalah seperti Processing Equipment and Facilities, dryer dan steam coagulator. Proses mengenal pasti peralatan yang akan dipindahkan ke Kompleks Pemprosesan Integrasi Getah (IPC) di Stesen Penyelidikan LGM Kota Tinggi sedang dijalankan. Peralatan akan dipindahkan ke Pusat Pemprosesan Lateks Pekat dan Pusat Pemprosesan Getah Termaju di IPC yang dijangka siap pada 2015. Peralatan yang tidak dipindahkan ke IPC akan dicadang untuk dilupuskan pada tahun 2014 setelah analisis biaya manfaat dilakukan bagi peralatan berkaitan.*

- g. Selain itu, peralatan lain yang terbiar dan tidak digunakan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.16**

**Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 Yang Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang Unit Teknologi Getah Termaju  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.17**

**Peralatan Electric Retread Tyre Autoclave Yang Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang Unit Teknologi Getah Termaju  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.18**

**Peralatan Kneader Yang Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang Unit Teknologi Getah Termaju  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.19**

**Two Rolls Mill K-560 Mengalami Kerosakan Bush**



Lokasi: Kilang Unit Teknologi Getah Termaju  
Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.20**  
**Automation System Bagi Mengangkat**  
**Tray Yang Berisi Getah SMR**  
**Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang SMR  
 Tarikh: 28 November 2013

**GAMBAR 5.21**  
**Robotic System Tidak Digunakan**



Lokasi: Kilang SMR  
 Tarikh: 28 November 2013



**GAMBAR 5.22**  
**Peralatan Creeper Tidak Digunakan**

Lokasi: Kilang SMR  
 Tarikh: 28 November 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan yang tidak digunakan adalah kurang memuaskan kerana LGM tidak mengambil tindakan sewajarnya seperti penyenggaraan atau pelupusan.

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan kedudukan peralatan lain yang terbiar dan tidak digunakan adalah seperti berikut:*

PERALATAN	MAKLUM BALAS LGM
<i>Two Rolls Mill MS Moriyama SPM-75 (gambar 5.16)</i>	<i>Projek asal telah siap dan mesin tidak dapat beroperasi sepenuhnya. Permohonan pelupusan akan dibuat kerana mesin telah rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki.</i>
<i>Electric Retread Tyre</i>	<i>Mesin tidak diperlukan kerana penyelidikan</i>

<b>PERALATAN</b>	<b>MAKLUM BALAS LGM</b>
<b>Autoclave (gambar 5.17)</b>	<b>pembentukan tayar digantikan dengan penghasilan penyediaan sebatian. Permohonan pelupusan akan dibuat.</b>
<b>Kneader (gambar 5.18)</b>	<b>Mesin tidak diperlukan untuk penyelidikan kerana projek telah tamat, kos pembaikan tinggi dan terdapat mesin pengadunan dalaman lain sebagai alternatif. Permohonan pelupusan peralatan akan dibuat.</b>
<b>Two Rolls Mill K-560 (gambar 5.19)</b>	<b>Projek yang menggunakan mesin ini telah tamat. Mesin telah rosak sejak tahun 2009 dan alat ganti hanya boleh diperoleh di negara China. Penyenggaraan telah dilaksanakan tetapi peralatan masih tidak dapat digunakan kerana sistem pendawaian tidak sesuai untuk operasi adunan yang intensif. Permohonan pelupusan peralatan akan dibuat.</b>
<b>SMR Automation System (gambar 5.20)</b>	<b>Permohonan pelupusan akan dibuat.</b>
<b>Robotic System (gambar 5.21)</b>	<b>Tindakan susulan untuk kerja pelupusan akan dibuat.</b>

#### 5.4.3 Peralatan Tidak Berfungsi Dengan Baik

5.4.3.1 Semakan Audit mendapati 2 peralatan bagi ujian tayar iaitu *Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus* dan *Two Position Rolling Resistance Test Machine* berjumlah RM4.7 juta yang dibeli pada tahun 2011 dan 2010 tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan kerana mengalami masalah perisian sejak bulan Februari dan April 2013. Selain itu, 237 daripada 400 unit peralatan *Automatic Rubber Tapping Systems (ARTS)* di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi tidak berfungsi dengan baik menyebabkan tiada hasil torehan. Butiran peralatan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.6**  
**PERALATAN TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK**

NAMA PERALATAN	TAHUN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN/KOS (RM Juta)	SEBAB TIDAK BERFUNGSI
<i>Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck &amp; Bus</i> (Gambar 5.23)	2011	2.40	Mengalami masalah perisian sejak bulan Februari 2013.
<i>Two Position Rolling Resistance Test Machine</i> (Gambar 5.24)	2010	2.30	Mengalami masalah perisian sejak bulan April 2013.
<i>Automatic Rubber Tapping Systems (ARTS)</i> (237 unit @ RM2,300) (Gambar 5.25 dan 5.26)	2012	0.55	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peralatan rosak</li> <li>• Hasil torehan terlalu sedikit</li> <li>• Lateks tidak mengalir ke dalam mangkuk yang disediakan</li> </ul>

Sumber: Daftar Aset

**a. Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus Dan Two Position Rolling Resistance Test Machine**

- i. Perolehan *Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus* dibuat pada tahun 2011 dengan kos berjumlah RM2.4 juta bagi mempercepatkan ujian tayar dan mengatasi masalah *back-log* yang melebihi 3 bulan. Perolehan *Two Position Rolling Resistance Test Machine* pula dibuat pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM2.3 juta bagi menjalankan ujian *rolling resistance* untuk tayar motosikal, kereta, trak ringan dan bas. Mengikut perjanjian, komponen peralatan yang perlu dibekalkan kepada LGM adalah termasuk perkakasan ujian mesin, *power and control cabinet, operator work station* dan perisian.
- ii. Semakan Audit mendapati kedua-dua peralatan ini tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan sejak bulan Februari dan April 2013 kerana mengalami masalah perisian. LGM telah merujuk masalah ini kepada pembekal peralatan tetapi punca masalah kepada sistem masih tidak dapat dikenal pasti. LGM memaklumkan gangguan bekalan elektrik yang berlaku sebanyak 5 kali pada bulan Februari 2013 merupakan antara faktor yang menyebabkan kerosakan kepada sistem. Oleh itu, LGM tidak dapat menyediakan perkhidmatan ujian tayar dan menjalankan penyelidikan menggunakan kedua-dua peralatan tersebut. LGM juga tidak dapat menjana pendapatan daripada perkhidmatan ujian tayar trak dan bas yang dianggarkan berjumlah RM0.24 juta bagi tempoh Februari sehingga Disember 2013. Selain itu, LGM juga perlu menanggung tambahan kos berjumlah RM0.18 juta untuk perolehan perisian baru bagi peralatan *Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus*. Peralatan yang tidak berfungsi dan tidak dapat digunakan adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 5.23**  
**Two Position Tyre Endurance Test Machine**  
Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Makmal Ujian Tayar, UUPT  
Tarikh: 20 November 2013

**GAMBAR 5.24**  
**Two Position Rolling Resistance Test Machine Yang Tidak Berfungsi Dengan Baik**



Lokasi: Makmal Ujian Tayar, UPPT  
Tarikh: 20 November 2013

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa kerosakan perisian bagi kedua-dua mesin yang disebabkan oleh masalah gangguan bekalan elektrik tidak termasuk dalam jaminan mesin tersebut. Pihak pembekal bagi Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus telah menghantar sebutuharga untuk kontrak penyelenggaraan (baikpulih) dan kalibrasi mesin dengan harga RM 0.53 juta dengan cukai. Bagaimanapun, LGM berpendapat harga yang ditawarkan terlalu mahal dan melebihi daripada pulangan pendapatan tahunan yang boleh dijana oleh mesin jika beroperasi dengan baik. Untuk memastikan mesin dapat berfungsi dengan baik demi keperluan industri tayar negara, pihak LGM membuat perolehan berjumlah RM175,000 untuk mereka bentuk semula perisian bagi peralatan Two Position Tyre Endurance Testing Machine for Truck and Bus. Melalui perolehan perisian baru, terdapat penambahbaikan yang dilakukan pada perisian dan panel kawalan dengan memasang panel touch screen pada panel kawalan utama bagi memastikan mesin dapat dikawal menggunakan panel touch screen tanpa kebergantungan kepada kawalan daripada komputer sahaja. Perisian tersebut masih di peringkat pembangunan di mana percubaan awal untuk menggerakkan operasi mesin telah berjaya dilakukan. Kerja-kerja pembangunan perisian dijangka siap pada penghujung bulan Mei 2014.*

*Pembangunan perisian bagi peralatan Two Position Rolling Resistance Test Machine pula adalah bergantung kepada keputusan akhir status pembangunan perisian Two Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus. Jika proses baik pulih pembangunan perisian tersebut berfungsi*

*dengan baik, permohonan baik pulih peralatan Two Position Rolling Resistance Test Machine akan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.*

**b. Automatic Rubber Tapping Systems**

- i. *Automatic Rubber Tapping Systems* (ARTS) bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran getah dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia. LGM membuat perolehan 2,002 unit ARTS berjumlah RM4.60 juta bagi menjalankan ujian pra komersial untuk mendapatkan data bagi tujuan penyelidikan dan penambahbaikan terhadap peralatan sebelum dikomersialkan. Ujian pra komersial dilakukan di 4 lokasi iaitu di Felda Lawin Tengah, Perak; Ladang Sime Darby Bukit Pilah dan Ladang Sime Darby Bahau Negeri Sembilan serta Stesen Penyelidikan Kota Tinggi, Johor. Setiap lokasi dipasang 400 unit ARTS pada pokok manakala 100 unit lagi dikhaskan untuk tujuan penggantian sekiranya rosak.
- ii. Analisis Audit terhadap 400 data yang diperoleh pada 11 Disember 2013 di Stesen Penyelidikan Kota Tinggi mendapati hanya 163 unit atau 40.8% ARTS berfungsi dengan baik dan mempunyai hasil tahanan manakala 237 unit lagi tidak mempunyai hasil tahanan. Ini disebabkan peralatan rosak, hasil tahanan terlalu sedikit menyebabkan ia tidak dapat ditimbang, lateks tidak mengalir ke dalam mangkuk yang disediakan dan tiada data. Ringkasan bagi data yang diperoleh dan peralatan ARTS adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 5.7**  
**ANALISIS BAGI 400 ARTS YANG DIUJI**  
**DI STESEN PENYELIDIKAN KOTA TINGGI**

PERKARA	BILANGAN ARTS
Mempunyai hasil tahanan/ Peralatan berfungsi dengan baik	163
Hasil tahanan sedikit dan tidak dapat ditimbang	28
Tiada data	122
Lain-lain	87
<b>JUMLAH</b>	<b>400</b>

*Sumber: Data ARTS Permatang Kota Tinggi Johor Pada 11 Disember 2013*

**GAMBAR 5.25**  
Peralatan ARTS Yang  
Berfungsi Dengan Baik



Lokasi: Stesen Penyelidikan Kota Tinggi  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 5.26**  
Peralatan ARTS Yang  
Tidak Berfungsi Dengan Baik



Lokasi: Stesen Penyelidikan Kota Tinggi  
Tarikh: 11 Disember 2013

Pada pendapat Audit, pengujian produk bagi tujuan komersial dan peralatan penyelidikan adalah kurang memuaskan kerana peralatan mengalami masalah perisian dan tidak berfungsi dengan baik.

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan bahawa ARTS adalah prototaip penyelidikan yang masih di dalam penyelidikan dan belum dikomersialkan. ARTS dilaksanakan di bawah program NKEA. Inovasi ARTS dihasilkan untuk mengatasi masalah utama kekurangan tenaga buruh untuk sektor perladangan getah (estate) dan pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran getah Negara. ARTS diperlukan kerana sektor perladangan memerlukan 12,323 pekerja, kebun getah tidak bertoreh sebanyak 10,860 ha kerana tidak cukup tenaga kerja dan topografi kawasan berbukit serta penoreh yang berumur melebihi 50 tahun adalah sebanyak 62% (113,543 orang) daripada jumlah keseluruhan penoreh di Malaysia dengan purata umur penoreh 54 tahun.*

*Ujian ARTS adalah bertujuan untuk mengkaji prestasi penorehan, penghasilan lateks dan faktor-faktor penting yang mempengaruhi operasi dan ketahanan ARTS. Ujian ARTS dilakukan mengikut task saiz bagi memperolehi data kajian yang sebenar tanpa memerlukan sebarang andaian untuk tujuan pelaporan data. Bilangan pokok bertoreh di dalam satu task sebanyak 450-500 pokok. Faktor yang dikaji didalam skop ujian ini adalah klon, umur pokok dan lokasi. Oleh yang demikian, empat lokasi berbeza telah dipilih untuk ujian ini iaitu di utara (Grik), tengah (Bahau dan Rompin) dan selatan (Kota Tinggi). Oleh itu 500 unit ARTS ditempatkan di setiap kawasan. Pembangunan ARTS dilakukan*

**secara berperingkat kerana ia melibatkan penambahbaikan ARTS dari semasa ke semasa. Penjelasan terperinci KPPK dan LGM terhadap peralatan yang tidak berfungsi dengan baik semasa ujian ladang adalah seperti berikut:**

PERKARA	BIL. ARTS	PENJELASAN LGM
<i>Mempunyai hasil torehan</i>	163	<i>Peralatan berfungsi dengan baik seperti dijangka.</i>
<i>Hasil torehan sedikit dan tidak dapat ditimbang</i>	28	<i>Kedalaman yang tidak mencukupi kerana mesin bergerak pada permukaan yang tidak rata.</i>
<i>Tiada data</i>	122	<i>Lateks terbuang dari mangkuk kerana hujan yang lebat.</i>
<i>Lain-lain</i>	87	<i>Motor terbakar kerana jejala getah daripada panel torehan yang terbelit menyebabkan peralatan rosak. Jejala yang terkumpul di spout terlalu tebal dan alur torehan tidak tepat kerana permukaan pokok tidak rata menyebabkan susu getah tidak mengalir ke dalam mangkuk. Panel torehan telah habis dan program yang terganggu kerana miscounting atau misalignment menyebabkan peralatan tidak beroperasi.</i>

**KPPK dan LGM memaklumkan semua keputusan dan penemuan yang dihasilkan semasa ujian ARTS akan menjadi rujukan untuk menambahbaik rekabentuk dan operasi prototaip ARTS seterusnya.**

#### 5.4.4 Peralatan Tidak Disenggara

5.4.4.1 Setiap aset memerlukan penyenggaraan sama ada secara penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) atau penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*) atau kedua-duanya sekali bagi memelihara dan memanjangkan jangka hayat peralatan. Penyenggaraan pencegahan perlu dibuat secara berkala manakala bagi penyenggaraan pemulihan adalah mengikut keperluan iaitu ketika aset tersebut mengalami kerosakan. Prosedur Pengurusan Aset Alih LGM menetapkan program penyenggaraan hendaklah mengikut jadual yang telah ditetapkan melainkan sesuatu aset itu memerlukan penyenggaraan segera dan direkodkan dalam daftar penyenggaraan.

5.4.4.2 LGM telah memperuntukkan sejumlah RM10.1 juta pada tahun 2011, RM12.1 juta pada tahun 2012 dan RM12.4 juta pada tahun 2013 dengan perbelanjaan sebenar masing-masing sebanyak 84.28%, 89.50% dan 75.49%

untuk penyenggaraan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 31 sampel peralatan penyelidikan dan komersial mendapati 9 peralatan tidak disenggara mengikut jadual menyebabkan peralatan sentiasa rosak dan tidak dapat digunakan seperti jadual berikut :

**JADUAL 5.8  
PERALATAN YANG TIDAK DISENGGARA DENGAN BAIK**

BIL.	NAMA PERALATAN	PENYENGGARAAN		SEBAB TIDAK DISELENGGARA	DAFTAR PENYENGGARAAN
		PENCEGAHAN	PEMULIHAN		
1.	Two Rolls Mill K-560	Ada	Tiada	Tiada alat ganti	Ada
2.	Kneader	Ada	Tiada	Kos pembaikan tinggi	Ada
3.	Honey Steam Autoclave	Tiada	Tiada	Peralatan usang dan pegawai penyelidik berkenaan bersara	Tiada
4.	Internal Mixer F50	Tiada	Tiada	Kos pembaikan tinggi	Tiada
5.	Electric Retread Tyre Autoclave	Tiada	Tiada	Peralatan usang dan pegawai penyelidik berkenaan bersara	Tiada
6.	Peralatan Kilang Sarung Tangan Getah	Tiada	Tiada	Peralatan tidak digunakan. Hanya melaksanakan <i>dry run</i> .	Tiada
7.	Multi-Axis Servo Hydraulic Machine	Tiada	Tiada	Kos pembaikan tinggi	Ada (Sehingga Mac 2012)
8.	Dynamic Testing Machine MTS 831	Tiada	Tiada	Kos pembaikan tinggi	Ada (Sehingga Jun 2011)
9.	Two (2) Position Rolling Resistance Test Machine	Ada	Tiada	Memberi keutamaan terhadap pembaikan peralatan Two (2) Position Tyre Endurance Testing Machine For Truck & Bus	Ada

Sumber : Daftar Penggunaan Dan Penyenggaraan Peralatan

Pada pendapat Audit, penyenggaraan peralatan adalah kurang memuaskan menyebabkan peralatan terbiar dan tidak dapat digunakan lagi. Selain itu, kelewatan memperbaiki peralatan yang rosak boleh menjelaskan aktiviti penyelidikan.

**Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 25 April 2014 dan 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM memaklumkan semua peralatan yang dirujuk di dalam Jadual 5.8 telah digunakan sepenuhnya mengikut rancangan dan projek asal telah disiapkan. Peralatan Multi-Axis Servo Hydraulic Machine dan Dynamic Testing Machine MTS 831 telah diluluskan untuk proses menaik taraf pada tahun 2014 melalui dana RMKe-10. KPPK dan LGM mengakui bahawa Rekod Daftar Penyenggaraan tidak lengkap dan penyenggaraan sukar dilaksanakan bagi peralatan-peralatan kompleks berumur lebih 20 tahun dan menyebabkan berlaku kerosakan dan kos pembaikan yang tinggi. KPPK dan LGM juga*

*mengakui bahawa ketiadaan pemantauan penyenggaraan yang berpusat menyebabkan peralatan-peralatan lambat disenggara terutamanya yang melibatkan kos tinggi dan ketiadaan komponen alat ganti.*

*Sebagai langkah penambahbaikan, semua perancangan dan perolehan peralatan LGM dilaksanakan dengan teliti bermula 2013 dengan proses kelulusan bermula daripada peringkat panel Scientific and Economic Advisory Committee (SEAC) dan Majlis Pengurusan Tertinggi LGM (MPT). Seterusnya kelulusan oleh Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Peralatan (JPKK) diperlukan bagi memastikan pembelian yang dibuat adalah terbaik bagi mengelakkan pertindihan pembelian peralatan dan keperluan-keperluan lain termasuk ruang bangunan dan kemudahan infrastruktur diambil kira sebelum pembelian dibuat. Hanya selepas kelulusan JPKK diberi, proses perolehan secara tender atau sebut harga boleh dimulakan.*

*LGM juga telah melaksanakan penstrukturkan semula pada Januari 2014 dengan menubuhkan pusat kecemerlangan (Centre of Excellence, COE) bagi 10 bidang utama penyelidikan industri getah. Objektif utama penubuhan COE adalah bagi menyediakan kemudahan penyelidikan yang lengkap dengan pengurusan kelengkapan penyelidikan yang optimum dan berkesan. Semua peralatan penyelidikan tidak lagi diletakkan di bawah unit atau bahagian penyelidikan tertentu, sebaliknya akan ditempatkan dan diuruskan oleh COE bagi memastikan perancangan perolehan yang baik, penggunaan dan penyenggaraan peralatan yang berkesan. Ini juga dapat memastikan kesinambungan penggunaan peralatan dan mengelakkan keadaan semasa di mana peralatan tidak disenggara dengan baik dan tiada kesinambungan penyelidikan. COE juga akan bertanggungjawab menguruskan proses perolehan peralatan bagi memastikan proses perolehan yang licin dan semua dokumen berkaitan proses termasuk perjanjian tender dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.*

#### **5.4.5 Perkhidmatan Sokongan Teknikal Kepada Pihak Industri**

5.4.5.1 Seksyen 4(1)(g) Akta 551 LGM menetapkan fungsi dan kuasa LGM adalah untuk mengadakan perkhidmatan teknikal, penasihat dan perunding bagi industri getah. Sehubungan itu, LGM telah menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal kepada pihak industri untuk melakukan ujian dan tentukuran/calibration terhadap produk serta mesin ujian produk berdasarkan getah. Bagi tujuan tersebut, LGM telah menyediakan beberapa makmal bagi ujian dan tentukuran produk seperti *Physical Testing Laboratory, Material Characterisation Laboratory, Tyre Testing Laboratory, Calibration Laboratory, SMR Control Laboratory* dan *Pollution Control Laboratory*. Mengikut Seksyen 38 Akta 551, LGM boleh

menetapkan dan memungut fi dan caj lain terhadap perkhidmatan nasihat teknikal atau perkhidmatan lain yang diberikan.

5.4.5.2 Semakan Audit mendapati bayaran yang dikenakan kepada pihak industri adalah berdasarkan jenis ujian yang dilakukan iaitu antara RM10 sehingga RM6,050 bagi setiap ujian. Semakan lanjut mendapati LGM telah menubuhkan Unit *Global Testing and Consultancy for Rubber* (G-TAC<sub>R</sub>) pada tahun 2013 sebagai pusat sehenti bagi perkhidmatan ujian dan perundingan getah serta produk berasaskan getah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada industri getah. Antara tanggungjawab G-TAC<sub>R</sub> adalah seperti berikut:

- Menerima sampel dan pertanyaan bagi tujuan ujian dan perundingan;
- Menetapkan jumlah caj yang dikenakan dan jangkaan tempoh ujian kepada pelanggan;
- Mendaftar sampel dan perundingan yang diterima;
- Menyediakan bil, resit atau invois kepada pelanggan bagi ujian/perundingan;
- Mengedarkan sampel kepada makmal yang berkenaan;
- Mengumpul dan menerima laporan dan perundingan dari makmal/pegawai berkenaan;
- Menghantar laporan ujian dan peralatan yang diuji kepada pelanggan;
- Menerima dan mengendali isu berkaitan perkhidmatan ujian dan perundingan.

5.4.5.3 Sejak penubuhan G-TAC<sub>R</sub> pada tahun 2013, sebanyak 113 syarikat telah menggunakan perkhidmatan ujian dan perundingan melalui G-TAC<sub>R</sub> dan berjaya menjana pendapatan berjumlah RM1.82 juta sehingga bulan Disember 2013.

**Pada pendapat Audit, penubuhan G-TAC<sub>R</sub> dapat menambahbaik sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada pihak industri.**

#### **5.4.6 Pemantauan**

5.4.6.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk memperbaiki atau menyelesaiannya.

5.4.6.2 Semakan Audit mendapati LGM telah mewujudkan mekanisme pemantauan dengan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih dan melantik Ketua Seksyen Pengurusan Aset Dan Keselamatan sebagai Pegawai

Aset. Selain itu, LGM juga melantik pegawai aset bagi setiap Unit di Bahagian Teknologi dan Kejuruteraan. Jawatankuasa perlu bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 4 kali setahun. Bagi tahun 2009 sehingga 2013, Jawatankuasa hanya bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2009 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2012.

**Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan peralatan penyelidikan dan komersial adalah kurang memuaskan kerana Jawatankuasa tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.**

#### **Maklum Balas Daripada KPPK Dan LGM Diterima Pada 8 Mei 2014.**

*KPPK dan LGM telah melaksanakan penstrukturkan semula pada Januari 2014 dengan menubuhkan pusat kecemerlangan (Centre of Excellence, COE) bagi 10 bidang utama penyelidikan industri getah. Objektif penubuhan COE adalah bagi menyediakan kemudahan penyelidikan yang lengkap dengan pengurusan kelengkapan penyelidikan yang optimum dan berkesan. Semua peralatan penyelidikan tidak lagi diletakkan di bawah unit atau bahagian penyelidikan tertentu, sebaliknya akan ditempatkan dan diuruskan oleh COE bagi memastikan perancangan perolehan yang baik, penggunaan dan penyenggaraan peralatan yang berkesan. Ini juga dapat memastikan kesinambungan penggunaan peralatan dan mengelakkan keadaan semasa di mana peralatan tidak disenggara dengan baik dan tiada kesinambungan penyelidikan. COE juga akan bertanggungjawab menguruskan proses perolehan peralatan bagi memastikan proses perolehan yang licin dan semua dokumen berkaitan proses termasuk perjanjian tender dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.*

#### **5.5 SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pihak Audit mengesyorkan LGM merancang perolehan peralatan dengan teliti dan memastikan perolehan mengikut keperluan supaya peralatan dapat digunakan secara optimum bagi mengelak pembaziran. LGM hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

5.5.1 LGM perlu memantau status peralatan di bawah kawalannya terutamanya aset-aset yang masih belum digunakan dan disimpan di premis pembekal. Tindakan pemberian yang segera perlu diambil terhadap peralatan yang rosak/tidak berfungsi.

5.5.2 LGM hendaklah menjalankan penyenggaraan secara *corrective* dan *preventive* terhadap peralatan bagi memastikan peralatan sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik bagi mengelak LGM menanggung kos yang lebih tinggi jika berlaku kerosakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## **LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN**

### **6. PENGURUSAN PEROLEHAN**

#### **6.1 LATAR BELAKANG**

6.1.1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956. Fungsi FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta Kemajuan Tanah (Pindaan 1991) adalah seperti berikut:

- a. Menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah.
- b. Memaju, memudah dan melaksanakan pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial serta aktiviti sampingan yang lain di kawasan di mana FELDA diberi kuasa melaksanakan projek pembangunan tanah atau kawasan yang dimiliki oleh FELDA dan syarikatnya.
- c. Melaksanakan kegiatan yang dapat membantu memodenkan sektor pertanian di kawasan di mana FELDA diberi kuasa mentadbirnya terutama dalam kegiatan yang berkaitan dengan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil keluaran pertanian dan ternakan.
- d. Membantu, membimbing, menasihati, mengurus dan menyelaras kegiatan sosial penempatan, pertanian, industri dan komersial dalam kawasan FELDA.

6.1.2 Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, Bahagian Perolehan dan Pentadbiran di bawah Jabatan Pentadbiran bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan di FELDA. Bahagian ini berperanan melaksanakan pengurusan kontrak yang berkualiti dan cekap serta memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan.

6.1.3 FELDA telah membelanjakan sejumlah RM974.49 juta atau 80.8% berbanding peruntukan perolehan sejumlah RM1.21 bilion bagi tahun 2010 sehingga 2012 seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.1**  
**JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN**  
**PEROLEHAN BAGI TAHUN 2010 SEHINGGA 2012**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2010	330.26	302.72
2011	253.33	193.89
2012	622.03	477.88
<b>JUMLAH</b>	<b>1,205.62</b>	<b>974.49</b>

*Sumber: Jabatan Pentadbiran*

## 6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

## 6.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan di Ibu Pejabat FELDA bagi tahun 2010 sehingga 2012. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, menemu bual pegawai yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap sampel yang dipilih.

## 6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 sehingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan FELDA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan FELDA adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut.
- ii. Perolehan berjumlah RM1.85 juta bagi Sambutan Hari Peneroka dan RM3.65 juta bagi kerja hiasan dalaman Menara FELDA pada tahun 2011 dipecah kecil untuk mengelakkan urusan tender.
- iii. Kelemahan dalam pengurusan kontrak iaitu dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta dan 2 kontrak bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani.
- iv. Tiada pemantauan dan penyeliaan terhadap Program Bancian Warga Peneroka menyebabkan FELDA terpaksa menjalankan bancian semula pada tahun 2012 melibatkan kos sejumlah RM1.02 juta. Bayaran sejumlah RM0.74 juta bagi bancian pertama yang dijalankan pada Julai

2011 telah dibuat tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bincian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### **6.4.1 Peraturan Perolehan**

6.4.1.1 FELDA mengguna pakai Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA Tahun 2006 (Pindaan 2012), Surat Pekeliling Perolehan FELDA serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkaitan perolehan. Perolehan di FELDA dibuat sama ada melalui tawaran terbuka, tawaran tertutup, sebut harga rundingan dan tawaran terbuka tempatan. Butiran lanjut jenis perolehan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.2  
JENIS PEROLEHAN DI FELDA**

JENIS PEROLEHAN	KRITERIA		
	HAD	IKLAN	PANGGILAN KONTRAKTOR
Tawaran Terbuka	Dilaksanakan di Ibu Pejabat - Melebihi RM200,000	Akhbar tempatan dan laman web	Tiada had.
Tawaran Tertutup*	Dilaksanakan di Ibu Pejabat - Melebihi RM200,000	Tiada iklan	Sekurang-kurangnya 5 kontraktor daripada Buku Daftar Kontraktor.
Sebut Harga Rundingan	Dilaksanakan di Ibu pejabat - Tidak melebihi RM200,000 Dilaksanakan di Pejabat Wilayah - Tidak melebihi RM25,000 Dilaksanakan di Pejabat Rancangan - Tidak melebihi RM500	Tiada iklan	Sekurang-kurangnya 3 kontraktor berdaftar dengan FELDA dan sebut harga diisi di hadapan Jawatankuasa Pembukaan Tender.
Tawaran Terbuka Tempatan	Dilaksanakan di Pejabat Wilayah - Tidak melebihi RM200,000	Papan kenyataan Pejabat Wilayah/Rancangan	Pejabat Wilayah boleh memanggil 3 penender terendah untuk rundingan harga.

*Sumber: Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA*

*\* Nota: Tawaran Tertutup Ditawarkan Sekiranya Tawaran Terbuka dan Tawaran Terbuka Tempatan Tidak Mendapat Sambutan Setelah Diiklankan Sebanyak 2 Kali*

6.4.1.2 FELDA telah mewujudkan 5 jawatankuasa bagi meluluskan perolehan mengikut had kuasa yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga FELDA pada 4 Julai 2012. Ini bagi menggantikan jawatankuasa tender dan had kuasa yang telah diluluskan di dalam mesyuarat Lembaga FELDA pada 23 Mac 2011. Butiran lanjut Jawatankuasa yang diwujudkan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.3**  
**JAWATANKUASA TENDER DI FELDA**

JAWATANKUASA	KEAHLIAN JAWATANKUASA	HAD KELULUSAN	
		KERJA	BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
Jawatankuasa Tender Lembaga FELDA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi – Pengerusi FELDA.</li> <li>• Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengarah Besar</li> <li>- Ketua Setiausaha Perbendaharaan/ Wakil</li> <li>- Ketua Unit Kawal Selia FELDA</li> <li>- 2 Ahli Lembaga FELDA</li> </ul> </li> <li>• Setiausaha – Setiausaha Lembaga</li> </ul>	Melebihi RM1,000,001	Melebihi RM1,000,001
Jawatankuasa Tender 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi – Pengarah Besar</li> <li>• Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>- Timbalan Pengarah Besar Pengurusan dan Kewangan</li> <li>- Timbalan Pengarah Besar Pembangunan dan Komuniti</li> <li>- Timbalan Pengarah Besar Perladangan dan Perkebunan</li> </ul> </li> <li>• Setiausaha – Pengarah Tadbiran</li> </ul>	RM200,001 hingga RM1,000,000	RM200,001 hingga RM1,000,000
Jawatankuasa Tender Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi – Pengarah Tadbiran</li> <li>• Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ketua Bahagian Perolehan</li> <li>- Pegawai Perolehan</li> </ul> </li> <li>• Setiausaha – Pegawai Perolehan</li> </ul>	Sehingga RM200,000	Sehingga RM200,000
Jawatankuasa Tender Wilayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi – Pengurus Besar Wilayah</li> <li>• Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penolong Pengurus Besar Wilayah</li> <li>- Pegawai Pertanian</li> <li>- Ketua Peneroka Wilayah</li> </ul> </li> <li>• Setiausaha – Pegawai Perolehan Wilayah</li> </ul>	Sehingga RM200,000	Sehingga RM100,000
Jawatankuasa Tender Rancangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi – Pengurus Rancangan</li> <li>• Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penolong Pengurus Rancangan</li> <li>- Penyelia Kanan</li> </ul> </li> <li>• Setiausaha – Pembantu Tadbir</li> </ul>	Sehingga RM20,000 (RM5,000 untuk satu Surat Perjanjian Kontrak)	Sehingga RM500

*Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 291 (Khas) bertarikh 4 Julai 2012 dan Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA*

#### **6.4.2 Perolehan Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Tender**

6.4.2.1 Berdasarkan Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA, perolehan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pentadbiran untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Tender yang ditubuhkan mengikut had yang ditetapkan. Setelah mendapat kelulusan, Jabatan Pentadbiran akan menyediakan Surat Setuju Terima, Surat Perintah Kerja dan Pesanan Pembelian.

6.4.2.2 Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2010 sehingga 2012 sebanyak 160 perolehan bernilai RM3.60 juta untuk 3 Jabatan di FELDA iaitu Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia dibuat tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender. Perolehan ini telah dibuat secara terus oleh jabatan yang terlibat dan

diluluskan oleh Pengarah Jabatan tersebut. Daripada 160 perolehan, sebanyak 51 perolehan berjumlah RM1.66 juta dibuat secara terus dengan anak syarikat FELDA. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.4**  
**PEROLEHAN TANPA KELULUSAN JAWATANKUASA TENDER**

JABATAN	BILANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM Juta)
Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru	90	2.99
Pembangunan Usahawan	60	0.50
Sumber Manusia	10	0.11
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>160</b>	<b>3.60</b>

*Sumber: Baucar Bayaran*

Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat melalui Jawatankuasa Tender berdasarkan had yang ditetapkan dapat memastikan ia dinilai dengan lebih telus daripada aspek peruntukan, harga dan keperluan sebenar. Ia juga dapat mengelakkan daripada risiko kepada pembelian yang tidak diperlukan dan penyalahgunaan kuasa.

#### **Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.**

*FELDA memaklumkan semua bayaran yang dibuat telah mendapat persetujuan pengurusan tertinggi. Walau bagaimanapun, Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru, Jabatan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Sumber Manusia telah melaksanakan urusan perolehan tanpa kelulusan Jawatankuasa Tender yang telah ditubuhkan. Perkara ini berlaku kerana jabatan tersebut dalam proses transformasi dan perubahan carta organisasi serta Pengarah dan kakitangan baru yang dilantik kurang memahami proses dan peraturan perolehan. Perolehan bagi jabatan tersebut dijalankan supaya tidak mengganggu bantuan yang disalurkan kepada generasi baru FELDA. Adalah menjadi amalan FELDA bagi bayaran yang melibatkan anak syarikat dan pengusaha FELDA, perolehan tidak dibuat melalui jawatankuasa selaras dengan komitmen FELDA membantu semua anak syarikat dan pengusaha FELDA. FELDA juga memaklumkan tiada unsur penyelewengan yang berlaku. Beberapa jabatan pada masa tersebut dalam proses transformasi dan perolehan tersebut dijalankan supaya tidak mengganggu bantuan yang disalurkan kepada generasi baru FELDA.*

*FELDA dalam proses menyelesaikan proses penstrukturran semula anak syarikat dan pengusaha FELDA. Kertas cadangan untuk melaksanakan kerja perolehan secara rundingan terus akan dibentangkan ke Mesyuarat Lembaga dan pekeliling akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga berkenaan penstrukturran semula.*

#### **6.4.3 Perolehan Yang Dipecah Kecil**

6.4.3.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menyatakan agensi adalah dilarang memecahkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender. Selain itu, Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA menyatakan perolehan kerja atau bekalan yang melebihi RM1 juta hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga.

6.4.3.2 Semakan Audit mendapati perolehan sempena Sambutan Hari Peneroka 2011 di Jengka, Pahang berjumlah RM1.85 juta tidak dibuat melalui Jawatankuasa Tender Lembaga. Perolehan ini telah dipecah kecil kepada 2 kontrak masing-masing bernilai RM0.99 juta dan RM0.86 juta serta diluluskan oleh Jawatankuasa Tender 1 pada 4 Julai 2011. Perolehan ini jika tidak dipecah kecil, perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang dipengerusi oleh Pengerusi FELDA. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.5  
PEROLEHAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PENEROKA 2011**

NOMBOR KONTRAK	PEMBEKAL	PERKARA	JUMLAH (RM Juta)
100040234	TwoJ Exhibition (M) Sdn. Berhad	Membekal, memasang dan membuka peralatan khemah sempena Sambutan Hari Peneroka 2011 pada 7 Julai 2011 di Stadium Mini Nadi Kota, Bandar Pusat Jengka, Jengka, Pahang.	0.99
100040233	TwoJ Exhibition (M) Sdn. Berhad	Mereka bentuk dan membina <i>Booth Pavillion</i> Pameran serta menyediakan keperluan peralatan elektrik dan audio visual sempena Sambutan Hari Peneroka 2011 Pada 7 Julai 2011 Di Stadium Mini Nadi Kota, Bandar Pusat Jengka, Jengka, Pahang.	0.86
<b>JUMLAH</b>			<b>1.85</b>

*Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tender 1 Bilangan 10/11 bertarikh 4 Julai 2011*

6.4.3.3 Pada tahun 2011, FELDA telah melaksanakan perolehan kerja hiasan dalaman Fasa 1 Menara FELDA bernilai RM3.65 juta melalui 5 pakej yang berasingan. Semakan Audit mendapati kesemua pakej ini telah ditawarkan kepada Naza TTDI Sdn. Berhad dengan nombor kontrak yang berbeza. Selain itu, juru perunding bagi kerja Hiasan Dalaman Menara FELDA telah diarahkan oleh FELDA untuk menyediakan pecahan harga bagi Fasa 1 kepada 5 pakej tanpa mengubah amaun akhir yang ditawarkan oleh Naza TTDI Sdn. Berhad bagi memudahkan proses kelulusan. Perolehan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tender 1 pada 10 Ogos 2011 dan bukannya Jawatankuasa Tender Lembaga yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.6**  
**PEROLEHAN KERJA HIASAN DALAMAN MENARA FELDA**

TARIKH	NOMBOR KONTRAK	PERKARA	JUMLAH (RM Juta)
12.08.2011	100041159	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1A - Kemasan tandas di basement 2.	0.75
12.08.2011	100041162	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1B - Kemasan tandas di tingkat 10, 11, 49, 50 dan <i>lobby floor stainless steel inlay strips</i> .	0.94
12.08.2011	100041163	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1C - Laluan ke tingkat 10 dan 11 serta laluan baru di tingkat 10 dan 11.	0.60
12.08.2011	100041164	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1D - Laluan baru di tingkat 49 dan 50.	0.83
12.08.2011	100041165	Hiasan Dalaman Menara FELDA - Paket 1E - Kerja <i>mechanical and electrical</i> dan <i>fire compartmentation works</i> .	0.53
<b>JUMLAH</b>			<b>3.65</b>

Sumber: Mesyuarat Jawatankuasa Tender 1 Bilangan 13/11 bertarikh 10 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, perolehan tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Perolehan yang dilaksanakan secara teratur, telus dan adil membuka peluang FELDA memperoleh harga yang kompetitif dan mendapat *value for money*.

**Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.**

*FELDA memaklumkan Mesyuarat Lembaga FELDA bertarikh 23 Mei 2011 telah bersetuju Sambutan Hari Peneroka diadakan pada 7 Julai 2011 bertempat di Mini Stadium, Bandar Pusat Jengka, Pahang. Ini selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan FELDA pada 25 April 2011.*

*Sambutan Hari Peneroka 2011 adalah acara tahunan yang penting untuk FELDA yang diadakan pada 7 Julai 2011. Acara tersebut kebiasaannya menghadapi masa yang singkat untuk persediaan disebabkan perlu menunggu pengesahan tarikh dan tempat. Acara ini merupakan acara terbesar FELDA pada setiap tahun yang melibatkan kos yang tinggi. Kebiasaan, kerja-kerja yang dilaksanakan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK), tetapi pada masa perancangan dan persiapan dilakukan, mesyuarat JKK tidak bersidang dan hanya diadakan pada 25 Julai 2011. Untuk memastikan segala keperluan dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan, beberapa kerja-kerja perolehan perlu dipecahkan. Kontraktor yang ditawarkan kontrak merupakan kontraktor yang mempunyai pengalaman menguruskan acara-acara besar, mempunyai tenaga kerja yang ramai, mempunyai peralatan-peralatan sendiri, kedudukan kewangan yang baik dan mampu menyiapkan kerja dalam masa yang singkat. Bagi Sambutan Hari Peneroka 2014, perancangan lebih awal sedang disediakan di mana senarai*

*keperluan kerja sedang diatur dan diperincikan bagi membolehkan kerja-kerja diperolehi secara tender. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit FELDA pada 29 April 2014 dan keputusan perbincangan untuk “endorse” perkara ini akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga FELDA yang akan datang.*

*Selain itu, kerja-kerja hiasan dalaman Fasa 1 terpaksa dipecahkan kepada 5 pakej disebabkan keperluan untuk menyiapkan kerja sebelum Sambutan Hari Peneroka 2012 dan Majlis Perasmian Menara FELDA. Walaupun kontraktor yang sama dilantik untuk melaksanakan kelima-lima pakej tersebut, pengurusan FELDA merasakan ianya perlu dibuat sedemikian bagi memudahkan pemantauan kerja dilakukan, tempoh masa penyiapan kerja mengikut pakej dapat disingkatkan dan mempercepatkan proses bayaran. Kontraktor yang sama juga adalah merupakan kontraktor yang sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan bangunan yang masih berjalan pada masa tersebut. Pelantikan kontraktor ini juga dapat menjimatkan masa penilaian tender dan meminimakan masalah yang akan timbul semasa kerja-kerja ini dilaksanakan dan memandangkan bangunan ini masih di bawah tempoh tanggung cacat kerja.*

#### **6.4.4 Kelemahan Pengurusan Kontrak**

##### **6.4.4.1 Kontrak Tidak Disediakan**

- a. Berdasarkan Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA, kontrak secara formal akan disediakan dan ditandatangani setelah kontraktor mengembalikan Surat Setuju Terima berserta dengan Deposit Jaminan dan perkara lain yang disyaratkan. Kontrak formal akan disediakan bagi nilai kontrak yang melebihi RM200,000 dan hendaklah mengandungi syarat-syarat kontrak dan syarat-syarat khas yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak jika berkaitan. **Surat Perintah Kerja (SPK) tidak dibenarkan bagi perolehan yang nilainya melebihi RM200,000.**
- b. Semakan Audit terhadap perolehan yang bernilai melebihi RM200,000 mendapati dokumen kontrak tidak disediakan bagi 56 perolehan berjumlah RM183.13 juta. Sebanyak 53 daripada perolehan tersebut yang berjumlah RM165.65 juta telah dibayar tanpa perjanjian manakala 3 perolehan bagi tahun 2012 berjumlah RM17.48 juta masih belum dibayar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.7**  
**PEROLEHAN TANPA DOKUMEN KONTRAK**

TAHUN	BILANGAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
2010	11	16.38
2011	19	70.93
2012	26	95.82
	<b>56</b>	<b>183.13</b>

Sumber: Daftar Perolehan

- c. Selain itu, pihak Audit mendapati 23 daripada 53 perolehan berjumlah RM19.93 juta telah dibayar berdasarkan pesanan pembelian yang diluluskan oleh Pengarah Tadbiran sahaja. Sebanyak 30 daripada 53 perolehan berjumlah RM145.72 juta yang dibayar hanya mempunyai Surat Setuju Terima (SST) dan pesanan pembelian. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.8**  
**PEROLEHAN YANG TELAH DIBAYAR TANPA KONTRAK**

TAHUN	CARA PEMBAYARAN			
	PESANAN PEMBELIAN SAHAJA		SURAT SETUJU TERIMA DAN PESANAN PEMBELIAN	
	BILANGAN	NILAI (RM Juta)	BILANGAN	NILAI (RM Juta)
2010	8	2.89	3	13.50
2011	9	14.31	10	56.62
2012	6	2.73	17	75.60
<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>19.93</b>	<b>30</b>	<b>145.72</b>

Sumber: Daftar Perolehan

Pada pendapat Audit, kegagalan menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan FELDA tidak dilindungi.

**Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.**

*FELDA berpendapat dalam urusan kontrak, adalah memadai hanya Surat Perintah Kerja (SPK) atau Borang Pesanan (PO) dikeluarkan dengan syarat ia mempunyai tandatangan kedua-dua pihak (FELDA dan Pemborong/Kontraktor). Pihak "Legal" FELDA juga mengesahkan bahawa SPK adalah perjanjian yang mengikat kedua pihak yang menandatanganinya serta melindungi FELDA jika berlaku sebarang perlanggaran syarat. Mulai Jun 2014, FELDA akan mengeluarkan peringatan kepada semua Jabatan supaya semua perolehan mempunyai Dokumen Perjanjian yang lengkap.*

**Pada pendapat Audit, Peraturan Urusan Kontrak dan Bekalan FELDA menetapkan hanya kontrak perjanjian perlu diwujudkan dan ditandatangani bagi perolehan bernilai melebihi RM200,000 dan SPK tidak dibenarkan.**

#### **6.4.4.2 Kontrak Belum Ditandatangani**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya SST. Tarikh kuat kuasa kontrak hendaklah dinyatakan sebagai tarikh SST ditandatangani oleh penender yang berjaya manakala tarikh kontrak ialah tarikh kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- b. Semakan Audit mendapati 2 kontrak bagi perolehan bernilai RM60.68 juta belum ditandatangani walaupun sudah melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan sejumlah RM37.37 juta telah dibayar sehingga bulan Mac 2014. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.9  
KONTRAK BELUM DITANDATANGANI**

NAMA PEMBEKAL	PERKARA	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)	JUMLAH PEMBAYARAN (RM Juta)	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	TARIKH AKHIR SEPATUTNYA KONTRAK DITANDATANGANI
Atlanta Resources Sdn. Berhad	Cadangan kerja hiasan dalaman Menara FELDA, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur untuk FELDA Fasa 2: Tingkat 1, B1 dan B2	38.15	37.16	04.05.2012	04.09.2012
Canggih Kilat Sdn. Berhad	Cadangan kerja hiasan dalaman di Menara FELDA, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur City Centre untuk FELDA Fasa 3: Tingkat 49 dan 50	22.53	0.21	04.05.2012	04.09.2012

*Sumber: Perjanjian Kontrak*

- c. FELDA memaklumkan perjanjian kontrak dengan Atlanta Resources Sdn. Berhad tidak ditandatangani disebabkan RSP Architects Sdn. Berhad telah menarik diri sebagai juru perunding untuk kerja-kerja Fasa 2 pada 31 Julai 2012 kerana percanggahan reka bentuk. Perjanjian kontrak dengan Canggih Kilat Sdn. Berhad pula tidak ditandatangani disebabkan terdapat perubahan reka bentuk dan arahan penangguhan kerja. Penangguhan ini berterusan sehingga penamatan RSP Architects Sdn. Berhad sebagai konsultan hiasan dalaman Menara FELDA dibuat pada 27 November 2012.

Pada pendapat Audit, kontrak yang tidak ditandatangani boleh mendedahkan FELDA kepada risiko kerugian di mana tindakan tidak boleh diambil sekiranya kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja seperti yang dipersetujui antara dua pihak.

#### **Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.**

*FELDA memaklumkan dokumen kontrak di antara FELDA dengan Atlanta Resources Sdn. Berhad telah dihantar kepada pihak kontraktor untuk ditandatangani dan dijangka selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Mei 2014. Selain itu, kemajuan kerja kontraktor Canggih Kilat Sdn. Berhad sehingga arahan penangguhan kerja dikeluarkan adalah sebanyak 10% sahaja. Disebabkan terdapat percanggahan kontrak di antara FELDA dan kontraktor, pihak kontraktor telah mengambil tindakan undang-undang terhadap FELDA untuk menuntut ganti rugi. Pihak peguam yang mewakili FELDA telah menasihatkan agar dokumen kontrak tidak ditandatangani memandangkan ianya masih dalam prosiding mahkamah.*

#### **6.4.5 Kelemahan Pelaksanaan Program Bancian Warga Peneroka FELDA**

6.4.5.1 Pada tahun 2011, FELDA telah melaksanakan Program Bancian Warga Peneroka FELDA seperti mana yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga FELDA pada 23 Mac 2011. Program ini dilaksanakan bagi mendapatkan data dan maklumat terkini seluruh warga peneroka di tanah rancangan FELDA. Bancian dilaksanakan terhadap 112,635 keluarga peneroka di 317 rancangan FELDA.

6.4.5.2 Bagi tujuan tersebut, FELDA merancang untuk melantik konsultan di kalangan profesional dan pembanci adalah dari kalangan pelajar Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) dan ahli Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM). Semakan Audit mendapati bancian telah dilaksanakan bermula bulan Julai 2011 tanpa lantikan konsultan. Bancian juga dibuat tanpa pemantauan dan seliaan yang sewajarnya menyebabkan borang bancian tidak diisi dengan lengkap dan data bancian tidak dapat digunakan.

6.4.5.3 Semakan Audit mendapati pembayaran kepada petugas bancian dan pemasuk data berjumlah RM0.74 juta telah dibayar tanpa sebarang dokumen sokongan seperti laporan pemantauan dan pengesahan kerja. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan dokumen bancian telah diluluskan oleh Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baru sebelum bayaran dibuat.

6.4.5.4 FELDA telah menamatkan segala aktiviti bancian dan proses memasukkan maklumat warga peneroka yang dijalankan oleh MBFM pada 8

Oktober 2012. Bancian pertama kurang berkesan menyebabkan FELDA perlu menjalankan bancian kedua dengan menggunakan khidmat kakitangan FELDA di pejabat rancangan/wilayah melibatkan kos berjumlah RM1.02 juta. Sehingga tarikh pengauditan pada 8 Mac 2013, bancian semula yang dijangka siap pada bulan Disember 2012 masih belum selesai.

**Pada pendapat Audit, perancangan yang tidak teratur dan kelemahan pemantauan terhadap kerja bancian menyebabkan pembancian semula perlu dibuat yang melibatkan kos berjumlah RM1.02 juta serta tidak mendapat *value for money*. Selain itu, kegagalan menyiapkan program ini dalam masa yang ditetapkan menyebabkan objektif program belum tercapai.**

#### **Maklum Balas Daripada FELDA Diterima Pada 29 April 2014.**

*FELDA memaklumkan konsultan tidak dilantik kerana FELDA merasakan PERSADA dan MBFM mampu untuk menjalankan bancian tersebut kerana ahli-ahlinya terdiri daripada warga generasi baru FELDA yang bermastautin atau tinggal di tanah rancangan serta berpendidikan tinggi yang diketuai oleh Presiden MBFM. Berdasarkan hasil bancian pertama yang diterima, FELDA mendapati masih banyak maklumat yang diterima belum lengkap dan tidak tepat. Adalah menjadi satu keperluan kepada FELDA untuk membuat Bancian Kemas kini untuk mendapatkan maklumat sebenar di samping mengesahkan maklumat bancian pertama yang telah dijalankan. Jawatankuasa untuk memantau dan menyelia Program Bancian Warga Peneroka FELDA telah ditubuhkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bilangan 280 pada 31 Januari 2012. Selain itu, pembayaran sebenar dilaksanakan di peringkat Wilayah/Rancangan dan segala dokumen sokongan disimpan di peringkat Wilayah/Rancangan. Pembayaran sebenar yang telah dibuat sehingga kini adalah hanya sejumlah RM1.87 juta.*

#### **6.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan FELDA hendaklah memastikan prosedur perolehan yang ditetapkan olehnya serta peraturan kewangan yang sewajarnya dipatuhi dengan sempurna dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

6.5.1 FELDA hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur untuk mengelakkan pembaziran.

6.5.2 FELDA hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur dan segala dokumen kontrak perlu disediakan dan ditandatangani.

6.5.3 FELDA hendaklah memastikan pengurusan perolehan dibuat setelah kelulusan Jawatankuasa Tender yang sewajarnya diperoleh. Di samping itu, pemantauan yang rapi dan berkesan terhadapnya hendaklah dijalankan bagi memastikan tidak wujud sebarang penyelewengan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**

### **7. PENGURUSAN TANAMAN PADI**

#### **7.1 LATAR BELAKANG**

7.1.1 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69). Misi KADA adalah untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam bidang sumber bekalan air, pengurusan sistem pengairan dan saliran serta penggunaan teknologi pertanian melalui kaedah pembangunan bersepadu. Antara objektif utama KADA adalah untuk menjadi agensi yang unggul dalam peningkatan taraf sosio ekonomi pesawah dan mengeluarkan padi serta beras bagi menampung keperluan beras negara.

7.1.2 Selaras dengan objektif KADA, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM59.40 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi meningkatkan hasil padi. KADA juga menerima sejumlah RM57.30 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan program pembangunan pertanian iaitu pembinaan empangan dan menaik taraf infrastruktur pengairan serta saliran. Selain itu, KADA telah menerima peruntukan sejumlah RM119.25 juta di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBMN) daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MoA) bagi tempoh 2008 sehingga 2010. Peruntukan tersebut bertujuan untuk pelaksanaan program yang terdiri daripada Pemerataan Tanah Sawah, Penyenggaraan dan Pembangunan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran, Mekanisasi Ladang serta Input Pertanian.

7.1.3 Sehingga akhir tahun 2013, keluasan pertanian KADA adalah 82,900 hektar di mana 29,450 hektar atau 35.5% merupakan keluasan kawasan padi yang menjadi komoditi utama KADA. Bekalan air ke kawasan sawah bagi tanaman padi diperoleh dari 3 sistem pengairan iaitu Kemubu yang meliputi seluas 18,983 hektar, Pasir Mas seluas 6,527 hektar dan Lemal seluas 3,940 hektar. Sumber pengairan bagi melaksanakan aktiviti tanaman padi di kawasan KADA adalah 42% dari Sungai Kelantan, 30% dari empangan, 15% dari air hujan dan 13% air guna semula.

## **7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Tanaman Padi di KADA telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Pengurusan Tanaman Padi di KADA bagi tahun 2009 sehingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan minit mesyuarat yang berkaitan. Temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang terlibat serta soal selidik diedarkan kepada pesawah yang terpilih. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan di Pusat Semaian Benih dan stor Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jaya Peringat, Sungai Ketereh, Nilam Puri, Tanjung Puri, Bakat Baru, Bukit Jawa, Sri Gunong dan Puteri Saadong. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dijalankan terhadap 2 Pusat Kejenteraan Ladang (PKL) iaitu di PKL Melor dan PKL Kasar.

## **7.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, Pengurusan Tanaman Padi di KADA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. Prestasi pengeluaran padi bagi 2 musim tidak mencapai sasaran seperti berikut:
  - KADA tidak mencapai sasaran intensiti tanaman padi pada tahun 2009 iaitu sebanyak 177% berbanding sasaran 189%, tahun 2010 sebanyak 161% berbanding 191%, tahun 2012 sebanyak 155% berbanding sasaran 180% dan tahun 2013 sebanyak 131% berbanding sasaran 180%. Perkara ini disebabkan keluasan bertanam bagi 2 musim tidak mencapai sasaran bagi tempoh tersebut.
  - Pengeluaran padi pada tahun 2013 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 159,763 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran iaitu 251,750 tan metrik. Pengeluaran beras pada tahun 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 103,846 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran sebanyak 163,638 tan metrik.
- ii. Peningkatan kos bagi projek pembinaan empangan rendah di Kemubu sejumlah RM3.31 juta atau 229.9% daripada RM1.44 juta kepada RM4.75 juta disebabkan Arahan Perubahan Kerja untuk kerja pengukuh tebing Sungai Kelantan.

- iii. Pembinaan empangan rendah oleh kontraktor asal gagal disiapkan dengan tempoh kelewatan sebanyak 432 hari dari tarikh tamat lanjutan masa kedua. Kelewatan projek ini menyebabkan air Sungai Kelantan tidak dapat dikenalkan pada paras kritikal iaitu 4.9 meter bagi membekalkan air kepada pesawah dalam kawasan pengairan Kemubu.
- iv. Kelemahan lain adalah seperti berikut:
  - Sebanyak 6 Pusat Semaian Benih tidak beroperasi antara 2 hingga 3 musim kerana kurang permintaan anak benih padi oleh pesawah.
  - Penyenggaraan tapak semaian benih, peralatan dan jentera pertanian di Pusat Semaian Benih kurang memuaskan kerana dipenuhi semak samun dan pagar yang telah roboh. Selain itu, terdapat jentera dan peralatan yang rosak serta hilang.
  - PPK Sungai Ketereh dan PPK Nilam Puri telah membuat perjanjian sewaan jentanan dengan pihak ketiga iaitu Syarikat Berkat Padi Enterprise tanpa kelulusan daripada KADA.
  - Stor yang menempatkan peralatan dan alat ganti tidak tersusun, tidak disenggara dengan baik dan tiada rekod disediakan bagi memantau baki peralatan dan alat ganti yang disimpan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

#### 7.4.1 Prestasi Pengeluaran Padi

7.4.1.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan penilaian *outcome* program untuk memastikan hasil pulangan yang maksimum daripada peruntukan yang dibelanjakan. KADA telah menetapkan sasaran pencapaian komoditi utama bagi tahun 2011 sehingga 2020. Selain itu, KADA telah membuat jangkaan perbandingan peningkatan hasil padi pada tahun 2008 sehingga 2010 dengan tahun sebelumnya berikut peruntukan yang diterima daripada Kerajaan di bawah DJBMN.

7.4.1.2 Penanaman padi di kawasan KADA dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun iaitu luar musim antara bulan Mac sehingga Julai manakala musim utama antara bulan Ogos sehingga Februari. Semakan Audit terhadap pencapaian tanaman padi **bagi 2 musim** mendapati perkara berikut:

- a. KADA tidak mencapai sasaran intensiti tanaman padi pada tahun 2009 iaitu sebanyak 177% berbanding sasaran 189%, tahun 2010 sebanyak 161% berbanding sasaran 191%, tahun 2012 sebanyak 155% berbanding sasaran 180% dan tahun 2013 sebanyak 131% berbanding sasaran 180%. Perkara

ini disebabkan keluasan bertanam bagi 2 musim tidak mencapai sasaran bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, intensiti tanaman padi dicapai pada tahun 2011. Selain itu, pengeluaran padi pada tahun 2013 juga tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 159,763 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran iaitu 251,750 tan metrik. Pengeluaran beras pada tahun 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 103,846 tan metrik atau 63.5% berbanding sasaran sebanyak 163,638 tan metrik. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.1  
SASARAN DAN PENCAPAIAN TANAMAN PADI BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**

PERKARA	TAHUN									
	2009 (Musim 2/2008 & Musim1/2009)		2010 (Musim 2/2009 & Musim1/2010)		2011 (Musim 2/2010 & Musim1/2011)		2012 (Musim 2/2011 & Musim1/2012)		2013 (Musim 2/2012 & Musim1/2013)	
SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	
Intensiti Tanaman (%)	189	177	191	161	180	180	180	155	180	131
Keluasan Bertanam Bagi 2 Musim (Hektar)	56,164	55,921	56,912	50,615	53,000	53,024	53,000	45,855	53,000	38,641
Pengeluaran Padi (Tan Metrik)	340,915	209,950	369,928	201,135	225,250	217,210	238,500	192,399	251,750	159,763*
Pengeluaran Beras (Tan Metrik)	181,708	136,468	197,172	130,738	146,413	141,187	155,025	125,059	163,638	103,846*

*Sumber: Mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan Bilangan 3 Tahun 2008, Rumusan Perangkaan 2012 KADA Dan Laporan Perangkaan Padi Malaysia 2011, Jabatan Pertanian*

*\*Nota: i. Maklumat Bagi Pengeluaran Padi Dan Beras Musim 1/2013 Masih Belum Dimuktamadkan Sehingga Mesyuarat Kebangsaan Penyiasatan Pengeluaran Padi  
ii. Intensiti tanaman adalah 100% untuk 1 musim*

- b. Jumlah pengeluaran padi dari tahun 2009 sehingga 2013 menunjukkan trend penurunan kecuali pada tahun 2011. Pengeluaran padi pada tahun 2013 telah menurun sebanyak 32,636 tan metrik atau 17% kepada sebanyak 159,763 tan metrik berbanding 192,399 tan metrik pada tahun 2012. Pengeluaran beras juga menurun sebanyak 21,213 tan metrik atau 17% kepada 103,846 tan metrik pada tahun 2013 berbanding 125,059 tan metrik pada tahun 2012. Penurunan pengeluaran padi dan beras adalah disebabkan penurunan keluasan penanaman padi pada tahun 2013 iaitu sebanyak 15.7% berbanding tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:


**JADUAL 7.2**  
**PENCAPAIAN KELUASAN BERTANAM DAN PENGELUARAN PADI SERTA BERAS**  
**MENGIKUT MUSIM BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**

TAHUN	KELUASAN BERTANAM (Hektar)				JUMLAH PENGELUARAN (Tan Metrik)		
	MUSIM UTAMA		LUAR MUSIM		JUMLAH	PADI	BERAS
2009	Musim 2/2008	28,137	Musim 1/2009	27,784	55,921	209,950	136,468
2010	Musim 2/2009	26,544	Musim 1/2010	24,071	50,615	201,135	130,738
2011	Musim 2/2010	25,447	Musim 1/2011	27,577	53,024	217,210	141,187
2012	Musim 2/2011	27,450	Musim 1/2012	18,405	45,855	192,399	125,059
2013	Musim 2/2012	26,279	Musim 1/2013*	12,362	38,641	159,763*	103,846*

Sumber: Rumusan Perangkaan 2012 KADA Dan Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Musim Utama 2012/2013

\*Nota: Maklumat Bagi Pengeluaran Padi Dan Beras Musim 1/2013 Masih Belum Dimuktamadkan Sehingga Mesyuarat Kebangsaan Penyiasatan Pengeluaran Padi

**CARTA 7.1**  
**PENGELUARAN PADI DAN BERAS SERTA KELUASAN BERTANAM**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**



Sumber: Rumusan Perangkaan 2012 KADA Dan Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Musim Utama 2012/2013

7.4.1.3 Pengeluaran padi dan beras yang tidak mencapai sasaran adalah disebabkan masalah stesen pam utama dalam kawasan KADA yang tidak dapat membekalkan air ke sawah padi berikutan paras air Sungai Kelantan yang tidak mencapai paras minimum bagi stesen pam untuk beroperasi. Ini mengakibatkan pesawah tidak dapat melaksanakan penanaman padi secara serentak. Analisis Audit mendapati keluasan kawasan sawah padi bagi KADA telah menurun dari 31,464 hektar bagi tempoh 2007 sehingga 2010 kepada 29,450 hektar atau 93.6% bagi tempoh 2011 sehingga 2013. Butiran lanjut mengenai keluasan kawasan sawah padi mengikut Pusat Kemajuan Peladang (PKP) sehingga tahun 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.3**  
**LUAS KAWASAN PADI MENGIKUT PUSAT KEMAJUAN PELADANG**  
**BAGI TAHUN 2007 SEHINGGA 2013**

TAHUN	KELUASAN KAWASAN SAWAH PADI MENGIKUT PKP (Hektar)						JUMLAH (Hektar)
	KOTA BHARU UTARA	KOTA BHARU SELENTAN	BACHOK	PASIR PUTEH	PASIR MAS	TUMPAT	
2007 hingga 2010	4,891	5,218	5,614	4,171	7,145	4,425	31,464
2011 hingga 2013	2,959	5,350	5,706	4,968	6,527	3,940	29,450

Sumber: Laporan Luas Kawasan Padi Mengikut PKP

7.4.1.4 Semakan Audit terhadap Laporan Rumusan Perangkaan Tahun 2012 oleh Jabatan Pertanian mendapat KADA mempunyai luas pasel kedua tertinggi selepas Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan keluasan 29,450 hektar. Bagaimanapun, intensiti tanaman KADA hanya mencapai 155.7% iaitu kedua terendah antara 8 kawasan jelapang padi di Semenanjung Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.4**  
**KELUASAN PASEL DAN KELUASAN BERTANAM PADI SAWAH**  
**BAGI JELAPANG PADI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI TAHUN 2012**

JELAPANG PADI	KELUASAN PASEL (Hektar)	KELUASAN BERTANAM BAGI 2 MUSIM (Hektar)	INTENSITI TANAMAN BAGI 2 MUSIM (%)
MADA	96,558	191,843	198.7
KADA	29,450	45,855	155.7
IADA Kerian Sungai Manik	26,719	53,188	199.0
IADA Barat Laut Selangor	19,021	37,835	198.9
IADA Pulau Pinang	10,305	20,610	200.0
IADA Seberang Perak	8,529	16,465	193.0
IADA Ketara	4,923	9,799	199.0
IADA Kemasin Semerak	5,047	5,988	118.6
<b>JUMLAH</b>	<b>200,552</b>	<b>381,583</b>	<b>190.3</b>

Sumber: Rumusan Perangkaan Tahun 2012 KADA

Nota: Pasel - Luas petak padi

Intensiti tanaman adalah 100% untuk 1 musim

IADA - Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu


7.4.1.5 Perbandingan juga dibuat bagi purata hasil bersih padi di Semenanjung Malaysia bagi KADA, MADA dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) bagi tahun 2009 sehingga 2012. Semakan lanjut mendapat KADA menyumbang purata hasil padi sebanyak 4.196 tan/hektar pada tahun 2012 dan merupakan penyumbang kedua terendah pada tahun yang sama. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 7.5**  
**PURATA HASIL BERSIH PADI MENGIKUT JELAPANG PADI NEGARA**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**

JELAPANG PADI	TAHUN/ PURATA HASIL BERSIH PADI (Tan/Hektar)			
	2009	2010	2011	2012
IADA Barat Laut Selangor	5.439	5.612	5.908	5.989
IADA Pulau Pinang	5.206	5.589	5.728	5.621
IADA Ketara	4.985	5.354	5.834	5.604
IADA Seberang Perak	4.618	4.375	4.592	4.948
MADA	5.055	4.725	4.955	4.843
IADA Kerian Sungai Manik	3.483	3.282	3.686	4.380
KADA	3.754	3.974	4.096	4.196
IADA Kemasin Semerak	2.831	3.347	2.938	3.905

Sumber: Rumusan Perangkaan Tahun 2012 KADA

**CARTA 7.2**  
**PURATA HASIL BERSIH PADI MENGIKUT JELAPANG PADI NEGARA**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2012**



Sumber: Rumusan Perangkaan Tahun 2012 KADA

Pada pendapat Audit, pencapaian pengeluaran padi dan beras adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun KADA telah menerima peruntukan sejumlah RM235.95 juta di bawah RMKe-9, RMKe-10 dan DJBMN.

**Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.**

*KADA memaklumkan produktiviti hasil padi menunjukkan peningkatan walaupun pengeluaran padi dan keluasan bertanam telah menurun dari tahun 2009 hingga 2013 disebabkan oleh gangguan bekalan air. Ini disebabkan stesen pam utama tidak dapat beroperasi sepenuhnya kerana paras air Sungai*

*Kelantan berada di bawah tahap minimum. Pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu sedang dilaksanakan dan dijangka siap sebelum Luar Musim 2014 iaitu antara bulan Mac sehingga Julai manakala pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kasar dijangka siap pada tahun 2015 bagi mengatasi masalah ini.*

#### 7.4.2 Pembinaan Empangan Rendah Di Rumah Pam Kemubu

7.4.2.1 Sungai Kelantan merupakan sumber utama pengairan di KADA bagi penanaman padi pada luar musim dan musim utama. KADA mempunyai 3 stesen pam utama iaitu Kemubu, Kasar dan Lemal bagi membekalkan air kepada pesawah untuk penanaman padi di kawasan KADA. Stesen pam tersebut telah direka bentuk untuk beroperasi walaupun air sungai berada di paras kritikal dan paras minimum. Paras minimum adalah paras paling akhir pam boleh beroperasi. Masalah kekurangan bekalan air adalah kritikal pada waktu luar musim iaitu antara bulan Mac hingga Julai kerana taburan hujan yang rendah dan menyebabkan paras air Sungai Kelantan turun di bawah paras minimum yang menyebabkan pam tidak dapat beroperasi. Butiran lanjut mengenai paras normal, kritikal dan minimum bagi Sungai Kelantan untuk setiap stesen pam beroperasi adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.6  
PARAS NORMAL, KRITIKAL DAN MINIMUM  
SUNGAI KELANTAN BAGI STESEN PAM BEROPERASI**

STESEN PAM	PARAS NORMAL (Meter)	PARAS KRITIKAL (Meter)	PARAS MINIMUM (Meter)
Kemubu	10.36	4.90	4.50
Kasar	9.75	1.07	0.50
Lemal	9.14	1.60	0.50

*Sumber: Manual Operasi Dan Penyenggaraan Rancangan Pengairan Kemubu*

7.4.2.2 Paras purata bulanan Sungai Kelantan bagi tahun 2011 sehingga 2013 adalah tidak menentu dan pernah berada di bawah tahap minimum. Paras purata bulanan Sungai Kelantan yang direkodkan di Stesen Pam Kemubu bagi tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.7  
PARAS PURATA BULANAN SUNGAI KELANTAN DI  
STESEN PAM KEMUBU BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

BULAN	PARAS PURATA BULANAN (Meter)		
	TAHUN		
	2011	2012	2013
Januari	6.74	6.68	5.91
Februari	5.34	5.05	5.80

BULAN	PARAS PURATA BULANAN (Meter)		
	TAHUN		
	2011	2012	2013
Mac	5.32	4.93	5.04
April	5.31	5.19	4.48*
Mei	5.03	4.86	4.66
Jun	5.04	4.32*	4.33*
Julai	4.83	4.33*	4.24*
Ogos	4.74	4.36*	4.63
September	5.05	4.54	4.69
Oktober	5.30	4.62	4.78
November	6.30	4.73	4.97
Disember	6.35	5.85	6.73

*Sumber: Paras Purata Bulanan Sungai Kelantan Di Stesen Pam Kemubu*

*Bagi Tahun 2011 Hingga 2013*

*\*Nota: Bawah Paras Minimum*

7.4.2.3 KADA telah menerima peruntukan tambahan sejumlah RM12 juta di bawah RMKe-9 bagi tujuan penyenggaraan infrastruktur pengairan. KADA telah memperuntukkan sejumlah RM6 juta untuk pembinaan empangan rendah merentasi Sungai Kelantan di Rumah Pam Kemubu sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan tersebut.

7.4.2.4 Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2013, KADA telah membelanjakan sejumlah RM10.73 juta atau 178.8% melebihi peruntukan tambahan yang diterima bagi pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu. Lebihan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan perolehan cerucuk keluli Rumah Pam Kasar berjumlah RM5.21 juta telah digunakan untuk pembinaan empangan rendah di Kemubu. Baki keseluruhan peruntukan di bawah RMKe-9 bagi pembinaan empangan rendah adalah berjumlah RM0.90 juta seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.8**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI PEMBINAAN EMPANGAN RENDAH**  
**SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2013**

PROJEK		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN RMKe-9 (RM)
Rumah Pam Kemubu	Pembelian Cerucuk Keluli	6,000,000	8,898,264	10,728,965	(4,728,965)
	Pemasangan Bagi Empangan Rendah		1,830,701		
Rumah Pam Kasar	Pembelian Cerucuk Keluli	6,000,000	-	372,094	5,627,906
	Penyelenggaraan		372,094		
<b>JUMLAH</b>			<b>11,101,059</b>	<b>11,101,059</b>	<b>898,941</b>

*Sumber: Prestasi Perbelanjaan Mengikut Projek RMKe-9 Sehingga 30 September 2013*

7.4.2.5 Projek pembinaan empangan rendah telah bermula pada bulan Februari 2011 untuk memasang cerucuk keluli merentasi Sungai Kelantan di Rumah Pam Kemubu sepanjang 310 meter. Bagaimanapun, kontraktor asal iaitu NH Arosa Enterprise telah ditamatkan kontrak pada 25 Ogos 2013 kerana gagal menyiapkan kerja pembinaan. KADA telah melantik kontraktor AA Gemilang Group Sdn. Berhad pada bulan Oktober 2013 bagi meneruskan projek pembinaan tersebut.

7.4.2.6 Analisis Audit mendapati **nilai kontrak asal projek pembinaan empangan rendah berjumlah RM1.44 juta telah meningkat sejumlah RM3.31 juta atau 229.9% kepada RM4.75 juta** sehingga bulan April 2014. Peningkatan kos projek oleh kontraktor asal adalah sejumlah RM0.47 juta atau 32.6% daripada RM1.44 juta kepada RM1.91 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh Arahan Perubahan Kerja bagi kerja mengubah kedudukan struktur penyingkir pasir, penanaman cerucuk *interlocking sheet piles* serta kerja mengorek batu dan kayu di dasar sungai. Selain itu, kos projek pembinaan bagi kontraktor penyiap telah meningkat sejumlah RM0.88 juta atau 44.9% daripada RM1.96 juta kepada RM2.84 juta disebabkan oleh kerja penstabilan tebing sungai dan tambahan cerucuk keluli. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.9  
PENINGKATAN KOS PROJEK PEMBINAAN EMPANGAN RENDAH**

PERKARA	NILAI KONTRAK BARU (RM Juta)	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) KOS (RM Juta)
i. Kontraktor NH Arosa Enterprise			
Nilai Kontrak	1.44	1.44	-
Arahan Perubahan Kerja No.1 – No.2	0.41	-	0.41
Pelarasian Harga Kontrak	0.06	-	0.06
<b>JUMLAH</b>	<b>1.91</b>	<b>1.44</b>	<b>0.47</b>
ii. Kontraktor AA Gemilang Group Sdn. Berhad			
Nilai Kontrak	1.96	1.96	-
Arahan Perubahan Kerja No.1	0.88	-	0.88
Pelarasian Harga Kontrak	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2.84</b>	<b>1.96</b>	<b>0.88</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4.75</b>	<b>3.40</b>	<b>1.35</b>

Sumber: *Sijil Bayaran Interim*

#### 7.4.2.7 Prestasi Kerja Kontraktor Asal

- KADA telah melantik NH Arosa Enterprise melalui tender terbuka bagi pemasangan cerucuk keluli dengan kontrak bernilai RM1.44 juta dan tempoh siap kerja selama 26 minggu iaitu mulai 15 Februari 2011 hingga 16 Ogos 2011. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.10**  
**MAKLUMAT PROJEK BAGI CADANGAN MEMASANG CERUCUK KELULI**  
**MERENTASI SUNGAI KELANTAN DI RUMAH PAM KEMUBU**

MAKLUMAT PROJEK TENDER KADA (P)T6/2010	
Nilai Asal Kontrak	RM1,440,000
Jumlah Perubahan Kerja	RM61,289
Jumlah Tambahan Kuantiti Sementara	RM406,766
Harga Baru Kontrak	RM1,908,055
Tarikh Milik Tapak	15.02.2011
Tarikh Siap Asal	16.08.2011
Lanjutan Masa Pertama	17.08.2011 – 07.02.2012 (175 hari)
Lanjutan Masa Kedua	08.02.2012 – 19.06.2012 (133 hari)
Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD)	20.06.2012 – 25.08.2013 (432 hari)
Jumlah LAD Dikenakan	RM102,021

*Sumber: Dokumen Kontrak KADA(P)T6/2010 Dan Bayaran Kemajuan*

- b. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Ogos 2013, projek pemasangan cerucuk keluli gagal disiapkan dengan tempoh kelewatan sebanyak 432 hari dari tarikh tamat lanjutan masa kedua. Kontraktor ini telah dikenakan bayaran Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM102,021 dan kontrak telah ditamatkan pada 25 Ogos 2013. Perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM1.83 juta di mana peratus keseluruhan projek siap ialah 96%. Perbandingan antara nilai kontrak dan perbelanjaan sebenar adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.11**  
**PERBANDINGAN ANTARA NILAI KONTRAK**  
**DAN PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 25 OGOS 2013**

BIL.	BUTIRAN KERJA	NILAI KONTRAK (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1.	Kerja Awalan	73,025	65,628
2.	Kerja Ukur	55,000	32,756
3.	Penanaman Cerucuk Keluli	993,850	1,523,212
4.	Kawalan Hakisan Tebing Dan Dasar Sungai	165,625	87,125
5.	Struktur Penyingkiran Pasir	141,700	121,180
6.	Pemuliharaan Alam Sekitar	10,800	800
<b>JUMLAH</b>		<b>1,440,000</b>	<b>1,830,701</b>

*Sumber: Laporan Penilaian Kontrak KADA(P)T6/2010*

- c. Semakan lanjut mendapati kerja yang masih belum siap sepenuhnya adalah melibatkan penanaman cerucuk keluli bagi jenis 6.0 + 12.0 meter panjang iaitu 68.8% dan kerja bagi kawalan hakisan dasar sungai belum dimulakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.12**  
**KEMAJUAN KERJA PROJEK PEMBINAAN EMPANGAN RENDAH KEMUBU**  
**SEHINGGA 25 OGOS 2013**

BUTIRAN KERJA	PERATUS PENCAPAIAN (%)
1. Penanaman cerucuk keluli:	
a. 6.0 meter panjang bagi sasaran 40 nos	100
b. 12.0 meter panjang bagi sasaran 115 nos	100
c. 18.0 meter panjang bagi sasaran 98 nos	100
d. 18.0 + 12.0 meter panjang bagi sasaran 87 nos	100
e. 12.0 + 12.0 meter panjang bagi sasaran 125 nos	100
f. 6.0 + 12.0 meter panjang bagi sasaran 160 nos	68.8
2. Kawalan hakisan tebing sungai:	
a. Penanaman cerucuk keluli 18.0 meter panjang	100
b. Memasang batu blok di tebing sungai	100
3. Kawalan hakisan dasar sungai	0
4. Struktur penyingkiran pasir	100

*Sumber: Pelaksanaan Projek Pemasangan Sheet Pile Merentasi Sungai Kelantan*

#### 7.4.2.8 Prestasi Kerja Kontraktor Penyiap

- a. KADA telah melantik kontraktor penyiap iaitu AA Gemilang Group Sdn. Berhad secara tender terbuka dengan nilai kontrak berjumlah RM1.96 juta pada 22 September 2013 bagi menyiapkan baki projek dan mengukuhkan tebing sungai yang telah terhakis. *Method Statement* yang disertakan oleh kontraktor bersama dokumen kontrak yang dilantik menyatakan kerja pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu akan dijalankan tanpa mengambil kira faktor cuaca yang tidak menentu dan kerja akan disiapkan dalam tempoh 11 minggu mulai 3 Oktober 2013 sehingga 19 Disember 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 5 Disember 2013 mendapati projek belum disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kerja di tapak telah dihentikan kerana aras sungai telah mencecah 11 meter disebabkan taburan hujan yang tinggi pada bulan tersebut.
- b. Surat peringatan pertama kepada AA Gemilang Group Sdn. Berhad telah dikeluarkan pada 26 November 2013 dengan kelewatan siap kerja sebanyak 18%. Sehingga 25 November 2013, kemajuan siap kerja sebenar adalah 45% berbanding 63% yang sepatutnya. Kontraktor juga telah diberi lanjutan masa pertama sebanyak 97 hari dan tarikh siap baru bagi projek ini telah dilanjutkan kepada 27 Mac 2014.
- c. Semakan Audit terhadap nilai kontrak mendapati skop kerja bagi kontrak ini adalah untuk baki kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor pertama iaitu NH Arosa Enterprise. Skop kerja kontrak ini adalah untuk menyiapkan

kerja penanaman cerucuk dan meningkatkan kerja kawalan hakisan tebing dan dasar sungai. Kos bagi kerja penstabilan dan pengukuhan tebing dan dasar sungai bagi kontrak ini adalah sejumlah RM1.18 juta berbanding RM0.17 juta bagi kontrak sebelumnya. Ini disebabkan hakisan tebing dan dasar sungai telah menjadi lebih serius selepas projek terbengkalai melebihi setahun. Keadaan projek empangan rendah adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 7.1**  
**Pembinaan Empangan Rendah**  
**Lewat Disiapkan**



Lokasi: Rumah Pam Kemubu  
Tarikh: 7 Mei 2014

**GAMBAR 7.2**  
**Pembinaan Empangan Rendah**  
**Lewat Disiapkan**



Lokasi: Rumah Pam Kemubu  
Tarikh: 7 Mei 2014

Pada pendapat Audit, pembinaan empangan rendah di Rumah Pam Kemubu adalah kurang memuaskan kerana lewat disiapkan dan menyebabkan peningkatan kos. Kelewatan ini juga telah menjasarkan penanaman padi seluas 18,983 hektar di kawasan KADA.

**Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.**

KADA memaklumkan kelewatan menyiapkan empangan rendah oleh kontraktor asal berlaku kerana perubahan kedalaman dasar sungai semasa proses pembinaan menyebabkan cerucuk keluli yang digunakan untuk kerja pengukuhan tebing perlu ditukar daripada 9 meter kepada 18 meter. Kelewatan oleh kontraktor penyiap juga disebabkan oleh perubahan kedalaman dasar sungai yang mengakibatkan kuantiti blok batu yang digunakan untuk kerja pengukuhan tebing sungai perlu ditambah. Selain itu, banjir yang berlaku pada bulan Disember 2013 menyebabkan banyak runtuhan tebing sungai dan mengakibatkan pertambahan skop kerja untuk menstabilkan tebing tersebut.

#### **7.4.2.9 Kelewatan Kelulusan Lanjutan Masa**

- a. Berdasarkan klausula 43 Perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis dengan segera kepada Pegawai Pengguna bagi memohon lanjutan masa sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Pengguna pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh lanjutan masa yang ditetapkan tamat.
- b. Semakan Audit mendapati KADA telah lewat memberi kelulusan lanjutan masa (EOT) kepada NH Arosa Enterprise bagi projek pembinaan empangan rendah walaupun kontraktor telah memohon lanjutan masa sebelum tarikh siap atau tarikh lanjutan masa yang ditetapkan tamat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.13  
KELEWATAN KELULUSAN LANJUTAN MASA KONTRAK**

NOMBOR LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP ASAL / KEMAS KINI	TARIKH PERMOHONAN EOT	TARIKH PERAKUAN EOT	TEMPOH KELEWATAN KELULUSAN (Hari)
1	16.08.2011	18.07.2011	15.11.2011	91
2	07.02.2012	25.01.2012	20.06.2012	134

*Sumber: Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa 1 Dan 2*

Pada pendapat Audit, kelewatan memberi kelulusan lanjutan masa menyebabkan pelaksanaan projek tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

***Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.***

***KADA memaklumkan kelewatan kelulusan lanjutan masa tidak menjelaskan kelancaran pelaksanaan kerja pembinaan. Selain itu, Insurans kerja dan Insurans Tanggungan Awam masih lagi berkuat kuasa di dalam tempoh tersebut.***

#### **7.4.3 Pengurusan Mekanisasi Ladang**

Program Mekanisasi Ladang dilaksanakan bagi menyediakan perkhidmatan pembajakan dan penuaian yang cekap melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai pemberi perkhidmatan di samping pemilikan jentera kecil serta pembinaan Pusat Semaian Benih.

#### **7.4.3.1 Pusat Semaian Benih Tidak Beroperasi Sepenuhnya**

- a. KADA telah membina 8 Pusat Semaian Benih (PSB) bernilai RM7.50 juta yang diletakkan di bawah 8 PPK. Setiap PSB ini dilengkapi dengan sebuah bangunan operasi, petak tapak semaian benih berdasarkan keluasan kawasan, 6 unit jentanan, seunit mesin semaian benih padi dan dulang semaian berdasarkan kesesuaian bangunan.
- b. Pembinaan Tapak Semaian Benih (TSB) bertujuan menyediakan bekalan anak benih kepada pengusaha tanaman padi untuk ditanam dengan kaedah mencedung menggunakan jentanan. Penanaman padi berjentera ini lebih mudah kerana anak benih padi yang sudah matang boleh digulung sebelum diletakkan di atas jentanan secara tersusun. Kaedah ini menyebabkan kadar pertumbuhan anak padi menjadi lebih cepat, teratur, seragam dan mudah diuruskan.
- c. Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati hanya 2 PSB masih beroperasi iaitu di PPK Puteri Saadong dan PPK Bakat Baru manakala 6 PSB tidak lagi beroperasi antara 2 hingga 3 musim. Semakan Audit mendapati PSB yang tidak beroperasi disebabkan kurang permintaan anak benih padi dari pengusaha tanaman padi berikutan masalah bekalan air ke kawasan sawah padi. Tempoh masa setiap PSB tidak beroperasi adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.14  
TEMPOH PSB TIDAK BEROPERASI SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

BIL.	PPK	LOKASI TAPAK SEMAIAN BENIH	KALI TERAKHIR BEROPERASI	TEMPOH TIDAK BEROPERASI
1.	Tanjung Puri	SAU Beta	Musim 1/2012	3 musim*
2.	Sungai Ketereh	Persiaran KADA	Musim 1/2012	3 musim*
3.	Kubang Bunut	SAU Pohon Buluh	Musim 1/2012	3 musim*
4.	Nilam Puri	Nilam Puri	Musim 1/2012	3 musim*
5.	Bukit Jawa	Bukit Jawa	Musim 2/2012	2 musim*
6.	Jaya Peringat	Jaya Peringat	Musim 2/2012	2 musim*

*Sumber: Maklumat Aktiviti Projek TSB*

*\*Nota: 2 Musim Untuk 1 Tahun*

**Pada pendapat Audit, pengendalian Pusat Semaian Benih kurang memuaskan kerana ia tidak beroperasi sepenuhnya disebabkan masalah bekalan air di kawasan KADA.**

**Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.**

**KADA memaklumkan masalah operasi di PPK disebabkan oleh permintaan anak benih yang berkurangan dari pengusaha tanaman padi kerana masalah bekalan air ke kawasan sawah padi.**

#### **7.4.3.2 Penyenggaraan Tapak Semaian, Peralatan dan Jentera Pertanian Di PSB Kurang Memuaskan**

PPK bertanggungjawab menyenggara tapak semaian benih, peralatan dan jentera bagi setiap Pusat Semaian Benih (PSB) yang dikendalikan. Lawatan Audit pada 11 Disember 2013 di semua PSB mendapati penyenggaraan terhadap tapak semaian benih, peralatan dan jentera pertanian kurang memuaskan. Terdapat kawasan PSB yang dipenuhi semak samun, pagar yang telah roboh dan jentera serta peralatan yang rosak. Selain itu, berlaku kes kehilangan mesin sediaan benih dan pam air disebabkan tiada pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selepas teguran Audit, tindakan pembetulan telah diambil seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 7.15  
PENYENGGARAAN TAPAK SEMAIAN BENIH, PERALATAN  
DAN JENTERA PERTANIAN YANG KURANG MEMUASKAN DI PSB**

BIL.	PSB	KEADAAN FIZIKAL	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
1.	Nilam Puri	<ul style="list-style-type: none"><li>Tapak Semaian Benih yang tidak disenggara oleh PPK. (<b>Gambar 7.3</b>)</li><li>Jentanan yang musnah telah digunakan sebagai alat ganti bagi jentanan lain. (<b>Gambar 7.15</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Tapak Semaian Benih yang telah disenggara oleh PPK. (<b>Gambar 7.4</b>)</li><li>Akan diambil tindakan pelupusan.</li></ul>
2.	Bukit Jawa	<ul style="list-style-type: none"><li>Tapak Semaian Benih yang tidak disenggara oleh PPK. (<b>Gambar 7.5</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Tapak Semaian Benih yang telah disenggara oleh PPK. (<b>Gambar 7.6</b>)</li></ul>
3.	Jaya Peringat	<ul style="list-style-type: none"><li>Kawasan tangki air di TSB dipenuhi semak. (<b>Gambar 7.7</b>)</li><li>Jentanan yang musnah. (<b>Gambar 7.16</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kawasan tangki air di TSB yang telah dibersihkan. (<b>Gambar 7.8</b>)</li><li>Akan diambil tindakan pelupusan.</li></ul>
4.	Kubang Bunut	<ul style="list-style-type: none"><li>Jentanan yang rosak dan terbiar. (<b>Gambar 7.9</b>)</li><li>Jentanan rosak dan tiada penyenggaraan. (<b>Gambar 7.17</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Jentanan yang rosak disimpan di pejabat PPK Kubang Bunut. (<b>Gambar 7.10</b>)</li><li>Akan diambil tindakan pelupusan.</li></ul>
5.	Sungai Ketereh	<ul style="list-style-type: none"><li>Sebahagian mesin penyediaan semaian benih padi telah hilang. (<b>Gambar 7.18</b>)</li><li>Mesin pam air di dalam rumah pam telah hilang. (<b>Gambar 7.19</b>)</li><li>Sprinkler yang jatuh dan pagar yang ditumbuhinya rumput menjalar. (<b>Gambar 7.11</b>)</li><li>Pagar roboh dan tiada kerja pembaikan dijalankan. (<b>Gambar 7.13</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Laporan awal kehilangan aset telah disediakan pada 8 Disember 2013.</li><li>Sprinkler telah ditegakkan dan rumput telah dibersihkan. (<b>Gambar 7.12</b>)</li><li>Pagar telah dipasang dan kerja pembaikan telah dilakukan. (<b>Gambar 7.14</b>)</li></ul>
6.	Bakat Baru	<ul style="list-style-type: none"><li>Mesin pam air diletakkan di luar rumah pam. (<b>Gambar 7.20</b>)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Belum diambil tindakan.</li></ul>

*Sumber: Pemeriksaan Fizikal Jabatan Audit Negara Ke Pusat Semaian Benih*

**GAMBAR 7.3**  
**TSB Yang Menggunakan Pasir Telah  
Ditumbuhi Rumput Dan Lalang**



Lokasi: TSB Nilam Puri  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.4**  
**TSB Yang Menggunakan Pasir  
Telah Disenggara**



Lokasi: TSB Nilam Puri  
Tarikh: 16 April 2014

**GAMBAR 7.5**  
**TSB Yang Menggunakan Tapak Pasir  
Telah Ditumbuhi Rumput**



Lokasi: TSB Bukit Jawa  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.6**  
**TSB Yang Menggunakan Tapak Pasir  
Telah Disenggara**



Lokasi: TSB Bukit Jawa  
Tarikh: 14 April 2014

**GAMBAR 7.7**  
**Tangki Air Yang Dipenuhi Semak**



Lokasi: PSB Jaya Peringat  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.8**  
**Tangki Air Yang Telah Dibersihkan**



Lokasi: PSB Jaya Peringat  
Tarikh: 14 April 2014

**GAMBAR 7.9**  
Jentanan Yang Telah Rosak



Lokasi: PSB Kubang Bunut  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.10**  
Jentanan Yang Rosak Disimpan Di Pejabat PPK Kubang Bunut



Lokasi: PSB Kubang Bunut  
Tarikh: 14 April 2014

**GAMBAR 7.11**  
Sprinkler Yang Jatuh Dan Pagar Yang Dipenuhi Rumput



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.12**  
Sprinkler Telah Ditegakkan Dan Rumput Telah Dibersihkan



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 24 April 2014

**GAMBAR 7.13**  
Pagar Roboh Dan Tiada Kerja Pembaikan Diambil



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.14**  
Pagar Telah Dipasang Dan Kerja Pembaikan Telah Dilakukan



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 24 April 2014

**GAMBAR 7.15**  
Jentanan Yang Musnah Telah Digunakan  
Sebagai Alat Ganti Bagi Jentananam Lain



Lokasi: PSB Nilam Puri  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.16**  
Jentanan Yang Telah Musnah



Lokasi: PSB Jaya Peringat  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.17**  
Jentanan Yang Telah Rosak



Lokasi: PSB Kubang Bunut  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.18**  
Sebahagian Mesin Penyediaan Semaian  
Benih Padi Telah Hilang



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.19**  
Mesin Pam Air Di Dalam Rumah Pam Hilang



Lokasi: PSB Sungai Ketereh  
Tarikh: 11 Disember 2013

**GAMBAR 7.20**  
Mesin Pam Air Diletakkan Di Luar Rumah  
Pam



Lokasi: PSB Bakat Baru  
Tarikh: 11 Disember 2013

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tapak semaihan benih, peralatan dan jentera adalah kurang memuaskan menyebabkan aset rosak, tidak digunakan dan hilang.

**Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014 dan 5 Mei 2014.**

*KADA memaklumkan penyenggaraan dan operasi TSB adalah di bawah tanggungjawab PPK. Kes kehilangan telah dilaporkan kepada pihak yang berkenaan dan ahli Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset Alih Kerajaan telah dilantik pada 12 Januari 2014 oleh KADA. Selain itu, jentanan yang musnah di PPK Nilam Puri, PPK Jaya Peringat dan PPK Kubang Bunut dalam tindakan pelupusan.*

#### 7.4.3.3 Perolehan Jentanan Tidak Dirancang

- a. Setiap PSB telah dibekalkan sebanyak 6 jentanan oleh KADA bagi keperluan pengusaha tanaman padi. Kos jentanan kepada 8 PSB adalah berjumlah RM1.90 juta. Pengusaha tanaman padi di kawasan KADA perlu membuat permohonan untuk menyewa jentanan dari PPK bagi kerja penanaman anak padi dengan kaedah mencedung.
- b. Semakan Audit mendapati jentanan yang dibeli tidak digunakan antara 136 hingga 714 hari kerana perolehan dibuat sebelum kesemua PSB siap dibina. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.16  
JENTANAM TIDAK DIGUNAKAN**

BIL.	LOKASI PPK	TARIKH SIAP PSB (a)	TARIKH PEROLEHAN JENTANAM (b)	TEMPOH JENTANAM TIDAK DIGUNAKAN (Hari) (a-b)
1.	Puteri Saadong	29.12.2011	14.01.2010	714
2.	Nilam Puri	18.02.2010	01.01.2009	413
3.	Kubang Bunut	27.12.2010	14.01.2010	347
4.	Sungai Ketereh	30.08.2011	20.10.2010	314
5.	Bakat Baru	18.07.2010	14.01.2010	185
6.	Jaya Peringat	13.06.2010	14.01.2010	150
7.	Bukit Jawa	13.06.2010	14.01.2010	150
8.	Tanjung Puri	30.05.2010	14.01.2010	136

*Sumber: Ringkasan Laporan Pelaksanaan Projek TSB Dan Senarai Transplanter*

- c. Syarat penyerahan jentera, mesin dan peralatan kepada PPK menyatakan hak milik aset adalah milik KADA dan PPK pula bertanggungjawab untuk menyenggara jentanan yang dibekalkan

mengikut keperluan. Semua jentera/peralatan yang dibekalkan oleh KADA adalah bagi memberi khidmat kejenteraan kepada pesawah dalam kawasan KADA. Semakan Audit mendapati PPK Sungai Ketereh dan PPK Nilam Puri telah membuat perjanjian sewaan jentanan dengan pihak ketiga tanpa memaklumkan kepada KADA. Penyeawaan ini melibatkan 4 unit jentanan dari PPK Sungai Ketereh dan 5 unit jentanan dari PPK Nilam Puri dengan bayaran sewa sejumlah RM100 setiap lot. PPK Sungai Ketereh mula menyewakan jentanan mulai bulan April 2011 manakala PPK Nilam Puri telah menyewakan jentanan mulai bulan Mac 2012 kepada syarikat swasta yang sama iaitu Syarikat Berkat Padi Enterprise yang beroperasi di Selangor.

Pada pendapat Audit, perancangan perolehan jentanan yang kurang memuaskan telah menyebabkan jentanan yang dibeli tidak digunakan kerana perolehan dibuat sebelum PSB siap dibina. KADA juga tidak membuat pemantauan sewajarnya menyebabkan jentanan disewakan tanpa pengetahuan KADA.

#### ***Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014 Dan 5 Mei 2014.***

*KADA memaklumkan tempoh pembelian dan penyerahan jentanan kepada PPK dibuat serentak dengan pembinaan TSB. Ini dilakukan supaya TSB dapat beroperasi sebaik sahaja ia siap dibina. Selain itu, KADA akan menjalankan pemantauan bagi memastikan PPK memaklumkan kepada KADA sebelum menyewakan jentanan kepada pihak ketiga.*

Pada pendapat Audit, PPK Sungai Ketereh dan PPK Nilam Puri telah memaklumkan kepada KADA mengenai perjanjian sewaan jentanan dengan pihak ketiga tetapi kelulusan KADA masih belum diperoleh.

#### **7.4.3.4 Pengurusan Stor Pusat Kejenteraan Ladang Kurang Memuaskan**

- a. KADA mempunyai 2 Pusat Kejenteraan Ladang (PKL) iaitu PKL Kasar dan PKL Melor. PKL bertanggungjawab memberi khidmat sokongan teknikal dari segi perkhidmatan jentera ladang dan perkhidmatan mekanisasi ladang. Ia meliputi perkhidmatan sebelum tuai sehingga selepas tuai dan merancang serta melaksana program penyenggaraan terhadap kemudahan dan jentera pertanian.
- b. Lawatan Audit pada 10 Disember 2013 ke bilik stor PKL Kasar dan Melor mendapati peralatan dan alat ganti tidak disimpan dengan teratur. Selain itu, rekod peralatan dan alat ganti juga tidak diselenggara menyebabkan baki

stok tidak dapat dikenal pasti. Selepas teguran Audit, tindakan pembetulan telah diambil terhadap bilik stor seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 7.17  
PENYENGGARAAN STOR PUSAT KEJENTERAAN LADANG KURANG MEMUASKAN**

BIL.	PKL	KEADAAN FIZIKAL	STATUS TINDAKAN PEMBETULAN
1.	Kasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Alat ganti tidak disusun dengan teratur. (<b>Gambar 7.21</b>)</li> <li>Penyimpanan di bilik stor tidak teratur. (<b>Gambar 7.23</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Alat ganti telah disusun dengan teratur. (<b>Gambar 7.22</b>)</li> <li>Bilik stor telah disimpan dengan teratur. (<b>Gambar 7.24</b>)</li> </ul>
2.	Melor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peralatan dan alat ganti tidak disusun dengan teratur. (<b>Gambar 7.25</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peralatan dan alat ganti telah disusun dengan teratur. (<b>Gambar 7.26</b>)</li> </ul>

Sumber: Pemeriksaan Fizikal Jabatan Audit Negara Ke Pusat Kejenteraan Ladang

**GAMBAR 7.21  
Alat Ganti Tidak Disusun Dengan Teratur**



Lokasi: PKL Kasar  
Tarikh: 10 Disember 2013

**GAMBAR 7.22  
Alat Ganti Telah Disusun Dengan Teratur**



Lokasi: PKL Kasar  
Tarikh: 14 April 2014

**GAMBAR 7.23  
Keadaan Stor Tidak Teratur**



Lokasi: PKL Kasar  
Tarikh: 10 Disember 2013

**GAMBAR 7.24  
Bilik Stor Telah Disimpan Dengan Teratur**



Lokasi: PKL Kasar  
Tarikh: 14 April 2014

**GAMBAR 7.25**  
Peralatan Dan Alat Ganti Tidak Disusun  
Dengan Teratur



Lokasi: PKL Melor  
Tarikh: 10 Disember 2013

**GAMBAR 7.26**  
Peralatan Dan Alat Ganti Telah Disusun  
Dengan Teratur



Lokasi: PKL Melor  
Tarikh: 14 April 2014

Pada pendapat Audit, pengurusan stor adalah kurang memuaskan kerana penyimpanan peralatan dan alat ganti tidak teratur serta tiada rekod diselenggara.

**Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.**

*KADA telah mengarahkan PKL Kasar dan PKL Melor untuk menyenggara stor, menyusun semula peralatan dan alat ganti dengan lebih teratur serta menyediakan rekod stok mengikut tatacara pengurusan stor. Selain itu, pelupusan alat ganti sedang dalam tindakan PKL Melor.*

#### 7.4.4 Analisis Ketidakpuasan Pesawah Terhadap Pengurusan Tanaman Padi

7.4.4.1 Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 70 pesawah di 4 PPK yang dilawati iaitu PPK Nilam Puri, Tanjung Puri, Sri Gunong dan Puteri Saadong bagi menilai masalah yang dihadapi oleh pesawah. Soal selidik yang disediakan adalah berdasarkan aspek pemerataan tanah sawah, sistem infrastruktur pengairan dan saliran, perkhidmatan/pemilikan aset/jentera pertanian, penyediaan kemudahan PSB dan pemberian baja kepada pesawah. Analisis Audit terhadap soal selidik ini mendapati secara keseluruhan tahap ketidakpuasan pesawah adalah antara 40% hingga 72.9%. Beberapa masalah telah dibangkitkan oleh pesawah iaitu sumber bekalan air tidak mencukupi, masalah sistem pengairan serta racun dan kawalan makhluk perosak tidak mencukupi. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.18**  
**ANALISIS TAHAP KETIDAKPUASAN PESAWAH**

BIL.	PERKARA	MASALAH DIHADAPI	BILANGAN PESAWAH	PERATUS (%)
1.	Penyenggaraan & Pembangunan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran	Sumber bekalan air adalah tidak mencukupi pada musim utama.	51	72.9
		Sumber bekalan air adalah tidak mencukupi pada luar musim dan pesawah tidak berpuas hati dengan sistem pengairan serta ia perlu dinaik taraf.	47	67.1
2.	Input Pertanian	Pesawah masih mengalami masalah terhadap kualiti hasil tanaman padi walaupun telah menggunakan baja yang dibekalkan.	40	57.1
		Racun dan kawalan makhluk perosak yang dibekalkan tidak mencukupi.	50	71.4
3.	Pemerataan Tanah	Pesawah masih perlu membuat pemerataan tanah walaupun setelah menerima bantuan pemerataan tanah oleh PPK.	38	54.3
4.	Mekanisasi Ladang	Jentera dan peralatan pertanian yang dibekalkan sentiasa mengalami kerosakan.	30	42.9
		Pusat Semaian Benih tidak membantu pesawah untuk mendapatkan benih baru.	28	40.0

*Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara*

7.4.4.2 Selain itu, terdapat 120 cadangan yang diberikan oleh pesawah antaranya mengenai pemberian insentif padi, menaik taraf sistem pengairan di Kemubu dan penyenggaraan perparitan serta membaiki jalan ladang dan memperluaskan jambatan bagi menambah baik pengurusan tanaman padi. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.19**  
**CADANGAN PESAWAH TERHADAP PENGURUSAN PENANAMAN PADI DAN DASAR JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA**

CADANGAN PESAWAH	BILANGAN CADANGAN	PERATUS CADANGAN (%)
Insentif Padi	24	20.0
Menaik Taraf Sistem Pengairan Dari Rumah Pam Kemubu Ke Kawasan Penanaman Padi Dan Penyenggaraan Perparitan	18	15.0
Membaiki Jalan Ladang Dan Memperluaskan Jambatan	13	10.8
Menambah Pemberian Racun Perosak/Memberi Peluang Kepada Pesawah Memilih Sendiri Jenis Racun/Tambah Racun Perosak	12	10.0
Memberi Bantuan Bulanan Seperti Yang Diterima Oleh Nelayan	12	10.0
Tambahan Baja Bermutu Tinggi/Baja NPK	9	7.5
Tambahan Insentif Tenggala	8	6.7
Tambahan Jentera Pembajak/Jentera Pertanian/Traktor	6	5.0
Pemberian Secara Percuma Benih Padi Kepada Para Pesawah	6	5.0
Pemberian Subsidi Minyak/Diesel Kepada Pesawah Untuk Pemerataan Tanah	4	3.3
Memberi Bantuan Ganti Rugi Kerosakan Padi	3	2.5
Menanggung Kos Kerosakan Jentera	2	1.7

CADANGAN PESAWAH	BILANGAN CADANGAN	PERATUS CADANGAN (%)
Mengadakan Kursus Dan Lawatan Oleh PPK	2	1.7
Meningkatkan Teknologi Penanaman Padi	1	0.8
<b>JUMLAH</b>	<b>120</b>	<b>100</b>

Sumber: Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pesawah bersetuju dengan pengurusan pemberian incentif penanaman padi yang disalurkan oleh KADA. Bagaimanapun, pesawah kurang berpuas hati terhadap sumber bekalan air, sistem pengairan dan pembekalan racun.

#### ***Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.***

***KADA mengambil maklum terhadap penilaian tahap ketidakpuasan pesawah yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Analisis ini akan dijadikan rujukan pada masa hadapan dan cadangan pesawah juga akan dipertimbangkan serta diberi perhatian.***

#### **7.4.5 Pemantauan**

7.4.5.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaiannya. Pihak Audit mendapati KADA telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap program yang dilaksanakan bagi meningkatkan hasil padi dengan menubuhkan Jawatankuasa bagi memantau program yang dibuat. Selain itu, KADA telah melaksanakan pemantauan terhadap projek tanaman padi melalui Mesyuarat Pengurusan KADA yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar dan perlu diadakan setiap bulan.

7.4.5.2 Semakan Audit mendapati mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 12 kali pada tahun 2011, 10 kali pada tahun 2012 dan 2013. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat pada tahun 2013 adalah berkenaan laporan tanaman padi mengikut musim, laporan mengenai projek tanaman padi yang sedang dilaksanakan, prestasi pembinaan cerucuk keluli, paras air Sungai Kelantan, jadual bekalan air, aduan pesawah serta prestasi perbelanjaan RMKe-10.

7.4.5.3 Semakan lanjut mendapati prestasi dan masalah projek pembinaan empangan rendah di Kemubu tidak dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Ini menyebabkan kelemahan dan masalah projek tidak dapat dikenal pasti pada peringkat awal pelaksanaan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan tanaman padi adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan mekanisme pemantauan kurang berkesan. Ini menyebabkan kelemahan pelaksanaan projek pembinaan tidak dapat dikenal pasti dan diambil tindakan penyelesaian.

***Maklum Balas Daripada KADA Pada 22 April 2014.***

***KADA akan mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit berkaitan dengan pengurusan tanaman padi. Selain itu, masalah pembinaan empangan rendah telah mula dibentangkan dengan terperinci dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2 Tahun 2013 bertarikh 28 Ogos 2013.***

## **7.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan KADA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

7.5.1 KADA hendaklah memantau kerja kontraktor bagi memastikan projek pembinaan empangan rendah di Kemubu dapat disiapkan dengan segera supaya masalah pengairan di kawasan Kemubu dapat diatasi. Selain itu, kelulusan lanjutan masa perlu dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan supaya pelaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur. KADA perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan tanaman padi bagi memastikan kelemahan pelaksanaan projek dapat dikenal pasti di peringkat awal dan tindakan penyelesaian dapat diambil.

7.5.2 KADA hendaklah memastikan semua Pertubuhan Peladang Kawasan menyenggara peralatan dan jentera bagi setiap Pusat Semaian Benih yang dikendalikan bagi memastikan aset dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum  
Balas Daripada Perbadanan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit  
Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan  
Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

### 8. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) dan dikawal selia oleh Kementerian Kewangan. Objektif penubuhan LADA adalah untuk menerajui pembangunan sosio ekonomi, infrastruktur dan pembangunan produk pelancongan; menyediakan peluang pelaburan untuk membangunkan sektor ekonomi dan pelancongan; menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kegiatan sosio ekonomi dan budaya serta mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

8.1.2 Selaras dengan objektif penubuhannya, LADA telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan menggalak serta melaksanakan pembangunan di Langkawi. Perolehan yang telah dilaksanakan oleh LADA dari tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.1  
PEROLEHAN LADA DARI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

KAEDAH PEROLEHAN	2011		2012		2013	
	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	NILAI (RM Juta)
<b>Sebut Harga:</b> Bekalan/Perkhidmatan Kerja	12 39	1.24 5.73	14 43	2.94 7.96	8 46	1.12 9.20
<b>Tender:</b> Bekalan/Perkhidmatan Kerja	- 2	- 3.49	1 3	1.46 7.05	- 6	- 5.30
<b>Lantikan/Rundingan Terus:</b> Bekalan/Perkhidmatan Kerja	3 2	0.70 0.30	2 -	0.40 -	2 2	0.34 25.25
<b>JUMLAH</b>	<b>58</b>	<b>11.46</b>	<b>63</b>	<b>19.81</b>	<b>64</b>	<b>41.21</b>

*Sumber: Unit Perolehan, LADA*

#### 8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan LADA telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut objektif yang ditetapkan.

### **8.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan LADA secara lantikan/rundingan terus, tender dan sebut harga bagi tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab serta lawatan ke tapak projek bagi perolehan kerja.

### **8.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan dari bulan September sehingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di LADA adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan tender dan sebut harga seperti berikut:

- i. LADA telah menawarkan kontrak kepada 2 kontraktor pada 8 November 2012 sedangkan Kementerian Kewangan hanya meluluskan permohonan LADA pada 11 Januari 2013;
- ii. Tidak ada pemantauan terhadap permohonan lanjutan masa (EOT). Kontraktor hanya memohon EOT selepas tarikh siap asal tamat menyebabkan kelewatan Jawatankuasa Sebut Harga meluluskan EOT selama 138 hari daripada tarikh siap asal;
- iii. Dokumen tender disemak dan dianalisis oleh perunding bagi menilai kemampuan teknikal dan kewangan. Selain itu, laporan penilaian tender yang disediakan oleh perunding tidak ditandatangani oleh Panel Penilaian Tender LADA;
- iv. Kerosakan *water proofing* di bumbung Bangunan Anjung belum dibaiki sejak tahun 2011 menyebabkan lampu dan soket yang dipasang oleh kontraktor tidak dapat digunakan akibat terkena air hujan;
- v. Peratusan bayaran interim dan kemajuan fizikal projek tidak selaras iaitu kemajuan fizikal projek telah mencapai sebanyak 97% pada bulan September 2013 manakala kemajuan bayaran interim hanya setakat 57%; dan
- vi. Kelewatan menandatangani kontrak antara 49 hingga 89 hari.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

## **8.4.1 Perolehan Sebut Harga**

### **8.4.1.1 Kontrak Ditawarkan Sebelum Kelulusan Kementerian Kewangan**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009, perolehan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah diuruskan secara tender terbuka. Agensi adalah dilarang memecah kecilkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/tender.
- b. Semakan Audit mendapati LADA telah memohon kelulusan khas memecah kecil tender untuk dilaksanakan secara pakej berasingan bagi Projek Menaik Taraf Kemudahan di Tasik Dayang Bunting pada 24 Oktober 2012. Bagaimanapun, permohonan kelulusan khas memecah kecil tender tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan projek tersebut hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Seterusnya, LADA membuat rayuan pada 3 Disember 2012 dan kelulusan telah diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Januari 2013 untuk pelaksanaan Projek Menaik Taraf Kemudahan di Tasik Dayang Bunting secara pakej berasingan seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.2  
KRONOLOGI PERMOHONAN KELULUSAN PECAH KECIL  
TENDER DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN**

TARIKH	KRONOLOGI
25.09.2012	Dua sebut harga iaitu LPL 40/2012 dan 42/2012 telah ditutup.
24.10.2012	LADA memohon kelulusan khas kepada Kementerian Kewangan untuk memecah kecil tender untuk dilaksanakan secara pakej berasingan.
08.11.2012	LADA mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor yang berjaya.
21.11.2012	Permohonan kelulusan khas tersebut tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Projek tersebut hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka.
03.12.2012	LADA membuat rayuan pertimbangan kelulusan khas pelaksanaan secara pakej berasingan.
12.12.2012	Tarikh milik tapak oleh kontraktor.
11.01.2013	Kementerian Kewangan meluluskan rayuan LADA.

*Sumber: Fail Projek*

- c. Pada 18 September 2012, LADA telah mengeluarkan 2 sebut harga iaitu berjumlah RM440,290 bagi Pakej 2 untuk kerja naik taraf laluan pejalan kaki dan RM128,228 bagi Pakej 3 untuk kerja naik taraf pelantar pemandangan di Tasik Dayang Bunting walaupun kedua-dua pakej tersebut di tempat yang sama. Sebut harga tersebut telah ditutup pada 25 September 2012. LADA telah menawarkan 2 projek tersebut yang bernilai melebihi RM500,000 kepada 2 kontraktor pada 8 November 2012. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan hanya meluluskan permohonan LADA untuk memecah kecil tender pada 11 Januari 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.3**  
**MENAIK TARAF KEMUDAHAN DI TASIK DAYANG BUNTING**

PERIHAL SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	NILAI SEBUT HARGA (RM)	TARIKH		
			TAWARAN	MILIK TAPAK	KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN
Cadangan Kerja-kerja Naik Taraf Laluan Pejalan Kaki di Tasik Dayang Bunting	Teroka Teguh Enterprise	440,290	08.11.2012	12.12.2012	11.01.2013
Cadangan Kerja-kerja Naik Taraf Pelantar Pemandangan Di Tasik Dayang Bunting	Kilimjaya Enterprise	128,228	08.11.2012	12.12.2012	11.01.2013

Sumber: Fail Projek

**Pada pendapat Audit, proses penawaran sebut harga bagi Projek Menaik Taraf Kemudahan Di Tasik Dayang Bunting adalah kurang memuaskan kerana tidak teratur dan bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009.**

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.**

*LADA memaklumkan permohonan memecah kecil secara pakej berasingan adalah bertujuan untuk memastikan destinasi pelancongan terus dibuka sepanjang tahun. Selain itu, pakej 2 dan 3 telah dilaksanakan dahulu kerana keperluan yang mendesak untuk membaik pulih kemudahan pelancongan yang semakin uzur bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pelancong. Sehubungan itu, LADA berpendapat tiada isu pecah kecil kerana komponen projek tersebut merupakan projek penyenggaraan. Bagaimanapun, kesilapan dibuat semasa LADA memohon peruntukan iaitu kaedah perolehan secara tender dinyatakan dalam ringkasan projek.*

#### **8.4.1.2 Kelewatan Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa**

- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menjelaskan bahawa pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu.
- Semakan Audit mendapati kontraktor Teroka Teguh Enterprise gagal menyiapkan Projek Naik Taraf Laluan Pejalan Kaki Di Tasik Dayang Bunting yang bernilai RM440,290 pada tarikh siap asal iaitu 3 April 2013. Kontraktor hanya memohon lanjutan masa (EOT) pada 10 Jun 2013 iaitu selepas tarikh siap asal. Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskan EOT pada 19 Ogos 2013 iaitu lewat sebanyak 138 hari daripada tarikh siap.

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor telah diberikan EOT sehingga 30 September 2013 untuk menyempurnakan projek. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 17 Disember 2013 mendapati projek tersebut masih belum siap walaupun tempoh EOT telah tamat. Kontraktor belum mengemukakan permohonan EOT kedua untuk pertimbangan LADA dan denda tidak dikenakan terhadap kelewatan siap projek kerana klausula denda tidak dinyatakan. LADA hanya boleh menarik balik inden kerja yang ditawarkan dan diserahkan kepada pihak lain untuk menyiapkannya.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kerja menaik taraf Projek Laluan Pejalan Kaki adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini menyebabkan pelancong tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut untuk mengakses ke pelantar pemandangan.**

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.**

*LADA memaklumkan kontraktor telah diberi surat amaran bertarikh 31 Mac 2013, 19 Jun 2013 dan 2 Oktober 2013. Punca kelewatan menyiapkan projek adalah kesukaran mengangkut bahan binaan utama ke tapak binaan berikutan musim hujan dan kekurangan pekerja mahir sekitar bulan Februari hingga Mac 2013. Bagaimanapun, projek ini telah siap sepenuhnya pada 16 Januari 2014 dan diserah kepada LADA pada 18 Februari 2014.*

#### **8.4.2 Perolehan Tender**

Mengikut surat Kementerian Kewangan bertarikh 27 Julai 2012, LADA dibenarkan meluluskan perolehan tender bernilai sehingga RM5 juta bagi projek dan program di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi. LADA perlu menubuhskan Panel Penilaian yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LADA bagi menyemak dan mengemukakan syor syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Pengarah LADA. Pengauditan terhadap 3 daripada 8 tender yang dilaksanakan antara tahun 2011 hingga bulan Ogos 2013 mendapati perkara berikut:

##### **8.4.2.1 Penilaian Tender Dilaksanakan Oleh Perunding**

- a. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, penilaian tender hendaklah dibuat oleh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh tidak kurang daripada 3 orang pegawai. Salah seorang ahli jawatankuasa hendaklah seorang Juruukur Bahan atau pegawai teknikal. Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa. Semua maklumat berkenaan sesuatu tender hendaklah diklasifikasikan sebagai sulit dan tidak boleh disebarluaskan kepada mana-mana pihak yang

tidak terlibat dengan pengurusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat.

- b. Pada 25 Januari 2012, LADA telah melantik Perunding Jati dengan bayaran berjumlah RM63,756 untuk menyediakan pelan reka bentuk dan *bill of quantity*; menyediakan dokumen tender dan kontrak; menyelia kerja di tapak dan menyediakan perakuan akaun muktamad. Semakan Audit mendapati laporan penilaian tender bagi Projek Penambahbaikan Kemudahan Di Telaga Tujuh, Langkawi yang bernilai RM1.58 juta tidak disediakan oleh Panel Penilaian Tender LADA. Dokumen tender disemak dan dianalisis oleh perunding bagi menilai kemampuan teknikal dan kewangan petender. Selain itu, laporan penilaian tender yang disediakan oleh perunding tidak ditandatangani oleh Panel Penilaian Tender LADA. Laporan tersebut telah dikemukakan kepada Bahagian Teknikal LADA untuk penilaian dan mengemukakan syor syarikat untuk pertimbangan Panel Penilaian Tender LADA. Bagaimanapun, nama petender yang sepatutnya dirahsiakan telah dinyatakan dalam laporan penilaian tender semasa dikemukakan kepada Bahagian Teknikal LADA untuk penilaian.

**Pada pendapat Audit, proses penilaian tender adalah kurang memuaskan kerana penilaian telah dilaksanakan oleh perunding dan ini menjelaskan integriti proses penilaian tender.**

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.**

*LADA memaklumkan akan memastikan perkara ini tidak berulang dan penilaian tender dilaksanakan oleh Panel yang dilantik dan diurus secara lebih telus. Selain itu, LADA memaklumkan mulai bulan November 2013, pelaksanaan prosedur penilaian tender telah ditambah baik di mana Panel Penilaian Tender telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada 4 November 2013 dan 13 Februari 2014.*

#### **8.4.2.2 Kerosakan Water Proofing Di Bumbung Bangunan Belum Dibaiki**

- a. Pada tahun 2011, salah satu perolehan kerja melalui tender yang dirancang dan dilaksanakan oleh LADA adalah pendawaian semula elektrik di Dataran Lang, Langkawi. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor Bagan Electrical & Construction Sdn. Berhad yang mengambil masa selama 12 bulan bermula pada 7 Julai 2011 sehingga 6 Julai 2012 dengan kos berjumlah RM2.31 juta. Projek telah disiapkan dan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 9 Julai 2012.
- b. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak mendapati kerosakan water proofing di bumbung Bangunan Anjung, Dataran Lang telah kerap kali

dibangkitkan oleh kontraktor sejak bulan Oktober 2011 supaya tindakan segera diambil oleh LADA. Ini adalah kerana kerosakan tersebut telah menyebabkan air meresap ke dalam struktur bangunan dan mengganggu kerja pendawaian semula elektrik. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 2 Oktober 2013 mendapati kerosakan *water proofing* di bumbung Bangunan Anjung masih belum dibaiki dan telah menyebabkan lampu dan soket yang dipasang oleh kontraktor terkena air hujan dan tidak dapat digunakan seperti gambar berikut:

**GAMBAR 8.1**  
Kesan Resapan Air Pada Soket



Lokasi: Dataran Lang, Langkawi  
Tarikh: 2 Oktober 2013

**GAMBAR 8.2**  
Kesan Resapan Air Pada Lampu Dinding



Lokasi: Dataran Lang, Langkawi  
Tarikh: 2 Oktober 2013

Pada pendapat Audit, tindakan pemberian kerosakan *water proofing* di bumbung bangunan adalah kurang memuaskan kerana lewat dilakukan sebelum pendawaian semula elektrik. Ini menyebabkan kerosakan soket dan lampu serta membahayakan pengguna.

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari dan 5 Mac 2014.**

*LADA memaklumkan masalah kebocoran di Bangunan Anjung, Dataran Lang dikenal pasti pada tahun 2011 yang berpunca daripada kerosakan water proofing yang menyebabkan air meresap ke dalam struktur bangunan. Sehubungan itu, peruntukan telah dipohon melalui Anggaran Belanjawan tahun 2012/2013 (One off) untuk membaik pulih water proofing di Bangunan Anjung. Bagaimanapun, tiada peruntukan diluluskan pada tahun 2012.*

*LADA telah mengemukakan semula permohonan bajet kepada Kementerian Kewangan pada 15 Jun 2013. Sejumlah RM3.17 juta diluluskan pada 3 Julai 2013 bagi menaik taraf Dataran Lang yang merangkumi kerja water proofing, penggantian jubin dan landskap. Sehingga kini, kerja tersebut masih dalam peringkat siasatan awal oleh Jabatan Kerja Raya.*

#### **8.4.2.3 Bayaran Interim Tidak Selaras Dengan Kemajuan Fizikal Projek**

- a. LADA telah melantik kontraktor Syauqi Enterprise untuk melaksanakan Projek Penambahbaikan Kemudahan Di Telaga Tujuh, Langkawi bernilai RM1.58 juta. Projek ini bermula pada 21 Februari 2013 sehingga 5 September 2013 dengan tempoh selama 28 minggu. Antara skop kerja adalah menaik taraf bilik kecemasan, bilik stor, wakaf, tandas, bilik persalinan dan surau. Mengikut perjanjian antara LADA dan kontraktor, LADA hendaklah menjelaskan bayaran interim serta-merta atau dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pengesahan bayaran interim.
- b. Semakan Audit terhadap Projek Penambahbaikan Kemudahan Di Telaga Tujuh, Langkawi mendapat kemajuan fizikal projek telah mencapai sebanyak 97% pada 9 September 2013. Bagaimanapun, jumlah bayaran hanya mencapai sebanyak 57% atau RM731,400 sehingga bulan September 2013. Semakan lanjut mendapat perbezaan tersebut disebabkan LADA mengambil masa antara 43 hingga 65 hari untuk mengesahkan tuntutan interim sebelum pembayaran dibuat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.4  
TEMPOH PENGESAHAN DAN PEMBAYARAN INTERIM**

PERKARA	JUMLAH DITUNTUT (RM)	TARIKH			TEMPOH PENGESAHAN (Hari)
		PENILAIAN PERUNDING (A)	ARAHAN BAYARAN BAHAGIAN TEKNIKAL (B)	BAUCAR BAYARAN	
Interim No. 1	424,500	14.04.2013	30.05.2013	19.06.2013	46
Interim No. 2	306,900	27.05.2013	09.07.2013	16.07.2013	43
Interim No. 3	260,400	22.07.2013	25.09.2013	01.10.2013	65

*Sumber: Fail Projek dan Baucar Bayaran*

**Pada pendapat Audit, pengesahan bayaran interim projek adalah kurang memuaskan kerana mengambil masa antara 43 hingga 65 hari. Ini menyebabkan peratusan pembayaran kemajuan tidak selaras dengan kemajuan fizikal.**

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari dan 8 Mei 2014.**

**LADA memaklumkan punca kelewatan adalah kerana pihak perunding mengambil masa melebihi tiga minggu untuk mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap kepada LADA selepas tarikh penilaian di tapak dan Bahagian Teknikal mengambil masa untuk mengesahkan tuntutan dan mengeluarkan Arahan Bayaran kepada Bahagian Kewangan. LADA akan**

*memastikan pemantauan terhadap tempoh pengesahan tuntutan bayaran dipertingkatkan dan tuntutan dibayar dalam tempoh 28 hari daripada tarikh penilaian. Sehingga 7 Mei 2014, bayaran interim berjumlah RM1.19 juta telah dibayar. Baki nilai kontrak masih belum dituntut oleh kontraktor kerana perunding dalam tindakan menyediakan perakuan muktamad. Bayaran dijangka selesai pada bulan Jun 2014 iaitu semasa penutupan akaun.*

#### 8.4.2.4 Kelewatan Menandatangani Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati 3 kontrak telah ditandatangani melebihi 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.5  
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK**

PROJEK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DITANDATANGANI	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TARIKH SEPATUTNYA KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Pendawaian Semula Elektrik	27.06.2011	18.12.2011	27.10.2011	53
Penambahbaikan Kemudahan Telaga Tujuh	21.02.2013	08.08.2013	21.06.2013	49
Mereka bentuk Dan Membina Bilik Server	20.03.2013	16.10.2013	20.07.2013	89

*Sumber: Fail Projek*

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah kurang memuaskan kerana kontrak lewat ditandatangani. Ini menyebabkan kepentingan LADA tidak dapat dilindungi dan LADA tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

**Maklum balas daripada LADA diterima pada 20 Februari 2014.**

*LADA memaklumkan dokumen kontrak diuruskan oleh perunding yang dilantik bagi projek Pendawaian Semula Elektrik dan Penambahbaikan Kemudahan Telaga Tujuh. LADA akan meningkatkan pemantauan terhadap tempoh menyempurnakan perjanjian/kontrak.*

### **8.4.3 Perolehan Rundingan Terus**

8.4.3.1 Antara rundingan terus yang dilaksanakan oleh LADA adalah Projek Penambahbaikan Dan Menaik Taraf Dewan Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC). LADA telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 12 Disember 2012 bagi pelantikan Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Berhad sebagai Perunding Pengurusan Projek secara rundingan terus. Projek ini mengambil masa selama 13 minggu bermula pada 9 Disember 2012 sehingga 10 Mac 2013 dengan kos berjumlah RM25 juta. Antara skop kerja penambahbaikan dan menaik taraf MIEC adalah menaik taraf *banquet hall*, *prefunction room*, *viewing gallery*, bilik seminar, bilik VIP, surau, tandas, membina lif, kerja mekanikal dan elektrik serta landskap.


8.4.3.2 Semakan Audit mendapati Projek Penambahbaikan Dan Menaik Taraf Dewan MIEC telah siap dalam tempoh yang ditetapkan dan diserah kepada LADA pada 10 Mac 2013. Hasil kerja menaik taraf Dewan MIEC adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 8.3**  
*Viewing Gallery*




Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh : 13 Disember 2012

**GAMBAR 8.4**  
*Viewing Gallery*



Lokasi: Dewan MIEC  
Tarikh: 19 September 2013

**GAMBAR 8.5**  
*Pintu Utama*




Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 13 Disember 2012

**GAMBAR 8.6**  
*Pintu Utama*



Lokasi: Dewan MIEC  
Tarikh: 19 September 2013

**GAMBAR 8.7**  
Lobi Utama



Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 13 Disember 2012

**GAMBAR 8.8**  
Lobi Utama




Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 7 Mac 2013

**GAMBAR 8.9**  
Koridor



Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 13 Disember 2012

**GAMBAR 8.10**  
Koridor



Lokasi: Dewan MIEC  
Tarikh: 19 September 2013

**GAMBAR 8.11**  
Bilik Seminar



Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 13 Disember 2012

**GAMBAR 8.12**  
Bilik Seminar



Lokasi: Dewan MIEC  
Sumber: LADA  
Tarikh: 7 Mac 2013

**Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Penambahbaikan Dan Menaik Taraf Dewan MIEC adalah memuaskan kerana kerja menaik taraf telah siap dalam tempoh yang ditetapkan.**

## **8.5 SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pihak Audit mengesyorkan LADA merancang pengurusan perolehan bagi memastikan perolehan dibuat dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Pemantauan terhadap kerja perlu dijalankan untuk memastikan kualiti kerja adalah baik dan semua permohonan lanjutan masa dikemukakan mengikut tempoh dan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, LADA hendaklah mengambil tindakan pembetulan seperti berikut:

8.5.1 LADA hendaklah mengkaji semula proses penilaian tender dan memastikan Jawatankuasa Penilaian Tender menjalankan tanggungjawabnya. Sekiranya LADA tidak mempunyai kepakaran dalaman, kepakaran Jabatan Teknikal lain boleh dimohon. Selain itu, LADA perlu memastikan perjanjian disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan LADA dilindungi.

8.5.2 LADA perlu mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan *water proofing* di bumbung Bangunan Anjung kerana ia menjelaskan imej Dataran Lang, Langkawi yang merupakan destinasi pelancongan.

8.5.3 LADA hendaklah mengkaji semula proses perakuan kerja bayaran interim supaya pengesahan pembayaran interim kepada kontraktor dan bayaran dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

### 9. PENGURUSAN PROJEK PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN

#### 9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dahulunya dikenali sebagai Hospital Universiti ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 melalui kuasa yang diberikan oleh Seksyen 29 dan 30 Perlembagaan Universiti Malaya. Hospital ini telah ditukar nama kepada PPUM pada 25 Mei 2000. PPUM merupakan sebuah pusat pendidikan yang melatih graduan perubatan ijazah lanjutan, program diploma dan ijazah sokongan perubatan yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

9.1.2 Visi PPUM adalah untuk diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan perubatan bertaraf antarabangsa dan pusat maklumat pesakit yang terulung di Malaysia. Misi PPUM adalah untuk menjadi sebuah pusat perubatan perdana yang terkenal dengan menawarkan program perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan penyelidikan yang cemerlang dan berprihatin.

9.1.3 Sejajar dengan visi dan misi PPUM untuk diiktiraf sebagai pusat perubatan yang menawarkan perkhidmatan terbaik, beberapa projek pengubahsuaian bangunan di PPUM dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti wad perubatan, mengoptimumkan penggunaan ruang sedia ada, memberi keselesaan kepada pengguna dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif. Jabatan Kejuruteraan adalah jabatan yang bertanggungjawab terhadap kerja pengubahsuaian dan sebanyak 35 projek pengubahsuaian telah dilaksanakan dari tahun 2011 sehingga 2013 melibatkan kos sejumlah RM31.37 juta seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.1  
BILANGAN DAN KOS PROJEK PENGUBAHSUAIAN  
DARI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

TAHUN	PENGUBAHSUAIAN (Bilangan)	KOS (RM Juta)
2011	9	5.65
2012	16	16.44
2013	10	9.28
JUMLAH	35	31.37

Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

## **9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pengubahsuaian bangunan di PPUM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

## **9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pengubahsuaian bangunan dari tahun 2011 sehingga 2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, perjanjian, rekod kewangan dan dokumen lain yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal telah dibuat terhadap 8 projek pengubahsuaian bersama pegawai Bahagian Teknikal Jabatan Audit Negara. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai PPUM yang berkaitan.

## **9.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2013 sehingga Februari 2014 mendapati pengurusan projek pengubahsuaian bangunan PPUM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan projek pengubahsuaian bangunan seperti berikut:

- i. Sejumlah RM318,463 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan tangga laluan kecemasan dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain bagi tujuan meluruskan sebahagian *ramp*. Bagaimanapun, pengubahsuaian *ramp* tersebut dihentikan disebabkan perancangan yang kurang teliti.
- ii. Kelewatan menyiapkan projek pengubahsuaian bangunan antara sebulan hingga 8 bulan daripada tarikh dalam perjanjian. Permohonan dan kelulusan lanjutan masa tidak teratur kerana kontraktor mengemukakan permohonan selepas tarikh siap projek dan kelulusan hanya diberi selepas projek mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja.
- iii. Kerja pengubahsuaian yang kurang teliti telah menyebabkan kecacatan pengubahsuaian dan kerja kemasan bangunan kurang memuaskan.
- iv. Sehingga bulan Februari 2014, *As Built Drawing* bagi 4 projek pengubahsuaian bangunan tidak dikemukakan oleh kontraktor walaupun projek tersebut telah siap pada tahun 2012 dan 2013.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **9.4.1 Prestasi Projek Pengubahsuaian**

9.4.1.1 Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab terhadap penyediaan rancangan pengubahsuaian bangunan di PPUM. Cadangan projek pengubahsuaian akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan yang dipengerusikan oleh Pengarah PPUM dan dibawa kepada mesyuarat Lembaga Pengurus untuk mendapatkan kelulusan peruntukan. Pengubahsuaian kemudahan perubatan yang dibuat mengambil kira perangkaan pesakit luar PPUM yang bertambah setiap tahun.

9.4.1.2 Semakan Audit terhadap 8 projek pengubahsuaian mendapati 7 projek telah siap sepenuhnya manakala satu lagi projek masih dalam pembinaan iaitu projek pengubahsuaian Bangunan Materniti Lama kepada Kompleks Psikiatrik Perubatan. Sehingga bulan Februari 2014, status 8 projek pengubahsuaian adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.2  
STATUS PROJEK PENGUBAHSUAIAN SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2014**

BIL.	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	STATUS PROJEK
1.	Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	1,773,937	Awam: Mercu Barakah Sdn. Berhad	29.05.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan Oleh PPUM Bagi Semua Paket Pada 30.05.2013.</li> </ul>
		471,450	Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Perakuan Siap Kerja Bagi 5 paket (kecuali paket awam) belum dikeluarkan walaupun kerja telah selesai pada 18.02.2014.</li> </ul>
		1,160,000	Mekanikal (Pendingin Udara): JIR Engineering		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan Audit pada 18.02.2014 mendapati kerja pengubahsuaian telah siap 99%.</li> </ul>
		497,996	Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad		
		156,807	Mekanikal (Pencegah Kebakaran): TA Cool System Sdn. Berhad		
		257,950	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad		
2.	Ubahsuai Wad 3TE, Menara Timur Kepada Pusat Pembedahan Harian, Klinik Anestetik dan Pusat Perawatan Kesakitan	240,000	Awam: Narom Enterprise	26.09.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 01.11.2012.</li> </ul>
		119,279	Elektrik: Klug Energy Sdn. Berhad	21.09.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 21.09.2012.</li> </ul>
		129,112	Elektronik: Klug Energy Sdn. Berhad	13.11.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 14.11.2012.</li> </ul>

BIL.	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	STATUS PROJEK
3.	Ubahsuai Klinik Pediatric Lama Kepada Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama	284,530	Awam: SNZ Jitu Enterprise	09.09.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 18.10.2012.</li> </ul>
		145,000	Mekanikal (Pendingin Udara): RAE Services	09.09.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 12.10.2012.</li> </ul>
4.	Meruntuh Dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan	527,670	Tekad Nusantara Sdn. Berhad	25.03.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 26.11.2013.</li> </ul>
5.	Ubahsuai Kemudahan Klinik Surgeri Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama	1,030,000	Awam: Madharni Enterprise	21.01.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 27.03.2013.</li> </ul>
		110,650	Elektrik: Mercu Efektif Enterprise	21.10.2012	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 21.01.2013.</li> </ul>
		104,000	Elektronik: Mercu Efektif Enterprise	21.01.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 21.01.2013.</li> </ul>
		375,000	Mekanikal (Pendingin Udara): TBA ARC Engineering		
		61,200	Mekanikal (Pencegah Kebakaran): H.I. Engineering		
6.	Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda	438,800	Nur Delima Sdn. Berhad	27.03.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 12.05.2013.</li> </ul>
7.	Ubahsuai Perabot Pasang Bina Dan Memasang Pintu Jenis Automatik Di Unit Endoskopi, Menara Selatan	77,112	DFT Group Sdn. Berhad	27.06.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 27.06.2013.</li> </ul>
8.	Ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi, Tingkat 1, Menara Utama	293,277	SN Technology	08.10.2013	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Pada 28.11.2013.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

9.4.1.3 Semakan lanjut mendapati peruntukan bagi 4 projek pengubahsuaian menggunakan peruntukan PPUM, 2 projek menggunakan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan 2 projek menggunakan peruntukan mengurus di bawah vot penyenggaraan. Secara keseluruhan sejumlah RM9.70 juta telah diperuntukkan untuk 8 projek pengubahsuaian tersebut dan kos sebenar yang dibelanjakan adalah berjumlah RM8.24 juta setakat bulan Februari 2014. Kos setiap projek juga tidak melebihi amaun yang diperuntukkan.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan PPUM terhadap 8 projek pengubahsuaian bangunan adalah baik kerana perbelanjaan tidak melebihi batas peruntukan yang diluluskan.**

#### 9.4.2 Kerja Pengubahsuaian *Ramp* Tidak Diteruskan

9.4.2.1 Pembinaan bangunan Menara Selatan adalah projek di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 dengan kos berjumlah RM176.40 juta. Pembinaan bangunan Menara Selatan bertujuan meningkatkan kapasiti kemudahan perubatan bagi pelbagai perkhidmatan perubatan dan dilengkapi peralatan perubatan teknologi terkini. Struktur *ramp* adalah sebahagian bangunan Menara Selatan yang dibina sebagai tanjakan menurun dari tingkat parkir bangunan Menara Selatan. Kronologi pengubahsuaian *ramp* adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.3  
KRONOLOGI PENGUBAHSUAIAN RAMP**

TARIKH	KRONOLOGI
Tahun 2010	Struktur <i>ramp</i> telah siap dibina mengikut lukisan asal projek bangunan Menara Selatan. <b>Rujuk Rajah 9.1 dan Gambar 9.1.</b>
Januari 2012	PPUM membuat keputusan <i>ramp</i> perlu diluruskan dan diubahsuai dari reka bentuk asal supaya <i>ramp</i> tersebut bersambung dengan lorong jalan raya yang baru dibina.
3 Mac 2012	Jabatan Kejuruteraan membentangkan reka bentuk <i>ramp</i> baru yang melibatkan kerja meruntuhkan sebahagian <i>ramp</i> dan membina semula <i>ramp</i> dengan meluruskannya kepada Jawatankuasa Pembangunan. <b>Rujuk Rajah 9.2.</b>
14 Jun 2012	Bermula proses tender bagi Cadangan Meruntuhkan Sebahagian <i>Ramp</i> Dan Membina Semula <i>Ramp</i> Dengan Meluruskannya.
26 Julai 2012	Kontraktor yang berjaya memperoleh tender adalah Syarikat Tekad Nusantara Sdn. Berhad dengan nilai kontrak sejumlah RM953,800 bagi tempoh 6 bulan iaitu dari 25 September 2012 sehingga 25 Mac 2013.
31 Ogos 2012	Bangunan Menara Selatan telah mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja dan telah digunakan sepenuhnya.
25 September 2012	Kontraktor telah memulakan kerja pengubahsuaian dengan meruntuhkan tangga laluan kecemasan bangunan Materniti Lama dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain. Peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sejumlah RM318,463. <b>Rujuk Gambar 9.2 dan 9.3.</b>
18 Januari 2013	Jawatankuasa Pembangunan memutuskan kerja pengubahsuaian <i>ramp</i> dihentikan.


Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

9.4.2.2 Struktur *ramp* yang merupakan sebahagian bangunan Menara Selatan telah siap dibina mengikut lukisan asal pada tahun 2010. Bagaimanapun, pada bulan Januari 2012, PPUM memutuskan *ramp* tersebut diruntuhkan dan dibina semula dengan meluruskannya. Skop tender kerja pengubahsuaian *ramp* adalah seperti berikut:

- i. meruntuhkan tangga laluan kecemasan bangunan Materniti Lama (kini telah diubahsuai kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik) dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain bagi memenuhi keperluan bomba;
- ii. pelebaran jalan raya bagi melancarkan trafik; dan
- iii. meruntuh dan meluruskan sebahagian struktur *ramp*.

9.4.2.3 Lawatan Audit pada bulan Februari 2014 mendapati kontraktor telah melaksanakan kerja pengubahsuaian *ramp* dengan meruntuhkan tangga laluan kecemasan bangunan Materniti Lama dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain dengan kos sejumlah RM 318,463. Bagaimanapun, kerja meruntuh dan membina semula sebahagian struktur *ramp* dengan meluruskannya tidak dilaksanakan seperti skop dalam perjanjian. Semakan Audit mendapati kerja pengubahsuaian *ramp* dihentikan kerana PPUM bercadang untuk membina bangunan parkir 10 tingkat di lokasi tersebut.

**RAJAH 9.1**  
**Lukisan Asal Struktur Ramp**



Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM


**GAMBAR 9.1**  
**Struktur Ramp Yang Dibina Sebagai Tanjakan Menurun Dari**  
**Tingkat Parkir Bangunan Menara Selatan**



Lokasi: Bangunan Menara Selatan  
 Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Bangunan Menara Selatan  
 Tarikh: 18 Februari 2014

**RAJAH 9.2**  
**Cadangan Meruntuh Dan Membina Semula Sebahagian**  
**Struktur Ramp Dengan Meluruskannya**



Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

**GAMBAR 9.2**  
Tangga Laluan Kecemasan Kompleks  
Perubatan Psikiatrik Sebelum Diruntuhkan



Sumber: Rekod Jabatan Kejuruteraan PPUM  
Lokasi : Tangga Laluan Kecemasan Kompleks  
Perubatan Psikiatrik  
Tarikh : 22 Oktober 2012

**GAMBAR 9.3**  
Tangga Laluan Kecemasan  
Yang Dibina Semula



Lokasi: Tangga Laluan Kecemasan Kompleks  
Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 18 Februari 2014

Pada pendapat Audit, kerja pengubahsuaian *ramp* adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai tujuan asal untuk meluruskan *ramp* supaya bersambung dengan lorong jalan raya yang baru dibina. Keputusan PPUM menghentikan pengubahsuaian *ramp* setelah kontraktor melaksanakan kerja juga menunjukkan perancangan yang kurang teliti. Ini mengakibatkan sejumlah RM318,463 telah dibelanjakan untuk meruntuhkan tangga laluan kecemasan dan membina semula tangga tersebut di lokasi lain namun kerja pengubahsuaian *ramp* tidak diteruskan.

#### Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.

*PPUM memaklumkan kerja pengubahsuaian ramp perlu dihentikan dan dikekalkan reka bentuk sedia ada kerana mengambil kira cadangan pembinaan bangunan parkir bertingkat seperti dalam Pelan Induk PPUM Sehingga Tahun 2025. Pelan Induk ini mula disediakan oleh perunding pada bulan November 2012 iaitu semasa tempoh pengubahsuaian ramp. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pembinaan bangunan parkir bertingkat pada 7 Mac 2014 dengan kos sejumlah RM34.7 juta. Kerja meruntuhkan tangga kecemasan Bangunan Materniti Lama dan membina semula tangga tersebut yang bernilai RM318,463 telah diteruskan selaras dengan cadangan pelebaran jalan raya seperti dalam Pelan Induk PPUM. Kerja tersebut juga diteruskan kerana lebih ekonomik dan praktikal dilaksanakan semasa bangunan Materniti Lama sedang diubahsuai.*

### 9.4.3 Kelewatan Menyiapkan Projek Pengubahsuaian Bangunan

9.4.3.1 Mengikut perjanjian, kontraktor yang dilantik hendaklah menyiapkan projek pengubahsuaian bangunan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Berdasarkan klausula 39 perjanjian, kontraktor hendaklah memohon secara bertulis lanjutan masa sekiranya kerja pengubahsuaian bangunan tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang diberi. Permohonan lanjutan masa hendaklah dikemukakan kepada PPUM sebelum tarikh siap projek dengan disertakan justifikasi yang kukuh supaya PPUM dapat menilai tempoh lanjutan masa yang layak.

9.4.3.2 Semakan Audit mendapati 5 daripada 8 projek pengubahsuaian bangunan telah lewat disiapkan antara sebulan hingga 8 bulan. Kontraktor gagal menyiapkan kerja pengubahsuaian bangunan walaupun projek tersebut bertempoh singkat dan tempoh yang diambil bagi menyiapkan projek telah melebihi tempoh masa yang ditetapkan dalam perjanjian seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.4  
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN**

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH PROJEK	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN	CATATAN
Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Awam: Mercu Barakah Sdn. Berhad	6 Bulan	29.05.2013	24.02.2014	*8 Bulan 20 Hari	Ganti Rugi Yang Ditentukan Dan Ditetapkan (LAD) Sementara Telah Dikenakan Melalui Bayaran Interim.
	Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad	6 Bulan		24.01.2014	4 Bulan 25 Hari	Permohonan lanjutan masa telah diluluskan selepas teguran Audit.
	Mekanikal (Pendingin Udara): JIR Engineering	6 Bulan		21.12.2013	*6 Bulan 22 Hari	
	Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad	6 Bulan		17.02.2014	5 Bulan 18 Hari	
	Mekanikal (Pencegah Kebakaran): TA Cool System Sdn. Berhad	6 Bulan		21.11.2013	5 Bulan 22 Hari	LAD sementara telah dikenakan terhadap kontraktor pakej elektrik dan sistem ELV.
	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	6 Bulan		20.08.2013	2 Bulan 21 Hari	
Meruntuh Dan Membina Semula Sebahagian Struktur <i>Ramp</i> Bagi Bangunan Menara Selatan	Tekad Nusantara Sdn. Berhad	6 Bulan	25.03.2013	26.11.2013	*8 Bulan	LAD Telah Dikenakan
Ubahsuai Kemudahan Klinik Surgeri Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan,	Elektrik: Mercu Efektif Enterprise	1 Bulan	21.10.2012	21.01.2013	*3 Bulan	Permohonan lanjutan masa telah diluluskan selepas teguran Audit.

PROJEK	KONTRAKTOR	TEMPOH PROJEK	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN	CATATAN
Di Tingkat Satu, Menara Utama						
Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda	Nur Delima Sdn. Berhad	2 Bulan 2 Minggu	27.03.2013	12.05.2013	1 Bulan 15 Hari	LAD Telah Dikenakan
Ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi, Tingkat 1, Menara Utama	SN Technology	3 Bulan	08.10.2013	28.11.2013	1 Bulan 20 Hari	LAD Telah Dikenakan

Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

\*Nota: Tempoh Yang Diambil Bagi Menyiapkan Projek Telah Melebihi Tempoh Masa Mengikut Perjanjian.

9.4.3.3 Semakan lanjut mendapati PPUM masih belum meluluskan permohonan lanjutan masa oleh kontraktor, kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa dan lanjutan masa diluluskan selepas projek mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

#### JADUAL 9.5 PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN MASA TIDAK TERATUR

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	TARIKH PERMOHONAN LANJUTAN MASA	KELEWATAN PERMOHONAN LANJUTAN MASA (Hari)	TARIKH KELULUSAN	CATATAN
Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik	Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad	29.05.2013	20.05.2013	-	-	Sehingga 21.02.2014, kelulusan lanjutan masa belum diperoleh.
	Mekanikal (Pendingin Udara): JIR Engineering	29.05.2013	20.05.2013	-	-	
	Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad	29.05.2013	27.05.2013	-	-	
	Mekanikal (Pencegah Kebakaran): TA Cool System Sdn. Berhad	29.05.2013	21.05.2013	-	-	
	Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad	29.05.2013	17.05.2013	-	-	
Ubahsuai Klinik Pediatric Lama Kepada Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama	Mekanikal (Pendingin Udara): RAE Services	09.09.2012	09.10.2012	30	09.10.2012	-
	Awam: SNZ Jitu Enterprise	09.09.2012	24.09.2012	15	15.10.2012	-

PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP DI DALAM PERJANJIAN	TARIKH PERMOHONAN LANJUTAN MASA	KELEWATAN PERMOHONAN LANJUTAN MASA (Hari)	TARIKH KELULUSAN	CATATAN
Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda	Nur Delima Sdn. Berhad	27.03.2013	25.03.2013	-	23.07.2013	Lanjutan masa diluluskan selepas projek ini mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja pada 12.05.2013.

Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

Pada pendapat Audit, projek pengubahsuaian bangunan adalah kurang memuaskan kerana kontraktor lewat menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan walaupun projek tersebut bertempoh singkat dan permohonan serta kelulusan lanjutan masa tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

#### Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.

*PPUM memaklumkan projek ubahsuai bangunan Materniti Lama kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik mengalami kelewat kerana pelaksanaan projek tersebut melibatkan 6 kontrak kerja berasingan. Prestasi kontraktor pakej awam yang lewat menyiapkan kerja pengubahsuaian telah menjelaskan kerja kontraktor yang lain. Maklum balas PPUM bagi 4 projek lain yang lewat adalah seperti berikut:*

PROJEK	KONTRAKTOR	SEBAB LEWAT
<i>Meruntuh Dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan</i>	<i>Tekad Nusantara Sdn. Berhad</i>	<i>Kontraktor lewat menyiapkan kerja pengubahsuaian. LAD telah dikenakan.</i>
<i>Ubahsuai Kemudahan Klinik Surgeri Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan, Di Tingkat Satu, Menara Utama</i>	<i>Elektrik: Mercu Efektif Enterprise</i>	<i>Kelewat kerja disebabkan terdapat kerja tambahan mengikut keperluan pengguna dan tempoh siap projek perlu dilanjutkan.</i>
<i>Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda</i>	<i>Nur Delima Sdn. Berhad</i>	<i>Kelewat kerja disebabkan terdapat bongkah konkrit di tapak binaan.</i>
<i>Ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi, Tingkat 1, Menara Utama</i>	<i>SN Technology</i>	<i>Kelewat kerja disebabkan berlaku kondensasi di kawasan bilik nitrogen.</i>

**PPUM memaklumkan perkara yang menyebabkan permohonan lanjutan masa oleh kontraktor lewat diluluskan, kontraktor lewat mengemukakan permohonan lanjutan masa dan lanjutan masa diluluskan selepas projek mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja adalah disebabkan PPUM perlu melihat kesempurnaan dan keselamatan bangunan secara menyeluruh sebelum memperakukan tarikh siap sebenar di dalam Sijil Perakuan Siap Kerja. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:**

PROJEK	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS PPUM
<b>Ubahsuai Bangunan Materniti Lama Kepada Kompleks Perubatan Psikiatrik</b>	<b>Elektrik: Kartika Juara (M) Sdn. Berhad</b>	<b>Pemberian lanjutan masa tidak dapat dinilai kerana penyiapan kerja elektrik bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. PPUM telah meluluskan lanjutan masa selama 93 hari kepada kontraktor pada 24.02.2014.</b>
	<b>Mekanikal (Pendingin Udara): JIR Engineering</b>	<b>Pemberian lanjutan masa tidak dapat dinilai kerana penyiapan kerja mekanikal (pendingin udara) bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. PPUM telah meluluskan lanjutan masa selama 206 hari kepada kontraktor pada 24.02.2014.</b>
	<b>Sistem ELV: I Core Sdn. Berhad</b>	<b>Pemberian lanjutan masa tidak dapat dinilai kerana penyiapan kerja elektrik bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. PPUM telah meluluskan lanjutan masa selama 93 hari kepada kontraktor pada 24.02.2014.</b>
	<b>Mekanikal (Pencegah Kebakaran): TA Cool System Sdn. Berhad</b>	<b>Pemberian lanjutan masa tidak dapat dinilai kerana penyiapan kerja mekanikal (pencegah kebakaran) bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. Lanjutan masa layak diberi selama 176 hari kepada kontraktor pada 24.02.2014.</b>
	<b>Mekanikal (Gas Perubatan): Gas Altimate Services Sdn. Berhad</b>	<b>Pemberian lanjutan masa tidak dapat dinilai kerana penyiapan kerja mekanikal (gas perubatan) bergantung kepada kerja awam yang mengalami kelewatan. Lanjutan masa layak diberi selama 83 hari kepada kontraktor pada 24.02.2014.</b>
<b>Ubahsuai Klinik Pediatric Lama Kepada Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama</b>	<b>Mekanikal (Pendingin Udara): RAE Services</b>	<b>Kontraktor lewat mengemukakan lanjutan masa kerana sukar menjangkakan tempoh lanjutan yang diperlukan. Pemberian tapak kepada kontraktor perlu dilaksanakan secara berperingkat disebabkan klinik perlu beroperasi seperti biasa. Semakan kualiti udara juga perlu dijalankan untuk pemilikan tapak.</b>
	<b>Awam: SNZ Jitu Enterprise</b>	
<b>Ubahsuai Sebahagian Ruang Kompleks</b>	<b>Nur Delima Sdn. Berhad</b>	<b>Kelulusan lanjutan masa lewat berikut permohonan yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap. Kontraktor telah</b>

<b>PROJEK</b>	<b>KONTRAKTOR</b>	<b>MAKLUM BALAS PPUM</b>
<i>Pendidikan Sains Kejururawatan Kepada Klinik Kesihatan Kakitangan PPUM, Klinik Kesihatan Pelajar UM Dan Laluan Kerusi Roda</i>		<i>mengemukakan semula permohonan lanjutan masa pada 19 Julai 2013. Lanjutan masa selama 14 hari (28.03.2013 – 10.04.2013) layak diberi kerana terdapat bongkah konkrit di tapak pembinaan.</i>

#### **9.4.4 Kecacatan Pengubahsuaian Bangunan**

9.4.4.1 Perjanjian menetapkan dalam tempoh tanggungan kecacatan, sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan ataupun kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati perjanjian akan dibaiki oleh kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, PPUM berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan menolak kos yang dibelanjakan dari bon pelaksanaan kontraktor. Pemeriksaan fizikal terhadap 8 projek pengubahsuaian telah dijalankan pada 18 Februari 2014 mendapati ada kecacatan pengubahsuaian perlu dibaiki oleh kontraktor sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan seperti gambar berikut:


**GAMBAR 9.4**  
**Paip Air Tidak Ditanam Dan Longkang/Lurang Mempunyai Pasir Dan Sisa Binaan**



Lokasi: Longkang Perimeter  
Kompleks Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Longkang Perimeter  
Kompleks Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 28 April 2014


**GAMBAR 9.5**  
**Ketinggian Susur Tangan Kurang Dari 900mm**



Lokasi: Tangga Kompleks Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Tangga Kompleks Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 9.6**  
**Penyokong Trunking Elektrik Telah Tertanggal Menyebabkan Trunking Bengkok**



Lokasi: Atas Siling - Aras 3,Kompleks  
Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Atas Siling - Aras 3,Kompleks  
Perubatan Psikiatrik  
Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 9.7**  
**Tiada Penandaan Arah Anak Panah Inlet/Outlet Pada Paip Air  
Dan Menyukarkan Kerja Penyenggaraan**



Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
Tarikh: 28 April 2014


**GAMBAR 9.8**  
**Tiada Penandaan Arah Anak Panah Inlet/Outlet Pada Paip Air**  
**Dan Menyukarkan Kerja Penyenggaraan**



Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
 Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
 Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 9.9**  
**Warning/ Overflow Pipe Tidak Disediakan Menyukarkan Penyenggaraan**



Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
 Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Aras Tangki Air, Menara Selatan  
 Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 9.10**  
**Lukisan Litar Skematic Tidak Dilekatkan Dibahagian Dalam Pintu Papan Agihan**  
**Dan Tiada Pemasangan Kabel Bumi Ke Pintu Papan Agihan**



Lokasi: Bilik Suis, Klinik Anestetik  
 Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Bilik Suis, Klinik Anestetik  
 Tarikh: 28 April 2014

**GAMBAR 9.11**  
**Copper Bridge Tidak Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking**  
**Bagi Tujuan Keselamatan**



Lokasi: Aras 2, Bilik Suis, Kompleks Perubatan Psikiatrik  
 Tarikh: 18 Februari 2014

Lokasi: Aras 2, Bilik Suis, Kompleks Perubatan Psikiatrik  
 Tarikh: 28 April 2014

Pada pendapat Audit, kerja pengubahsuaian adalah kurang memuaskan kerana berlaku kecacatan dan kerja kemasan bangunan yang kurang berkualiti. Ini menyebabkan PPUM akan menanggung kos penyenggaraan dan pembaikan sekiranya kerosakan atau kecacatan pengubahsuaian tidak dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan.

#### Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.

*PPUM memaklumkan semua kecacatan bangunan telah diambil tindakan pembaikan.*

#### 9.4.5 *As Built Drawing* Tidak Dikemukakan Oleh Kontraktor

9.4.5.1 *As built drawing* merupakan dokumen penting yang mengandungi lukisan lengkap dan sebenar bagi memudahkan kerja penyenggaraan dilaksanakan. *As built drawing* memberi maklumat awal sekiranya terdapat aduan kerosakan. Kos setiap *as built drawing* yang dinyatakan di senarai kuantiti dalam perjanjian adalah RM1,500. Semakan Audit mendapati kontraktor masih tidak mengemukakan *as built drawing* bagi 4 projek pengubahsuaian walaupun projek tersebut telah siap pada tahun 2012 dan 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.6**  
**AS BUILT DRAWING YANG BELUM DIKEMUKAKAN**  
**OLEH KONTRAKTOR**

NAMA PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SEBENAR PROJEK SIAP
Ubahsuai Wad 3TE, Menara Timur Kepada Pusat Pembedahan Harian, Klinik Anestetik dan Pusat Perawatan Kesakitan	Awam: Narom Enterprise	01.11.2012
Ubahsuai Klinik Pediatric Lama Kepada	Awam: SNZ Jitu	18.10.2012

NAMA PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SEBENAR PROJEK SIAP
Klinik Oftalmologi Dan Klinik Otorinolaringologi, Tingkat Bawah, Menara Utama	Enterprise	
Meruntuh Dan Membina Semula Sebahagian Struktur Ramp Bagi Bangunan Menara Selatan	Tekad Nusantara Sdn Bhd	26.11.2013
Ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi, Tingkat 1, Menara Utama	SN Technology	28.11.2013

Sumber: Jabatan Kejuruteraan PPUM

Pada pendapat Audit, *as built drawing* yang tidak dikemukakan oleh kontraktor akan menyukarkan kerja penyenggaraan.

#### Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.

*PPUM memaklumkan as built drawing bagi 3 projek pengubahsuaian telah diterima kecuali bagi projek ubahsuai Klinik Rawatan Luka Lama Kepada Jabatan Perubatan Transfusi. Bagaimanapun, PPUM telah menghantar surat tuntutan penyerahan as built drawing kepada kontraktor.*

**As Built Drawing bagi 3 projek pengubahsuaian telah diterima antara 22 Februari 2014 hingga 22 April 2014 selepas teguran Audit.**

#### 9.4.6 Pemantauan

9.4.6.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan PPUM mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk menyelesaiannya. PPUM telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan melantik Jurutera J41 bagi setiap projek pengubahsuaian bangunan.

9.4.6.2 Semakan Audit mendapati Jurutera J41 telah menyediakan laporan pemantauan dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan yang dipengerusikan oleh Pengarah PPUM. Selain itu, pemantauan melalui mesyuarat tapak, laporan kemajuan bulanan dan lawatan fizikal ada dibuat semasa projek dalam pelaksanaan. Bagaimanapun, mekanisme pemantauan yang dilaksanakan oleh PPUM kurang berkesan kerana projek pengubahsuaian bangunan bertempoh singkat lewat disiapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh PPUM adalah kurang berkesan kerana masih berlakunya kelewatan bagi projek pengubahsuaian bangunan, prosedur permohonan dan kelulusan lanjutan masa tidak dipatuhi dan *as built drawing* tidak dikemukakan.

**Maklum Balas Daripada PPUM Diterima Pada 28 April 2014.**

*PPUM memaklumkan telah mengguna pakai kontrak Nominated Sub-Contractor dan Pakej yang didapati lebih efektif dan teratur untuk memantau prestasi kontraktor. Bahagian Pembangunan telah distruktur semula dengan mengkhususkan pegawai terhadap aktiviti pembangunan dan pengubahsuaian serta menugaskan site supervisor bagi memastikan kerja kontraktor siap mengikut perjanjian. PPUM juga sedang membangunkan sistem pemantauan projek yang akan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2014.*

#### **9.5 SYOR AUDIT**

PPUM hendaklah memastikan setiap projek pengubahsuaian bangunan dilaksanakan selaras dengan perancangan yang ditetapkan oleh PPUM. Pemantauan terhadap projek-projek tersebut perlu dibuat dengan teliti supaya kualiti kerja adalah mengikut spesifikasi dan kemudahan dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.



## BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

**BAHAGIAN II**  
**PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

**10. PENDAHULUAN**

10.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50 peratus modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada 30 Oktober 2013 untuk menggantikan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 305 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan.

10.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosio ekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

10.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Sebanyak 3 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan pertama tahun 2014 di Parlimen. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diambil kira dalam Laporan ini.

## **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN**

### **11. PENGURUSAN FAMA CORPORATION SDN. BERHAD**

#### **11.1 LATAR BELAKANG**

11.1.1 FAMA Corporation Sdn. Berhad (FAMACorp) merupakan sebuah syarikat milik penuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu agensi di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA). FAMACorp ditubuhkan pada 15 Ogos 1994 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan sejumlah RM50 juta dan modal berbayar sejumlah RM16.88 juta. Penubuhan FAMACorp bertujuan memasarkan produk pertanian tempatan, membantu FAMA meningkatkan pendapatan para usahawan dan petani serta membantu FAMA menstabilkan harga pasaran produk pertanian. Selaras dengan objektif penubuhannya, FAMACorp mempunyai cawangan di Klang dan Pulau Pinang bagi memperkuuhkan aktiviti pemasaran serta pengedaran produk pertanian. FAMACorp juga memiliki 3 buah syarikat subsidiari iaitu FAMA Consortium (M) Sdn. Berhad yang masih aktif manakala FR Agro-Lanskap Sdn. Berhad dan KOP-FAMA Sdn. Berhad berstatus dorman.

11.1.2 FAMACorp mempunyai 4 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengurus FAMA, seorang wakil MOA, Ketua Pengarah FAMA dan pemangku Pengarah Urusan FAMACorp. Pengurusan FAMACorp diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh seorang Pengurus Kanan Operasi serta 43 kakitangan. FAMACorp mempunyai 4 unit perniagaan yang berfungsi seperti berikut:

**JADUAL 11.1  
FUNGSI UNIT PERNIAGAAN DI FAMACorp**

UNIT	PERANAN
Edaran	Menguruskan produk yang diproses keluaran FAMA dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di pasaran komersial seperti pasaraya dan kedai runcit.
Trading	Menguruskan jualan produk pertanian secara runcit di pasar borong dan Pusat Transformasi Luar Bandar serta membekalkan produk pertanian kepada agensi Kerajaan dan pasaran komersial seperti rangkaian restoran makanan segera dan francais.
Eksport	Menguruskan jualan produk pertanian dan produk yang diproses di pasaran antarabangsa.
Peruncitan	Menguruskan jualan runcit produk pertanian dan produk yang diproses keluaran FAMA dan IKS di gerai jualan yang diuruskan sendiri oleh FAMACorp.

*Sumber: Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia Syarikat*

## **11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2009 sehingga 2013. Semakan Audit dibuat terhadap dokumen, fail dan rekod berkaitan di FAMACorp dan FAMA. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab serta lawatan ke FAMACorp Cawangan Klang dan Pulau Pinang serta Kompleks Terminal Agribisnes Negara (TEMAN) Kota Bharu juga diadakan.

## **11.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2013 mendapati tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan FAMACorp adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai bagi tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan. FAMACorp turut mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM12.95 juta pada tahun 2013 iaitu 76.7% daripada modal berbayar syarikat. Pengurusan aktiviti FAMACorp juga kurang memuaskan dan terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian untuk tujuan penambahbaikan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. *Improper payment:*
  - Bayaran komisen berjumlah RM85,176 dibayar kepada agen pemasaran tanpa dokumen sokongan.
  - Tuntutan berjumlah RM56,202 dibayar tanpa dokumen sokongan lengkap dan kelulusan sewajarnya.
- ii. Pemasaran produk yang diproses keluaran FAMA oleh FAMACorp mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.02 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan kos jualan yang tinggi.
- iii. Kontrak pembekalan produk pertanian kepada syarikat KFC (Peninsular Malaysia) Sdn. Berhad mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM0.71 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan harga belian daripada pembekal berubah mengikut harga pasaran dan kadar pulangan jualan yang tinggi oleh syarikat KFC (Peninsular Malaysia) Sdn. Berhad.
- iv. Gerai jualan di TEMAN Kota Bharu mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM65,368 setakat bulan Disember 2013 disebabkan jualan

secara borong yang kurang menggalakkan berbanding jualan secara runcit di gerai lain yang berhampiran.

- v. Pusat Menggred dan Pengesahan Koko FAMA mengalami kerosakan dan tidak disenggara ketika diserahkan secara rasmi kepada FAMACorp pada bulan Julai 2011 menyebabkan kemudahan di kompleks tersebut tidak dapat diguna secara optimum atau disewakan. Ini merupakan satu kehilangan hasil kepada FAMACorp.
- vi. Tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan:
  - Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali setahun bagi tahun 2011 sehingga 2013.
  - Bajet tahunan bagi tahun 2011 sehingga 2013 tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan perbelanjaan bagi tahun tersebut masing-masing berjumlah RM8.99 juta, RM9.13 juta dan RM9.23 juta telah dilaksanakan.
  - Skop pengauditan terhadap FAMACorp tidak dibuat secara menyeluruh oleh Bahagian Audit Dalam FAMA.
  - Prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan tidak disediakan.
- vii. Pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan:
  - Pengurusan kutipan hutang adalah kurang memuaskan. Baki penghutang setakat bulan Oktober 2013 mengikut laporan pengumuran adalah berjumlah RM14.66 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM14.47 juta atau 98.7% merupakan hutang melebihi 60 hari yang belum dikutip.
  - Perolehan kenderaan bernilai RM93,665 dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil untuk mengelakkan prosedur pembayaran mengikut had kuasa menandatangani cek.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **11.4.1 Prestasi Kewangan**


Analisis trend dan nisbah dibuat berdasarkan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2009 sehingga 2013. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan FAMACorp bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.2**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KERUGIAN SELEPAS CUKAI**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**


BUTIRAN	TAHUN				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan Operasi	7,912,979	10,164,369	7,976,693	8,038,666	6,537,417
Lain-lain Pendapatan	691,322	823,304	548,335	570,413	785,711
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>8,604,301</b>	<b>10,987,673</b>	<b>8,525,028</b>	<b>8,609,079</b>	<b>7,323,128</b>
Kos Jualan	(7,044,019)	(9,031,868)	(6,575,213)	(6,761,169)	(5,300,998)
Belanja Operasi	(342,965)	(391,279)	(366,656)	(381,035)	(342,960)
Belanja Pentadbiran	(1,549,557)	(2,540,943)	(2,031,489)	(1,928,540)	(3,532,780)
Belanja Kewangan	(2,816)	(22,288)	(22,601)	(59,170)	(57,323)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(8,939,357)</b>	<b>(11,986,378)</b>	<b>(8,995,959)</b>	<b>(9,129,914)</b>	<b>(9,234,061)</b>
<b>Kerugian Sebelum Cukai</b>	<b>335,056</b>	<b>998,705</b>	<b>470,931</b>	<b>520,835</b>	<b>1,910,933</b>
Cukai	(48,546)	47,419	-	-	-
Zakat	-	-	-	-	-
<b>Kerugian Selepas Cukai</b>	<b>383,602</b>	<b>951,286</b>	<b>470,931</b>	<b>520,835</b>	<b>1,910,933</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>9,094,186</b>	<b>10,045,472</b>	<b>10,516,403</b>	<b>11,037,238</b>	<b>12,948,171</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 11.1**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**



**CARTA 11.2**  
**KERUGIAN SELEPAS CUKAI**  
**DAN KERUGIAN TERKUMPUL**  
**BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

#### 11.4.1.1 Analisis Trend

Pendapatan FAMACorp diperoleh daripada jualan produk pertanian dan industri asas tani tempatan, produk makanan yang diproses, dividen serta lain-lain pendapatan. FAMACorp mencatatkan kerugian selepas cukai pada tahun 2009

sehingga 2013 disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan. FAMACorp turut mencatatkan peningkatan dalam kerugian terkumpul pada tahun 2013 iaitu sejumlah RM12.95 juta berbanding RM9.09 juta pada tahun 2009.

#### **11.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan**

Analisis terhadap penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan FAMACorp yang meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.3  
ANALISIS NISBAH KEWANGAN**

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	2.72:1	2.02:1	2.11:1	2.01:1	1.79:1
Margin Untung Bersih (%)	(4.5)	(8.7)	(5.5)	(6.1)	(26.1)
Pulangan Atas Aset (%)	(3.2)	(7.6)	(4.2)	(4.8)	(24.5)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	(4.9)	(13.9)	(7.4)	(8.9)	(48.6)

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai keairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa FAMACorp menunjukkan penurunan daripada 2.72 kali pada 2009 kepada 1.79 kali pada 2013.

##### **b. Margin Untung Bersih**

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh. Analisis Audit mendapati kerugian selepas cukai yang dialami oleh FAMACorp bagi 5 tahun berturut-turut dari tahun 2009 sehingga 2013 menyebabkan Margin Untung Bersih negatif.

##### **c. Pulangan Atas Aset**

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada

penggunaan aset. Analisis Audit mendapati Pulangan Atas Aset FAMACorp adalah negatif dari tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kerugian selepas cukai yang dicatatkan pada tahun tersebut.

#### **d. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan menguruskan modal FAMACorp adalah negatif bagi tahun 2009 sehingga 2013 disebabkan kerugian selepas cukai yang dialami pada tahun tersebut.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan FAMACorp adalah tidak memuaskan kerana mencatatkan kerugian selepas cukai yang berterusan dari tahun 2009 sehingga 2013. FAMACorp turut mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM12.95 juta setakat bulan Disember 2013 iaitu 76.7% daripada modal berbayar syarikat. FAMACorp perlu mengkaji semula model perniagaannya dan merangka strategi bagi meningkatkan keuntungan.**

#### **11.4.2 Pengurusan Aktiviti**

FAMACorp berfungsi sebagai badan pemasaran bagi pihak FAMA untuk memasarkan produk pertanian dan industri asas tani tempatan serta produk makanan yang diproses untuk pasaran tempatan dan luar negara. FAMACorp juga berperanan mengimport bahan makanan bagi tujuan menstabilkan harga makanan dalam negara.

##### **11.4.2.1 Prestasi Kewangan Cawangan Dan Gerai Jualan**

- a. FAMACorp membekalkan produk keluaran FAMA serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada pelbagai pasaraya. FAMACorp mempunyai cawangan di Klang dan Pulau Pinang serta membuka 5 gerai jualan di Selayang, Seremban Utara, Seremban Selatan, Ayer Keroh dan Kota Bharu. Prestasi kewangan cawangan dan gerai jualan FAMACorp bagi tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.4**  
**KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH CAWANGAN DAN GERAI JUALAN FAMACorp**  
**BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

BUTIRAN	CAWANGAN KLANG (RM)	CAWANGAN PULAU PINANG (RM)	PASAR BORONG SELAYANG (RM)	LAZARIA SEREMBAN UTARA (RM)	LAZARIA SEREMBAN SELATAN (RM)	AGROBAZAR AYER KEROH (RM)	TEMAN KOTA BHARU (RM)
<b>2011</b>							
Pendapatan	925,190	928,930	143,251	803,638	827,795	910,797	18,479
Perbelanjaan	(929,101)	(901,659)	(133,772)	(700,170)	(728,640)	(918,515)	(39,438)
<b>UNTUNG/(RUGI) BERSIH</b>	<b>(3,911)</b>	<b>27,271</b>	<b>9,479</b>	<b>103,468</b>	<b>99,155</b>	<b>(7,718)</b>	<b>(20,959)</b>
<b>2012</b>							
Pendapatan	628,904	1,169,436	403,471	1,022,462	1,010,562	1,053,247	85,416
Perbelanjaan	(825,181)	(1,145,934)	(400,034)	(900,292)	(899,840)	(937,690)	(112,046)
<b>UNTUNG/(RUGI) BERSIH</b>	<b>(196,277)</b>	<b>23,502</b>	<b>3,437</b>	<b>122,170</b>	<b>110,722</b>	<b>115,557</b>	<b>(26,630)</b>
<b>2013</b>							
Pendapatan	576,570	704,006	477,437	1,065,977	1,090,099	1,059,653	68,507
Perbelanjaan	(1,084,692)	(719,295)	(552,824)	(975,733)	(998,991)	(933,861)	(86,286)
<b>UNTUNG/(RUGI) BERSIH</b>	<b>(508,122)</b>	<b>(15,289)</b>	<b>(75,387)</b>	<b>90,244</b>	<b>91,108</b>	<b>125,792</b>	<b>(17,779)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan Audit mendapati operasi perniagaan di Lazaria Seremban Utara dan Seremban Selatan menunjukkan prestasi yang baik dengan mencatatkan keuntungan bersih bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, FAMACorp Cawangan Klang dan gerai jualan di TEMAN Kota Bharu mencatatkan kerugian bersih bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2011 disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan.

**Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan cawangan dan gerai jualan adalah memuaskan disebabkan hanya cawangan Klang dan gerai jualan di TEMAN Kota Bharu yang mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut berbanding cawangan dan gerai jualan lain.**

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

**FAMACorp memaklumkan akan menyediakan Pelan Urusniaga 5 Tahun 2015-2019 sebelum 31 Disember 2014 dengan mengambil kira aktiviti perniagaan sedia ada dan baru yang boleh meningkatkan pendapatan syarikat.**

#### **11.4.2.2 Kos Jualan Tinggi Bagi Pemasaran Produk Proses FAMA**

- a. Selaras dengan objektif penubuhannya untuk memasarkan produk yang diproses keluaran FAMA, FAMACorp perlu memperoleh produk daripada FAMA pada kos belian yang ditetapkan oleh FAMA dan menjual produk tersebut kepada pembeli dengan margin keuntungan yang kecil. Produk

yang diproses dan dipasarkan di bawah jenama Agromas antaranya cip ubi kayu, minuman berperisa, kuah rojak, kicap dan sos cili. Produk ini diedarkan oleh FAMACorp ke pelbagai pasar raya dan gerai jualan milik FAMACorp. Semakan Audit mendapati FAMACorp mengalami kerugian bersih berjumlah RM1.10 juta bagi tahun 2011 sehingga 2013 dan kerugian terkumpul berjumlah RM5.02 juta setakat bulan Disember 2013 dalam memasarkan produk keluaran FAMA. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.5  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KERUGIAN BERSIH  
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

BUTIRAN	TAHUN		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan Operasi	1,093,633	1,450,280	897,517
<b>Perbelanjaan</b>			
Kos Jualan	(973,230)	(1,196,144)	(726,849)
Belanja Operasi	(500,177)	(468,101)	(679,802)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(1,473,407)</b>	<b>(1,664,245)</b>	<b>(1,406,651)</b>
<b>Kerugian Bersih</b>	<b>379,774</b>	<b>213,965</b>	<b>509,134</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>4,301,115</b>	<b>4,515,080</b>	<b>5,024,214</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- b. Semakan Audit mendapati kerugian bersih disebabkan pendapatan operasi tidak dapat menampung kos jualan yang tinggi. Ini disebabkan FAMA dan FAMACorp terikat dengan tanggungjawab sosial dalam membantu usahawan IKS yang tidak mempunyai *economies of scale* memasarkan produk di pasaran. Analisis Audit mendapati kos jualan pada tahun 2011 meliputi 89% daripada jumlah pendapatan. Bagaimanapun, peratusan tersebut menurun kepada 82.5% pada tahun 2012 dan 81% pada tahun 2013.

**Pada pendapat Audit, prestasi pemasaran produk yang diproses keluaran FAMA kurang memuaskan kerana FAMACorp mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM5.02 juta setakat bulan Disember 2013 disebabkan aktiviti pengedaran memberi margin keuntungan yang kecil.**

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

**FAMACorp memaklumkan aktiviti pengedaran produk Agromas yang memberi margin keuntungan yang kecil telah diserahkan semula kepada FAMA secara berperingkat bermula bulan Julai 2013. FAMACorp hanya akan memasarkan produk IKS yang mempunyai *economies of scale* manakala produk lain akan diuruskan oleh FAMA.**

### 11.4.2.3 Kadar Pulangan Jualan Tinggi

- a. FAMACorp mengikat kontrak pembekalan produk pertanian dengan syarikat KFC (Peninsular Malaysia) Sdn. Berhad (KFC) bernilai RM1.45 juta bagi tempoh bulan September 2010 sehingga Disember 2013. Pembekalan produk pertanian ini diuruskan oleh FAMACorp Cawangan Klang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.6**  
**BUTIRAN PEMBEKALAN PRODUK PERTANIAN KEPADA**  
**SYARIKAT KFC (PENINSULAR MALAYSIA) SDN. BERHAD**

BIL.	TEMPOH KONTRAK	ITEM	KUANTITI (KG)	HARGA PER KG (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	24.09.2010 sehingga 23.09.2011	Bawang Kuning	157,400	1.55	243,970	
		Kubis Indonesia	75,000	1.35	101,250	
		Tembikai Susu	55,000	1.70	93,500	
		Halia	3,600	4.00	14,400	
		Daun Pandan	3,300	2.50	8,250	
<b>JUMLAH KECIL</b>					<b>461,370</b>	
2.	24.09.2011 sehingga 23.09.2012	Kubis Bulat China	350,000	1.50	525,000	
		Lemon	56,000	0.75	42,000	
<b>JUMLAH KECIL</b>					<b>567,000</b>	
3.	01.01.2013 sehingga 31.12.2013	Lobak Merah	180,000	1.70	306,000	
		Bawang Kuning	72,000	1.65	118,800	
<b>JUMLAH KECIL</b>					<b>424,800</b>	
<b>JUMLAH BESAR</b>					<b>1,453,170</b>	

Sumber: Surat Tawaran Kontrak

- b. FAMACorp akan mendapatkan bekalan produk pertanian daripada pembekal tempatan dan luar negara apabila mendapat permintaan daripada syarikat KFC. Pemilihan pembekal oleh FAMACorp adalah berdasarkan kepada tawaran harga dan tempoh masa bekalan. Semakan Audit mendapati FAMACorp Cawangan Klang mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.71 juta bagi tahun 2011 sehingga 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.7**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KERUGIAN BERSIH**  
**BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

BUTIRAN	TAHUN		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	925,190	628,904	576,570
Perbelanjaan			
Kos Jualan	(588,463)	(467,813)	(349,455)

BUTIRAN	TAHUN		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Belanja Operasi	(340,638)	(357,368)	(735,237)
Jumlah Perbelanjaan	(929,101)	(825,181)	(1,084,692)
KERUGIAN BERSIH	3,911	196,277	508,122

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- c. Analisis Audit mendapati kerugian yang dialami oleh FAMACorp Cawangan Klang disebabkan harga belian daripada pembekal berubah mengikut harga pasaran walaupun harga jualan kepada syarikat KFC adalah tetap. Selain itu, kadar pulangan jualan tinggi oleh syarikat KFC bagi produk kubis bulat China, kubis Indonesia dan tembikai susu iaitu antara 20.7% hingga 30.1% daripada jumlah jualan bagi tahun 2011 sehingga 2013. Pulangan jualan disebabkan kualiti produk yang dibekalkan tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh syarikat KFC. Butiran lanjut pulangan jualan oleh syarikat KFC adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.8**  
**PULANGAN JUALAN BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013**

BIL.	ITEM	2011		2012		2013	
		JUALAN (RM)	PULANGAN JUALAN (RM)	JUALAN (RM)	PULANGAN JUALAN (RM)	JUALAN (RM)	PULANGAN JUALAN (RM)
1.	Kubis Bulat China	93,687	19,353	394,893	116,917	-	-
2.	Kubis Indonesia	57,136	17,215	-	-	-	-
3.	Tembikai Susu	27,217	5,893	-	-	-	-
4.	Lemon	13,878	1,055	72,944	3,583	-	-
5.	Halia	6,178	159	-	-	-	-
6.	Daun Pandan	1,701	-	-	-	-	-
7.	Tembikai	30,039	-	-	-	-	-
8.	Bawang Kuning	164,948	11,972	-	-	97,275	6,259
9.	Lobak Merah	-	-	-	-	253,515	4,888
<b>JUMLAH</b>		<b>394,784</b>	<b>55,647</b>	<b>467,837</b>	<b>120,500</b>	<b>350,790</b>	<b>11,147</b>

Sumber: Kad Stok Syarikat

- d. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian disediakan antara FAMACorp dan pembekal produk pertanian untuk memastikan pembekal membekalkan produk yang berkualiti dan menepati kehendak syarikat KFC. Ini menyebabkan FAMACorp menanggung keseluruhan kos pulangan jualan oleh syarikat KFC kerana produk pertanian tersebut tidak boleh dikembalikan kepada pembekal.

Pada pendapat Audit, pengurusan penerimaan bekalan produk pertanian daripada pembekal tempatan dan luar negara adalah kurang memuaskan sehingga menyebabkan kadar pulangan jualan yang tinggi dan kerugian berjumlah RM0.71 juta. Selain itu, kepentingan FAMACorp tidak dilindungi kerana tiada perjanjian dengan pembekal produk.

#### **Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 14 Mac 2014.**

*FAMACorp memaklumkan tiada sebarang perjanjian disediakan antara FAMACorp dan pembekal produk pertanian memandangkan harga pasaran yang sentiasa mengalami perubahan. Walaupun mengalami kerugian, ia berjaya memberi imej baik kepada FAMACorp kerana berupaya membekalkan produk pertanian yang memenuhi piawaian tinggi oleh syarikat KFC.*

#### **11.4.2.4 Kerugian Gerai Jualan Di TEMAN Kota Bharu**

- TEMAN Kota Bharu adalah sebuah kompleks milik FAMA yang bertujuan membangun dan mentransformasikan prasarana pemasaran produk pertanian serta makanan. Ia merupakan pasar borong moden yang menawarkan kepelbagaiannya produk pertanian dan makanan. FAMACorp menyewa satu lot kedai di kompleks berkenaan mulai bulan Julai 2011 dengan kadar sewaan RM1,000 sebulan untuk menjual pelbagai produk pertanian antaranya bawang, kentang, lada kering dan kacang tanah. FAMACorp turut menjual produk makanan yang diproses antaranya bijun, air mineral dan garam.
- Semakan Audit mendapati operasi FAMACorp di TEMAN Kota Bharu mengalami kerugian berjumlah RM65,368 bagi tempoh bulan Julai 2011 sehingga bulan Disember 2013. Kerugian bersih berlaku disebabkan kos jualan yang tinggi berbanding pendapatan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.9  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KERUGIAN BERSIH  
BAGI BULAN JULAI 2011 SEHINGGA DISEMBER 2013**

BUTIRAN	TAHUN		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	18,479	85,416	68,507
Perbelanjaan			
Kos Jualan	(17,861)	(79,874)	(66,386)
Belanja Operasi	(21,577)	(32,172)	(19,900)
Jumlah Perbelanjaan	(39,438)	(112,046)	(86,286)
Kerugian Bersih	<b>20,959</b>	<b>26,630</b>	<b>17,779</b>
Kerugian Terkumpul	<b>20,959</b>	<b>47,589</b>	<b>65,368</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

- c. Semakan lanjut mendapati bayaran sewaan tertunggak berjumlah RM23,000 bagi tempoh bulan Februari 2012 sehingga Disember 2013 dan tiada perjanjian sewaan ditandatangani antara FAMACorp dan FAMA.
- d. Lawatan Audit ke TEMAN Kota Bharu pada 11 September 2013 mendapati kuantiti produk yang dijual adalah kecil berbanding ruang gerai yang disewa dengan keluasan 20 kaki x 40 kaki. Gerai jualan FAMACorp juga terletak berhadapan dengan lot gerai peniaga runcit yang lebih mendapat tumpuan pembeli. Keadaan gerai jualan tersebut adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 11.1**  
**Kuantiti Produk Jualan Yang Kecil**  
**Berbanding Ruang Yang Disewa**



Lokasi: TEMAN Kota Bharu  
 Tarikh: 11 September 2013

**GAMBAR 11.2**  
**Lot Gerai Peniaga Runcit**



Lokasi: TEMAN Kota Bharu  
 Tarikh: 11 September 2013

Pada pendapat Audit, prestasi gerai jualan di TEMAN Kota Bharu kurang memuaskan kerana mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM65,368 setakat bulan Disember 2013. Selain itu, lokasi gerai jualan FAMACorp tidak strategik kerana perlu bersaing dengan peniaga runcit yang lebih mendapat tumpuan pembeli.

#### **Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

*FAMACorp memaklumkan gerai jualan tersebut telah diserahkan kepada FAMA pada 15 April 2014 bagi mengelakkan kerugian yang berterusan.*

#### **11.4.2.5 Kelemahan Dalam Proses Pelantikan Agen Pemasaran**

- a. FAMACorp ditawarkan kontrak oleh syarikat UiTM Hospitality Management Services Sdn. Berhad bagi membekal dan mengedar Air Mineral Semulajadi dengan slogan *UiTM Di Hatiku* kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta kampus milik UiTM seluruh Malaysia melalui surat tawaran bertarikh 26 Mac 2012. Kontrak bernilai RM0.54 juta tersebut adalah bagi membekalkan

minimum 1,500 kotak sebulan pada harga RM15 sekotak untuk tempoh 2 tahun bermula 16 April 2012 sehingga 15 April 2014.

- b. Pada 26 Mac 2012, FAMACorp melantik syarikat KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran untuk memasarkan pelbagai produk FAMA termasuk air mineral kepada UiTM serta kampusnya bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Februari 2012 sehingga 31 Januari 2015. KBA Maju Resources akan dibayar komisen RM0.10 bagi setiap botol air mineral 500ml yang dijual kepada UiTM.
- c. Semakan Audit mendapati FAMACorp telah membekalkan kepada UiTM sebanyak 38,673 kotak air mineral bagi tempoh bulan April 2012 sehingga Januari 2014 dengan nilai berjumlah RM0.58 juta. Pembekalan dan pengedaran air mineral ke seluruh kampus UiTM dibuat oleh FAMACorp. Semakan lanjut mendapati FAMACorp telah membayar komisen jualan air mineral berjumlah RM85,176 kepada KBA Maju Resources bagi tempoh bulan Julai 2012 sehingga Februari 2014 walaupun tidak memainkan peranannya dalam membekalkan air mineral kepada UiTM dan kampus miliknya. Pembayaran ini adalah ***improper payment*** kerana dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.10**  
**BAYARAN KOMISEN KEPADA KBA MAJU RESOURCES**  
**BAGI BULAN JULAI 2012 SEHINGGA FEBRUARI 2014**

BIL.	TARIKH	JUMLAH BOTOL (Bil.)	JUMLAH KOMISEN (RM)
1.	10.07.2012	24,960	2,496
2.	26.07.2012	84,048	8,405
3.	07.09.2012	57,384	5,738
4.	31.10.2012	48,528	4,853
5.	03.12.2012	102,432	10,243
6.	07.01.2013	46,944	4,694
7.	05.02.2013	88,872	8,887
8.	22.03.2013	47,832	4,783
9.	02.05.2013	61,104	6,110
10.	30.05.2013	29,328	2,933
11.	04.07.2013	96,336	9,634
12.	02.09.2013	33,768	3,377
13.	17.10.2013	5,160	516
14.	05.12.2013	45,432	4,543
15.	04.01.2014	30,936	3,094
16.	10.02.2014	48,696	4,870
<b>JUMLAH</b>			<b>85,176</b>

Sumber: Baucar Bayaran Syarikat

- d. Selain itu, pihak Audit mendapati kelemahan dalam proses pelantikan KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran adalah seperti berikut:
- i. Pelantikan KBA Maju Resources berkuat kuasa pada 1 Februari 2012 sehingga 31 Januari 2015 tetapi surat pelantikan hanya dikeluarkan pada 26 Mac 2012.
  - ii. Surat pelantikan tidak menyatakan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh KBA Maju Resources seperti laporan pelaksanaan kerja bagi menuntut bayaran komisen. Bayaran yang dibuat adalah berdasarkan memo pengesahan daripada Unit Edaran FAMACorp.

**Pada pendapat Audit, pelantikan agen pemasaran kurang memuaskan kerana dibuat tanpa prosedur perolehan. KBA Maju Resources telah dibayar komisen sejumlah RM85,176 walaupun syarikat tidak melaksanakan peranannya sebagai agen pemasaran.**

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 18 Mac 2014.**

***FAMACorp memaklumkan telah menamatkan perkhidmatan syarikat KBA Maju Resources sebagai agen pemasaran berkuat kuasa 18 Mac 2014 selepas teguran Audit.***

**11.4.2.6 Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA Mengalami Kerosakan Dan Tidak Disenggara**

- a. Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA yang terletak di Klang merupakan kompleks yang dimiliki oleh FAMA dan dilengkapi dengan gudang, bilik sejuk dan ruang pejabat. Kompleks berkenaan telah digunakan oleh FAMA sejak tahun 1984 dan diserahkan secara rasmi kepada FAMACorp bagi tempoh 10 tahun bermula 1 Julai 2011 sehingga 30 Jun 2021.
- b. Kompleks berkenaan digunakan oleh FAMACorp Cawangan Klang yang menjalankan urusniaga pembekalan produk pertanian. Lawatan Audit ke kompleks berkenaan pada 31 Oktober 2013 mendapati 8 bilik sejuk telah rosak, 1 gudang besar tidak digunakan, pagar rosak dan tingkap pecah. Keadaan kompleks adalah seperti gambar berikut:

**GAMBAR 11.3**  
**Bilik Sejuk Rosak Dan Terbiar**



Lokasi: Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA,  
Klang  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**GAMBAR 11.4**  
**Pagar Yang Rosak Tidak Dibaiki**



Lokasi: Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA,  
Klang  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**GAMBAR 11.5**  
**Tingkap Yang Pecah Tidak Diganti**



Lokasi: Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA,  
Klang  
Tarikh: 31 Oktober 2013

**GAMBAR 11.6**  
**Kepingen Zink Tertanggal  
Dan Tidak Dibaiki**



Lokasi: Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA,  
Klang  
Tarikh: 31 Oktober 2013

- c. Semakan Audit mendapati FAMACorp telah memperoleh hasil sewaan gudang berjumlah RM0.37 juta bagi tahun 2011 sehingga bulan Januari 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit ke kompleks berkenaan pada 31 Oktober 2013 mendapati gudang berkenaan terbiar kosong dan tidak disewakan sejak bulan Februari 2013 kerana kemudahan kompleks tidak disenggara. Keadaan gudang adalah seperti gambar berikut:



**GAMBAR 11.7**

**Gudang Terbiar Dan Tidak Disewakan**

Lokasi: Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA,  
Klang

Tarikh: 31 Oktober 2013

- d. Semakan lanjut mendapati FAMACorp telah membelanjakan sejumlah RM45,259 untuk tujuan penyenggaraan kompleks bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan FAMACorp tidak menerima peruntukan penyenggaraan dan pembaikan daripada FAMA walaupun kompleks berkenaan mengalami banyak kerosakan sebelum penyerahan. Penyenggaraan dibuat oleh FAMACorp di pelbagai kawasan di kompleks berkenaan melibatkan pembaikan kecil seperti menukar alat ganti dan sebagainya. Bagaimanapun, penyenggaraan yang melibatkan kos yang besar seperti membaiki bilik sejuk tidak dibuat kerana FAMACorp tidak mempunyai peruntukan.

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan yang tidak berkala menyebabkan Pusat Menggred Dan Pengesahan Koko FAMA mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan secara optimum bagi menjana pendapatan tambahan kepada FAMACorp.**

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 14 Mac 2014.**

*FAMA memaklumkan akan menyediakan peruntukan bagi membaik pulih kerosakan dan menyenggara kemudahan di kompleks tersebut. Kompleks tersebut akan digunakan sebagai gudang penyimpanan bagi program Jimat Belanja Dapur dan pengedaran beras ST 15% di seluruh Agrobazar Kedai Rakyat.*

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan FAMACorp yang bertujuan memasarkan produk pertanian tempatan dan membantu FAMA meningkatkan pendapatan para usahawan belum lagi tercapai memandangkan pengurusan aktivitinya adalah kurang memuaskan. Prestasi kewangan terhadap aktiviti tersebut mengalami kerugian.

### **11.4.3 Tadbir Urus Korporat**

#### **11.4.3.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Hanya Diadakan Sekali Setahun**

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah penting untuk mengetahui perkembangan terkini syarikat serta memberi pandangan dan kelulusan terhadap perkara yang berkaitan bidang tugas Lembaga Pengarah. Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad menyatakan bahawa Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh.
- b. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2010. Bagaimanapun, **mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali setahun bagi tahun 2011 sehingga 2013**. Ini disebabkan kesukaran Setiausaha Syarikat mendapatkan korum yang mencukupi untuk mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah.

**Pada pendapat Audit, kegagalan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah dengan kerap adalah tidak mematuhi amalan terbaik yang ditetapkan dalam Buku Hijau *Enhancing Board Effectiveness*.**

#### **Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

**FAMACorp memaklumkan akan memastikan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan FAMA telah mengesyorkan mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp diadakan seminggu sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA.**

#### **11.4.3.2 Bajet Tahunan Tidak Diluluskan**

- a. Pihak pengurusan syarikat bertanggungjawab menyedia dan mengemukakan bajet tahunan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah dengan membentangkan sepenuhnya keperluan perbelanjaan serta menyatakan punca kewangan yang akan digunakan.
- b. Semakan Audit mendapati bajet tahunan FAMACorp bagi tahun 2011 dan 2012 tidak dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah manakala bajet tahunan bagi tahun 2013 ada disedia dan dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah FAMACorp. Bagaimanapun, pindaan kepada bajet tahunan tersebut dengan mengambil kira cadangan perniagaan baru yang dapat meningkatkan pendapatan syarikat tidak dibentang semula di mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, bajet tahunan yang tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah menyebabkan FAMACorp membuat perbelanjaan tanpa kelulusan bagi tahun 2011 sehingga 2013 iaitu masing-masing berjumlah RM8.99 juta, RM9.13 juta dan RM9.23 juta.

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

*FAMACorp memaklumkan akan membentangkan semula bajet tahun 2013 pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.*

#### **11.4.3.3 Pengauditan Tidak Menyeluruh Oleh Bahagian Audit Dalam FAMA**

Unit Audit Dalam ditubuhkan bertujuan membantu pihak pengurusan memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan di semua peringkat. Semakan Audit mendapati FAMACorp tidak menubuhkan Unit Audit Dalam, sebaliknya Bahagian Audit Dalam FAMA dipertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan di FAMACorp. Bagaimanapun, skop pengauditan terhadap FAMACorp tidak dibuat secara menyeluruh oleh Bahagian Audit Dalam FAMA terutama yang melibatkan pengurusan aktiviti perniagaan FAMACorp. Pengauditan yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam FAMA pada tahun 2009 sehingga 2012 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.11  
SKOP PENGAUDITAN OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM FAMA**

BIL.	TAHUN	SKOP PENGAUDITAN
1.	2009	Pemeriksaan Stok Akhir Tahun
2.	2010	Pematuhan Peraturan Kewangan
3.	2011	Pemeriksaan Stok Akhir Tahun
4.	2011	Pematuhan Peraturan Kewangan
5.	2012	Pengauditan Interim

*Sumber: Bahagian Audit Dalam FAMA*

Pada pendapat Audit, pengauditan yang menyeluruh dapat membantu pihak pengurusan untuk mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan syarikat dan tindakan pembetulan diambil dengan cepat.

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

*FAMA memaklumkan Bahagian Audit Dalam FAMA akan menjalankan pengauditan yang menyeluruh secara berkala terhadap FAMACorp. FAMACorp turut memaklumkan akan bekerjasama dengan Bahagian Audit Dalam FAMA untuk menjalankan pengauditan secara berkala dan menyeluruh di FAMACorp.*

#### **11.4.3.4 Prosedur Pengurusan Aset Dan Perolehan Tidak Disediakan**

- a. Sistem dan prosedur yang menyeluruh, lengkap dan jelas dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ini membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan segera dalam mencapai objektif penubuhan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati FAMACorp menggunakan pakai Peraturan Kewangan FAMA antaranya Prosedur Penerimaan, Pembayaran dan Pembelian. Bagaimanapun, FAMACorp tidak menyediakan prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan.

**Pada pendapat Audit, prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan adalah merupakan kawalan dalaman asas yang dapat memastikan pengurusan aset dan perolehan diuruskan dengan cekap dan teratur.**

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

***FAMACorp memaklumkan prosedur pengurusan aset dan prosedur perolehan akan disiapkan sebelum 31 Disember 2014 dengan menjadikan prosedur sedia ada di FAMA sebagai rujukan mengikut kesesuaian syarikat.***

Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat FAMACorp adalah kurang memuaskan daripada aspek kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan skop pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam FAMA.

#### **11.4.4 Pengurusan Kewangan**

##### **11.4.4.1 Kutipan Hutang Kurang Memuaskan**

- a. Polisi dan Manual Operasi Jualan FAMACorp menetapkan tempoh kredit yang dibenarkan adalah selama 60 hari. Semakan Audit mendapati penghutang FAMACorp sehingga bulan Oktober 2013 adalah berjumlah RM14.66 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.12**  
**JUMLAH PENGHUTANG MENGIKUT**  
**CAWANGAN/GERAI JUALAN**

BIL.	CAWANGAN/ GERAI JUALAN	PENGHUTANG (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	Wilayah Tengah	655	2,970,291
2.	Klang	125	1,574,950
3.	Ibu Pejabat (Selayang)	88	7,374,318
4.	Pulau Pinang	51	608,019
5.	Unit Eksport	27	1,650,364
6.	Pasar Borong Selayang	21	456,584
7.	TEMAN Ipoh	11	22,094
8.	TEMAN Kota Bharu	6	4,296
<b>JUMLAH</b>		<b>984</b>	<b>14,660,916</b>

*Sumber: Laporan Pengumuran Penghutang*

- b. Analisis Audit mendapati jumlah penghutang yang melebihi tempoh kredit 60 hari bernilai RM14.47 juta atau 98.7% daripada jumlah keseluruhan penghutang. Ini termasuk penghutang di FAMACorp Cawangan Pulau Pinang sejumlah RM0.18 juta yang merupakan penghutang pada tahun 2005 dan sebelumnya.
- c. Polisi FAMACorp menetapkan 3 surat peringatan perlu dikeluarkan kepada penghutang yang telah melebihi tempoh kredit 60 hari. Semakan Audit mendapati FAMACorp ada memantau kedudukan penghutang melalui laporan pengumuran penghutang yang disediakan dan surat peringatan telah dikeluarkan kepada penghutang yang gagal membuat bayaran. Bagaimanapun, tiada sebarang tindakan lanjut diambil oleh FAMACorp selepas surat peringatan dikeluarkan. Butiran lanjut bilangan penghutang yang melebihi 60 hari mengikut cawangan dan gerai jualan sehingga bulan Oktober 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.13**  
**JUMLAH PENGHUTANG YANG MELEBIHI 60 HARI**

BIL.	CAWANGAN/ GERAI JUALAN	PENGHUTANG (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	Wilayah Tengah	608	2,879,275
2.	Klang	125	1,574,950
3.	Ibu Pejabat (Selayang)	85	7,339,708
4.	Pulau Pinang	50	544,682
5.	Unit Eksport	27	1,650,364
6.	Pasar Borong Selayang	21	456,584
7.	TEMAN Ipoh	11	22,094
8.	TEMAN Kota Bharu	4	3,916
<b>JUMLAH</b>		<b>931</b>	<b>14,471,573</b>

*Sumber: Laporan Pengumuran Penghutang*

Pada pendapat Audit, kawalan kredit FAMACorp adalah lemah menyebabkan tunggakan hutang yang tinggi dan masalah aliran tunai syarikat.

#### **Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

*FAMACorp memaklumkan telah membuat analisa bagi mengenal pasti penghutang yang masih aktif dan penghutang yang tidak dapat dikutip. FAMACorp akan membuat peruntukan hutang rugu bagi tahun kewangan 2013.*

#### **11.4.4.2 Pengurusan Pembayaran Tidak Teratur**

- a. Mengikut peraturan kewangan, setiap pembayaran perlu disertakan baucar bayaran bersama dengan dokumen lengkap dan sempurna serta mendapat kelulusan yang sewajarnya. Semakan Audit mendapati peraturan kewangan tidak dipatuhi oleh FAMACorp seperti berikut:
  - i. Bayaran berjumlah RM34,357 dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap menyebabkan tujuan perbelanjaan tidak dapat ditentukan.
  - ii. Bayaran berjumlah RM21,845 dibuat tanpa mendapat kelulusan yang sewajarnya.

Bayaran tanpa dokumen sokongan lengkap dan kelulusan sewajarnya telah dibuat antara tahun 2010 sehingga bulan Oktober 2013 seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.14  
BAYARAN TIDAK MENGIKUT PERATURAN KEWANGAN**

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<b>Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan Lengkap</b>		
1.	Bayaran pendahuluan perjalanan ke luar negara.	15,000
2.	Perbelanjaan petrol.	10,888
3.	Pembelian buku.	4,852
4.	Pembayaran kepada Maybankard Centre.	3,617
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>34,357</b>
<b>Bayaran Tanpa Kelulusan</b>		
1.	Pembelian telefon bimbit, personal digital assistant dan komputer riba.	14,472
2.	Bayaran keraian.	4,425
3.	Bayaran bil telefon.	2,948
<b>JUMLAH KECIL</b>		<b>21,845</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>56,202</b>

Sumber: Baucar Bayaran Syarikat

- b. Sehingga tarikh pengauditan, sebanyak 5 baucar bayaran bagi tahun 2012 berjumlah RM21,241 tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit kerana hilang dalam simpanan FAMACorp. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.15  
BAUCAR BAYARAN YANG TIDAK DIKEMUKAKAN**

BIL.	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	PV12/00200	12.04.2012	2,938
2.	PV12/00250	15.05.2012	4,645
3.	PV12/00363	10.07.2012	3,938
4.	PV12/00621	07.11.2012	4,427
5.	PV12/00692	27.12.2012	5,293
JUMLAH			21,241

Sumber: Unit Kewangan Syarikat

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

**FAMACorp memaklumkan perbelanjaan tersebut akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah pada akhir bulan April 2014 untuk diperakukan.**

**11.4.4.3 Perolehan Kenderaan Dibuat Tanpa Kelulusan**

- a. Pada tahun 1995, Lembaga Pengarah telah meluluskan ketetapan bahawa perolehan harta tetap melebihi RM20,000 hendaklah diperuntukkan dalam bajet tahunan dan perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah. Kuasa menandatangani cek pula menetapkan cek yang melebihi RM20,000 perlu ditandatangani oleh 2 ahli Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati FAMACorp telah membuat perolehan secara pembelian terus bagi kenderaan Proton Inspira 2.0L CVT berharga RM93,665 pada 28 Mac 2013. Pembelian tersebut tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil melalui 5 keping cek yang ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Urusan dan Pengurus Kanan Operasi seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.16  
BUTIRAN CEK BAGI PEROLEHAN KENDERAAN**

BIL.	NOMBOR CEK	TARIKH	JUMLAH (RM)
1.	654400	28.03.2013	20,000
2.	669601	28.03.2013	20,000
3.	669602	28.03.2013	20,000
4.	669603	28.03.2013	20,000
5.	669604	28.03.2013	13,665
JUMLAH			93,665

Sumber: Unit Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, pembelian kereta Proton Inspira tidak dibuat dengan teratur kerana tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pembayaran dibuat secara pecah kecil untuk mengelakkan prosedur pembayaran mengikut had kuasa menandatangani cek.

**Maklum Balas Daripada FAMACorp Pada 17 April 2014.**

*FAMACorp memaklumkan pembayaran dibuat secara pecah kecil kerana kesukaran mendapatkan tandatangan ahli Lembaga Pengarah. Kuasa menandatangani cek akan dikemaskini mengikut kesesuaian bagi melancarkan perjalanan operasi syarikat. Lembaga Pengarah telah meluluskan pembelian kenderaan tersebut melalui Resolusi Pekeliling Lembaga Pengarah pada 12 Mac 2014.*

## 11.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan FAMACorp dan FAMA memberi pertimbangan kepada perkara seperti berikut:

11.5.1 FAMACorp hendaklah merangka strategi untuk meningkatkan pendapatan dan keuntungan bagi mengurangkan kerugian terkumpul syarikat. Pengurusan aktiviti perlu dikaji semula untuk menambahbaik aktivitinya atau menamatkan aktiviti yang tidak berdaya saing untuk meningkatkan prestasi kewangan syarikat.

11.5.2 FAMACorp hendaklah mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah dengan seberapa kerap yang boleh bagi memastikan operasi syarikat diurus dengan baik dan memastikan semua ahli Lembaga Pengarah memainkan peranan yang aktif dalam mesyuarat yang diadakan.

11.5.3 FAMA hendaklah memastikan pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam FAMA terhadap FAMACorp dijalankan secara menyeluruh bagi mempertingkatkan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan dan prestasi aktiviti syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## MAJLIS AMANAH RAKYAT

### 12. PENGURUSAN KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BERHAD

#### 12.1 LATAR BELAKANG

12.1.1 Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Berhad (KPTM) ditubuhkan pada 12 Mei 2003 di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). Modal dibenarkan KPTM berjumlah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM32 juta. KPTM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Aktiviti utama syarikat adalah mengurus dan menjalankan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf. KPTM sebelum ini dikenali sebagai Kolej Yayasan Pelajaran MARA yang telah beroperasi di 9 kampus cawangan iaitu di Kuala Lumpur, Bangi, Kuantan, Batu Pahat, Kota Bharu, Ipoh, Alor Setar, Semporna dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Gua Musang.

12.1.2 KPTM mempunyai 8 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang wakil MARA, seorang wakil Unit Perancang Ekonomi dan 6 wakil profesional. Pengurusan KPTM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 1,332 kakitangan. KPTM mempunyai 6 jabatan dan 3 bahagian yang berfungsi seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.1  
FUNGSI JABATAN DAN BAHAGIAN**

JABATAN / BAHAGIAN	FUNGSI
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	i. Merancang dan mengurus semua aspek perjawatan seperti pelantikan, penggajian dan rekod kakitangan. ii. Menguruskan semua aspek perkhidmatan dan perundungan berkaitan penilaian prestasi, tata tertib, cuti, kemudahan, elaun dan perubatan kakitangan.
Jabatan Kewangan	i. Mengurus dan menyediakan pelaporan penyata kewangan dan operasi. ii. Mentadbir dan mengawal fungsi perakaunan dan kewangan KPTM dilaksanakan mengikut arahan yang dikuatkuasakan.
Jabatan Perancangan Korporat	i. Merangka serta merancang strategi pemasaran jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan bilangan pelajar KPTM. ii. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti promosi KPTM.
Jabatan Teknologi Maklumat	i. Menganalisis dan menyediakan keperluan Teknologi Maklumat kepada organisasi. ii. Mengkaji keperluan sistem dalam organisasi berdasarkan keutamaan dan peruntukan kewangan.
Jabatan Logistik & Aset	i. Menggubal dasar, polisi dan peraturan berkaitan logistik serta aset. ii. Memantau pelaksanaan dasar, polisi dan peraturan berkaitan logistik serta aset.
Jabatan Pendidikan Berterusan	i. Menyediakan kurikulum dan sukan pelajaran. ii. Melaksanakan program akademik.

JABATAN / BAHAGIAN	FUNGSI
Bahagian Akademik	i. Menyediakan jadual waktu pensyarah, kertas soalan, data pelajar, senarai nama pelajar mengikut kumpulan dan keputusan peperiksaan pelajar. ii. Mengemas kini senarai nama pensyarah untuk kegunaan akademik.
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	i. Bertanggungjawab untuk merancang aktiviti dan persekitaran yang sesuai ke arah pembangunan sahsiah pelajar. ii. Mengurus dan memberi khidmat berkaitan kemudahan penginapan, kesihatan dan keselamatan pelajar.
Bahagian Penyelidikan, Inovasi Dan Keusahawanan	i. Merancang dan melaksanakan projek penyelidikan serta pembangunan. ii. Pengurusan dan penyalaras program/aktiviti Bahagian Penyelidikan, Inovasi Dan Keusahawanan.

*Sumber: Jabatan Pengurusan Sumber Manusia KPTM*

## 12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## 12.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga bulan Ogos 2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, dokumen dan rekod berkaitan. Selain itu temu bual, lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset juga dibuat. Lawatan audit telah dibuat ke kampus cawangan di Kuala Lumpur, Batu Pahat, Ipoh, Kota Bharu dan Semporna.

## 12.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Julai sehingga Ogos 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. KPTM mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut bagi tahun 2008 sehingga 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada keuntungan syarikat adalah peningkatan pendapatan disebabkan oleh pertambahan bilangan pelajar dengan penubuhan 2 kampus baru serta pengenalan kursus ijazah. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul KPTM berjumlah RM19.67 juta. Pengurusan aktiviti adalah memuaskan iaitu dengan pencapaian pengambilan pelajar melebihi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, antara perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. Peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 33.4% hingga 42.2% walaupun pendaftaran pelajar melebihi sasaran. Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar yang baru mendaftar mendapat tawaran

- daripada institusi pengajian tinggi yang lain, gagal dalam peperiksaan dan masalah peribadi.
- ii. Penghutang tidak aktif KPTM setakat bulan Jun 2013 adalah berjumlah RM19.36 juta. Sejumlah RM18.35 juta atau 94.8% daripadanya merupakan pelajar yang membiayai pengajian secara persendirian.
  - iii. Prestasi ejen kutipan adalah kurang memuaskan kerana bilangan hutang pelajar yang berjaya dikutip sepenuhnya berserta dengan jumlah kutipan adalah rendah iaitu kurang daripada 30%.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

#### **12.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan KPTM adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.2  
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN KPTM  
BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	75.38	95.74	99.02	105.43	107.05
Perbelanjaan	67.51	86.10	93.19	102.34	105.87
Keuntungan Selepas Cukai	4.50	6.28	4.13	1.02	1.11
Keuntungan Terkumpul	9.80	16.08	19.46	18.98	19.67


*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

##### **12.4.1.1 Analisis Trend**

- a. KPTM mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut bagi tahun 2008 sehingga 2012 dengan keuntungan selepas cukai tertinggi pada tahun 2009 iaitu berjumlah RM6.28 juta. Keuntungan selepas cukai meningkat pada tahun 2009 berbanding RM4.50 juta pada tahun 2008 yang kemudian menurun pada 2 tahun berikutnya iaitu berjumlah RM4.13 juta pada tahun 2010 dan RM1.02 juta pada tahun 2011. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan operasi dengan penubuhan kampus cawangan Semporna pada tahun 2010 dan KESEDAR Gua Musang pada tahun 2011 serta komitmen pengurusan bagi mendapatkan pensijilan ISO dan penjenamaan semula KPTM. Pada tahun 2012, keuntungan selepas cukai meningkat semula kepada RM1.11 juta. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul KPTM berjumlah RM19.67 juta.


- b. Pendapatan utama KPTM adalah daripada kutipan yuran pengajian untuk program latihan dan pendidikan yang telah ditawarkan. Sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2008 hingga 2012, pendapatan KPTM menunjukkan trend peningkatan iaitu sejumlah RM75.38 juta pada tahun 2008 meningkat kepada RM107.05 juta pada tahun 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan adalah pertambahan bilangan pelajar hasil daripada penubuhan 2 kampus baru serta pengenalan kursus Ijazah di KPTM Ipoh dan Bangi. Di samping itu, beberapa kursus peringkat diploma juga turut diperkenalkan seperti Diploma in TESL dan Diploma in Human Resource Management di KPTM Kuala Lumpur.
- c. Perbelanjaan KPTM meliputi kos langsung operasi, perbelanjaan pengurusan dan kos kewangan. Secara keseluruhannya, perbelanjaan KPTM dari tahun 2008 sehingga 2012 menunjukkan peningkatan selari dengan jumlah pendapatan yang diperoleh pada tahun tersebut. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan adalah pertambahan kos operasi bagi tambahan sewaan premis di KPTM Kota Bharu dan Semporna, pertambahan emolument kakitangan disebabkan oleh pelarasan kepada skim gaji dan pertambahan kakitangan selaras dengan pertambahan bilangan pelajar. Prestasi kewangan KPTM adalah seperti carta berikut:

**CARTA 12.1**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KPTM**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 12.2**  
**KEUNTUNGAN DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL**  
**KPTM BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

#### **12.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan**

Analisis terhadap penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan KPTM yang meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Ekuiti dan Nisbah Hutang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.3  
ANALISIS NISBAH KEWANGAN**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	3.70:1	3.95:1	4.11:1	5.26:1	7.98:1
2.	Margin Untung Bersih (%)	6.0	6.6	4.2	1.0	1.0
3.	Pulangan Atas Ekuiti (%)	22.5	31.4	20.6	3.7	3.5
4.	Nisbah Hutang (%)	22.1	22.1	21.0	17.9	12.6

*Sumber: Penyata Kewangan Syarikat*

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai keairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah Semasa bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 adalah pada tahap baik. Nisbah Semasa KPTM menunjukkan peningkatan dari 3.70 kali pada tahun 2008 kepada 7.98 kali pada tahun 2012. Ini menunjukkan syarikat berupaya menjelaskan liabiliti semasanya.

##### **b. Margin Untung Bersih**

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih KPTM telah meningkat dari 6% pada tahun 2008 kepada 6.6% pada tahun 2009. Bagaimanapun, terdapat penurunan mendadak kepada 1% pada tahun 2011 dan 2012 kesan daripada penurunan ketara keuntungan selepas cukai iaitu peningkatan perbelanjaan operasi dengan penubuhan kampus cawangan Semporna pada tahun 2010 dan KESEDAR Gua Musang pada tahun 2011.

##### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas

Ekuiti KPTM menunjukkan peningkatan iaitu dari 22.5% pada tahun 2008 kepada 31.4% pada tahun 2009. Bagaimanapun, Pulangan Atas Ekuiti menurun kepada 20.6% pada tahun 2010 dan seterusnya mengalami penurunan mendadak kepada 3.7% pada tahun 2011 dan 3.5% pada tahun 2012. Pulangan Atas Ekuiti KPTM mengalami penurunan mendadak disebabkan peningkatan ekuiti syarikat dan penurunan keuntungan selepas cukai iaitu pada tahun 2011. Modal saham berbayar ditingkatkan daripada RM20 juta kepada RM27.50 juta pada tahun 2011 dan kepada RM32 juta pada tahun 2012 disebabkan penubuhan kampus cawangan baru di Semporna dan KESEDAR Gua Musang.

#### **d. Nisbah Hutang**

Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan syarikat dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap *prudent* dan stabil. Nisbah Hutang KPTM bagi tempoh 2008 sehingga 2012 adalah baik iaitu kurang daripada 50% dengan menunjukkan trend penurunan iaitu 22.1% pada tahun 2008 kepada 12.6% pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan peningkatan aset bukan semasa dan jumlah simpanan tetap, tunai dan baki di bank selain penurunan dalam baki Akaun Pembiayaan Perdagangan, Akaun Pelbagai Pembiayaan Dan Belanja Terakru dan Peruntukan Cukai.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KPTM pada tahun 2008 sehingga 2012 adalah baik dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dan peningkatan dalam keuntungan terkumpul.**


#### **12.4.2 Pengurusan Aktiviti**

12.4.2.1 Aktiviti utama KPTM ialah menyediakan pelbagai program pengajian bagi pelajar lepasan sekolah menengah dan lepasan sijil/diploma dari pelbagai institusi dengan matlamat antaranya seperti berikut:

- i. Menjadi institusi pengajian tinggi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh melalui peningkatan pendapatan;
- ii. Memantapkan dan menyediakan program yang berkualiti, mempunyai nilai pasaran dan diiktiraf sepenuhnya; dan
- iii. Melahirkan graduan yang berdaya saing, berprestasi tinggi, bersepadu dari segi minda, jasmani, rohani, emosi dan sahsiah.

12.4.2.2 Antara program pengajian yang ditawarkan di KPTM adalah seperti carta berikut:

**CARTA 12.3**  
**PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DI KPTM**



Sumber: Bahagian Akademik KPTM

#### a. Pengambilan Pelajar

Berdasarkan kepada Pelan Perniagaan Strategik KPTM 2010 sehingga 2015 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, KPTM telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi tahun 2010 sehingga 2013 iaitu seramai 23,430 orang. Bagaimanapun, bilangan pelajar yang mendaftar melebihi sasaran seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.4**  
**PENDAFTARAN PELAJAR BERBANDING PELAN STRATEGIK**

TAHUN	PELAN STRATEGIK (Bil.)	PENDAFTARAN (Bil.)	LEBIHAN (Bil.)	PERATUS PENDAFTARAN (%)
2010	4,840	4,954	114	102.4
2011	5,470	6,591	1,121	120.5
2012	6,180	7,610	1,430	123.1
2013	6,940	9,971	3,031	143.7
<b>JUMLAH</b>	<b>23,430</b>	<b>29,126</b>	<b>5,696</b>	<b>124.3</b>

Sumber: Pelan Perniagaan Strategik/Data Pendaftaran

Pada pendapat Audit, peratusan pencapaian pengambilan pelajar bagi tahun 2010 sehingga 2013 sangat baik iaitu melebihi 100%.

#### b. Prestasi Pengajian

- Mengikut perakuan Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia, tempoh minima untuk menamatkan pengajian bagi program diploma ialah setelah

menamatkan 6 semester. Semakan telah dibuat terhadap 17 program diploma yang terpilih untuk sesi Mei 2009 sehingga bulan Julai 2010 di kampus Kuala Lumpur, Batu Pahat, Ipoh, Kota Bharu dan Semporna seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.5  
PROGRAM DIPLOMA YANG DITAWARKAN**

BIL.	NAMA PROGRAM
1.	Diploma Perakaunan
2.	Diploma Perakaunan Dan Kewangan
3.	Diploma Pengurusan Perniagaan
4.	Diploma Pengurusan Multimedia
5.	Diploma Pengurusan Sumber Manusia
6.	Diploma Perakaunan (Kerjasama dengan UiTM)
7.	Diploma Sains (Kerjasama Dengan UiTM)
8.	Diploma TESL
9.	Diploma Komunikasi Korporat
10.	Diploma Sains Komputer
11.	Diploma Sistem Komputer dan Rangkaian
12.	Diploma Sains Komputer (Kerjasama dengan UiTM)
13.	Diploma Pengurusan Teknologi Maklumat
14.	Diploma Teknologi Maklumat
15.	Diploma Multimedia
16.	Diploma Rekabentuk Grafik
17.	Diploma Kejururawatan

*Sumber: Bahagian Akademik Ibu Pejabat*

- ii. Semakan Audit mendapati **peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 33.4% hingga 42.2% daripada jumlah yang berdaftar.** Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar yang baru mendaftar mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi yang lain, gagal dalam peperiksaan dan masalah peribadi. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.6  
PRESTASI PENGAJIAN BAGI PROGRAM DIPLOMA**

KAMPUS	DAFTAR (Bil.)	GRADUAT (Bil.)	(%)	GAGAL/BERHENTI (Bil.)	(%)
Kuala Lumpur	2,090	1208	57.8	882	42.2
Batu Pahat	587	391	66.6	196	33.4
Ipoh	890	546	61.3	344	38.7
Kota Bharu	885	545	61.6	340	38.4

*Sumber: Bahagian Akademik Ibu Pejabat*

Pada pendapat Audit, walaupun pendaftaran pelajar melebihi sasaran, namun peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian juga tinggi. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil bagi memastikan lebih ramai pelajar yang bergraduat agar objektif penubuhan KPTM iaitu untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berprestasi tinggi dan bersepadu dapat dicapai.

#### **Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.**

*KPTM memaklumkan telah mengambil langkah penambahbaikan bagi mengatasi pelajar gagal dan berhenti melalui pendekatan seperti menyaring dan memilih permohonan pelajar yang terbaik mengikut kelayakan kemasukan, memastikan pelajar mendapat tajaan dalam tempoh yang singkat, menjalankan semakan semula kurikulum dan program bagi disesuaikan dengan tahap pembelajaran yang bersifat progresif di samping memenuhi keperluan MQA dan memantau aktiviti mentor untuk membantu prestasi akademik pelajar. Selain itu, mulai sesi Januari 2014, KPTM Kuala Lumpur mula menyaring proses pengambilan pelajar dengan memilih pelajar yang mempunyai kelayakan melebihi syarat kelayakan minimum 3 kredit.*

#### **12.4.2.3 Penghutang Tidak Aktif**

- a. Prosedur Kutipan Dan Bayaran Balik Lebihan Pelajar Tidak Aktif menetapkan tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan Kewangan terhadap penghutang pelajar tidak aktif. Hutang pelajar dikategorikan di bawah penghutang tidak aktif sekiranya pelajar telah menamatkan pengajian, gagal menamatkan pengajian atau telah berhenti. Semakan Audit mendapati penghutang tidak aktif KPTM setakat bulan Jun 2013 berjumlah RM19.36 juta. Sejumlah RM18.35 juta atau 94.8% daripadanya merupakan pelajar persendirian dan baki RM1.01 juta atau 5.2% pelajar tajaan MARA dan lain-lain penaja.
- b. Analisis pengumuran penghutang bagi pelajar tidak aktif setakat 30 Jun 2013 telah dibuat terhadap 5 kampus KPTM yang dilawati. Analisis Audit mendapati jumlah penghutang tidak aktif di kampus KPTM Kuala Lumpur wujud sejak tahun 1999. Selain itu, sejumlah RM60,640 penghutang tidak aktif berbaki kredit pada tahun 1999, 2001 dan 2002 di kampus KPTM Kuala Lumpur masih belum diselaraskan. Analisis Audit juga mendapati kampus KPTM Kuala Lumpur mempunyai penghutang yang paling tinggi pada tahun 2011 iaitu sejumlah RM1.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.7**  
**ANALISIS PENGUMURAN PENGHUTANG SETAKAT 30 JUN 2013**

TAHUN	KAMPUS										
	KUALA LUMPUR		BATU PAHAT		IPOH		KOTA BHARU		SEMPORNA*		
	BIL. PELAJAR	JUMLAH (RM)	BIL. PELAJAR	JUMLA H (RM)	BIL. PELAJAR	JUMLAH (RM)	BIL. PELAJAR	JUMLAH (RM)	BIL. PELAJAR	JUMLAH (RM)	
1999	6	(8,063)	-	-	-	-	-	-	-	-	
2000	5	674	-	-	-	-	-	-	-	-	
2001	48	(38,778)	-	-	-	-	-	-	-	-	
2002	53	(13,799)	-	-	-	-	1	(55)	-	-	
2003	95	33,417	-	-	-	-	68	50,662	-	-	
2004	112	3,443	-	-	-	-	41	6,149	-	-	
2005	189	120,871	-	-	17	26,070	38	22,662	-	-	
2006	326	361,195	8	11,812	14	27,921	42	37,800	-	-	
2007	282	170,991	4	6,028	28	54,002	58	87,151	-	-	
2008	266	145,255	5	13,288	33	83,405	75	127,915	-	-	
2009	303	633,019	19	32,014	52	111,445	124	270,756	-	-	
2010	479	1,412,096	19	45,913	79	236,626	97	267,873	20	67,650	
2011	625	1,989,570	20	51,291	97	325,964	86	225,570	169	678,183	
2012	527	1,509,391	32	36,105	84	207,396	94	230,029	47	235,639	
Sehingga bulan Jun 2013	244	636,168	54	80,090	92	189,952	86	193,737	112	545,419	
<b>JUMLAH</b>	<b>3,560</b>	<b>6,955,450</b>	<b>161</b>	<b>276,541</b>	<b>496</b>	<b>1,262,781</b>	<b>810</b>	<b>1,520,249</b>	<b>348</b>	<b>1,526,891</b>	

Sumber: Ringkasan Laporan Penghutang Setakat 30 Jun 2013

Nota: \* KPTM Semporna dibuka pada tahun 2010

- c. KPTM telah melantik 4 ejen kutipan hutang bagi mengutip tunggakan hutang pelajar yang tidak aktif. Semakan Audit mendapati prestasi ejen kutipan adalah kurang memuaskan kerana bilangan hutang pelajar yang berjaya dikutip sepenuhnya bersama dengan jumlah kutipan adalah rendah iaitu di bawah 30%. Setakat 30 Jun 2013, daripada sejumlah 2,210 penghutang berjumlah RM6.47 juta yang dihantar kepada ejen kutipan, hanya RM1.61 juta atau 24.9% berjaya dikutip. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.8**  
**PRESTASI EJEN KUTIPAN SETAKAT 30 JUN 2013**

KAMPUS	PENGHUTANG		JUMLAH KUTIPAN (RM)	BAKI (RM)	PENCAPAIAN KUTIPAN (%)
	BIL.	RM			
Bangi	720	1,310,248	427,755	882,493	32.6
Kuala Lumpur	651	2,350,671	469,647	1,881,024	20.0
Kota Bahru	619	2,296,566	617,728	1,678,838	26.9
Alor Setar	91	190,382	49,129	141,253	25.8
Ipoh	9	25,360	9,360	16,000	36.9
Kuantan	105	267,345	28,378	238,967	10.6
Batu Pahat	15	34,316	10,252	24,064	29.9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,210</b>	<b>6,474,888</b>	<b>1,612,249</b>	<b>4,862,639</b>	<b>24.9</b>

Sumber: Prestasi Ejen Kutipan Setakat 30 Jun 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bayaran balik penghutang tidak aktif adalah kurang memuaskan kerana baki penghutang masih tinggi dan ejen kutipan yang dilantik oleh KPTM hanya dapat mengutip kurang 30% daripada jumlah penghutang.

#### Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.

*KPTM memaklumkan telah mengambil langkah penambahbaikan seperti melengkapkan data dan maklumat pengumuran hutang melalui penubuhan jawatankuasa task force serta mencadangkan tindakan hapus kira bagi hutang lama yang tidak dapat dikesan. Selain itu, pemantauan berkala terhadap prestasi ejen kutipan hutang juga telah dilaksanakan dengan mengadakan mesyuarat bersama ejen kutipan, mengeluarkan surat teguran kepada ejen kutipan yang gagal menepati sasaran dan surat teguran mengenai etika dalam berurus dengan pelajar serta menamatkan kontrak ejen kutipan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik.*

#### 12.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

12.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat KPTM adalah baik.

12.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan KPTM adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan seperti berikut:

- a. KPTM menggunakan sistem perakaunan kewangan *Century Financials* Versi 7.8 sejak tahun 2005. Sistem ini mempunyai modul kewangan seperti lejarnam, pembayaran, penerimaan (tidak termasuk kutipan yuran pelajar), *billing*, buku tunai, aset tetap, kawalan bajet dan perolehan. Bagaimanapun, sistem perakaunan tersebut tidak berupaya menjana penyata penyesuaian bank. Selain itu, senarai aset tetap dan bajet juga dibuat secara manual kerana sistem sedia ada masih tidak berintegrasi dengan modul *Accounts Payable* dan *General Ledger* yang masih di peringkat pembaikan.
- b. Pemeriksaan fizikal di stor penyimpanan barang kegunaan asrama di KPTM Kota Bharu mendapati peralatan seperti katil, rak kasut dan almari baju tidak disusun dengan teratur. Selain itu, peralatan komputer yang rosak dan belum dilupuskan masih tersimpan di KPTM Kuala Lumpur, stor penyimpanan barang KPTM Batu Pahat serta KPTM Kota Bharu seperti gambar berikut:

**GAMBAR 12.1**  
**Peralatan Yang Tidak Disusun**  
**Dengan Teratur**



Lokasi: Stor Asrama KPTM Kota Bharu  
Tarikh: 22 Ogos 2013

**GAMBAR 12.2**  
**Peralatan Yang Tidak Disusun**  
**Dengan Teratur**



Lokasi: Stor Asrama KPTM Kota Bharu  
Tarikh: 22 Ogos 2013

**GAMBAR 12.3**  
**Peralatan Komputer**  
**Yang Belum Dilupuskan**



Lokasi: KPTM Kuala Lumpur  
Tarikh: 19 Julai 2013

**GAMBAR 12.4**  
**Mesin Pencetak**  
**Yang Belum Dilupuskan**



Lokasi: KPTM Kuala Lumpur  
Tarikh: 19 Julai 2013

**GAMBAR 12.5**  
**Peralatan Rosak Belum Dilupuskan**



Lokasi: KPTM Batu Pahat  
Tarikh: 2 Ogos 2013

**GAMBAR 12.6**  
**Peralatan Rosak Belum Dilupuskan**



Lokasi: KPTM Batu Pahat  
Tarikh: 2 Ogos 2013

**Pada pendapat Audit, penyata penyesuaian bank, laporan aset tetap dan bajet yang masih dibuat secara manual menunjukkan perolehan sistem tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya. Selain itu, peralatan yang rosak yang tidak diambil tindakan pelupusan menyebabkan kesesakan di ruang penyimpanan dan nilai jualan sisa merosot.**

**Maklum Balas Daripada KPTM Diterima Pada 24 April 2014.**

**KPTM memaklumkan pelaksanaan sepenuhnya 3 modul baru iaitu Aset, Bajet dan Perolehan mulai tahun 2014. Selain itu, KPTM telah mengambil tindakan dengan meluluskan pelupusan aset tetap bagi cawangan KPTM Kuala Lumpur, Batu Pahat dan Kota Bharu.**

## **12.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan KPTM memberi pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

- 12.5.1 KPTM hendaklah memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan KPTM untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, berprestasi tinggi dan bersepadu dapat dicapai.
- 12.5.2 KPTM hendaklah mengkaji semula prosedur kutipan hutang supaya tindakan mengutip hutang pelajar tidak aktif dapat dibuat dengan lebih berkesan serta meningkatkan pendapatan KPTM. Prestasi ejen kutipan hutang perlu dikaji semula dan jika perlu ditamatkan sekiranya kurang daripada 60%.
- 12.5.3 KPTM hendaklah memastikan sistem perakaunan sedia ada dapat digunakan sepenuhnya supaya proses penyediaan pelaporan kewangan dapat dibuat dengan cekap dan teratur.
- 12.5.4 KPTM perlu mengambil tindakan pelupusan aset dengan segera supaya dapat menjimatkan ruang penyimpanan aset.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.

## UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

### 13. PENGURUSAN UNIUTAMA TRAVEL & TOURS SDN. BERHAD

#### 13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad (UTTSB) ditubuhkan pada 7 Ogos 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. UTTSB merupakan syarikat milik penuh Uniutama Management Holdings Sdn. Berhad (UMHSB) iaitu syarikat milikan Universiti Utara Malaysia (UUM). Modal dibenarkan UTTSB berjumlah RM1 juta dan modal berbayar berjumlah RM800,000. UTTSB ditubuhkan selaras dengan peningkatan keperluan dan permintaan untuk menguruskan perkhidmatan perjalanan, perhotelan dan penyediaan makanan di kalangan kakitangan dan pelajar UUM, sektor kerajaan, swasta dan komuniti tempatan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah penginapan hotel, tiket penerangan, pakej pelancongan domestik dan antarabangsa, penyewaan bas persiaran, ejen penjualan tiket bas dan penyediaan makanan.

13.1.2 UTTSB mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang wakil UUM dan 4 wakil profesional. Pengurusan UTTSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 63 kakitangan. UTTSB mempunyai 6 bahagian yang berfungsi seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.1  
FUNGSI BAHAGIAN UTTSB**

BAHAGIAN	FUNGSI
The University Inn	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyediakan bilik penginapan secara sewaan harian dan bulanan.</li><li>Menyediakan dewan seminar.</li></ul>
Ticket & Tours	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyediakan perkhidmatan pakej pelancongan domestik dan antarabangsa.</li><li>Menyediakan tiket penerangan domestik dan antarabangsa.</li></ul>
Food & Beverage	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan bagi pelajar UUM.</li><li>Menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan bagi pelajar PLKN.</li></ul>
Pemasaran	<ul style="list-style-type: none"><li>Menjalankan aktiviti pemasaran.</li></ul>
Akaun	<ul style="list-style-type: none"><li>Mengawal selia urusan kewangan bagi setiap aktiviti.</li><li>Mengawal perbelanjaan, pembayaran dan penerimaan hasil.</li></ul>
Pentadbiran Dan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"><li>Mengurus hal pentadbiran dan perkhidmatan syarikat.</li></ul>

*Sumber: Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia UTTSB*

## **13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan UTTSB telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **13.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2008 sehingga bulan November 2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, dokumen dan rekod berkaitan. Selain itu, temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset juga dilaksanakan.

## **13.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah kurang memuaskan. UTTSB mencatatkan penurunan keuntungan dari tahun 2008 sehingga 2011 iaitu daripada RM463,414 kepada RM84,331 dan seterusnya mengalami kerugian pada tahun 2012 sejumlah RM4,479. Ini telah menjelaskan jumlah keuntungan terkumpul dan nisbah kewangan syarikat. Tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan UTTSB adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti perniagaan pakej pelancongan, perkhidmatan bas persiaran dan penjualan tiket bas MARALiner mencatat kerugian operasi berterusan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 iaitu RM0.07 juta pada tahun 2011 dan 2012 serta RM0.06 juta sehingga bulan Oktober 2013.
- ii. Perniagaan penyediaan makanan di The Mall Cafe yang mula beroperasi pada tahun 2010 mengalami kerugian operasi sejumlah RM0.23 juta pada tahun 2011, RM0.14 juta pada 2012 dan meningkat kepada RM0.15 juta sehingga bulan Oktober 2013.
- iii. Jumlah penghutang UTTSB setakat bulan September 2013 adalah berjumlah RM1.71 juta dan sejumlah RM0.71 juta atau 41.5% daripadanya telah melebihi 3 bulan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **13.4.1 Prestasi Kewangan**

Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan UTTSB adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.2**  
**PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN/KERUGIAN UTTSB**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**

BUTIRAN	TAHUN KEWANGAN				
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	5,933,073	5,501,330	6,835,278	8,874,676	9,087,612
Perbelanjaan	5,358,843	5,152,296	6,691,830	8,669,588	9,074,744
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>574,230</b>	<b>349,034</b>	<b>143,448</b>	<b>205,088</b>	<b>12,868</b>
Cukai	110,816	26,453	26,809*	120,757	17,347
<b>Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai</b>	<b>463,414</b>	<b>322,581</b>	<b>170,257</b>	<b>84,331</b>	<b>(4,479)</b>
Dividen	80,000	80,000	80,000	80,000	80,000
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>217,422</b>	<b>460,003</b>	<b>550,260</b>	<b>414,598</b>	<b>330,119</b>

*Sumber : Penyata Kewangan Syarikat*


*\*Nota: Cukai Tertunda*

#### 13.4.1.1 Analisis Trend

- a. UTTSB mengalami penurunan keuntungan selepas cukai dari tahun 2008 sehingga 2011 daripada RM463,414 kepada RM84,331. UTTSB mengalami kerugian sejumlah RM4,479 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Penurunan ketara keuntungan pada tahun 2010 dan 2011 serta kerugian pada tahun 2012 adalah disebabkan kesan daripada kerugian yang dialami dalam aktiviti penyediaan makanan yang bermula pada tahun 2010, kerugian daripada operasi Unit Pelancongan dan peningkatan kos jualan, operasi serta kakitangan. Keuntungan terkumpul menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2008 sehingga 2010. Bagaimanapun, bagi tahun 2011 sehingga 2012 menunjukkan trend penurunan kesan daripada penurunan keuntungan tahun 2011 dan kerugian pada tahun 2012. Sehingga 31 Disember 2012, keuntungan terkumpul syarikat adalah berjumlah RM0.33 juta.
- b. Pendapatan utama UTTSB terdiri daripada aktiviti perkhidmatan pelancongan, sewaan bilik, katering dan pembersihan. Pendapatan UTTSB menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2009 sehingga 2012 iaitu daripada RM5.50 juta kepada RM9.09 juta. Perkhidmatan pelancongan yang terdiri daripada jualan pakej pelancongan dan tiket merupakan aktiviti teras kepada syarikat menyumbang pendapatan tertinggi. Aktiviti penyediaan makanan di The Mall Cafe, UUM yang dijalankan pada tahun 2010 dan kantin Pusat Latihan Khidmat Negara, UUM pada tahun 2012 menyumbang kepada peningkatan pendapatan syarikat.


- c. Perbelanjaan UTSB meliputi susut nilai, yuran pengarah, kos kakitangan, kos operasi dan kos kewangan. Perbelanjaan UTSB menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2008 sehingga 2012 iaitu daripada RM5.36 juta kepada RM9.08 juta. Peningkatan kos kakitangan dan operasi memberi kesan kepada peningkatan perbelanjaan syarikat. Prestasi kewangan UTSB adalah seperti carta berikut:

**CARTA 13.1**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UTSB**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 13.2**  
**KEUNTUNGAN/KERUGIAN DAN**  
**KEUNTUNGAN TERKUMPUL UTSB**  
**BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2012**



Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

#### 13.4.1.2 Nisbah Kewangan

Nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan nisbah hutang berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.3**  
**ANALISIS NISBAH KEWANGAN**

BUTIRAN	TAHUN				
	2008	2009	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	1.83:1	2.35:1	2.27:1	1.89:1	1.74:1
Margin Untung Bersih (%)	7.8	5.9	2.5	1.0	(0.05)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	57.9	40.3	21.3	10.5	(0.6)
Nisbah Hutang (%)	49.3	39.5	42.9	51.1	55.2

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

#### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekuahan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah Semasa bagi tahun 2008 adalah pada tahap sederhana iaitu 1.83 kali manakala pada tahun 2009 dan 2010, Nisbah Semasa adalah baik melebihi 2 iaitu antara 2.35 kali dan 2.27 kali. Pada tahun 2011 dan 2012, Nisbah Semasa UTTSB menurun kepada 1.89 kali dan 1.74 kali disebabkan peratus peningkatan liabiliti semasa adalah melebihi peratus peningkatan aset semasa. Bagaimanapun, Nisbah Semasa melebihi 1 menunjukkan syarikat masih berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

#### **b. Margin Untung Bersih**

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih UTTSB menurun daripada 7.8% pada tahun 2008 kepada 1% pada tahun 2011. Penurunan Margin Untung Bersih disebabkan oleh penurunan ketara keuntungan selepas cukai UTTSB bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2012, UTTSB mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM4,479 menyebabkan Margin Untung Bersih menjadi negatif.

#### **c. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti UTTSB menunjukkan penurunan iaitu dari 57.9% pada tahun 2008 kepada 10.5% pada tahun 2011. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan ketara keuntungan selepas cukai UTTSB bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2012, UTTSB mengalami kerugian selepas cukai yang mengakibatkan peratus Pulangan Atas Ekuiti adalah negatif.

#### **d. Nisbah Hutang**

Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan UTTSB dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap berhemat dan stabil. Nisbah Hutang UTTSB bagi tahun

2008 sehingga 2010 adalah kurang daripada 50% iaitu antara 39.5% sehingga 49.3%. Bagaimanapun pada tahun 2011 dan 2012, Nisbah Hutang syarikat meningkat kepada 51.1% dan 55.2% iaitu melebihi piawaian. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan jumlah pembiayaan perniagaan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan UTTSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah kurang memuaskan. UTTSB mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2008 sehingga 2011 dan seterusnya mengalami kerugian pada tahun 2012. Margin Untung Bersih dan Pulangan Atas Ekuiti juga menunjukkan penurunan dalam tempoh tersebut. Penurunan keuntungan telah menjaskan jumlah keuntungan terkumpul syarikat.

#### **Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.**

*UTTSB memaklumkan penurunan keuntungan selepas cukai dari tahun 2010 sehingga 2011 serta kerugian pada tahun 2012 antaranya disebabkan peningkatan kos bahan mentah untuk operasi penyediaan makanan yang tidak selari dengan kenaikan harga jualan. Selain itu, UTTSB telah melabur dalam perniagaan perkhidmatan bas persiaran yang memerlukan tempoh yang panjang untuk pulangan keuntungan kepada Unit Pelancongan. Bagaimanapun, berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013, UTTSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sejumlah RM11,024 berbanding kerugian pada tahun 2012 hasil daripada transformasi operasi perniagaan bermula pada suku ketiga tahun tersebut.*

#### **13.4.2 Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama UTTSB adalah pengurusan pelancongan, perhotelan dan penyediaan makanan seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.4**  
**AKTIVITI UTAMA UTSB**

Perhotelan (Ticketing & Tours)	Perhotelan (The University Inn (TUI))	Penyediaan Makanan (Food & Beverage)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan penempahan tiket penerbangan dan pakej pelancongan bagi domestik dan antarabangsa serta perkhidmatan bas khususnya kepada kakitangan dan pelajar UUM serta orang awam.</li> <li>• Unit Tiket Penerbangan mengurus tempahan tiket penerbangan.</li> <li>• Unit pelancongan menguruskan pakej pelancongan, perkhidmatan bas persiaran dan penjualan tiket bas MARA Liner.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hotel berkonsepkan apartmen yang mempunyai 135 bilik yang terdiri daripada 87 bilik sewaan secara harian dan 48 bilik secara bulanan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>The Mall Cafe (TMC)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- TMC mula beroperasi pada tahun 2010 dan terletak di dalam premis The Varsity Mall, UUM</li> <li>- Penjualan makanan dan minuman harian kepada pelajar UUM dan kakitangan UUM.</li> </ul> </li> <li>• <b>Kantin Kem Pusat Latihan Khidmat Negara</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- UMHSB telah melantik UTSB bagi proses perkhidmatan penyediaan sajian makanan kepada pelatih dan jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), UUM Sintok mulai bulan Mei 2012</li> </ul> </li> <li>• <b>The Garden Cafe (TGC)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- TGC mula beroperasi pada bulan Februari 2013 untuk membantu melancarkan operasi food &amp; beverage di The University Inn.</li> </ul> </li> </ul>

Sumber : Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia UTSB

#### 13.4.2.1 Prestasi *Ticketing & Tours*

- a. Penetapan sasaran dibuat semasa pembentangan bajet tahunan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap prestasi Bahagian Ticketing & Tours bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati Unit Tiket Penerbangan mencatatkan peningkatan keuntungan yang baik. Bagaimanapun, Unit Pelancongan mengalami kerugian.
- b. Unit Tiket Penerbangan telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 dan 2012 iaitu mencatat keuntungan sejumlah RM0.28 juta dan RM0.30 juta atau 5.3% berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun berkenaan sejumlah RM0.12 juta atau 2.5% dan RM0.17 juta atau 3.4%. Sehingga bulan Oktober 2013, Unit Tiket Penerbangan menunjukkan peningkatan yang baik berbanding tahun sebelumnya iaitu mencapai keuntungan sejumlah RM0.32 juta atau 6.7% berbanding sasaran sejumlah RM0.16 juta atau 3.1%. Peningkatan pendapatan disebabkan oleh permintaan tempahan tiket penerbangan. Jumlah pendapatan daripada jualan tiket penerbangan bagi tahun 2012 meningkat sejumlah RM0.36 juta atau 6.8% berbanding tahun 2011 iaitu RM5.31 juta. Sehingga bulan Oktober 2013, hasil jualan tiket penerbangan adalah sejumlah RM4.73 juta.

c. Unit Pelancongan yang menguruskan pakej pelancongan, perkhidmatan bas persiaran dan penjualan tiket bas MARALiner telah mengalami kerugian berterusan bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 iaitu RM0.07 juta pada tahun 2011 dan 2012 serta RM0.06 juta sehingga bulan Oktober 2013. Antara sebab yang menyumbang kepada kerugian ini adalah syarikat hanya mempunyai sebuah bas persiaran dan ia tidak dapat menampung keperluan bagi menganjurkan pakej pelancongan yang dirancang. Oleh itu, syarikat terpaksa menyewa bas daripada syarikat pengangkutan yang lain dan ia meningkatkan kos operasi bagi pakej pelancongan yang dirancang. Selain itu, kos operasi bagi Unit Pelancongan juga dipengaruhi oleh penggunaan perkhidmatan agensi pelancongan luar sekiranya melibatkan pakej pelancongan luar negara. Pendapatan daripada aktiviti yang dijalankan tidak dapat menampung jumlah kos jualan, operasi, kakitangan dan pentadbiran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.5  
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAHAGIAN TICKETING & TOURS  
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013**

BUTIRAN	TAHUN					
	2011		2012		SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013	
	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)
<b>UNIT TIKET PENERBANGAN</b>						
Pendapatan	5.31	4.75	5.67	5.05	4.73	5.10
Pendapatan Lain	0.02	-	0.02	-	0.07	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>5.33</b>	<b>4.75</b>	<b>5.69</b>	<b>5.05</b>	<b>4.80</b>	<b>5.10</b>
Kos Jualan dan Operasi	(4.94)	(4.46)	(5.29)	(4.70)	(4.38)	(4.75)
Kos Kakitangan	(0.09)	(0.13)	(0.08)	(0.14)	(0.08)	(0.16)
Kos Pentadbiran	(0.02)	(0.04)	(0.02)	(0.04)	(0.02)	(0.03)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(5.05)</b>	<b>(4.63)</b>	<b>(5.39)</b>	<b>(4.88)</b>	<b>(4.48)</b>	<b>(4.94)</b>
<b>Keuntungan</b>	<b>0.28</b>	<b>0.12</b>	<b>0.30</b>	<b>0.17</b>	<b>0.32</b>	<b>0.16</b>
<b>Keuntungan (%)</b>	<b>5.3</b>	<b>2.5</b>	<b>5.3</b>	<b>3.4</b>	<b>6.7</b>	<b>3.1</b>
<b>UNIT PELANCONGAN</b>						
Pendapatan	0.64	0.64	0.52	0.70	0.27	0.43
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>0.64</b>	<b>0.64</b>	<b>0.52</b>	<b>0.70</b>	<b>0.27</b>	<b>0.43</b>
Kos Jualan dan Operasi	(0.48)	(0.39)	(0.40)	(0.40)	(0.19)	(0.20)
Kos Kakitangan	(0.11)	(0.10)	(0.10)	(0.10)	(0.06)	(0.05)
Kos Pentadbiran	(0.12)	(0.10)	(0.09)	(0.11)	(0.08)	(0.14)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(0.71)</b>	<b>(0.59)</b>	<b>(0.59)</b>	<b>(0.61)</b>	<b>(0.33)</b>	<b>(0.39)</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian)</b>	<b>(0.07)</b>	<b>0.05</b>	<b>(0.07)</b>	<b>0.09</b>	<b>(0.06)</b>	<b>0.04</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) (%)</b>	<b>(10.9)</b>	<b>7.8</b>	<b>(13.5)</b>	<b>12.9</b>	<b>(22.2)</b>	<b>9.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Dan Analisis Varians UTTSB

- d. Prosedur Kutipan Dan Perbankan, Piawaian Prosedur Kewangan UMHSB menyatakan semua kutipan hendaklah didepositkan dengan segera, iaitu secara harian dan sempurna ke dalam akaun bank yang dibenarkan. Bagaimanapun, bagi syarikat subsidiari yang menerima kurang daripada RM500 secara mingguan, deposit boleh dibuat pada setiap hari Khamis. Semakan Audit terhadap resit yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2013 mendapati sejumlah RM16,790 daripada kutipan berjumlah RM24,198 masih belum didepositkan ke bank dan hanya didepositkan pada 12 Disember 2013 setelah pihak Audit membangkitkan perkara tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa hasil kutipan daripada jualan tiket penerbangan tersebut tidak didepositkan ke bank disebabkan ia disimpan sebagai pendahuluan untuk menampung kos bagi mengendalikan pakej pelancongan.

**Pada pendapat Audit, kerugian yang berterusan daripada perkhidmatan pelancongan memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat. Selain itu, hasil kutipan operasi yang tidak atau lewat didepositkan ke bank adalah bercanggah dengan peraturan Prosedur Kutipan Dan Perbankan, Piawaian Prosedur Kewangan UMHSB dan boleh menimbulkan penyelewengan atau salah guna wang syarikat.**

#### **Maklum Balas Daripada UTSB Diterima Pada 28 April 2014.**

*UTSB memaklumkan penilaian semula terhadap perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan bas persiaran akan dijalankan bagi menilai potensi serta keberuntungan aktiviti tersebut untuk jangka panjang. Kajian kemungkinan juga akan dijalankan terhadap keperluan untuk menambah bilangan bas persiaran bagi memenuhi permintaan pasaran. Selain itu, UTSB akan memastikan pematuhan kepada Prosedur Kutipan Dan Perbankan. Antara langkah yang telah diambil adalah pelantikan 2 kakitangan silih ganti yang diberi kuasa untuk membuka peti besi bagi tujuan pendepositan harian serta mendapatkan kad kredit korporat untuk mengurangkan keperluan penggunaan tunai bagi menampung kos mengendalikan pakej pelancongan.*

#### **13.4.2.2 Prestasi The University Inn (TUI)**

- a. Penetapan sasaran TUI dibuat semasa pembentangan bajet tahunan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pendapatan utama TUI adalah daripada sewaan secara harian dan bulanan. Selain itu, TUI turut memperoleh pendapatan daripada sewaan dewan seminar serta bilik perbincangan. Semakan Audit terhadap pendapatan TUI bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013 mendapati jumlah pendapatan menunjukkan penurunan iaitu daripada RM1.84 juta kepada RM1.10 juta.

- b. Semakan lanjut mendapati TUI tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 dan 2012 iaitu hanya mencapai keuntungan sejumlah RM0.16 juta atau 8.7% pada tahun 2011 dan RM0.01 juta atau 0.7% pada 2012 berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun berkenaan iaitu sejumlah RM0.25 juta atau 16.8% dan RM0.32 juta atau 19.3%. Sasaran pendapatan tidak dicapai adalah disebabkan kadar penginapan yang rendah. Kadar penginapan TUI bagi tahun 2011 sebanyak 42.8% dan 2012 sebanyak 32.9% adalah di bawah kadar purata penginapan hotel negeri Kedah iaitu 51.5% dan 52.9%. Antara faktor yang mempengaruhi kadar penginapan adalah lokasi TUI yang terletak di dalam UUM, pasaran yang terhad dan tertumpu kepada pegawai/pelajar UUM, persaingan dari hotel berhampiran dan kurang promosi.
- c. Bagaimanapun, sehingga bulan Oktober 2013, UTTSB telah mencapai keuntungan sejumlah RM0.30 juta atau 27.3% berbanding sasaran iaitu sejumlah RM0.16 juta atau 10.5%. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan terhadap sewaan bilik di TUI oleh pelajar yang mengambil program Pengajian Jarak Jauh. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.6**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TUI**  
**BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013**

BUTIRAN	TAHUN					
	2011		2012		SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013	
	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)
Pendapatan*	1.78	1.49	1.41	1.66	1.10	1.53
Pendapatan Lain	0.06	-	0.01	-	-	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1.84</b>	<b>1.49</b>	<b>1.42</b>	<b>1.66</b>	<b>1.10</b>	<b>1.53</b>
Kos Jualan dan Operasi	(1.03)	(0.64)	(0.62)	(0.70)	(0.41)	(0.46)
Kos Kakitangan	(0.46)	(0.42)	(0.49)	(0.47)	(0.30)	(0.58)
Kos Pentadbiran	(0.19)	(0.18)	(0.30)	(0.17)	(0.09)	(0.33)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(1.68)</b>	<b>(1.24)</b>	<b>(1.41)</b>	<b>(1.34)</b>	<b>(0.80)</b>	<b>(1.37)</b>
<b>Keuntungan</b>	<b>0.16</b>	<b>0.25</b>	<b>0.01</b>	<b>0.32</b>	<b>0.30</b>	<b>0.16</b>
<b>Keuntungan (%)</b>	<b>8.7</b>	<b>16.8</b>	<b>0.7</b>	<b>19.3</b>	<b>27.3</b>	<b>10.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Dan Analisis Varians UTTSB

\*Nota: Termasuk Sewaan Bilik Secara Bulanan

**Pada pendapat Audit, pencapaian kadar penginapan TUI adalah memuaskan memandangkan lokasinya yang terletak di dalam kawasan UUM dan persaingan dengan hotel lain.**

**Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.**

*UTTSB memaklumkan perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian (refurbishment) di TUI dengan tujuan menambah baik kemudahan sedia ada serta meningkatkan tahap perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan. Selain itu, UTTSB juga akan mengadakan aktiviti promosi secara lebih efektif bagi meningkatkan kadar purata penginapan dengan penekanan kepada sektor edu-tourism kerana kelebihan lokasi TUI yang terletak di dalam kampus UUM.*

#### **13.4.2.3 Prestasi Food & Beverage**

- a. UTTSB mengendalikan perkhidmatan penyediaan makanan di 3 outlet sebagai salah satu cabang perniagaan iaitu The Mall Cafe (TMC), Kantin Kem PLKN dan The Garden Cafe (TGC). TMC mengalami kerugian berterusan di mana jumlah perbelanjaan melebihi pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2011 sehingga bulan Oktober 2013. Antara punca kerugian adalah kekurangan pelanggan iaitu tertumpu kepada pegawai/pelajar UUM, persaingan yang tinggi di mana setiap Dewan Penginapan Pelajar atau fakulti mempunyai cafe sendiri dan kos jualan/operasi yang tinggi.
- b. Kantin Kem PLKN mengalami kerugian sejumlah RM58,242 pada tahun pertama beroperasi iaitu pada tahun 2012. Bagaimanapun sehingga bulan Oktober 2013, Kantin Kem PLKN memperoleh keuntungan sejumlah RM189,835 iaitu sebanyak 15.2% daripada pendapatan yang diperoleh.
- c. The Garden Cafe (TGC) mula beroperasi pada bulan Februari 2013 untuk membantu melancarkan operasi TUI dengan menyediakan makanan dan minuman kepada pelanggan. TGC mengalami kerugian sejumlah RM57,410 setakat bulan Oktober 2013. Lawatan Audit pada bulan Disember 2013 mendapati TGC tidak beroperasi sejak awal bulan Julai 2013 dan dimaklumkan bahawa TGC sedang dalam proses pengubahsuaian.

**JADUAL 13.7**  
**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAHAGIAN FOOD & BEVERAGE**  
**BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013**

BUTIRAN	TAHUN					
	2011		2012		SEHINGGA BULAN OKTOBER 2013	
	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	BAJET (RM Juta)
<b>THE MALL CAFE</b> (Mula Beroperasi Pada Tahun 2010)						
Pendapatan	1.25	1.26	0.86	1.21	0.37	0.71
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1.25</b>	<b>1.26</b>	<b>0.86</b>	<b>1.21</b>	<b>0.37</b>	<b>0.71</b>
Kos Jualan dan Operasi	(1.01)	(0.74)	(0.66)	(0.65)	(0.37)	(0.39)
Kos Kakitangan	(0.43)	(0.40)	(0.30)	(0.39)	(0.13)	(0.25)
Kos Pentadbiran	(0.03)	(0.05)	(0.04)	(0.05)	(0.02)	(0.04)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(1.47)</b>	<b>(1.19)</b>	<b>(1.00)</b>	<b>(1.09)</b>	<b>(0.52)</b>	<b>(0.68)</b>
Keuntungan/(Kerugian)	(0.22)	0.07	(0.14)	0.12	(0.15)	0.03
Keuntungan/(Kerugian) (%)	(17.6)	5.6	(16.3)	9.9	(40.5)	4.2
<b>KANTIN KEM PLKN</b>						
Pendapatan			0.60	-	1.25	1.43
<b>Jumlah Pendapatan</b>			<b>0.60</b>	-	<b>1.25</b>	<b>1.43</b>
Kos Jualan dan Operasi			(0.57)	-	(0.96)	(1.00)
Kos Kakitangan			(0.08)	-	(0.10)	(0.23)
Kos Pentadbiran			(0.01)	-	-	(0.01)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>			<b>(0.66)</b>	-	<b>(1.06)</b>	<b>(1.24)</b>
Keuntungan/(Kerugian)			(0.06)	-	0.19	0.19
Keuntungan/(Kerugian) (%)			(10)	-	15.2	13.3
<b>THE GARDEN CAFE</b>						
Pendapatan					0.06	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>					<b>0.06</b>	-
Kos Jualan dan Operasi					(0.08)	-
Kos Kakitangan					(0.03)	-
Kos Pentadbiran					(0.01)	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>					<b>(0.12)</b>	-
Kerugian					(0.06)	-
Kerugian (%)					(100)	-
Jumlah Keseluruhan Keuntungan/(Kerugian)	(0.22)	0.07	(0.20)	0.12	(0.02)	0.22

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Dan Analisis Varians UTTSB

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan aktiviti perkhidmatan penyediaan makanan oleh UTTSB adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana The Mall Cafe telah mengalami kerugian yang berterusan walaupun telah beroperasi selama 4 tahun. Sungguhpun Kantin Kem PLKN mendapat keuntungan tetapi masih tidak dapat menampung kerugian keseluruhan

perkhidmatan penyediaan makanan. Prestasi kewangan The Garden Cafe pula masih terlalu awal untuk dinilai kerana baru beroperasi.

**Maklum Balas Daripada UTTSB Diterima Pada 28 April 2014.**

*UTTSB memaklumkan bagi mengatasi isu kekurangan pelanggan, usaha untuk menarik lebih ramai pelanggan ke TMC dibuat dengan meningkatkan kualiti makanan, layanan dan perkhidmatan yang disediakan. UTTSB juga akan mempergiatkan aktiviti promosi bagi memperkenalkan menu-menu baru. Langkah-langkah penjimatan telah dijalankan pada tahun 2014 seperti mempelbagaikan sajian dengan lebih tumpuan kepada menu berkos rendah dan sederhana, meningkatkan kecekapan proses penyediaan makanan bagi mengurangkan pembaziran serta menambah bilangan panel pembekal untuk mendapatkan harga terbaik.*

#### **13.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan**

13.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat UTTSB adalah baik.

13.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan UTTSB adalah baik. Bagaimanapun, UTTSB perlu memberi perhatian kepada pengurusan penghutang seperti berikut:

- a. Penghutang UTTSB setakat bulan September 2013 adalah berjumlah RM1.71 juta di mana penghutang yang melebihi 3 bulan adalah berjumlah RM0.71 juta atau 41.5%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.8**  
**JUMLAH PENGHUTANG UTSB SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2013**

KATEGORI PENGHUTANG	<3 BULAN (RM)	3 – 5 BULAN (RM)	>6 BULAN (RM)	JUMLAH (RM)
The University Inn	30,520	23,265	7,260	61,045
Tiket Penerangan	91,116	51,800	110,737	253,653
The Mall Cafe	3,300	3,300	25,786	32,386
Pakej Pelancongan	6,350	7,600	3,050	17,000
Penghutang UUM (Fakulti/Jabatan)	870,150	181,655	248,035	1,299,840
Dalam Tindakan Undang-undang	-	-	48,933	48,933
<b>JUMLAH</b>	<b>1,001,436</b>	<b>267,620</b>	<b>443,801</b>	<b>1,712,857</b>
<b>PERATUSAN (%)</b>	<b>58.5</b>	<b>15.6</b>	<b>25.9</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan Pengumuran Penghutang Perniagaan UTSB

- b. Setakat bulan September 2013, jumlah penghutang UUM yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan fakulti di UUM adalah berjumlah RM1.30 juta. Daripada jumlah tersebut, RM248,035 atau 20% adalah merupakan hutang melebihi 6 bulan.
- c. Setakat bulan September 2013, jumlah penghutang tiket penerangan yang terdiri daripada kakitangan UUM, penghutang syarikat subsidiari dan luar adalah berjumlah RM253,653. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM110,737 atau 43.6% adalah merupakan hutang melebihi tempoh 6 bulan yang terdiri daripada kakitangan UUM dan syarikat subsidiari.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan penghutang adalah kurang memuaskan kerana penghutang yang melebihi 3 bulan adalah berjumlah RM0.71 juta atau 41.5%.**

**Maklum Balas Daripada UTSB Diterima Pada 28 April 2014.**

*UTSB memaklumkan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013, jumlah penghutang perniagaan sehingga 31 Disember 2013 telah menurun kepada RM1.26 juta berbanding RM1.71 juta pada September 2013. Perbincangan antara UTSB dan pengurusan tertinggi penghutang utama telah diadakan pada 27 April 2014 bagi membincangkan punca kelewatan pembayaran, mekanisme penyelesaian serta langkah-langkah bagi mengatas masalah tersebut daripada berulang.*

### **13.5 SYOR AUDIT**

Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

13.5.1 UTTSB hendaklah memastikan kajian kemungkinan dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti perniagaan dimulakan bagi memastikan setiap perniagaan yang diceburi berdaya maju dan mencapai sasaran yang ditetapkan serta selari dengan objektif penubuhan syarikat.

13.5.2 UTTSB perlu meningkatkan keuntungan semasa atau mengurangkan kos perbelanjaan operasi bagi mengukuhkan kembali kedudukan kewangan syarikat dan berusaha mengurangkan kerugian operasi terutamanya di Unit Pelancongan dan Bahagian Food & Beverage. UTTSB hendaklah mengambil inisiatif dengan merangka strategi pemasaran yang berkesan bagi mewujudkan daya tarikan untuk menggalakkan lebih ramai pelanggan atau pengunjung ke The University Inn, The Mall Cafe dan The Garden Cafe serta tidak tertumpu kepada pasaran sedia ada sahaja.

13.5.3 UTTSB perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan tunggakan hutang terus berkurangan dan mekanisme untuk mengutip hutang perlu dimantapkan bagi mempercepatkan kutipan bayaran yang tertunggak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum  
Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit  
Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan  
Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2013 Siri 2.



# PENUTUP

## PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap projek dan aktiviti mendapat Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek dan aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada projek dan aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan serta penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dan aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*).
2. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.
3. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik; pengurusan aktivitinya dilaksanakan dengan teratur; berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah** serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia di bawah slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**8 Mei 2014**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2014  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



## JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518 Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)

